GIGIH

KE HADAPAN

laporan bersepadu tahunan 2019

GIGIH

MENCIPTA
NILAI BERTERUSAN

MENCAPAI
KECEKAPAN OPERASI

KE ARAH MATLAMAT
LEBIH BERMAKNA

KEMAKMURAN DICAPAI
MANFAAT UNTUK SEMUA

Kami terus berusaha untuk menjadi lebih baik. Berpandukan amalan terbaik, kami menyasarkan penciptaan nilai lestari. Barisan pengurusan baharu berupaya menggalas perubahan yang diimpikan melalui strategi yang mantap. Menerusi amalan kewangan berhemah serta tadbir urus yang cekap dan kukuh, kami terus melaporkan perkembangan kami kepada pihak berkepentingan secara telus dan objektif.

FGV HOLDINGS BERHAD

MUKA HADAPAN

Warna yang tepat bagi menonjolkan semangat warga FGV Holdings Berhad dalam usaha memulihkan semula keyakinan serta kepercayaan terhadap FGV; selain menghampiri matlamat menerajui perniagaan tani yang lestari dan bersepadu di dunia. Kami komited ke arah kelestarian operasi yang cekap sebagai panduan dalam menjana penciptaan nilai demi kebaikan pihak berkepentingan terutamanya pekebun-pekebun kecil. Semoga segala usaha ini merealisasikan matlamat kami dalam mencapai kejayaan.

KANDUNGAN

01 ORGANISASI KAMI

2 Perihal Laporan Ini
4 Perihal Kami
6 Butiran Korporat Kami
7 Struktur Organisasi Kami
8 Operasi Kami
10 Penerapan Kelestarian dalam Perniagaan Kami
16 Persekitaran Pasaran Kami

02 MEMAHAMI PERNIAGAAN KAMI

17 Menilai Perkara Material Kami
20 Model Penciptaan Nilai Kami, Terbentuk oleh Perkara Material
22 Hubungan Antara Perkara Material, Strategi dan Risiko
24 Pelan Perniagaan Kami

03 ANALISA DAN PENYATA

26 Perutusan Pengerusi
28 Mesej Ketua Pengawai Eksekutif Kumpulan
32 Perbincangan & Analisis Pengurusan
- 32 Modal Kewangan
- 46 Modal Semula Jadi
- 52 Modal Pembuatan
- 64 Modal Intelek
- 68 Modal Insan
- 74 Modal Sosial & Perhubungan

04 TADBIR URUS KAMI

82 Penyata Keseluruhan Tadbir Urus Korporat
- 82 Tinjauan Tadbir Urus Pengerusi
- 84 Kepimpinan dan Keberkesanan
- 97 Kebertanggungjawaban
- 109 Imbuhan
- 113 Hubungan dengan Pihak Berkepentingan Kami
- 116 Integriti dalam Laporan Korporat

117 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

05 MAKLUMAT TAMBAHAN

127 Pergerakan Harga Saham
128 Kalendar Kewangan
129 Analisis Pemegangan Saham
132 10 Hartanah Utama Kumpulan FGV
134 Pendedahan Tambahan:
- 134 Penggunaan Penerimaan
- 134 Yuran Bukan Audit
- 134 Kontrak Material
- 134 Pelan Insentif Jangka Panjang (LTIP)
- 134 Skim Terbitan Saham
- 134 Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan Hasil atau Dagangan

144 Penerapan Prinsip dan Amalan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017 (MCCG 2017)

PERIHAL LAPORAN INI

Laporan Bersepadu Tahunan (AIR) bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2019 (TK2019) ini merupakan Laporan Bersepadu Tahunan kelima buat FGV. Ia juga sebagai kemuncak kepada usaha kami dalam mengutamakan ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam mencipta nilai lestari kepada pihak berkepentingan.

Penyediaan laporan ini mencerminkan pendekatan bersepadu yang diambil dalam pengurusan perniagaan kami. Enam Modal dikenal pasti oleh Majlis Pelaporan Bersepadu Antarabangsa (IIRC) dijadikan panduan bagi mencapai objektif strategik kami. Nilai modal yang dirujuk adalah seperti berikut - Modal Kewangan, Modal Semula Jadi, Modal Pembuatan, Modal Intelek, Modal Insan, dan Modal Sosial & Perhubungan. Setiap modal ini memainkan peranan penting dalam urusan perniagaan kami.

Melalui laporan yang berdasarkan Rangka Kerja IIRC ini, kami berhasrat memberi pihak berkepentingan pandangan yang lebih meluas tentang kaedah penciptaan nilai dan penjanaan modal dalam perniagaan kami. Pendekatan sebegini membolehkan AIR dihasilkan secara tepat serta merangkumi perkara yang berkaitan dengan penciptaan nilai secara berterusan.

Dalam menghasilkan laporan ini, kami telah mengikuti Rangka Kerja IIRC dan mematuhi keperluan pelaporan tempatan, iaitu Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017 (MCCG 2017) dan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Securities). Kami juga berusaha untuk mematuhi keperluan piawaian global dengan menuruti Piawaian Inisiatif Pelaporan Global tentang pelaporan kelestarian.

SUITE PELAPORAN

Suite Pelaporan FGV 2019 terdiri daripada perkara berikut:

- Laporan Bersepadu Tahunan 2019
- Penyata Kewangan Diaudit 2019
- Laporan Kelestarian 2018/2019

SKOP DAN BATAS PELAPORAN

AIR ini mengandungi maklumat aktiviti penciptaan nilai yang khusus untuk Kumpulan kami. Justeru, ruang lingkup laporan ini tertumpu kepada perkembangan sepanjang TK2019, bermula dari 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2019. Kecuali dinyatakan sebaliknya, ianya merangkumi kesemua perniagaan FGV Holdings Berhad di Malaysia dan lain-lain negara yang kami beroperasi. Ini termasuk operasi yang dikawal penuh oleh kami, subsidiari dan rakan kongsi.

Kami juga melaporkan maklumat dan perkembangan yang berkemungkinan melangkaui batas laporan tetapi merupakan perkara material penting kepada prestasi Kumpulan.

Maklumat dalam AIR ini mengandungi semua butiran penting yang dilaporkan mengikut asas sama tanpa sebarang penyataan semula yang utama. Selari dengan usaha kami untuk menyepadukan amalan kelestarian dalam semua segmen operasi, kami telah memperbaharui pendekatan pelaporan dengan menyertakan pendedahan kelestarian dalam keseluruhan laporan ini. Pendekatan ini membuktikan peranan kelestarian pada setiap peringkat penciptaan nilai Kumpulan. Laporan ini juga merangkumi semua risiko dan peluang yang material untuk kelestarian. Perkara ini berkait rapat dengan entiti, operasi dan topik menurut batas yang bersesuaian dalam tempoh pelaporan. Walau bagaimanapun, laporan ini tidak menganggarkan atau meramalkan impak masa hadapan mengenai perkara material berkaitan kelestarian.

Kami menerapkan Prinsip Berjaga-jaga untuk mengelakkan impak negatif yang diketahui dan tidak dijangka terhadap alam sekitar. Untuk gambaran lebih holistik tentang perniagaan kami, AIR ini harus dibaca bersama dengan maklumat yang terdapat dalam laman web kami:

www.fgvholdings.com

MENILAI PERKARA MATERIAL KAMI

AIR ini disediakan berdasarkan kepada perkara material yang ditentukan pada 2018 dan disahkan semula pada 2019 bagi memastikan perkara-perkara tersebut berlaku berterusan dan relevan. Ini bagi memastikan strategi, prestasi dan prospek perniagaan digambarkan dalam konteks yang tepat. Kami juga mengambil kira gerak balas terhadap perkara material daripada aspek kewangan, sosial, ekonomi, alam sekitar dan tadbir urus perniagaan.

Selanjutnya, di dalam membangunkan AIR ini, kami telah merumuskan kandungan AIR dengan mengambil kira pertimbangan kualitatif dan kuantitatif serta faktor yang boleh menjejaskan kebolehan kami untuk mencapai matlamat strategik dan mengekalkan kelestarian perniagaan. Selain itu, kami juga memasukkan isu yang dibentangkan kepada Lembaga Pengarah berserta risiko berkaitan dan faedah kepada pihak berkepentingan.

MENDUKUNG INTEGRITI PELAPORAN

Kami berusaha sebaik mungkin untuk memastikan kebolehpercayaan dan kesempurnaan serta keseluruhan maklumat yang dibentangkan dalam laporan ini selaras dengan penekanan tadbir urus yang baik. Bagi memastikan kualiti AIR, laporan ini telah dikaji semula oleh ahli Jawatankuasa Pelaporan untuk mengesahkan pematuhannya terhadap Rangka Kerja IIRC selain membentangkan secara adil prestasi Kumpulan berbanding hasil ciptaan nilai yang disasarkan.

Laporan ini disertakan bersama dengan Penyata Kewangan Diaudit 2019 yang kemudiannya diserahkan kepada Jawatankuasa Audit untuk semakan bagi mendapat kelulusan akhir daripada Lembaga Pengarah.

Juruaudit luaran juga menyokong objektif jaminan dan kelulusan dengan menyediakan jaminan pihak luar terhadap Penyata Kewangan kami. Maklumat lain telah dibaca untuk mempertimbangkan sama ada ianya adalah konsisten secara material dengan Penyata Kewangan, atau pengetahuan yang mereka peroleh menerusi audit. Juruaudit luaran turut menyediakan jaminan semakan terhad terhadap Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman (SORMIC) kami.

PENYATA KEHADAPAN

Kami juga menggunakan penyata kehadapan yang berkait dengan perancangan, objektif, strategi, prestasi dan operasi masa hadapan Kumpulan sekiranya perlu. Walaubagaimanapun, penyata tersebut tidak memberi jaminan kepada pencapaian Kumpulan di masa hadapan kerana kami berhadapan dengan segala kemungkinan seperti senario andaian, ketidakpastian dan halangan. Pencapaian dan keputusan sebenar mungkin berlawanan dengan penyata kehadapan. Kami tidak memberi jaminan atau mengesahkan representasi secara lisan atau khusus untuk mencapai kejayaan, kami juga tidak bertanggungjawab untuk memberi maklumat terkini sejarah informasi atau penyata yang terdapat dalam AIR ini.

PELUANG UNTUK MAKLUM BALAS

Kami mengalu-alukan sebarang maklum balas dan penambahbaikan daripada pihak berkepentingan dan pandangan umum mengenai laporan ini. Mutu piawaian pelaporan ini hanya dapat dicapai dengan penglibatan serta interaksi secara langsung dan konsisten sepanjang tahun. Pihak Perhubungan Pelabur boleh dihubungi melalui beberapa saluran seperti tersenarai di bahagian Butiran Korporat Kami di muka surat 6 dan Komunikasi dengan Pihak Berkepentingan di muka surat 113.

IKON NAVIGASI

ASAKAN STRATEGIK

- Perbaikan Operasi
- Penembusan Produk dan Pasaran
- Bidang Pertumbuhan Baharu
- Pengukuhan Kewangan dan Keupayaan

ENAM MODAL

Kewangan
Modal Kewangan merupakan dana yang tersedia bagi pembiayaan dalam menambahbaik Modal Penciptaan Nilai yang lain termasuk Modal Kewangan. Keseluruhan dana ini merangkumi hutang, ekuiti atau hasil pendapatan daripada aktiviti perniagaan. Ini amat kritikal untuk dikekalkan memandangkan ianya berperanan sebagai sumber menjana hasil penciptaan nilai yang lain.

Intelek
Modal Intelek merupakan kemampuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam mengembangkan ilmu hak milikan (*proprietary knowledge*) dan pengetahuan harta intelek untuk menjadikan kami lebih produktif dan cekap. Hasil daripada produk nilai-tinggi melalui rantaian nilai minyak sawit dapat menambah nilai kepada Modal yang lain.

Semula Jadi
Modal Semula Jadi merupakan sumber semula jadi yang digunapakai semasa aktiviti perniagaan untuk penciptaan nilai bagi pihak berkepentingan. Ini termasuk bank tanah yang terdiri daripada ladang kelapa sawit dan ladang getah serta bekalan air dan elektrik yang digunakan semasa memproses dan menapis minyak sawit.

Insan
Modal Insan merupakan tenaga kerja FGV yang membolehkan kami mencapai objektif perniagaan. Keselamatan para pekerja sentiasa dititikberatkan dengan menyediakan persekitaran kerja yang kondusif dan selamat selain memperkasakan kemahiran dan kerjaya untuk meningkatkan nilai Modal ini.

Pembuatan
Modal Pembuatan terdiri daripada harta benda milik syarikat, kilang sawit, kilang penapisan minyak sawit dan peralatan lain yang merupakan komponen-komponen utama operasi perniagaan kami. Kilang sawit memproses buah tandan segar (BTS) kepada minyak sawit mentah (CPO) yang kemudiannya ditapis di peringkat penapisan hiliran. Komponen pembuatan lain termasuklah kilang gula, fasiliti simpanan pukal dan penyimpanan serta kenderaan pengangkutan sokongan.

Sosial & Perhubungan
Modal Sosial & Perhubungan merupakan perhubungan dengan komuniti, badan kawal selia dan pihak berkepentingan yang lain. Kami sentiasa berusaha memupuk dan menjaga hubungan baik ini untuk menjamin kelestarian perniagaan.

PERKARA MATERIAL

- YI — PENINGKATAN KADAR HASIL
- EP — PRESTASI EKONOMI
- GE — TADBIR URUS, ETIKA & INTEGRITI
- HR — HAK ASASI MANUSIA DAN PERHUBUNGAN BURUH
- RC — PENSIJILAN RSPO

PERIHAL KAMI

FGV berusaha mengembalikan keyakinan, meningkatkan keupayaan dan mengukuhkan integriti. Kami berazam untuk keluar dari zon selesa dalam penciptaan nilai lestari bagi pihak berkepentingan. Kami bersedia membuat keputusan yang lebih baik, bekerja dengan lebih cekap seterusnya menyediakan ruang untuk para petugas berkembang.

VISI KAMI

Berusaha menjadi antara **Peneraju Perniagaan Tani Bersepadu** dan **Lestari di Dunia** yang **Memberikan Pulangan Nilai** kepada pelanggan dan pihak berkepentingan.

MISI KAMI

Berusaha menjadi Peneraju Dunia dengan:

- Penciptaan Nilai menerusi Modal Insan
- Membina Kelebihan Rantaian Nilai Bersepadu
- Mendukung Keperluan Tadbir Urus dan Pematuhan
- Memupuk Kepelbagaian Komoditi dan Geografi

SEKTOR PERLADANGAN

HULUAN

JUMLAH BANK TANAH (MALAYSIA & INDONESIA)

439,230 Ha*

** Termasuk tanah di bawah Perjanjian Pajakan Tanah (LLA) dengan FELDA*

JUMLAH KAWASAN BERTANAM KELAPA SAWIT DI MALAYSIA

338,437 Ha

PENGELUAR MINYAK SAWIT MENTAH TERBESAR DI MALAYSIA

3.07 Juta MT

PENGENDALI KILANG MINYAK SAWIT TERBESAR

68 Kilang Sawit

DI MALAYSIA

HILIRAN

SAJI

#1

Jenama Minyak Masak Bertapis Malaysia dengan 34% penguasaan pasaran

SERI PELANGI

#1

Produk marjerin dengan 40% jumlah jualan pasaran

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

YANGAMBI

#1 **Pengeluar biji benih cambah dengan 44% penguasaan pasaran di Malaysia**

KAPASITI PENGELUARAN BAJA KOMPAUN TERBESAR DENGAN

730,000 MT

SETAHUN DI MALAYSIA

SEKTOR GULA

GULA

GULA PRAI

#1

Jenama Gula Bertapis dengan 61% penguasaan pasaran tempatan

SEKTOR LOGISTIK & LAIN-LAIN

LOGISTIK

#1

Kapasiti Simpanan Pukal Minyak Makan di Malaysia sebanyak 844,400 MT

(#2 di dunia)

Semua maklumat yang dibentangkan adalah tepat setakat 31 Disember 2019.

BUTIRAN KORPORAT KAMI

LEMBAGA PENGARAH

Datuk Wira Azhar Abdul Hamid
Pengerusi
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Mohd Hassan Ahmad
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Dr. Zunika Mohamed
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
Dilantik pada 10 Februari 2020

Dato' Dr. Othman Haji Omar
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Dato' Yusli Mohamed Yusoff
Timbalan Pengerusi
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Datuk Mohd Anwar Yahya
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Dr. Mohamed Nazeeb P.Alithambi
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Dr. Nesadurai Kalanithi
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Datin Hoi Lai Ping
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Dato' Mohamed Suffian Awang
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
(Bersara pada 25 Jun 2019)

Datuk Dr. Salmiah Ahmad
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
(Meletak jawatan pada 5 Disember 2019)

Dato' Dr. Noor Zari Hamat
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
(Dilantik pada 23 Julai 2019)
(Berhenti menjadi Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas pada 22 Januari 2020)

PEJABAT BERDAFTAR

Aras 21, Wisma FGV
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Malaysia

Tel : +603 2789 0000
Faks : +603 2789 0001
Laman web : www.fgvholdings.com

KETUA PENGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

Dato' Haris Fadzilah Hassan

SETIAUSAHA SYARIKAT

Koo Shuang Yen
(MIA 7556)

PERHUBUNGAN PELABUR DAN PERTANYAAN

Fairul Nizam Che Rus
Ketua Perhubungan Pelabur
Aras 20, Wisma FGV
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Malaysia

Tel : +603 2789 0000
E-mel : fgv.investors@fgvholdings.com

@fgvholdings
FGV Holdings Berhad
@fgvholdings
FGV Holdings Berhad

PLATFORM BAGI PEMEGANG SAHAM/ PIHAK BERKEPENTINGAN MENYUARAKAN PENDAPAT

Dato' Yusli Mohamed Yusoff
(Timbalan Pengerusi, memikul peranan Pengarah Kanan Bebas)

E-mel : sid@fgvholdings.com

PENDAFTAR SAHAM

Boardroom Share Registrars Sdn. Bhd.
Nombor Pendaftaran: 199601006647 (378993-D)
Aras 11, Menara Symphony
No. 5, Jalan Prof. Khoo Kay Kim
Seksyen 13,
46200 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

Tel
(Meja Bantuan) : +603 7890 4700
Faks : +603 7890 4670
Laman web : www.boardroomlimited.com
E-mel : bsr.helpdesk@boardroomlimited.com

JURUAUDIT

PricewaterhouseCoopers PLT
(LLP0014401-LCA & AF 1146)
Akauntan Berkanun
Aras 10, 1 Sentral, Jalan Rakyat
Kuala Lumpur Sentral
P.O. Box 10192
50706 Kuala Lumpur
Malaysia

Tel : +603 2173 1188
Faks : +603 2173 1288
Laman web : www.pwc.com/my

PENYENARAIAN PASARAN SAHAM

Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad

Tarikh penyenaraian : 28 Jun 2012
Nama Stok : FGV
Kod Stok : 5222
Sektor Stok : Perladangan

STRUKTUR ORGANISASI KAMI

Nota: Senarai ini tidak komprehensif. Untuk senarai keseluruhan entiti, sila rujuk pada Penyata Kewangan Diaudit 2019 FGV yang boleh didapati dalam laman web kami, www.fgvholdings.com

OPERASI KAMI

MENCIPTA NILAI, MEMBANTU KOMUNITI

SEMENANJUNG MALAYSIA / MALAYSIA BARAT

1 PERLIS

1 kilang penapisan gula

2 KEDAH

1 ladang
1 fasiliti pemprosesan getah

3 PULAU PINANG

1 kilang penapisan gula
1 sub-depoh pengangkutan

4 KELANTAN

11 ladang
3 kilang
1 sub-depoh pengangkutan

5 TERENGGANU

7 ladang
5 kilang

6 PERAK

7 ladang
2 kilang
1 sub-depoh pengangkutan

7 PAHANG

60 ladang
27 kilang
1 fasiliti pemprosesan getah
1 kilang pemecahan isirung sawit
1 depoh pengangkutan
1 sub-depoh pengangkutan
1 kilang biodiesel
1 kilang oleokimia*
1 kilang penapisan minyak sawit
1 kilang pemprosesan baja
1 pusat penyelidikan dan pembangunan
2 terminal simpanan pukal
1 gudang

8 SELANGOR

1 kilang
1 kilang pemecahan isirung sawit
2 depoh pengangkutan
1 sub-depoh pengangkutan
1 gudang
1 terminal simpanan pukal
1 kilang penapisan minyak sawit*

9 NEGERI SEMBILAN

6 ladang
3 kilang
2 fasiliti pemprosesan getah
1 pusat penyelidikan dan pembangunan
1 sub-depoh pengangkutan

10 JOHOR

20 ladang
14 kilang
1 kilang pemecahan isirung sawit
1 depoh pengangkutan
1 sub-depoh pengangkutan
5 terminal simpanan pukal
2 kilang penapisan minyak sawit***
1 kilang penapisan gula
1 kilang pemprosesan baja
2 gudang

MALAYSIA TIMUR

11 SABAH

75 ladang
11 kilang
2 kilang penapisan minyak sawit
2 terminal simpanan pukal
1 kilang pemprosesan baja
1 pusat penyelidikan dan pembangunan
1 kilang pemecahan isirung sawit
1 depoh pengangkutan
1 sub-depoh pengangkutan
1 operasi jeti
1 jana kuasa elektrik

12 SARAWAK

10 ladang
2 kilang
1 sub-depoh pengangkutan

KEHADIRAN GLOBAL KAMI

KEMBOJA

1 fasiliti pemprosesan getah

PERANCIS

1 pejabat dagangan*

INDONESIA

5 ladang
1 fasiliti pemprosesan getah
1 terminal simpanan pukal

PAKISTAN

1 kompleks penapisan*
2 terminal simpanan pukal**
1 pejabat dagangan*
1 operasi jeti

SEPANYOL

1 pejabat dagangan*

THAILAND

1 fasiliti pemprosesan getah

TURKI

1 kilang penapisan minyak sayuran*

AMERIKA SYARIKAT

1 kilang oleokimia

* *Usaha sama*
** *Satu daripada dua terminal simpanan pukal dalam bentuk usaha sama*
*** *Satu daripada dua kilang penapisan minyak sawit dalam bentuk usaha sama*

Maklumat penuh mengenai aset FGV boleh didapati dalam laman web kami, www.fgvholdings.com

PENERAPAN KELESTARIAN DALAM PERNIAGAAN KAMI

PENYATA KELESTARIAN

Di FGV, kami faham dan sedar kepentingan tanggungjawab sosial dan alam sekitar dalam melaksanakan aktiviti perniagaan. Kami berpegang kepada kepercayaan di mana penciptaan nilai bagi pihak berkepentingan haruslah seiring dengan inisiatif untuk membantu komuniti setempat selain mengurangkan impak negatif terhadap alam sekitar. Oleh itu, FGV komited menghormati hak asasi manusia selari dengan Prinsip-Prinsip Panduan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Hak Asasi Manusia dan Perniagaan (UNGPs) serta penerapan kelestarian dalam setiap rantaian nilai. FGV berazam menjadikan kelestarian sebagai satu kunci yang membantu membolehkan objektif Pelan Perniagaan 2019-2021 (BP21) dapat dicapai. Pelbagai isu perniagaan akan dapat diselesaikan secara berkesan dengan mengutarakan isu kelestarian. Secara tidak langsung pendekatan ini akan menerapkan nilai kelestarian dalam setiap pekerjaan kami. Dalam konteks ini, kami telah:

- Mengukuhkan Dasar Kelestarian Kumpulan (GSP) dengan penglibatan rakan kongsi perniagaan dan vendor dalam menuju kelestarian.
- Berterusan berusaha mencapai keseluruhan kebolehkesanan.
- Mengadakan kerjasama strategik dengan organisasi yang dapat membantu meningkatkan amalan buruh kami.
- Menyokong usaha pekebun-pekebun kecil untuk memperolehi sijil kelestarian.
- Menyumbang masa, tenaga dan keupayaan bagi melaksanakan program pemuliharaan flora dan fauna.

Bersempena dengan tahun kelima laporan bersepadu untuk FGV, kami mengambil keputusan untuk menerbitkan Laporan Kelestarian (SR) dalam bentuk digital untuk kemudahan akses selain mesra alam sekitar. Laporan Kelestarian ini boleh diakses dalam laman web:

www.fgvholdings.com

Amalan pelaporan kelestarian kami mematuhi Garis Panduan Kelestarian Bursa Malaysia dan berpandukan Piawaian Inisiatif Pelaporan Global tentang pelaporan kelestarian, Rangka Kerja Majlis Pelaporan Bersepadu Antarabangsa dan amalan terbaik bertaraf global.

TADBIR URUS KELESTARIAN



LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap prestasi dan strategi kelestarian Kumpulan dan memastikan aspek tadbir urus, sosial serta penjagaan alam sekitar diterapkan dalam strategi perniagaan dan seterusnya meluluskan Penyata Kelestarian untuk Laporan Bersepadu Tahunan (AIR) 2019 dan Laporan Kelestarian 2018/2019.

JAWATANKUASA TADBIR URUS & PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA

Sebagai jawatankuasa yang mengetuai dan menyelia keseluruhan rangka kerja strategik pelaporan lestari, ianya memantau pelaksanaan rangka kerja dan strategi, yang telah diluluskan termasuk dasar dan panduan. Jawatankuasa ini juga menyemak sebarang Laporan Kelestarian atau maklumat khusus kepada orang awam yang memberi kesan kepada reputasi dan/atau kewangan yang besar kepada syarikat.

KETUA BAHAGIAN KELESTARIAN KUMPULAN

Ketua Bahagian Kelestarian Kumpulan (GSD) mengawasi dan menyelia operasi harian serta menasihati Kumpulan mengenai perkara yang berkaitan dengan kelestarian termasuk hak asasi manusia, perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar. Ketua Bahagian ini juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Sinergi Kelestarian dengan ahli jawatankuasanya terdiri daripada pelbagai sektor perniagaan.

PANEL PENASIHAT BEBAS BERKAITAN TADBIR URUS KORPORAT DAN KELESTARIAN

Panel yang terdiri daripada pelbagai bidang kepakaran, memberi nasihat bebas dan cadangan mengenai tadbir urus korporat dan kelestarian kepada FGV.

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN (GCEO)

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (GCEO) akan mempengerusikan Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan dan juga bertindak sebagai penasihat kepada Jawatankuasa Sinergi Kelestarian. GSD melapor terus kepada GCEO yang membolehkan setiap keputusan dibuat dengan cepat dan meningkatkan kebertanggungjawaban dalam setiap perkara korporat seperti tanggungjawab sosial, hak asasi manusia dan kelestarian alam sekitar selaras dengan dasar Tiada Pembasmian Hutan, Tiada Penanaman di Tanah Gambut, dan Tiada Ekspoitasi (NDPE). Dalam struktur pelaporan baharu ini, GCEO memainkan peranan secara langsung dan bermakna dalam menasihati dan mengawasi program dan usaha keseluruhan pembangunan kelestarian Kumpulan.

JAWATANKUASA SINERGI KELESTARIAN

Terdiri daripada ketua ataupun wakil pelbagai bahagian dan sektor di FGV, Jawatankuasa Sinergi Kelestarian ini ditubuhkan bagi memudahkan pelaksanaan prinsip dan amalan kelestarian yang menyeluruh di FGV. Selain daripada itu, ianya adalah bagi memastikan keberkesanan program secara menyeluruh.

UNIT DI BAWAH BAHAGIAN KELESTARIAN

Pensijilan dan Pematuhan Kelestarian

Unit ini memberi khidmat nasihat kepada unit dan bahagian yang berkait rapat dengan perihal kelestarian untuk memastikan pematuhan piawaian yang ditetapkan oleh pihak kawal selia tempatan dan antarabangsa. Unit ini juga bertanggungjawab menguruskan proses pensijilan (RSPO, MSPO, ISCC), proses pensijilan untuk semua kompleks di FGV dan juga membantu peneroka-peneroka FELDA dalam penyediaan sijil audit. Selain itu, unit ini juga mengatur aktiviti jelajah (*roadshow*) untuk mempromosikan kelestarian kepada pekebun-pekebun kecil dan memberi nasihat isu kelestarian dan pematuhan sosial termasuk menyediakan dan memastikan pelaksanaan pelan tindakan berkenaan isu pekerja ladang.

Teknikal Kelestarian

Unit ini mewujudkan metodologi untuk mengukur, menyelia dan menambahbaik prestasi dalam aspek-aspek utama kelestarian. Ia juga mengumpul data dan bekerjasama dengan pihak luar berkaitan program dan pelaporan kelestarian selain menyertai penyelidikan dan penambahan pengetahuan alam sekitar.

Perhubungan Kelestarian

Selain daripada memantau pengurusan pihak berkepentingan, unit ini membangunkan pelan komunikasi berkenaan program dan pengurusan kelestarian termasuk menyelia keberkesanan segala projek kelestarian, perbelanjaan dan tadbir urus.

Peraturan Kelestarian

Peraturan Kelestarian memastikan dasar dan prosedur kami adalah selari dengan piawaian antarabangsa yang relevan termasuk peraturan dan undang-undang yang boleh diterima pakai, dan memantau isu berkaitan dasar NDPE kami.

PENERAPAN KELESTARIAN DALAM PERNIAGAAN KAMI

SKOP DAN BATAS PELAPORAN

Sila rujuk kepada Skop dan Batas Pelaporan di muka surat 2.

INTERAKSI BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

FGV berinteraksi secara kerap dengan pihak berkepentingan untuk bekerjasama dan menyelesaikan segala isu yang dihadapi. Kami amat komited untuk mengukuhkan hubungan bersama pihak berkepentingan dalam usaha memenuhi kehendak serta memberi nilai dalam perjalanan kelestarian kami. Untuk maklumat lanjut berkaitan interaksi pihak berkepentingan, sila rujuk muka surat 74 laporan ini.

PERKARA MATERIAL LESTARI

Sila rujuk kepada cara penilaian perkara material kami di muka surat 17 laporan ini.

PEMETAAN MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (SDG) BANGSA-BANGSA BERSATU TERHADAP INISIATIF KELESTARIAN KAMI

EKONOMI

ALAM SEKITAR

SOSIAL

DASAR DAN GARIS PANDUAN KELESTARIAN

DASAR KELESTARIAN KUMPULAN

Dasar Kelestarian Kumpulan mencerminkan komitmen yang diperbaharui berpandukan tiga prinsip, iaitu: Menghormati Hak Asasi Manusia, Menjaga Alam Sekitar dan Mempromosi Kelestarian.

MENGHORMATI HAK ASASI MANUSIA

- Peningkatan sara hidup
- Memenuhi piawaian perburuhan
- Melaksanakan prinsip izin, maklum awal, bebas dan telus (FPIC)
- Mempraktikkan kesaksamaan jantina dan tiada diskriminasi

MENJAGA ALAM SEKITAR

- Tiada Pembasmian Hutan, Tiada Penanaman di Tanah Gambut, Tiada Eksploitasi (NDPE)
- Bertanggungjawab dalam penggunaan agrokimia
- Bertanggungjawab dalam pengurusan air dan sisa
- Hindari pembakaran terbuka
- Menangani perubahan iklim
- Memelihara atau meningkatkan elemen Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV)

MEMPROMOSI KELESTARIAN

- Pengurusan rantaian bekalan
- Kebolehkesanan
- Pengurusan sumber bertanggungjawab
- Audit
- Mekanisme timbang cara
- Pelaporan

GARIS PANDUAN DAN PROSEDUR PENGAMBILAN TENAGA KERJA ASING SECARA BERTANGGUNGJAWAB

Garis Panduan dan Prosedur Pengambilan Tenaga Kerja Asing Secara Bertanggungjawab memastikan FGV mematuhi proses undang-undang di negara sumber dan negara penerima selain menunjukkan komitmen Kumpulan mendukung hak asasi manusia seperti yang telah digariskan di dalam GSP. Garis panduan penuh ini merangkumi keseluruhan proses sebelum dan selepas pengambilan pekerja migran berkenaan.

KOD TATALAKU PEMBEKAL (SCOC)

SCOC FGV menggariskan panduan tatakelakuan dan tingkahlaku pembekal serta pihak ketiga yang mewakili FGV. SCOC ini juga menyokong proses perolehan FGV berlandaskan kejujuran, ketelusan dan integriti.

DASAR KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN

FGV berusaha menyediakan persekitaran tempat kerja yang sihat dan selamat bagi pekerja termasuk pekerja migran dengan memastikan setiap operasi perniagaan mengikut garis panduan dan patuh kelestarian. Dasar Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan juga menggariskan komitmen FGV dalam kawal selia dan pematuhan termasuk budaya keselamatan dalam Kumpulan FGV.

Maklumat lanjut mengenai garis panduan dan dasar berkaitan kelestarian boleh didapati dalam laman web kami, www.fgvholdings.com

PENERAPAN KELESTARIAN DALAM PERNIAGAAN KAMI

MENUJU KELESTARIAN DAN KEBOLEHKESANAN MENYELURUH

KEUTAMAAN PENTING	INISIATIF UTAMA (2020-2022)	KESAN STRATEGIK
Memastikan tatacara perniagaan bertanggungjawab merentasi seluruh FGV	- Program Pensijilan Kelestarian - Sosialisasi GSP	Penembusan Pasaran
Memastikan pengurusan sumber bertanggungjawab	Pengurusan Rantaian Bekalan dan Kebolehkesanan	
Menghormati hak asasi manusia dan menambahbaik amalan perburuhan	Rakan Kongsi Strategik: - *Fair Labor Association* (FLA) - *International Organization for Migration* (IOM) dan *Earthworm Foundation*	Mengekalkan Kedudukan Pasaran
Menggalakkan interaksi berkesan dengan pihak berkepentingan		
Melindungi, memulihara dan menambahbaik penjagaan alam sekitar dan ekosistem	Program Pekebun Kecil (Bekerjasama dengan Syarikat *Procter & Gamble* (P&G))	Reputasi
100% kebolehkesanan minyak sawit mentah (CPO) dan minyak isirung sawit mentah (CPKO) sehingga kilang dan ladang	Program Pemuliharaan	

KELESTARIAN – SOROTAN UTAMA

ALAM SEKITAR

PENILAIAN *SPOTT*

Kedudukan

26/99

2018: 27

INDEKS *FOREST HEROES GREEN TIGERS*

Skor

71/100

(*Green Cat*)

2018: 39 (*Red Cat*)

BILANGAN KOMPLEKS DIPERAKUI MINYAK SAWIT LESTARI MALAYSIA (MSPO) DAN RUNDINGAN MEJA BULAT MINYAK SAWIT LESTARI (RSPO)

RSPO	MSPO
33	**55***
2018: 22	2018: 7

** Setakat 28 Februari 2020, semua 68 kompleks diperakui MSPO*

PELEPASAN GAS RUMAH HIJAU

Pengurangan

158,830

Kesetaraan CO_2

2018: 195,239*

12

Loji biogas dipantau

2018: 15*

** Pernyataan semula*

SOSIAL

KEPELBAGAIAN JANTINA LEMBAGA PENGARAH & PENGURUSAN (PERWAKILAN WANITA)

Lembaga Pengarah	Pengurusan
33%	**33%**
2018: 30%	2018: 18%

Setakat 20 Mac 2020

BIASISWA

Jumlah biasiswa	Pemegang biasiswa yang kini berkhidmat di Kumpulan FGV
119	**51**
2018: 119	2018: 31

PERUMAHAN UNTUK PEKERJA

Siap

260 RPT

59 APA

RPT : Rumah Pekerja Tempatan
APA : Asrama Pekerja Asing

LATIHAN KELESTARIAN

2018	2019
Sesi Latihan Kelestarian	Program Sosialisasi GSP
Latihan Pengurusan Alam Sekitar	Perundingan bersama Pihak Berkepentingan
Latihan Pensijilan MSPO Bahagian 2 (MS 2539-2:2013) untuk Pekebun Kecil Bebas	Latihan Pensijilan MSPO Bahagian 2 (MS 2539-2:2013) untuk Pekebun Kecil Bebas

PROGAM BIODIVERSITI DAN EKOSISTEM

- Program Pemuliharaan Beruang Matahari
- Pusat Pemuliharaan dan Interpretasi Rafflesia
- Projek Pemuliharaan Koridor Biodiversiti Mega

TADBIR URUS

Menerima pengiktirafan antarabangsa untuk pensijilan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS)

ISO 37001:2016

EKONOMI

MINYAK SAWIT DAN ISIRUNG SAWIT DIPERAKUI LESTARI (CSPO & CSPK)

PENGELUARAN CSPO	PENGELUARAN CSPK
454,918 MT	**112,398 MT**
2018: 425,131 MT	2018: 109,185 MT

PERSEKITARAN PASARAN KAMI

RUMUSAN MENGENAI PASARAN MINYAK SAWIT 2019

Industri minyak sawit telah merekodkan harga yang rendah untuk dua tahun berturut-turut dengan purata harga RM2,077.50 setiap MT iaitu penyusutan sebanyak 7.2% dari tahun-ke-tahun berpunca daripada stok permulaan yang tinggi iaitu sebanyak 3.2 juta MT. Bagaimanapun minyak sawit mentah (CPO) kekal kompetitif berbanding dengan minyak sayuran yang lain. Secara keseluruhannya, pengeluaran pada 2019 pula mencatatkan sedikit kenaikan berbanding 2018.

Permintaan minyak sawit mentah Malaysia pada 2019 dipelopori oleh tiga negara pengeksport terbesar. Eksport ke China telah mencatatkan peningkatan sebanyak 34% dari tahun-ke-tahun disebabkan penggantian semula stok sebelum perayaan Tahun Baru Cina manakala India pula mencatatkan peningkatan eksport sebanyak 76% dari tahun-ke-tahun kesan daripada harga dan pengeluaran tanaman domestik yang rendah. Negara-negara Eropah pula telah mencatatkan peningkatan eksport mereka sebanyak 9% dan ini merupakan satu angka yang menunjukkan peningkatan progresif bagi kegunaan biodiesel walaupun adanya halangan daripada Kesatuan Eropah (EU). Permintaan yang tinggi juga dapat dilihat pada beberapa destinasi eksport seperti Indonesia, Amerika Syarikat, Itali, Jepun dan Iran.

Keseluruhan permintaan pada 2019 mencecah 24.05 juta MT yang menyumbang kepada pengurangan stok ke paras 2 juta MT pada penghujung 2019. Pengurangan stok ini juga telah mendorong harga CPO mencatat harga tertinggi iaitu RM2,826 setiap MT pada Disember 2019.

RUMUSAN PASARAN GULA 2019/2020

Pengeluaran gula global 2019/2020 dijangka berkurangan sebanyak 6 juta MT (berbanding 2018/2019) kepada 178 juta MT disebabkan pengurangan pengeluaran di India dan Thailand (negara pengeluar yang kedua dan ketiga terbesar selepas Brazil). Pengeluaran di Brazil bagaimanapun tidak berubah berbanding 2018/2019 sebanyak 26 juta MT dan akan meningkatkan pengeluaran untuk tahun berikutnya memandangkan kejatuhan harga minyak mengakibatkan pengeluaran etanol menjadi perlahan. Bagaimanapun, Thailand dijangka akan mengeluarkan 8.2 juta MT pada 2019/2020 berbanding 14.6 juta MT tahun sebelumnya. Pengurangan pengeluaran daripada Thailand ini disebabkan kesan cuaca yang panas di kawasan-kawasan penanaman utama.

Penggunaan gula bagi 2020/2021 diunjurkan meningkat dalam jajaran kecil disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (usaha untuk membanteras penularan pandemik COVID-19) menyebabkan penutupan rangkaian restoran, hotel serta industri makanan dan minuman. Dalam mengira faktor berikut, penggunaan untuk 2020/2021 diunjurkan sebanyak 184.5 juta MT berbanding 185 juta MT pengeluaran gula.

Juta MT	2019	2018	T-k-T%
Harga (RM/MT)	2,077.50	2,238.50	▼ 7.2
Pengeluaran	19.86	19.52	▲ 1.7
Eksport	18.47	16.49	▲ 12.0
Import	0.98	0.84	▲ 16.1
Penggunaan Domestik	3.57	3.39	▲ 5.5
Stok Akhir	2.01	3.22	▼ 37.6

EKSPORT MINYAK SAWIT MALAYSIA



TINJAUAN PASARAN MINYAK SAWIT 2020

Kami mengunjurkan harga minyak sawit mentah akan meningkat pada 2020 sekitar RM2,200 dan RM2,400 berbanding tahun sebelumnya. Berikut ialah faktor-faktor utama yang menyokong unjuran ini:

1. Permintaan Biodiesel – Permintaan B30 Indonesia dan pelaksanaan B20 Malaysia akan mengimbangkan peningkatan pengeluaran yang ketara dan mengekalkan stok di paras 2 juta MT. Pelaksanaan B30 Indonesia ini juga akan menyaksikan penggunaan sebanyak 10 juta MT minyak sawit mentah iaitu kenaikan sebanyak 75% dari tahun-ke-tahun. Malaysia mengunjurkan peningkatan sebanyak 5% iaitu 1.3 juta MT berbanding tahun sebelumnya. Indonesia juga dalam perancangan untuk melaksanakan program biodiesel B50 pada 2021 dan ini memerlukan 14 juta MT minyak sawit mentah. Ini sekaligus akan memberi kesan kepada pengeluaran yang terhad.

2. Pengeluaran yang rendah – Pengurangan penggunaan baja dan iklim yang tidak menentu akan memberikan kesan kepada tahap pengeluaran pada 2020. Pengeluaran di Malaysia pula bakal menyaksikan penurunan dalam unjuran di antara 19.3 juta MT sehingga 19.6 juta MT selepas 3 tahun menghasilkan pengeluaran yang tinggi.

3. Kesan Pandemik COVID-19 – Ladang-ladang dan kilang-kilang tidak dapat beroperasi sepenuhnya berikutan pandemik COVID-19. Ini sekaligus memberi kesan kepada bekalan minyak sawit mentah. Di peringkat global, kebanyakan negara telah meningkatkan kawalan untuk menangani pandemik ini termasuk kawalan logistik dan pergerakan untuk minyak sawit mentah yang memberikan kesan kepada tahap inventori di negara-negara pembeli. China telah memulakan aktiviti komersial selepas menarik semula langkah kawalan pergerakan di Wuhan sekaligus membuka semula perdagangan di antara negara-negara pengeksport. Ini adalah tanda positif untuk aktiviti penambahan stok minyak sawit mentah di China. Walaubagaimanapun, pengeksport dari Malaysia perlu bersaing dengan Indonesia dari segi harga dan kemungkinan lambakan stok akibat langkah kawalan pergerakan dan aktiviti komersial yang masih berlaku di negara-negara pembeli. Pemulihan harga pasaran minyak sawit mentah dijangka mengambil masa yang panjang walaupun suku pertama merekodkan kestabilan di sebalik cabaran pandemik COVID-19.

Sumber: Malaysian Palm Oil Board (Economics and Industry Development Division), UOB Kay Hian Asean Plantation Highlights, Oil World, Futuresource, USDA

MENILAI PERKARA MATERIAL KAMI

PERKARA MATERIAL

FGV memberi keutamaan dalam mengenalpasti perkara material kepada pihak berkepentingan dan operasi kami. Pada 2018 kami mengendalikan Penilaian Material yang komprehensif dengan kerjasama perunding bebas, melibatkan pihak berkepentingan dalaman dan luaran untuk mengenalpasti pandangan mereka tentang perkara material kami. Proses ini melibatkan penilaian Matriks Material untuk mengenalpasti faktor-faktor yang memberi kesan kepada penciptaan nilai kami.

PENGESAHAN

Bagi mengesahkan bahawa perkara material masih relevan kepada operasi perniagaan dan pihak berkepentingan, kami mengendalikan penilaian dan semakan ke atas perkara material secara dalaman pada 2019. Kami berpandukan rangka kerja kelestarian, prinsip dan garis panduan bertepatan dengan ciri-ciri kelestarian seperti Piawaian Inisiatif Pelaporan Global (GRI) dan Indeks Kelestarian Dow Jones (DJSI). Kami juga mengkaji topik dan amalan terbaik daripada nama-nama besar industri dan inisiatif global seperti *Zoological Society of London's (ZSL) Sustainability Policy Transparency Toolkit (SPOTT)*. Kami memastikan perkara material diseragamkan dengan isu setempat, di peringkat serantau dan global serta aliran mega untuk mengenalpasti sebarang jurang termasuk penandaan aras bersandarkan piawaian kelestarian seperti RSPO, MSPO, NDPE, SDGs, Penjajaran SDG Malaysia Fasa 1 dan Rancangan Malaysia ke-11.

Melalui pengesahan yang dilakukan oleh pihak luar, kami berbangga melaporkan bahawa tiada anjakan ketara dalam perkara material kami. Kami juga telah meletakkan setiap perkara material ini kepada SDGs yang relevan dan Enam Modal penciptaan nilai yang mewakili setiap batasan yang memberi kesan atau terkesan.



BD Biodiversiti dan Pembasmian Hutan	EN Penggunaan Tenaga	RC Pensijilan RSPO
CC Perubahan Iklim	GE Tadbir Urus, Etika dan Integriti	TM Pengurusan Bakat
CD Pembangunan Masyarakat	HR Hak Asasi Manusia dan Perhubungan Tenaga Kerja	TS Kebolehkesanan/ Rantaian Bekalan
EP Prestasi Ekonomi	LC Pematuhan Undang-Undang	WM Pengurusan Sisa
EC Komunikasi Berkesan	OH Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan	WT Pengurusan Air
EW Interaksi dan Kesejahteraan Kakitangan	PR Tanggungjawab Produk	YI Peningkatan Kadar Hasil

Daripada 18 perkara relevan yang dikenalpasti, lima daripadanya mendapat kedudukan tertinggi oleh pihak berkepentingan dan perniagaan:

- YI Peningkatan Kadar Hasil
- EP Prestasi Ekonomi
- GE Tadbir Urus, Etika dan Integriti
- RC Pensijilan RSPO
- HR Hak Asasi Manusia dan Perhubungan Tenaga Kerja

MENILAI PERKARA MATERIAL KAMI

Perubahan utama yang dilakukan pada 2018 ialah menambah Perhubungan Tenaga Kerja ke dalam Hak Asasi Manusia agar merangkumi imbuhan dan kebebasan berpersatuan. Selain itu Pengurusan Bakat diasingkan daripada Perhubungan dan Kesejahteraan Kakitangan bagi memberikan tumpuan yang lebih baik terhadap pembangunan bakat dan perancangan penggantian. Komunikasi yang berkesan juga diambil kira termasuk komunikasi secara konsisten di semua peringkat bersama pihak berkepentingan bagi memastikan prestasi dan aktiviti dapat dikongsikan. Berkenaan isu yang terbaharu berkaitan kelestarian, Pensijilan RSPO melonjak naik menjadi salah satu keutamaan yang menjadi kebimbangan utama pihak berkepentingan.

Perkara Material	Kepentingannya	Bagaimana Pengurusannya – termasuk		Petunjuk pelaporan	SDG
		Dasar menguruskan perkara ini	Tindakan yang Diambil		
Peningkatan Kadar Hasil	Peningkatan kadar hasil melalui operasi yang cekap dan sokongan inovasi bagi menggunakan racun perosak dan baja yang mesra alam akan mengurangkan tekanan untuk membuka ladang baharu selain mengurangkan kesan ke atas alam sekitar.	Dasar Kelestarian Kumpulan	Penggunaan biji benih, baja serta kawalan penyakit dan perosak dengan memanfaatkan teknologi terkini dan melaksanakan amalan pertanian baik (GAP) di kawasan khusus	Kadar hasil BTS yang dicapai semasa tahun pelaporan	12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION
Prestasi Ekonomi	Prestasi ekonomi kami ditentukan oleh kelestarian nilai ekonomi yang dijana, berserta penciptaan nilai kepada pihak berkepentingan. Keutuhan Modal Kewangan kami mencerminkan prestasi ekonomi.	Had Kuasa Kumpulan Dasar dan Prosedur Kewangan Kumpulan	Pemacu utama kewangan dan prestasi kewangan yang menyerlah, termasuk perbandingan dengan rakan industri dan matlamat, rosot nilai dan perbincangan mengenai Penyata Kewangan	Keuntungan, pertumbuhan hasil dan pengurusan penyata kira-kira	8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH

Perkara Material	Kepentingannya	Bagaimana Pengurusannya – termasuk		Petunjuk pelaporan	SDG
		Dasar menguruskan perkara ini	Tindakan yang Diambil		
Tadbir Urus, Etika & Integriti	Kekuatan amalan tadbir urus, etika dan integriti akan memastikan perkembangan perniagaan yang lestari dan bertanggungjawab yang bermakna kepada pelabur.	Penyataan Dasar Anti Rasuah Kod Tata Laku dan Etika Perniagaan (CoBCE) untuk Pekerja Dasar Hadiah, Hiburan & Hospitaliti Luar (GEH) Dasar Tajaan & Sumbangan Dasar dan Prosedur Pendedahan Maklumat	Implementasi berskala besar merangkumi kesemua operasi Kumpulan di seluruh Malaysia	Peratus penilaian operasi berisiko yang berkaitan dengan rasuah	16 PEACE, JUSTICE AND STRONG INSTITUTIONS
Pensijilan RSPO	Pematuhan kepada kriteria dan prinsip Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) memastikan kami selari dengan piawaian kelestarian bagi minyak sawit dunia yang diguna pakai, pada masa yang sama membantu Kumpulan menghasilkan miyak sawit pada harga premium.	Dasar Kelestarian Kumpulan	Pensijilan sebanyak 33 kilang pada akhir 2019	Dasar dan komitmen untuk pensijilan sumber bahan mentah	8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH 12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION
Hak Asasi Manusia dan Perhubungan Tenaga kerja	Memastikan hak asasi manusia dihormati dan tiada unsur-unsur diskriminasi kepada para pekerja merupakan perkara paling mustahak kepada perniagaan kami dalam mengekalkan kelestarian, seterusnya membolehkan kami menerima 'lesen sosial' untuk beroperasi.	Dasar Kelestarian Kumpulan	Menyertai kesatuan pekerja dalam syarikat dan di peringkat nasional	Langkah yang diambil bagi menyokong kebebasan berpersatuan	8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH 16 PEACE, JUSTICE AND STRONG INSTITUTIONS

NILAI TERAS ORGANISASI KAMI

Partnership

Perkongsian
Penyelesaian dan idea terbaik terhasil daripada kerjasama dengan rakan sekerja (dalaman) dan rakan perniagaan (luaran).

Respect

Hormat
Kejayaan dan pencapaian yang berterusan hanya dapat diperoleh dengan menghormati individu lain (rakan sekerja, rakan sebaya dan rakan niaga), serta persekitaran, yang menjadi sumber utama perniagaan kami.

Integrity

Integriti
Integriti melibatkan kepercayaan, kejujuran dan keikhlasan. Dalam konteks kami, integriti bermaksud penggalasan tanggungjawab dan kebertanggungjawaban atas tindakan dan tingkah laku sendiri. Setiap kakitangan bertanggungjawab terhadap kejayaan dan reputasi perniagaan Kumpulan.

Dynamism

Dinamisme
Kami berusaha untuk menemukan, mencipta idea dan mengenal pasti potensi pertumbuhan daripada peluang baharu dan melangkaui batas tradisi, demi kebaikan pihak berkepentingan dan masyarakat.

Enthusiasm

Semangat
Kami berusaha untuk meneraju dan bekerja dengan penuh semangat. Kami bersemangat dalam apa jua yang dilakukan, komited terhadap pertumbuhan dan masa hadapan perniagaan tani kami, pada masa yang sama, memperluas pembangunan lestari di seluruh dunia.

HASIL	IMBANGAN
MODAL KEWANGAN • Hasil: RM13,259 juta • Dividen daripada usaha sama dan syarikat bersekutu: RM44.06 juta	Modal kewangan merupakan penunjuk utama perkembangan perniagaan kami. Pelaburan dalam Modal Kewangan membolehkan kami mengurus Enam Modal yang dinyatakan dengan berkesan bagi tujuan kelancaran dan perkembangan operasi perniagaan.
MODAL SEMULA JADI • Pengeluaran BTS: 4.45 juta MT • Purata profil umur kelapa sawit: 13.8 tahun • Kadar Purata Hasil: 18.44 MT/Ha • Pengurangan jejak karbon: 158,830 MT kesetaraan CO_2 • Sejumlah 55 beruang matahari telah diselamatkan, dan 39 dilepaskan ke habitat asal	Operasi perniagaan Kumpulan bergantung kepada Modal Semula Jadi dan pelaburan dalam Modal Kewangan akan menentukan kelestarian jangka panjang dalam perdagangan minyak sawit melalui penggunaan tanah yang bertanggungjawab dan penstrukturan usia pokok sawit yang matang dan ekonomik.
MODAL PEMBUATAN • Pengeluaran CPO: 3.07 juta MT • OER: 20.61% • Pemprosesan BTS: 14.90 juta MT • Jumlah jualan minyak dan lemak: 362,773 MT • Jumlah jualan Metil Ester Sawit (PME): 78,668 MT • Pengeluaran gula bertapis: 1.07 juta MT • Jumlah pengendalian: 8.42 juta MT • Jumlah pengangkutan: 6.02 juta MT • 18.08 juta biji benih dijual	Selain daripada pembangunan produk baharu dan aliran perniagaan baharu, kami melabur dalam Modal Pembuatan bagi meningkatkan prestasi kilang sawit dan kilang penapisan. Imbangan perdagangan dengan Modal Kewangan dan Modal Intelek adalah penting bagi mengimbangi kitaran semula jadi dalam perniagaan kami.
MODAL INTELEK • Penganugerahan untuk produk mencegah penyakit pokok kelapa sawit dan perkhidmatan pengecapjarian DNA kelapa sawit • Pembangunan empat produk baharu untuk pengkomersialan Hiliran • Pengklonan pelbagai tanaman bernilai tinggi bagi perladangan bersepadu	Kami melabur untuk meningkatkan nilai Modal Intelek. Pelaburan ini penting bagi meningkatkan kecekapan melalui inovasi dalam Modal Semula Jadi dan Modal Pembuatan. Imbangan ini perlu bagi mengekalkan daya saing kami dan seterusnya menyumbang kepada kelestarian nilai jangka panjang.
MODAL INSAN • 15,517 hari latihan (*training man-days*) • Usaha pengoptimuman tenaga kerja dan kos secara berterusan • Menyiapkan 319 blok perumahan untuk pekerja ladang di seluruh Malaysia	Kami meneruskan pengoptimuman Modal Insan dan kos yang berkaitan bagi penambahan nilai kepada Modal Kewangan. Dalam jangka masa pendek berkemungkinan ianya tidak memberi faedah pada reputasi Kumpulan tetapi ianya imbangan penting untuk memastikan operasi kami berterusan buat jangka masa panjang.
MODAL SOSIAL & PERHUBUNGAN • 33 kilang diperakui Pensijilan RSPO • 55 kilang diperakui Pensijilan MSPO (pensijilan penuh setakat Februari 2020) • 100% kebolehkesanan dari kilang • Memperluaskan kebolehlaksanaan Dasar Kelestarian Kumpulan kepada pembekal pihak ketiga • Menerimapakai Prosedur dan Garis Panduan Pengambilan Tenaga Kerja Asing Secara Bertanggungjawab • Peningkatan rating berkaitan *ESG* - Penilaian *SPOTT* dan Indeks *Green Tigers*	Interaksi dengan pihak berkepentingan adalah penting kepada perniagaan kami dan ianya dapat mewujudkan perhubungan kelestarian yang membantu menyokong Modal Insan dan Modal Kewangan. Kami membina ikatan perhubungan dengan pihak berkepentingan melalui interaksi dengan pekerja, pembekal, jurulatih, rakan usaha sama dan badan kawal selia.

MODEL PENCIPTAAN NILAI KAMI DIBENTUK MELALUI PERKARA MATERIAL

MEMAHAMI PERNIAGAAN KAMI

MODEL PENCIPTAAN NILAI KAMI DIBENTUK MELALUI PERKARA MATERIAL

STRATEGI KAMI → **INPUT UTAMA** → **AKTIVITI PENCIPTAAN NILAI** → **HASIL** → **IMBANGAN**

SASARAN NILAI KAMI

- PEMBAIKAN OPERASI
- PRODUK & PENEMBUSAN PASARAN
- BIDANG PERTUMBUHAN BAHARU
- KEWANGAN DAN PEMBINAAN KEUPAYAAN

INPUT UTAMA

MODAL KEWANGAN
- Ekuiti pemegang saham: RM4,173 juta
- Jumlah aset: RM17,702 juta
- Deposit, baki tunai dan di bank: RM1,618 juta

MODAL SEMULA JADI
- Bank Tanah – 439,230 Ha
- Kawasan Mekanisasi Ladang – 115,000 Ha
- Kawasan Bertanam:
  - Kelapa Sawit: 338,437 Ha
  - Getah: 11,201 Ha
- Keseluruhan kawasan Tanaman Semula: 74,953 Ha

MODAL PEMBUATAN
- Bilangan kilang sawit: 68
- Kilang penapisan minyak sawit: 8 di seluruh dunia
- Kilang penapisan gula: 3
- Terminal cecair: 12
- Lori tangki dan lori kargo: 437
- Gudang: 3

MODAL INTELEK
- 3 pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan 56 orang penyelidik yang berkelayakan tinggi dan staf yang berkemahiran
- Teknologi bahan penanaman
- Pengurusan penyakit dan perosak bersepadu
- Pembangunan amalan dan mekanisasi terbaik bagi Huluan

MODAL INSAN
- Kakitangan: 17,104 (Lelaki: 85%, Perempuan: 15%)
- Tenaga kerja: 31,074
- 2019 – pelaburan untuk latihan: RM3.3 juta

MODAL SOSIAL & PERHUBUNGAN
- Komitmen untuk melengkapkan Pensijilan RSPO dan inisiatif berkaitan
- Pensijilan MSPO untuk 55 kilang (pensijilan penuh setakat Februari 2020)
- Memacu kelestarian dan usaha pemuliharaan
- Menambahbaik amalan perburuhan
- Bekerjasama dan memberi sokongan kepada 112,635 peneroka FELDA

AKTIVITI PENCIPTAAN NILAI

SEKTOR PERLADANGAN

HULUAN
- Penanaman, pengeluaran dan penuaian buah tandan segar (BTS)
- Pemprosesan BTS kepada minyak sawit mentah (CPO) dan isirung sawit
- Transformasi produk sampingan kepada produk baharu dan tenaga boleh diperbaharui
- Pemulihan pengeluaran dan pemprosesan getah

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
- Aktiviti penyelidikan dan pembangunan
- Teknologi baharu dalam penghasilan bahan tanaman, produk baja dan formulasi umpan racun tikus
- Melindungi hak intelektual dengan memfailkan paten

DAGANGAN
- Menjual & mendagang produk sawit, laurik dan biodiesel serta produk berkaitannya
- Khidmat nasihat mengenai spesifikasi produk
- Perancangan jualan dan belian
- Penjualan secara FOB dan CNF untuk pembeli eksport
- Pengurusan pengangkutan untuk penghantaran tempatan
- Pengurusan dokumentasi penghantaran

HILIRAN
- Penapisan CPO
- Pemeringkatan minyak sawit ditapis, diluntur dan dinyahbau (RBDPO)
- Pemecahan isirung sawit
- Pengeluaran pelbagai produk oleokimia dan barangan pengguna cepat laris
- Memproses dan menjual produk biodiesel
- Pengeluaran barangan pengguna pukal dan bungkus
- Menubuhkan perniagaan makanan haiwan

SEKTOR GULA
- Penapisan gula
- Menjual dan memasarkan gula bertapis dan molase
- Eksport produk gula ditambah nilai

SEKTOR LOGISTIK & LAIN-LAIN
- Perkhidmatan dan fasiliti pemunggahan pukal dan pengangkutan
- Mencebuti perkhidmatan 3PL
- Menyediakan perkhidmatan yang meliputi penyimpanan, pengangkutan, teknologi maklumat & komunikasi dan lain-lain

HASIL	IMBANGAN
MODAL KEWANGAN • Hasil: RM13,259 juta • Dividen daripada usaha sama dan syarikat bersekutu: RM44.06 juta	Modal kewangan merupakan penunjuk utama perkembangan perniagaan kami. Pelaburan dalam Modal Kewangan membolehkan kami mengurus Enam Modal yang dinyatakan dengan berkesan bagi tujuan kelancaran dan perkembangan operasi perniagaan.
MODAL SEMULA JADI • Pengeluaran BTS: 4.45 juta MT • Purata profil umur kelapa sawit: 13.8 tahun • Kadar Purata Hasil: 18.44 MT/Ha • Pengurangan jejak karbon: 158,830 MT kesetaraan CO_2 • Sejumlah 55 beruang matahari telah diselamatkan, dan 39 dilepaskan ke habitat asal	Operasi perniagaan Kumpulan bergantung kepada Modal Semula Jadi dan pelaburan dalam Modal Kewangan akan menentukan kelestarian jangka panjang dalam perdagangan minyak sawit melalui penggunaan tanah yang bertanggungjawab dan penstrukturan usia pokok sawit yang matang dan ekonomik.
MODAL PEMBUATAN • Pengeluaran CPO: 3.07 juta MT • OER: 20.61% • Pemprosesan BTS: 14.90 juta MT • Jumlah jualan minyak dan lemak: 362,773 MT • Jumlah jualan Metil Ester Sawit (PME): 78,668 MT • Pengeluaran gula bertapis: 1.07 juta MT • Jumlah pengendalian: 8.42 juta MT • Jumlah pengangkutan: 6.02 juta MT • 18.08 juta biji benih dijual	Selain daripada pembangunan produk baharu dan aliran perniagaan baharu, kami melabur dalam Modal Pembuatan bagi meningkatkan prestasi kilang sawit dan kilang penapisan. Imbangan perdagangan dengan Modal Kewangan dan Modal Intelek adalah penting bagi mengimbangi kitaran semula jadi dalam perniagaan kami.
MODAL INTELEK • Penganugerahan untuk produk mencegah penyakit pokok kelapa sawit dan perkhidmatan pengecapjarian DNA kelapa sawit • Pembangunan empat produk baharu untuk pengkomersialan Hiliran • Pengklonan pelbagai tanaman bernilai tinggi bagi perladangan bersepadu	Kami melabur untuk meningkatkan nilai Modal Intelek. Pelaburan ini penting bagi meningkatkan kecekapan melalui inovasi dalam Modal Semula Jadi dan Modal Pembuatan. Imbangan ini perlu bagi mengekalkan daya saing kami dan seterusnya menyumbang kepada kelestarian nilai jangka panjang.
MODAL INSAN • 15,517 hari latihan (*training man-days*) • Usaha pengoptimuman tenaga kerja dan kos secara berterusan • Menyiapkan 319 blok perumahan untuk pekerja ladang di seluruh Malaysia	Kami meneruskan pengoptimuman Modal Insan dan kos yang berkaitan bagi penambahan nilai kepada Modal Kewangan. Dalam jangka masa pendek berkemungkinan ianya tidak memberi faedah pada reputasi Kumpulan tetapi ianya imbangan penting untuk memastikan operasi kami berterusan buat jangka masa panjang.
MODAL SOSIAL & PERHUBUNGAN • 33 kilang diperakui Pensijilan RSPO • 55 kilang diperakui Pensijilan MSPO (pensijilan penuh setakat Februari 2020) • 100% kebolehkesanan dari kilang • Memperluaskan kebolehlaksanaan Dasar Kelestarian Kumpulan kepada pembekal pihak ketiga • Menerimapakai Prosedur dan Garis Panduan Pengambilan Tenaga Kerja Asing Secara Bertanggungjawab • Peningkatan rating berkaitan *ESG* - Penilaian *SPOTT* dan Indeks *Green Tigers*	Interaksi dengan pihak berkepentingan adalah penting kepada perniagaan kami dan ianya dapat mewujudkan perhubungan kelestarian yang membantu menyokong Modal Insan dan Modal Kewangan. Kami membina ikatan perhubungan dengan pihak berkepentingan melalui interaksi dengan pekerja, pembekal, jurulatih, rakan usaha sama dan badan kawal selia.

HUBUNGAN ANTARA PERKARA MATERIAL, STRATEGI DAN RISIKO

HUBUNGAN ANTARA PERKARA MATERIAL, STRATEGI DAN RISIKO

HASRAT STRATEGIK	PERKARA MATERIAL	RISIKO	LANGKAH MITIGASI	PENCAPAIAN 2019
OPERASI TERBAIK DALAM KELASNYA Kami bermatlamat untuk mewujudkan masa hadapan yang lestari untuk pihak berkepentingan dengan menitikberatkan perniagaan teras dan menggunakan aset utama dengan cekap.	YI	1. Profil pokok sawit tua menjejaskan kadar hasil keseluruhan. 2. Kekurangan pekerja migran untuk bekerja di ladang. 3. Keadaan cuaca yang tidak menentu mengganggu produktiviti pokok sawit. 4. Bekalan rendah buah tandan segar (BTS) daripada pembekal luar disebabkan oleh saingan pasaran. 5. Risiko Perjanjian Pajakan Tanah (LLA) yang mungkin ditamatkan. 6. Perbezaan harga di pasaran destinasi minyak sawit menyebabkan margin terjejas. 7. Permintaan gula domestik statik, tetapi mempunyai kapasiti penapisan yang berlebihan.	1. Penanaman semula secara berterusan untuk mencapai profil umur optimum. 2. Menyediakan persekitaran hidup yang kondusif untuk mengekalkan tenaga kerja dengan menyediakan kemudahan dan aktiviti sosial, membangunkan pusat latihan penyesuaian untuk pekerja migran, peningkatan insentif bayaran dan subsidi kos perjalanan. 3. Pengaturan penuaian fleksibel untuk memaksimumkan pengumpulan hasil tanaman semasa musim hujan. 4. Semakan harga BTS untuk meningkatkan bekalan BTS daripada pembekal. 5. Interaksi berterusan dengan pihak terlibat untuk mendapatkan jaminan tentang tempoh LLA. 6. Menyediakan analisa pemasaran kepada pedagang sebagai panduan harian untuk fokus kepada pasaran yang mempunyai perbezaan harga yang minimum. 7. Meninjau dan memperkukuh strategi dan pendekatan pemasaran secara progresif, dan mempelbagaikan produk untuk eksport gula cecair dan sirap gula.	1. Memperbaiki profil purata umur kelapa sawit kepada 13.8 tahun. 2. Memperoleh keperluan pekerja migran sebanyak 85%. Mengutamakan kebajikan tenaga kerja ladang menerusi penyediaan penginapan yang lebih baik terutama di kawasan Malaysia Timur. 3. Isipadu BTS meningkat 0.3% berbanding dengan sasaran pada 2019. 4. Bekalan BTS daripada pembekal luaran melebihi sasaran pada 2019 dengan 1.05%. 5. Sering berkomunikasi dan konsisten dalam perhubungan di antara FGV dan FELDA. 6. Tumpuan pasaran di Pakistan dan India bagi pasaran kos tambang bersih (CNF) dan barangan atas kapal (FOB). Kedua-dua pasaran memberi margin sasaran keuntungan serta melindungi keuntungan. 7. Mengenal pasti prospek pembangunan produk untuk perniagaan Hiliran dan kini menjalankan penilaian kebolehlaksanaan. Berterusan menguasai pasaran gula tempatan sebanyak 59%. Pelan yang disusun semula akan digerakkan dengan jangkaan pencapaian pada 2020.
PENGURUSAN KEWANGAN KUKUH Kami berusaha untuk mewujudkan persekitaran kewangan kukuh yang berdaya tahan terhadap cabaran dalaman dan luaran menerusi langkah yang berhemat dan teroptimum untuk memaksimumkan pulangan pihak berkepentingan.	EP	1. Pelaburan yang tidak menguntungkan. 2. Peningkatan kos pemprosesan dan operasi. 3. Harga minyak sawit mentah (CPO) kekal tidak menentu disebabkan kitaran semula jadi industri selain persaingan dari Indonesia. 4. Ketidaktentuan pergerakan tukaran matawang asing. 5. Kemungkinan kegagalan membayar pinjaman berjangka di MSM. 6. Penyusutan aliran tunai modal kerja Kumpulan.	1. Penilaian berterusan prestasi pelaburan yang lepas dan mengenal pasti jurang di antara pencapaian sebenar dan sasaran asal. 2. Usaha bersepadu ke arah pembendungan kos merentas Kumpulan. Belanjawan diteliti dan dipantau dengan rapi bagi memastikan ianya selari dengan pelan asal. 3. Memantau secara konsisten pergerakan harga CPO, menyemak secara kerap strategi dagangan seperti lindung nilai dan upah proses (*tolling*) dan kapasiti pengeluaran, contohnya kawalan kos ladang serta memaksimumkan model perniagaan Hiliran bagi memanfaatkan sepenuhnya penggunaan CPO secara dalaman. 4. Melaksanakan lindung nilai niaga hadapan dan harga sandar menyandar untuk memastikan margin dagangan. 5. Pengstrukturan dan penjadualan semula pinjaman berjangka, peningkatan pembayaran balik bagi amaun utama dan mengesyorkan penyahlaburan bagi aset yang bukan teras di MSM. 6. Memantau ramalan aliran tunai dan berinteraksi dengan pasaran perbankan setiap suku tahun. Menyertai mesyuarat ahli Jawatankuasa Kredit Kumpulan setiap bulan untuk berbincang mengenai invois dan notis bayaran.	1. Penyahlaburan aset bukan teras dan tiada pulangan untuk membaiki kedudukan kewangan. 2. Melaksanakan inisiatif untuk meningkatkan operasi/pemprosesan secara cekap dan menurunkan kos operasi. 3. Berjaya mengurangkan jurang antara harga purata CPO sebenar dengan harga purata anggaran CPO. 4. Kumpulan merekod pengurangan kerugian yang disebabkan oleh lindung nilai yang berkesan. 5. Aliran tunai di MSM bertambah baik dan dijangka meningkat dengan berterusan melalui penyahlaburan aset bukan teras serta menyusun dan mengatur semula pinjaman berjangka. 6. Kumpulan berjaya mencapai sasaran tunai dan kesetaraan tunai melalui perhubungan yang teguh dengan pihak bank. Ianya juga dapat dinikmati melalui tinjauan pasaran global serta memelihara fasiliti perbankan sedia ada bagi menyokong kecairan pengaliran wang Kumpulan.
KEMAPANAN TADBIR URUS DAN ETIKA Kami berusaha untuk membina asas yang mantap dalam perniagaan kami menerusi amalan tadbir urus dan etika yang baik.	GE	1. Impak buruk terhadap reputasi yang timbul daripada kelemahan tadbir urus dalaman. 2. Potensi kerugian yang timbul daripada ketidakcukupan kawalan dalaman. 3. Kekurangan ketelusan membawa persepsi negatif kepada Kumpulan.	1. Memastikan Kumpulan mematuhi keperluan terkini Akta Syarikat 2016, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017, dan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Menubuhkan Panel Penasihat Bebas dalam menyediakan panduan perkara berkaitan tadbir urus korporat dan kelestarian. 2. Memperkukuh tadbir urus Kumpulan dengan menerapkan Dasar dan Prosedur yang komprehensif dan lebih ketat dalam keseluruhan Kumpulan. Menerapkan nilai teras P.R.I.D.E menerusi amalan tadbir urus yang mantap dan etika yang baik melalui kesedaran dan latihan. 3. Memastikan pendedahan yang tepat dan sesuai masanya dibuat tentang perkara material selari dengan keperluan Bursa Malaysia.	1. Pensijilan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) ISO 37001:2016 memainkan peranan yang amat ketara dalam pengukuhan rangka anti rasuah. Panel Penasihat Bebas telah dibentuk dan mesyuarat kali pertama diadakan pada Februari 2020. 2. Memperkukuh tadbir urus korporat dan kawalan dalaman Kumpulan dengan menyemak dan menguatkuasakan Dasar dan Prosedur tadbir urus operasi. Program kesedaran dan latihan yang berterusan telah diadakan di seluruh Kumpulan untuk meningkatkan pemahaman dan komitmen kakitangan. 3. Berinteraksi dengan komuniti pelaburan, media dan bank untuk memastikan ketelusan penuh.
KEUTUHAN ORIENTASI KELESTARIAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL Kami bekerjasama erat dengan individu, pelanggan dan pembekal untuk menerajui kaedah pemaksimuman sumber tanpa menjejaskan pertimbangan ekonomi, alam sekitar dan sosial.	RC HR	1. Kemerosotan kepercayaan pelanggan yang sensitif tentang isu kelestarian terhadap FGV. 2. Tidak memenuhi piawaian kelestarian mengakibatkan kesan buruk terhadap reputasi. 3. Kebolehkesanan bekalan BTS. 4. Kekurangan bakat dan kakitangan berkemampuan. 5. Perubahan peraturan berkaitan pekerja migran yang akan memberikan impak besar kepada Kumpulan.	1. Mengambil inisiatif dan menjayakan program bagi mencapai pematuhan piawaian kelestarian seperti pelan tindakan terperinci untuk kilang sawit mencapai pensijilan penuh Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) dan Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO). 2. Memperhebat usaha untuk meningkatkan amalan mengenai kelestarian di samping terlibat dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk berkomunikasi, dan jika berkaitan, bekerjasama dengan mereka dalam inisiatif yang berkaitan dengan isu kelestarian. 3. Mengenal pasti elemen risiko BTS dan kilang berisiko tinggi melalui pemetaan dengan pembekal. 4. Menyediakan pakej pampasan dan manfaat yang baik, pengekalan bakat dan perancangan penggantian, serta latihan untuk meningkatkan kecekapan. 5. Menyediakan skim gaji mengikut Perintah Gaji Minimum (Pindaan) 2018.	1. Setakat Disember 2019, 33 kilang sawit diperakui RSPO. Setakat 28 Februari 2020, FGV telah diperakui 100% MSPO. 2. FGV telah berinteraksi dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk rakan niaga, bank, pelabur dan agensi kerajaan untuk memastikan mereka terus mengikuti perkembangan usaha FGV dalam menangani masalah kelestarian. FGV juga telah mewujudkan perkongsian strategik dengan pelbagai badan bebas seperti *Fair Labor Association* (FLA), *International Organization for Migration* (IOM) dan *Earthworm Foundation* untuk meningkatkan amalan perburuhan. 3. 50% bekalan luaran BTS telah dibuat pemetaan dan dinilai untuk risiko kelestarian. Usaha ini akan diteruskan pada 2020 untuk baki 50% bekalan BTS. 4. Meningkatkan kecekapan kakitangan menerusi pelbagai latihan yang diadakan sepanjang tahun dan mengkaji pakej imbuhan kepada pekerja yang memegang jawatan kritikal. 5. Pengekalan pekerja migran secara lebih baik.

PELAN PERNIAGAAN KAMI

MELAKSANAKAN STRATEGI PERNIAGAAN UNTUK MENCIPTA NILAI DAN MEMACU PERTUMBUHAN LESTARI

Pertumbuhan ekonomi Malaysia berkembang dan lestari semenjak merdeka pada 1957. Malaysia telah berjaya mempelbagaikan ekonomi berasaskan pertanian dan komoditi kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan dengan kukuh dan mantap.

Bagaimanapun, di era ekonomi yang sangat kompetitif dan juga seperti kebanyakan negara ekonomi berpendapatan sederhana, cabaran seterusnya ialah mencapai status negara maju, yang kelihatan lebih sukar. Di sini terdapat keperluan kepada industri membuat anjakan kepada setiap rantaian nilai pengeluaran dan membangunkan produk tambah nilai yang tinggi.

Di FGV, kami seiring dengan wawasan negara untuk mencapai status negara maju dan berkembang pesat. Peningkatan pendapatan FGV perlu seiring dengan peningkatan pendapatan dan kesejahteraan per kapita negara. Ini pastinya tidak mampu dicapai sekiranya kami masih lagi selesa berada di segmen sedia ada yang hanya mampu menyediakan gaji yang rendah kepada para petugas. Kami perlu berada di segmen kendalian yang betul dalam industri ini bagi meraih pertumbuhan yang diharapkan.

Kami merancang untuk membangunkan aliran pendapatan baharu daripada ekonomi kitaran (*circular economy*) untuk penciptaan nilai dan mengenal pasti produk yang berkait rapat dengan aliran pendapatan sedia ada Kumpulan. Walaupun kami menyedari akan kenaikan kos pengeluaran ketika ekonomi terus meningkat dan memasuki sektor yang tinggi, kami tidak mempunyai pilihan selain menjadi lebih berdaya saing.

Disebabkan ini, FGV akan terus fokus kepada pelaksanaan Pelan Perniagaan 2019-2021 (BP21) yang dirumus untuk membantu menyerlahkan FGV sebagai syarikat perniagaan tani yang bersepadu dan lestari. Kami baharu selesai melaksanakan BP21 untuk tahun pertama dan pencapaiannya sudah dapat dilihat. Penambahbaikan nilai dan peluang perniagaan telah membantu kami untuk menambah pendapatan. Bagi mengekalkan prestasi, kami akan meneruskan asakan strategik seperti berikut:

1. **Pembaikan Operasi**
2. **Produk dan Penembusan Pasaran**
3. **Bidang Pertumbuhan Baharu**
4. **Kewangan dan Pembinaan Keupayaan**

Sehingga kini, Kumpulan telah merangka Peta Strategi untuk memberi gambaran bagaimana pelaksanaan akan dibuat di setiap fasa perniagaan Kumpulan. Peta Strategi ini dipacu oleh empat asakan strategik dan disokong oleh tiga penggerak utama *(enablers)*.

Peta Strategi kami menggariskan kepentingan integrasi operasi untuk FGV bertahan dan berjaya. Kekuatan operasi pengurusan ladang dan fasiliti pemprosesan akan dipertingkatkan melalui pembangunan dan pelaksanaan inisiatif pengeluaran dan pengoptimuman kos.

Keupayaan operasi di pelbagai peringkat rantaian nilai khususnya yang berkait rapat dengan pengguna akan diperkemaskan lagi supaya cepat bertindak menghadapi perubahan pasaran dan seterusnya memberi pulangan berganda kepada pihak berkepentingan. Kami perlu memperluas penawaran produk kepada pengguna akhir untuk memperkukuhkan kehadiran kami di Malaysia dan menembusi pelbagai pasaran eksport. Mewujudkan perniagaan yang berkaitan seperti tanaman selingan, akan memaksimakan ekonomi kitaran, secara tidak langsung akan membantu peningkatan hasil dan ianya hanya memerlukan modal permulaan yang minimal.

Kami akan meningkatkan keupayaan pemasaran dan perdagangan melalui penghasilan jenama yang kukuh dan dikenali. Selain daripada peningkatan penyelidikan dan keupayaan, pembangunan produk juga akan membantu perkembangan perniagaan kami. Perniagaan sokongan sedia ada akan memainkan peranan penting dalam usaha mencapai matlamat kami. Kepantasan dan keberkesanan menguruskan operasi dan mengutamakan pelanggan adalah kritikal. Oleh itu, kami tidak akan berkompromi dalam hal ini. FGV akan terus memberi penekanan kepada perkembangan dalam perniagaan perkhidmatan Logistik, Simpanan Pukal dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Ini bagi memastikan kebolehkesanan produk dan pengangkutan kami dan penghantaran kepada pelanggan dalam masa yang singkat, terurus dan berkesan.

Kesimpulannya, strategi jangka panjang ini akan membawa FGV mara satu langkah ke hadapan. Kami tahu ke mana arah tujuan kami. Kami akan terus melaksanakan inisiatif ini sehingga kami berkembang menjadi salah satu syarikat perniagaan tani di dunia yang bersepadu dan lestari.

KEDUDUKAN BAGI PENCIPTAAN NILAI & PEMBANGUNAN KELESTARIAN

Asakan Strategik	2020 "Prestasi Lestari"	2021 "Pertumbuhan Berkesan"	2022 "Perkembangan Terpilih"
PEMBAIKAN OPERASI	Penyatuan: Rationalisasi, Rehabilitasi, Peningkatan Faktor Penggunaan, Tanaman Selingan dan Tanaman Tunggal		
	Pengukuhan: Pengoptimuman Kos, Tuaian Pemindahan Tanaman Blok Berstruktur, Peraturan & Pematuhan		
	Pembaikan: Memaksimumkan Pendapatan Perniagaan Sumber Boleh Diperbaharui, Mekanisasi, Penanaman Semula		
PRODUK DAN PENEMBUSAN PASARAN	Pengembangan ke Pasaran yang Lebih Besar & Peningkatan Penawaran Produk dalam Sektor Pemakanan, Gula, Produk Asas Tani, Produk Berasaskan Getah, Makanan Haiwan		
	Logistik Barangan Pengguna Cepat Laris (FMCG) Bersepadu, E-Dagang, Meluaskan Pasaran Dagangan		
	Pengoptimuman Biodiesel B20 & B7, Oleokimia Khusus		
BIDANG PERTUMBUHAN BAHARU	Tanaman Kontan, Produk Tenusu & Ternakan, Tenaga Boleh Diperbaharui		
	Penggunaan Aset untuk Mempelbagaikan Bidang Perniagaan Baharu & Kepelbagaian Produk		
	Kolaborasi Sinergi, Penggabungan & Pengambilalihan (M&A)		
KEWANGAN DAN PEMBINAAN KEUPAYAAN	Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) ISO 37001:2016, Memperkuat Terma Usaha Sama, Memperkemas Perolehan, Peningkatan Usaha Kelestarian & Pensijilan		
	Pensaizan & Pemadanan Wajar, Membina Organisasi yang Berasaskan Keupayaan, Penilaian dan Ganjaran Tepat dan Pengurusan Sistem Teknologi Maklumat (MIS)		

PERUTUSAN PENGERUSI

"FGV TELAH MEWARNAI KEHIDUPAN PELBAGAI LAPISAN MASYARAKAT MERANGKUMI PARA PEMEGANG SAHAM, PEKEBUN-PEKEBUN KECIL YANG MEMERLUKAN BANTUAN, RAKAN-RAKAN KONGSI TERMASUK 48,178 TENAGA KERJA KAMI YANG BERKHIDMAT UNTUK MENYARA KEHIDUPAN KELUARGA MEREKA."

Para Pemegang Saham yang dihormati,
di saat kami bersedia untuk mencetak Laporan Bersepadu Tahunan ini, pandemik COVID-19 telah menular dan melumpuhkan aktiviti ekonomi secara langsung di seluruh dunia. Dalam keadaan ini, begitu banyak negara telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan termasuklah penutupan sempadan bagi melindungi masyarakat negara mereka.

DATUK WIRA AZHAR ABDUL HAMID
Pengerusi

Atas kapasiti peribadi, saya bersimpati kepada semua yang terkesan termasuklah ahli keluarga dan mereka yang tersayang. Selaku Pengerusi FGV Holdings Berhad, saya juga khuatir dengan impak kewangan ke atas FGV, para pembekal termasuklah pekebun-pekebun kecil dan juga pelanggan kami. Impak COVID-19 pastinya memberi kesan yang melampau dan berkemungkinan akan menjadi lebih buruk. Sebagai syarikat berteraskan pengeluaran makanan dan sokongan kepada barang keperluan harian, kami berkeupayaan untuk mengharungi musibah dan kekal berdiri teguh, walaupun berhadapan impak negatif jangka masa pendek. Dalam situasi kemerosotan ekonomi dan kelemahan kuasa membeli di peringkat global dan pasaran sedia ada, harga minyak sawit mentah (CPO) akan terkesan sekaligus memberi impak ke atas prestasi kewangan FGV.

Akan tetapi, dengan setiap ujian pasti hadir peluang untuk diraih. Walaupun FGV tidak berada di kedudukan kewangan yang memuaskan sebelum pandemik COVID-19, namun asas pengukuhan kewangan kami masih berada di tahap yang baik. Oleh yang demikian, pihak Lembaga Pengarah akan berusaha dengan lebih gigih demi meringankan impak negatif COVID-19 dan menggunakan kelebihan yang ada untuk merebut segala peluang yang dilihat baik.

TAHUN YANG DIKAJI

Jika 2018 merupakan tahun bagi FGV Holdings Berhad berusaha untuk memantapkan tadbir urus, 2019 pula adalah tahun pelaksanaan pelan transformasi operasi serta strategi bagi mengukuhkan syarikat supaya mampu berdaya saing demi mencapai kejayaan.

Walaupun kami berusaha maju, perjalanan masih lagi jauh untuk menterjemahkan perubahan dalam memastikan kumpulan FGV mengorak langkah di landasan yang kukuh dan cemerlang.

Komitmen 100% terus ditunjukkan oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah dalam mengharungi arus transformasi dan hasilnya sukacita saya maklumkan bahawa kami berjaya pulih dan kembali ke paksi daripada terus menyusut jatuh.

Secara peribadi, penglibatan saya secara langsung dalam pelbagai aspek pengurusan dan perniagaan dapat membantu dan memberi tunjuk ajar kepada kumpulan eksekutif untuk melaksanakan arus transformasi ini. Saya amat yakin dengan keupayaan FGV dan mahu menyaksikan kejayaannya sendiri. FGV telah mewarnai kehidupan pelbagai lapisan masyarakat merangkumi para pemegang saham, pekebun-pekebun kecil yang memerlukan bantuan, rakan-rakan kongsi termasuk 48,178 tenaga kerja kami yang berkhidmat untuk menyara kehidupan keluarga mereka. Kita harus bergerak bersama untuk terus berkongsi kejayaan.

Saya amat bangga dengan dedikasi dan kerja keras yang diberi oleh semua rakan sekerja bagi memulihkan syarikat walaupun dikecewakan dengan harga CPO yang merudum sepanjang 2019 beserta lambakan isu-isu legasi yang terus menghimpit usaha bersama kami untuk menghasilkan keuntungan.

Dengan cabaran yang bertali arus, saya ingin menekankan bahawa terdapat petunjuk positif hasil daripada usaha transformasi yang telah digembeleng selama ini. Meskipun belum mencapai tahap sasaran yang membanggakan, saya sedar bahawa sasaran agresif yang diletakkan agak sukar untuk dicapai tanpa semua kebarangkalian berpihak kepada kami.

Bagi Tahun Kewangan 2019 (TK2019), saya dengan bangganya ingin mengumumkan bahawa segala usaha yang dilaksanakan telah membuahkan hasil apabila keuntungan buat pertama kalinya dicatatkan pada suku ke-4 selepas mengalami kerugian berterusan selama 6 suku berturut-turut sebelumnya. Bagi tahun keseluruhan pula, kami mencatatkan kerugian bersih yang lebih rendah berbanding Tahun Kewangan 2018 (TK2018) walaupun pendapatan menyusut sebanyak 1.5% disebabkan oleh penurunan harga CPO sebanyak 11%, sekaligus membuktikan bahawa perniagaan kami masih utuh walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran.

Untuk butiran lanjut tentang prestasi kewangan, sila rujuk kepada Modal Kewangan di muka surat 32-45 laporan ini.

TRANSFORMASI DITERUSKAN

Dengan pelan tranformasi bersepadu, saya ingin berkongsi tentang inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan untuk penambahbaikan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan. Dalam konteks minyak sawit, amalan pertanian baik (*GAP - Good Agricultural Practices*) telah digunapakai di beberapa estet kami, kemajuan daripada segi peningkatan kadar hasil dan kecekapan telah dicapai. Usaha berterusan dengan khidmat mekanisasi ini berupaya mempercepatkan tuaian pemindahan satu-pertiga daripada kawasan tanaman. Kami juga sedar bahawa penyelarasan keseluruhan produktiviti berkait rapat dengan profil umur pokok kelapa sawit. Oleh yang demikian, penanaman semula diteruskan walaupun ianya bergerak dengan kadar perlahan pada 2019 disebabkan penurunan harga CPO.

Bagi meningkatkan usaha kami, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) telah menginovasi bahan-bahan tanaman serta bekerjasama dengan unit perniagaan bagi menghasilkan pelbagai produk baharu untuk tujuan pemasaran. Sebagai tambahan kepada inisiatif ini, FGV terus mengoptimumkan kos modal insan dengan mengkaji semula faedah dan manfaat yang disediakan termasuk pengurangan jumlah tenaga kerja.

Sementara pemadanan wajar pekerja diteruskan, evolusi budaya kerja juga harus diteliti rapi. Saya berpendapat secara peribadi, walaupun adanya peningkatan, kita perlulah bergerak dengan lebih pantas untuk mencapai budaya kerja berprestasi tinggi. Keputusan berasaskan perniagaan haruslah lebih cekap dan tepat serta disusuli dengan rapi demi membuahkan impak maksima.

Penjimatan proses perolehan juga berjaya diperolehi melalui penambahbaikan proses dan strategi runding cara menjadi asas dalam merangka penjimatan ini. Sebagai menyokong usaha ini, saya begitu teruja untuk berkongsi maklumat mengenai kejayaan FGV sebagai syarikat perladangan pertama yang melaksanakan ABMS secara menyeluruh dan ini telah diperakui mengikut Piawaian Antarabangsa ISO 37001:2016.

KELESTARIAN

Pihak Kumpulan kekal komited dalam agenda kelestarian. Kami secara konsisten memberi laporan mengenai inisiatif yang begitu relevan terhadap agenda ini terutamanya dalam proses pensijilan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO). Walaupun begitu, kami mengakui terdapat halangan namun ianya mampu diperbaiki dengan usaha dan cara yang sepatutnya dilaksanakan dalam pengurusan operasi.

Pada fikiran saya, pembangunan lestari ini tiada galang-gantinya; hanya satu arah melangkah ke hadapan. Apa yang pasti, ianya merupakan komitmen yang tidak boleh diambil ringan. Kelemahan pengurusan korporat akan memberi kesan buruk kepada keuntungan serta pihak berkepentingan. Maka pelaksanaan haruslah tepat di setiap bahagian operasi yang terlibat.

FGV dan Ahli Lembaga Pengarah komited sepenuhnya dalam penerapan nilai-nilai murni serta menghormati hak kemanusiaan termasuk hak pekerja migran. Dalam hal ini, kami telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- Mengkaji semula, mengemaskini dan mengukuhkan Dasar Kelestarian Kumpulan;
- Memastikan kontrak pekerjaan dan manual komunikasi untuk pekerja migran telah diterjemahkan, diterangkan dan difahami;
- Melaksanakan Kod Tatalaku Pembekal yang baharu bagi memastikan pembekal dan kontraktor komited kepada standard and prinsip FGV;
- Melaksanakan Prosedur dan Garis Panduan Pengambilan Tenaga Kerja Asing Secara Bertanggungjawab; dan
- Menyemak kontrak dengan agensi pengambilan pekerja migran dan memasukkan peruntukan untuk melindungi pekerja migran, dan juga memastikan pekerja migran tidak dikenakan sebarang bayaran sepanjang proses pengambilan.

FGV juga mengambil berat tentang peneroka-peneroka FELDA di mana mereka merupakan pembekal dua per tiga buah tandan segar. Hubungan simbiotik yang sekian lama terjalin bukan sahaja memastikan kelangsungan hidup yang terjamin malah meningkatkan taraf perniagaan mereka apabila mendapat perakuan daripada Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO).

FGV telah menubuhkan satu Panel Penasihat Bebas (IAP) bertujuan mengesyor dan memberi khidmat nasihat bebas kepada FGV berkaitan kelestarian dan tadbir urus korporat. IAP terdiri daripada lima pakar dalam bidang berkaitan, di mana setiap syor bakal memberi impak dalam usaha berterusan FGV menghala ke arah kelestarian jitu.

MERENCANA MASA HADAPAN

Masa depan FGV bergantung kepada satu faktor utama – keupayaan kami memaksimakan potensi dan keupayaan penggunaan jumlah bank tanah. Ini seiring dengan 439,230 Ha bank tanah milik FGV, anggaran seluas 351,000 Ha telah dipajak daripada FELDA di bawah Perjanjian Pajakan Tanah (LLA) dengan kos pajakan sebanyak RM248 juta setahun beserta 15% keuntungan bersama daripada hasil perladangan. Untuk terus kekal berdaya saing, FGV perlu lebih produktif dan kompetitif berbanding pesaing.

Dalam konteks ini, kami merancang untuk melaksanakan strategi bagi mengangkat FGV sebagai salah satu syarikat utama dalam industri pertanian dan pembuatan makanan iaitu sektor yang sedia ada untuk dipelopori tanpa menjejaskan perniagaan kelapa sawit yang akan kekal menjadi teras. Strategi ini bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan kepada kitaran harga pasaran CPO dan sekaligus dapat membiayai kos pajakan yang sedia ada. Berdasarkan strategi ini, kami yakin untuk menjana pendapatan baharu daripada sumber perniagaan tambahan di mana ianya sudah mula menjana pendapatan daripada perniagaan ekonomi kitaran (*circular economy*) termasuklah daripada perniagaan tenaga yang boleh diperbaharui.

Secara jitunya, kami akan terus berusaha memperbaiki operasi, meningkatkan kemahiran pekerja, menambahbaik tadbir urus dan mempraktikkan kelestarian. Langkah penciptaan nilai-nilai murni ini adalah langkah jangka panjang namun ianya menjadi harapan saya semoga segala yang kami sasarkan beroleh kejayaan. Walaupun seringkali berliku dan di luar jangkaan, saya amat yakin FGV berkemampuan dari segi berdaya saing untuk mengharungi semua ini.

PENGHARGAAN

Di kesempatan ini, saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan dalam Lembaga Pengarah atas usaha dan dedikasi mereka dalam menggembleng usaha untuk mencapai matlamat dan tugas yang ditetapkan dengan jayanya.

Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan termasuk para pekerja FGV yang sentiasa bersusah-payah dan berusaha dengan komited dalam mengorak langkah ke perubahan yang diimpikan.

Saya juga ingin memanjatkan kesyukuran atas sokongan jitu yang berterusan daripada pihak berkepentingan sepanjang tahun ini. Saya yakin dan pasti keutuhan hubungan baik yang terjalin ini akan membuahkan hasil.

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

"KAMI BERJAYA MELETAKKAN ASAS YANG JITU DEMI KEJAYAAN MASA HADAPAN DAN KAMI BEGITU KOMITED DALAM MENZAHIRKAN TERAS JANGKA PANJANG YANG KUKUH KEPADA PIHAK BERKEPENTINGAN."

Para Pemegang Saham sekalian, FGV Holdings telah berjaya membawa perubahan yang signifikan dalam memulihkan prestasi operasi yang menjadi teras utama perniagaan minyak sawit seiring dengan usaha untuk mara demi masa depan yang lebih cerah.

DATO' HARIS FADZILAH HASSAN
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Kami berjaya meletakkan asas yang jitu demi kejayaan masa hadapan dan kami begitu komited dalam menzahirkan teras jangka panjang yang kukuh kepada pihak berkepentingan. Kemajuan ini dapat dinilai dengan kecekapan dan produktiviti, di dorong oleh matlamat yang bersepadu dan tindakan segera untuk meninggalkan isu legasi yang menghalang kami.

Dari segi prestasi kewangan bagi tahun ini, kami mencatat kerugian bersih sebanyak RM246 juta berbanding RM1,081 juta bagi TK2018. Hasil menurun sebanyak 1.5% bagi TK2019 disebabkan oleh kejatuhan harga purata CPO sebanyak 11%, tetapi ianya berjaya diatasi dengan prestasi cemerlang dalam pengurangan kos pengeluaran (selepas kilang) kepada RM1,503 setiap MT berbanding RM1,800 setiap MT bagi TK2018.

Walaupun kewangan 2019 ini tidak mencerminkan usaha dan dedikasi para pekerja untuk memulihkan operasi, saya yakin dan percaya bahawa kami kini berada dalam posisi yang lebih baik berbanding dengan beberapa tahun kebelakangan. Kami berjaya meletakkan asas yang jitu demi kejayaan masa depan dan kami begitu komited dalam menzahirkan teras jangka panjang yang kukuh kepada pihak berkepentingan.

SOROTON UTAMA

Prestasi Kewangan	**RM13,259 juta** Hasil	**RM297 juta** Keuntungan Operasi Sebelum Rosot Nilai & Perubahan Nilai Saksama dalam Liabiliti Perjanjian Pajakan Tanah (LLA)	**RM339 juta** Kerugian Sebelum Zakat dan Cukai
Penambahbaikan Operasi	Purata Profil Umur Normal	Memperkenalkan Model Baharu untuk 2 estet dan 2 kilang	Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) ISO 37001:2016
Fokus Kelestarian	100% kebolehkesanan untuk Minyak Sawit yang dihasilkan oleh FGV	Penambahbaikan yang ketara sehingga mendapat pengiktirafan untuk Penilaian Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (*ESG Assessment*) oleh Penilaian *SPOTT* dan Indeks *Green Tiger*	55 daripada 68 kilang kami memperolehi Pensijilan MSPO. Setakat Februari 2020, kami berjaya memperolehi 100% Pensijilan MSPO

KEMAJUAN STRATEGI PELAN PERNIAGAAN FGV 2019-2021 (BP21)

BP21 ini dirangka dengan tujuan yang mutlak iaitu memastikan kemunduran dapat ditegah dan memacu kejayaan yang berkekalan dalam setiap peringkat di FGV (*Stop The Decline and Drive Sustainable Growth*). Pelan ini dipacu oleh prinsip dan teras yang tertumpu kepada:

- Menggunapakai segala sumber yang sedia ada untuk mendapat pulangan yang maksimum.
- Penambahbaikan portfolio untuk mengatasi kekurangan/ kelemahan.
- Memaksimakan nilai melalui rantaian nilai perniagaan bersepadu.
- Pembuatan keputusan perniagaan yang digerakkan dan dipertanggungjawabkan secara komersial.
- Mengoptimumkan potensi modal insan dalam mendorong pertumbuhan.

BP21 ini juga direncanakan dengan menyerapkan etika, kelestarian dan sikap bertanggungjawab dalam setiap aspek perniagaan bagi mencipta kejayaan jangka panjang tanpa membelakangkan pihak berkepentingan, alam sekitar, sumber dan kelestarian. Selain itu, empat asakan strategik juga diterap bagi memacu pelan ini untuk mencipta kejayaan yang diharapkan dalam setiap perniagaan teras dan fungsi sokongan. Memandangkan 2019 adalah tahun pertama BP21 ini dilaksanakan dan merangkumi seluruh sektor dalam perniagaan kami, izinkan saya untuk berbincang secara lanjut mengenai prestasi keseluruhan dan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan.

Sektor Perladangan

Sektor Perladangan mencatatkan kerugian yang lebih rendah iaitu sebanyak RM8.85 juta bagi TK2019 berbanding kerugian sebanyak RM988.54 juta bagi TK2018. Kerugian yang dicatat bagi TK2018 disebabkan pengiktirafan kerugian rosot nilai yang tinggi berjumlah RM921 juta berbanding RM27 juta bagi TK2019.

Huluan

Perniagaan di bawah seliaan Sektor Perladangan ini menjadi fokus utama kami dalam penambahbaikan secara keseluruhan operasi bagi membolehkan ianya mencapai produktiviti yang maksima, meningkatkan kualiti dan mengurangkan kos. Pada tahun ini, kami berjaya menghasilkan beberapa pembaharuan yang ketara dengan mencatat kenaikan yang mendadak dalam pengeluaran dan kadar hasil BTS termasuk kadar perahan minyak (OER). Pengeluaran BTS naik sebanyak 5.6% kepada 4.45 juta MT berbanding 4.21 juta MT dengan kadar hasil 18.44 MT sehektar. OER juga mencatatkan kenaikan yang tinggi sebanyak 20.61% daripada 20.49% pada tahun sebelumnya.

Ini semua tidak akan berlaku tanpa amalan pertanian baik (GAP), pengurusan pemindahan tuaian yang cekap dan kualiti BTS yang meningkat. Pelaksanaan GAP berasaskan keperluan kawasan tapak yang spesifik (*Site Specific GAP*) di 30 estet milik kami telah meningkatkan kadar hasil dan ini membuka ruang untuk pelaksanaannya dilebarkan namun ia bergantung kepada hasil 2 projek pilot kami.

Projek pilot pertama akan menguji keberkesanan dalam memaksimakan kegunaan pekerja ladang kami sendiri untuk penanaman semula berbanding menggunakan sumber luar (*outsourcing*), manakala projek pilot kedua akan memaksimakan kegunaan teknologi *Safe Application For Environment* (SAFE) dalam penanaman semula dan ianya adalah piawaian yang tinggi dan bermutu menggunakan teknologi satelit.

Kami juga telah memperkenalkan Model Estet dan Kilang di mana 2 estet dan 2 kilang terpilih telah berjaya mencatatkan kejayaan dalam menurunkan purata kos berbanding estet dan kilang yang lain melalui pelaksanaan Pengurusan Lean (*Lean Practise*) yang terbaik. FGV akan terus berusaha untuk melaksanakan banyak lagi model estet dan model kilang bergantung kepada tahap prestasi kewangan untuk menyokong perubahan ini. Kami juga terpaksa membuat pilihan untuk merasionalisasikan beberapa kilang untuk memaksimakan faktor penggunaan semua kilang yang beroperasi.

Untuk menurunkan purata profil umur normal pokok kelapa sawit, kami telah melakukan penanaman semula sebanyak 8,251 Ha dan demi meningkatkan produktiviti juga kami telah menambah keluasan mekanisasi sekitar 18,500 Ha sekaligus meningkatkan jumlah kawasan mekanisasi kepada 115,000 Ha. Sebagai sokongan, Bahagian R&D terus menyumbang kepada penciptaan nilai dan ianya terbukti dengan kejayaan mereka meraih anugerah bagi bahan tanaman terbaik untuk benih Yangambi yang menguasai sebanyak 44% pasaran biji benih di Malaysia.

Hiliran

Bahagian Hiliran terus berjaya memperkenalkan produk terbaharu dalam pasaran dan berjaya menambah nilai kepada produk yang sedia ada untuk menembusi pasaran dalam segmen ini. Tahun ini, kami berjaya memperkenalkan minyak berkualiti premium (*PQ Oil*) berasaskan minyak sawit mentah. Minyak berkualiti premium ini mempunyai nilai pengkomersialan dan berpotensi untuk dijual dengan harga yang lebih tinggi dan kami bercadang untuk meningkatkan penghasilannya.

Kami terus menguasai pasaran minyak masak tidak bersubsidi sebanyak 34% melalui SAJI iaitu jenama terkenal kami. Selain itu, produk ADELA yang dihasilkan dengan kerjasama bahagian R&D juga telah berjaya menembusi pasaran dalam segmennya tersendiri. Kami akan terus memberi perhatian yang lebih untuk mengembangkan perniagaan barangan pengguna cepat laris (FMCG) dengan menggunakan jenama SAJI, ADELA dan SERI PELANGI.

Kami juga mencatatkan peningkatan yang ketara dalam jumlah jualan Metil Ester Sawit (PME) yang didorong oleh pelaksanaan mandat biodiesel B10 pada Februari 2019 bagi kegunaan sektor pengangkutan. Mandat ini akan diteruskan dengan usaha sama bersama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) untuk memulakan percubaan bagi biodiesel B20.

Penyelidikan dan Pembangunan

Melalui bahagian ini, beberapa produk baharu telah diperkenal seperti pengganti lemak haiwan, pengganti lemak tenusu, protein isirung sawit dan sabun berasaskan kalsium minyak sawit yang kini di peringkat akhir untuk tujuan komersial. Bahagian ini akan terus meneraju usaha dalam membantu untuk memperkenalkan produk-produk baharu dalam pelbagai pasaran.

Getah

Dalam bidang lain, kilang pemprosesan getah kami, Kilang Getah Palong 8 berjaya mencapai faktor penggunaan kilang sebanyak 85% dan ini merupakan pengeluaran tertinggi dalam jangka masa 10 tahun bagi kilang tersebut.

Perladangan Bersepadu

FGV akan terus berusaha untuk mengenalpasti kawasan baharu dan sinergistik yang boleh dikembangkan untuk membantu prestasi jangka panjang di mana kami telah mula memperolehi hasil pendapatan daripada ekonomi kitaran (*circular economy*) dan tenaga yang boleh diperbaharui (*renewable energy*). Selain itu, FGV telah

mula menghasilkan makanan haiwan untuk lembu daging dan tenusu menggunakan inti dedak isirung sawit. Inisiatif ini telah menunjukkan potensi yang memberangsangkan sekaligus memberi contoh terdekat dalam mengusahakan ekonomi kitaran yang sedia ada.

Kami juga telah mengenal pasti cara untuk menggunakan bank tanah kami dengan cekap dan sudah mula meneroka tanaman selingan (*intercropping*) serta menggunakan tanah yang tidak sesuai untuk kelapa sawit bagi tanaman lain.

Dengan penglibatan terbaharu kami dalam penghasilan makanan haiwan, kami mula sedar potensi daripada produk sampingan (*by-products*) yang sebelum ini tidak diberikan perhatian secara khusus. Kami menyasarkan jumlah penghasilan makanan haiwan bagi 2020 akan lebih tinggi daripada jumlah yang dicatatkan pada 2019 iaitu sebanyak 21,653 MT bagi menambahkan lagi pendapatan Kumpulan.

Dalam perniagaan tenaga boleh diperbaharui, kami adalah satu-satunya syarikat perladangan yang mempunyai kilang biogas terbanyak dan telah menghasilkan pendapatan berjumlah RM100 juta tanpa sebarang kos.

Sektor Gula

Sektor Gula telah mencatatkan kerugian sebanyak RM316.13 juta bagi TK2019 berbanding keuntungan yang dicatatkan pada tahun kewangan sebelumnya. Ini disebabkan kos yang amat tinggi untuk kilang penapisan baharu di Johor selain faktor penggunaan yang rendah kerana pertambahan kapasiti daripada kilang ini. Rosot nilai sesetengah aset, harga jualan gula yang rendah dan peningkatan tarif gas juga antara faktor yang menyebabkan kerugian dalam sektor ini.

Untuk tahun ini, kami telah mengambil langkah untuk mengeksport produk gula tambah nilai seperti sirap gula dan gula pra-campuran ke negara-negara di Asia Tenggara. Selain itu, kami juga merancang untuk memasang dandang biojisim (*biomass boiler*) untuk mengurangkan kos penggunaan elektrik kami.

Bahagian Logistik

Bahagian Logistik telah mencatatkan keuntungan sebanyak RM87.49 juta bagi TK2019, meningkat berbanding RM73.14 juta bagi TK2018 berikutan jumlah pengendalian dan pengangkutan yang lebih tinggi. Selain itu, Bahagian Logistik telah bersedia menawarkan perkhidmatan logistik dan pengangkutan bersepadu, di samping berjaya dalam pengendalian bahan kimia asas buat kali pertama.

Bahagian Lain-lain

Bahagian Lain-lain telah mencatatkan kerugian sebanyak RM57.28 juta bagi TK2019 berbanding kerugian tahun sebelumnya sebanyak RM5.51 juta disebabkan oleh rosot nilai dan peruntukan Skim Pemisahan berikutan cadangan penutupan dua entiti.

Inisiatif yang Cekap dan Mantap

Kami telah memperkenalkan inisiatif untuk memperbaiki kedudukan kewangan kami dan keupayaan modal insan ke arah masa hadapan yang cerah. Ini termasuk mengetatkan lagi pengurusan kewangan kami dan pensaizan wajar dalam tenaga kerja. Kami berjaya merealisasikan penjimatan, pemerolehan dan menyahlabur perniagaan yang tidak teras dan tidak mendatangkan hasil.

Kami diiktiraf di peringkat antarabangsa untuk Pensijilan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) ISO 37001:2016, di mana ianya dilaksanakan dan digunapakai di semua peringkat Kumpulan. Pada tahun ini juga, Bahagian Modal Insan Kumpulan berjaya mengoptimumkan polisi faedah demi mengurangkan kos perbelanjaan memandangkan kami berdepan dengan cabaran keadaan.

Pada akhir 2019, kami telah mencapai 7.1% penjimatan kos kakitangan dan pengurangan kakitangan dari 18,742 kepada 17,104, di samping peningkatan produktiviti. Walaubagaimanapun, latihan untuk kakitangan tidak dihentikan kerana kami percaya ia penting dalam membina keupayaan untuk pertumbuhan masa hadapan. Dalam hal ini, kami telah membelanjakan RM3.3 juta melalui pelbagai latihan dengan anggaran 15,517 hari latihan (*training man-days*).

Kami juga memperkenalkan program baharu Y*oung Shapers Programme* (YSP) untuk membentuk dan mendorong sekumpulan bakat muda yang berpotensi, berumur 35 tahun ke bawah, sebagai penggerak untuk merangsang pelan transformasi FGV dan mewujudkan budaya kecemerlangan prestasi. Sejumlah 36 peserta telah berjaya menamatkan program ini pada 2019. Melangkah ke 2020, Kumpulan akan memperkenalkan kerangka pengurusan prestasi baharu yang dibentuk untuk mengembangkan budaya prestasi tinggi. Program YSP akan diteruskan untuk 2020.

MENGATASI CABARAN

Pencapaian yang kami perolehi pada 2019 adalah membanggakan dan luar biasa dengan mengambil kira persekitaran operasi luaran. Dengan harga CPO yang rendah sepanjang 2019 dan kemarau untuk enam bulan pertama, kami memutuskan untuk mengambil langkah sedikit konservatif dengan tidak melakukan penanaman semula secara agresif. Begitu juga dengan aktiviti membaja, namun ini tidak memberi kesan kepada produktiviti di masa hadapan.

Selain itu, kami berupaya mencatat pengeluaran kadar hasil BTS yang tinggi disebabkan beberapa faktor termasuk peratusan tinggi pokok tunas dan pokok matang yang lebih berdaya tahan ketika taburan hujan yang kurang berbanding pokok tua.

Dalam keadaan ekonomi yang sederhana, ketidaktentuan pasaran termasuk sentimen pengguna dan perniagaan yang lemah turut menjadi faktor tidak menentu. 2019 ini menyaksikan industri minyak sawit mengalami harga yang rendah dengan purata kejatuhan 7.2% tahun-ke-tahun dengan harga RM2,077.50 setiap MT. Ini disebabkan oleh stok simpanan minyak sawit mentah yang tertinggi pernah dialami iaitu sebanyak 3.2 juta MT pada permulaan 2019. Walaubagaimanapun, kami berjaya membuat perubahan operasi yang begitu signifikan dan kekal fokus dalam memperbaiki sasaran secara konsisten selain melaksanakan perubahan secara cekap. Selain itu, inovasi untuk mencipta produk baharu tetap diteruskan untuk memenuhi keperluan pasaran.

Saya ingin memuji ribuan pekerja FGV yang berjaya merencanakan perubahan sikap ini, yang menghasilkan peningkatan prestasi melalui kerja keras dan dedikasi mereka. Saya sedar semua tenaga kerja mampu menyerap budaya perubahan yang diinginkan oleh Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan. Ini adalah tanda positif kepada Kumpulan. Kami akan terus mengorak langkah ke arah budaya berprestasi tinggi yang mencerminkan tanggungjawab dan integriti. Saya begitu yakin FGV mampu mengatasi segala halangan yang berada di hadapan.

KELESTARIAN MENJADI NADI UTAMA

Kelestarian bukan sesuatu yang baharu untuk FGV. Kami telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membuktikan komitmen kami terhadap kelestarian dan memastikan ia berjaya diterap dalam semua perihal. Ini dilihat dari perspektif yang besar seperti menghormati hak asasi manusia, melindungi alam sekitar dan menghubungkan pekebun-pekebun kecil dan pasaran global.

Dalam konteks pengeluaran minyak sawit lestari, kami sudah berjaya mendapatkan pensijilan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) untuk hampir separuh daripada 68 kompleks. Manakala bagi Pensijilan MSPO pula, setakat 28 Februari 2020 kami telah berjaya mendapatkan pensijilan sepenuhnya untuk kesemua kompleks kami. 2019 adalah tahun di mana FGV memberi tumpuan masa dan tenaga dalam membantu pekebun-pekebun kecil untuk memperoleh pensijilan MSPO dengan kerjasama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Ini seiring dengan matlamat utama kami yang bukan hanya untuk membantu pekebun-pekebun kecil mendapatkan Pensijilan MSPO malah dengan usaha ini, kami berjaya mendapat 100% kebolehkesanan daripada ladang mereka yang membekal kepada FGV.

Dalam hal ini, usaha untuk memperbaiki kebolehkesanan meliputi seluruh rantaian bekalan merupakan fokus utama di mana kami berjaya mencapai 100% kebolehkesanan minyak sawit kami kepada kilang. FGV juga menunjukkan kemajuan yang ketara berdasarkan skor yang tinggi di dalam penilaian bertaraf antarabangsa seperti *Sustainability Policy Transparency Toolkit (SPOTT)* dan Indeks *Green Tiger* yang telah dijalankan pada 2019. Seterusnya kami baharu sahaja memperkukuhkan Dasar Kelestarian Kumpulan di mana ianya meliputi semua vendor dan pembekal pihak ketiga. Langkah ini merupakan tambahan kepada komitmen kelestarian dan hak asasi manusia dalam rantaian pembekal. Sebagai tambahan, kami dengan sokongan *Procter & Gamble Chemical* (PGC) telah menjadi syarikat yang berdaftar dengan *Fair Labor Association* (FLA). Dengan hubungan bersama FLA ini, FGV akan dapat mengenal pasti, menangani dan menyelesaikan permasalahan berkaitan amalan perburuhan, yang termasuk dalam rantaian bekalan kami.

TINJAUAN DAN PROSPEK

Tinjauan untuk industri kelapa sawit masih samar disebabkan oleh kesan buruk pandemik COVID-19 di mana telah menyebabkan ekonomi global terhenti seketika. Kesan keseluruhan ini masih belum dapat dipastikan lagi namun pastinya FGV akan terkesan kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan Malaysia pada 18 Mac 2020 yang lalu telah menghadkan penggunaan tenaga kerja, ketidaktentuan perniagaan dan pergerakan pembeli yang terhad. Kami menjangka pengeluaran BTS akan mengalami kejatuhan yang mendadak. Untuk perniagaan hiliran, kami mengunjurkan pengurangan dalam jumlah pemprosesan terutamanya untuk dieksport dan segmen pukal.

FGV pasti membuat yang terbaik untuk mengatasi semua cabaran dan akan mengkaji semula segala strategi untuk mengurangkan kesan kepada operasi perniagaan. Selain itu, sebagai syarikat yang prihatin dan bertanggungjawab, FGV akan terus membantu seluruh tenaga kerja termasuk pekerja migran dan pekerja tempatan. Di dalam tempoh PKP ini, kami telah menyediakan barangan asas seperti beras, gula, minyak masak, tepung, kopi dan telur kepada semua pekerja ladang. Manakala kami juga menyediakan makanan harian kepada pekerja kilang supaya mereka tidak perlu keluar untuk mendapatkan makanan. Kami juga turut menghulurkan bantuan kewangan kepada tenaga kerja yang memerlukan ketika tempoh ini selain melancarkan dana untuk membantu mereka yang berkategori B40 terutamanya kepada mereka yang kehilangan pekerjaan dan bergantung kepada pendapatan harian.

PENGHARGAAN

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Lembaga Pengarah yang menjadi tunjang organisasi kami.

Saya juga ingin merakamkan rasa terima kasih kepada semua tenaga kerja yang begitu tekun dan pantas bergerak dalam menjalankan tugas mereka. Mereka semua telah memainkan peranan yang penting dalam merealisasikan pelan transformasi dan saya berharap mereka akan terus berkhidmat dalam menempuh cabaran yang baharu.

Terima kasih juga kepada para pemegang saham dan komuniti FELDA di atas sokongan yang tidak berbelah bahagi. Tidak lupa juga kepada pihak berkepentingan yang begitu istimewa dalam melakar sejarah dan harapan yang sama ke arah penciptaan nilai. Akhir sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak berkepentingan lain termasuk badan kawal selia, rakan-rakan media, para pembekal dan rakan-rakan kongsi di Malaysia mahupun di luar negara atas kerjasama selama ini. Bagi pihak FGV, saya berharap agar perhubungan ini berterusan demi memacu FGV menuju kejayaan yang diimpikan.

SOROTAN

Laporan ini menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Securities. Perbincangan & Analisis Pengurusan (MD&A) memberi penekanan kepada penyata prestasi bukan kewangan perniagaan kami seperti perniagaan Kumpulan, operasi dan prestasi. Kami telah merangka MD&A pada tahun ini berdasarkan maklumat yang perlu dinyatakan seperti:

KANDUNGAN

Modal Kewangan
- Prestasi kewangan Kumpulan dan Sektor
- Penyata Nilai ditambah dan Nilai diagih
- Ringkasan Lima Tahun Kewangan Kumpulan

Muka surat 32-45

Modal Semula Jadi
- Prestasi bank tanah dan ladang
- Kelestarian

Muka surat 46-51

Modal Pembuatan
- Prestasi Sektor Perladangan
  - Huluan & Perdagangan
  - Hiliran
  - Penyelidikan dan Pembangunan
- Prestasi Sektor Gula
- Prestasi Sektor Logistik & Lain-lain

Muka surat 52-63

Modal Intelek
- Penyelidikan dan Pembangunan
- Harta Intelek

Muka surat 64-67

Modal Insan

Muka surat 68-73

Modal Sosial & Perhubungan
- Perhubungan dengan Pihak Berkepentingan
- Minyak Sawit Lestari

Muka surat 74-81

PERBINCANGAN & ANALISIS PENGURUSAN

MODAL KEWANGAN

TINJAUAN KESELURUHAN

Modal Kewangan Kumpulan menyediakan keupayaan untuk Modal lain berkembang di mana ia juga bertujuan menambah nilai kepada Modal Kewangan dari masa ke masa. FGV mengambil pendekatan yang cermat apabila menggunakan Modal Kewangan bagi memastikan operasi perniagaan Kumpulan boleh bertahan untuk jangka masa yang panjang. Pada 2019, kami mengoptimumkan penggunaan aset dan liabiliti dan pada masa yang sama memberi penekanan kepada kecekapan modal melalui program transformasi yang fokus kepada perkembangan operasi.

Kami Sejajarkan **Modal Kewangan** dengan:

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG): 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH

Asakan Strategik:

Perkara Material: EP

PEMACU UTAMA KEWANGAN

Pengoptimuman Kos

- Kumpulan telah mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengurangkan kos yang mana difikirkan perlu. Pada 2019, kami mengambil langkah mengoptimumkan manfaat pekerja dan juga melaksanakan skim pemisahan bersama pekerja (MSS). Impak ke atas kewangan Kumpulan daripada inisiatif ini hanya dapat dilihat pada tahun 2020.
- Sebagai tambahan, Kumpulan memantau perbelanjaan perolehan dan telah menjadikan pengurusan kos sebagai salah satu petunjuk prestasi utama bagi seluruh organisasi.

Pengurusan Penyata Kedudukan Kewangan

- Kumpulan berterusan menguruskan penyata imbangan secara strategik. Perbelanjaan modal kekal berada pada tahap yang berhemat dan pihak Pengurusan sentiasa mengawasi belum terima untuk memastikan modal kerja sentiasa diuruskan dengan berkesan.
- Perbendaharaan Kumpulan sentiasa memantau pergerakan aliran tunai.
- Sebagai tambahan, Kumpulan meneruskan pelupusan ke atas perniagaan bukan teras dan tidak menguntungkan. Pada 2019, Kumpulan telah melupuskan syarikat FGV China Oils Ltd. dan Paragon Yield Sdn. Bhd. dengan perolehan masing-masing sebanyak RM97 juta dan RM29 juta.

Program Transformasi:

- Program transformasi yang khusus dilaksanakan untuk mencapai operasi yang cemerlang telah membuahkan hasil dengan prestasi operasi yang lebih baik pada 2019. Ini terbukti apabila kami mencatat jumlah pengeluaran BTS yang lebih tinggi dari ladang serta kadar perahan minyak (OER) yang memberangsangkan dari kilang seterusnya mengurangkan kos pengeluaran CPO (selepas kilang) sebanyak 17% kepada RM1,503 setiap MT.

HASIL	KEUNTUNGAN OPERASI SEBELUM ROSOT NILAI & PERUBAHAN NILAI SAKSAMA LIABILITI LLA	KERUGIAN SEBELUM ZAKAT DAN CUKAI
RM13,259 Juta	RM297 Juta	RM339 Juta

HARGA CPO VS PENDAPATAN SEBELUM FAEDAH DAN CUKAI (EBIT)



Keuntungan operasi sebelum rosot nilai dan LLA bergerak selari dengan harga CPO direalisasi kecuali pada 2016 di mana penurunan keuntungan operasi telah dicatat walaupun terdapat peningkatan harga CPO berbanding pada 2015. Pengeluaran BTS menurun sebanyak 16% berbanding pada 2015 sekaligus mendorong kepada kenaikan kos pengeluaran CPO (selepas kilang) setiap MT. Sebagai tambahan, Sektor Gula mencatat keuntungan yang lebih rendah pada 2016 disebabkan peningkatan kos gula mentah dan kejatuhan Ringgit.

Maklumat pembayaran LLA boleh didapati dalam laman web kami, www.fgvholdings.com

PRESTASI KEWANGAN

Kumpulan mencatat hasil sebanyak RM13,259 juta pada 2019, menurun 1.5% berbanding RM13,464 juta pada tahun sebelumnya. Penurunan hasil disebabkan kejatuhan harga CPO sebanyak 11% pada 2019 kepada RM2,021 setiap MT berbanding dengan RM2,282 setiap MT pada 2018 walaupun jualan meningkat. Sektor Gula juga mencatatkan purata harga jualan yang lebih rendah sebanyak 6%.

Kumpulan mencatat kerugian sebelum zakat dan cukai (LBZT) yang lebih rendah kepada RM339 juta pada 2019 berbanding RM1,025 juta pada 2018 di mana punca utamanya ialah:

- Margin produk minyak sawit yang lebih tinggi berikutan penurunan kos pengeluaran CPO (selepas kilang) kepada RM1,503 setiap MT berbanding RM1,800 setiap MT, dibantu oleh pengeluaran BTS yang meningkat.
- Rosot nilai diiktiraf berkurang kepada RM254 juta pada 2019 berbanding RM949 juta pada 2018 turut menyumbang kepada penurunan kerugian.
- Penurunan kos kewangan disebabkan peningkatan kos pinjaman yang dipermodalkan sebanyak RM54 juta (2018: RM31 juta) berikutan penjelasan MFRS 123 Kos Pinjaman pada 2019. Walaubagaimanapun, ianya telah diimbangi dengan kos modifikasi pinjaman berjumlah RM26 juta berkaitan dengan pengstrukturan semula pinjaman oleh subsidiari Kumpulan MSM.
- Peningkatan bahagian keputusan daripada usaha sama dan syarikat bersekutu.

KECAIRAN ASET

FGV menitikberat modal yang digunakan agar ianya berkesan dan cekap. Dengan itu, Kumpulan akan melupuskan perniagaan bukan teras yang menggunakan sumber dana tetapi tidak memberi pulangan seperti yang dijangka oleh pelabur.

Pada 2019, FGV melupuskan FGV China Oils Ltd. dengan keuntungan sebanyak RM219,000 dan melupuskan saham dalam syarikat bersekutu, Paragon Yield Sdn. Bhd. dengan kerugian sebanyak RM1.41 juta.

PELUPUSAN SUBSIDIARI

Perolehan	Keuntungan
RM97 Juta	**RM0.22 Juta**
2018: Tiada	2018: Tiada

PELUPUSAN SYARIKAT BERSEKUTU

Perolehan	Kerugian
RM29 Juta	**(RM1.41) Juta**
2018: RM145 Juta	2018: (RM18.49) Juta

ROSOT NILAI

Rosot nilai dilaksanakan bagi mengukuh kedudukan kewangan kami untuk jangka masa panjang di mana aset berkenaan telah menyebabkan kerugian kepada Kumpulan dan tidak mampu untuk memberi keuntungan pada masa hadapan.

Rosot nilai sebanyak RM147 juta telah dicatat berikutan program rasionalisasi aset di dalam Sektor Gula akibat daripada lebihan kapasiti pengeluaran dan sebanyak RM21 juta untuk kilang biogas yang beroperasi di bawah kapasiti. Selain daripada itu, rosot nilat bersih diiktiraf sebanyak RM86 juta disebabkan tunggakan belum terima terutamanya daripada syarikat usaha sama.

PENYATA KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN

Dalam RM'000	Kumpulan		
	2019	2018 (Dinyatakan semula)	T-k-T
Hasil	**13,259,012**	13,464,480	-1.5%
Kos jualan	**(12,049,310)**	(12,097,034)	0.4%
Keuntungan kasar	**1,209,702**	1,367,446	-11.5%
Pendapatan lain operasi	**100,391**	121,472	-17.4%
Kos jualan dan pengagihan	**(149,908)**	(161,336)	7.1%
Perbelanjaan pentadbiran	**(861,554)**	(928,211)	7.2%
Perbelanjaan lain operasi	**(3,558)**	(38,751)	90.8%
Keuntungan lain, bersih	**2,322**	6,143	-62.2%
Keuntungan operasi sebelum rosot nilai dan perubahan nilai saksama liabiliti LLA	**297,395**	366,763	-18.9%
Rosot nilai aset kewangan (bersih)	**(86,300)**	(153,160)	43.7%
Rosot nilai aset bukan kewangan (bersih)	**(168,262)**	(795,673)	78.9%
Perubahan nilai saksama liabiliti LLA	**(236,821)**	(233,379)	-1.5%
Kerugian operasi	**(193,988)**	(815,449)	76.2%
Pendapatan kewangan	**25,085**	33,969	-26.2%
Kos kewangan	**(183,158)**	(202,442)	9.5%
Bahagian keputusan daripada syarikat bersekutu	**(1,625)**	(11,721)	86.1%
Bahagian keputusan daripada usaha sama	**14,858**	(29,324)	>100%
Kerugian sebelum zakat dan cukai	**(338,828)**	(1,024,967)	66.9%
Zakat	**(6,397)**	(18,603)	65.6%
Cukai	**(25,931)**	(100,034)	74.1%
Kerugian bagi tahun kewangan	**(371,156)**	(1,143,604)	67.5%
Kerugian boleh diagih kepada:			
- **Pemilik Syarikat**	**(246,174)**	(1,080,923)	77.2%
- Kepentingan tidak mengawal	**(124,982)**	(62,681)	-99.4%
	(371,156)	(1,143,604)	67.5%

ANALISA SEGMEN

Dalam RM'000	Hasil 2019	Hasil 2018	T-k-T
Sektor Perladangan	**10,861,832**	10,737,522	1%
Sektor Gula	**2,007,011**	2,201,856	-9%
Bahagian Logistik	**198,054**	203,218	-3%
Bahagian Lain-lain	**155,755**	267,794	-42%

Dalam RM'000	Keuntungan/(kerugian) Sebelum Zakat dan Cukai 2019	Keuntungan/(kerugian) Sebelum Zakat dan Cukai 2018	T-k-T
Sektor Perladangan	**(8,847)**	(988,535)	99%
Sektor Gula	**(316,129)**	58,710	<100%
Bahagian Logistik	**87,492**	73,143	20%
Bahagian Lain-lain	**(57,281)**	(5,507)	<100%

Sektor Perladangan

Sektor Perladangan mencatat kerugian yang lebih rendah iaitu sebanyak RM8.85 juta pada TK2019 berbanding RM988.53 juta yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Kerugian yang ketara pada tahun sebelumnya disebabkan pengiktirafan rosot nilai berjumlah RM921 juta.

Pada 2019, sektor ini mencatat rosot nilai berjumlah RM27 juta. Tanpa rosot nilai, sektor ini memperolehi keuntungan sebanyak RM18.15 juta pada 2019 berbanding RM67.53 juta kerugian pada 2018. Keuntungan ini didorong oleh peningkatan margin CPO dan kos pengeluaran (selepas kilang) yang lebih rendah serta Bahagian Hiliran yang mencatatkan peningkatan margin dan jumlah jualan yang tinggi oleh perniagaan isirung sawit dan Bahagian Getah. Sebagai tambahan, bahagian keputusan daripada syarikat usaha sama yang lebih baik pada 2019 telah membantu meningkatkan prestasi kewangan sektor ini.

Pengeluaran BTS meningkat sebanyak 5.6% kepada 4.45 juta MT berbanding 4.21 juta MT dengan hasil sebanyak 18.44 MT setiap hektar. Kadar perahan minyak (OER) juga telah meningkat kepada 20.61% daripada 20.49% yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Purata harga CPO direalisasi yang lebih rendah pada RM2,021 setiap MT berbanding RM2,282 setiap MT pada tahun sebelumnya telah memberikan kesan kepada prestasi kewangan sektor ini.

Sektor Gula

Sektor Gula mencatatkan kerugian sebanyak RM316.13 juta pada 2019 berbanding keuntungan sebanyak RM58.71 juta bagi TK2018 yang mana sebahagian besarnya disebabkan oleh margin yang rendah berikutan lambakan stok gula bertapis di dalam pasaran tempatan. Ini disebabkan pengeluaran permit import (AP) yang diluluskan untuk mengimport gula telah menyebabkan peningkatan persaingan dan seterusnya mengakibatkan kejatuhan harga purata jualan. Margin yang rendah juga dicatatkan di pasaran eksport berikutan lambakan gula di pasaran global.

Sektor ini terpaksa menanggung kos gula mentah yang tinggi berikutan perjanjian kontrak terdahulu. Kos operasi meningkat disebabkan faedah pinjaman yang tinggi yang digunakan untuk membina kilang penapisan di Johor dan peningkatan susut nilai apabila ianya dikomersialkan. Kadar penggunaan kilang juga rendah sejajar dengan pengurangan hasil pengeluaran untuk tahun ini berikutan lebihan penawaran di pasaran dan eksport yang menurun.

Sebagai tambahan, Sektor ini mengalami peruntukan aset rosot nilai berjumlah RM147 juta sebagai sebahagian strategi untuk mengukuhkan lagi kecemerlangan operasi.

Untuk maklumat lanjut prestasi Sektor Gula, sila rujuk Laporan Tahunan MSM Malaysia Holdings Berhad yang terdapat dalam laman web: www.msmsugar.com

Bahagian Logistik

Bahagian Logistik mencatat keuntungan sebanyak RM87.49 juta pada 2019, lebih tinggi berbanding RM73.14 juta pada 2018 disebabkan oleh peningkatan pengendalian dan pengangkutan pada tahun kewangan ini.

Bahagian Lain-lain

Bahagian ini merekod kerugian sebanyak RM57.28 juta pada 2019 berbanding kerugian RM5.51 juta pada 2018 disebabkan rosot nilai bersih belum terima sebanyak RM8 juta dan hartanah, loji dan peralatan sebanyak RM21 juta. Ini dibebankan dengan peruntukan skim pemisahan berjumlah RM20 juta berikutan penutupan dua entiti. Penutupan itu bersesuaian dengan inisiatif Kumpulan untuk memberi fokus kepada perniagaan teras.

KEDUDUKAN KEWANGAN KUMPULAN

Jumlah Aset

Jumlah Aset menurun sebanyak 7% daripada RM18,992 juta kepada RM17,702 juta disebabkan:

- Penurunan nilai hartanah, loji dan peralatan yang disebabkan oleh rosot nilai sebanyak RM160 juta berikutan rasionalisasi kilang penapisan gula dan kilang biogas yang beroperasi di bawah kapasiti.
- Pelupusan pelaburan syarikat bersekutu, Paragon Yield Sdn. Bhd., dengan nilai bawaan sebanyak RM30 juta.
- Rosot nilai jumlah belum terima/pinjaman belum terima daripada syarikat usaha sama berjumlah RM137 juta dan bayaran balik pinjaman sebanyak RM22 juta daripada syarikat usaha sama yang lain.
- Walaubagaimanapun, penurunan ini telah diimbangi dengan kenaikan deposit, tunai dan baki di bank disebabkan penurunan kos pegangan inventori, perolehan daripada pelupusan FGV China Oils Ltd. dan Paragon Yield Sdn. Bhd. sebanyak RM126 juta dan perolehan cukai boleh tuntut yang lebih baik.

Jumlah Liabiliti

Jumlah liabiliti menurun sebanyak 6% daripada RM12,388 juta kepada RM11,601 juta:

- Sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan pinjaman, pengurangan pinjaman belum bayar kepada pemegang saham utama dan belum bayar yang lebih rendah.

Jumlah Ekuiti

Jumlah Ekuiti menurun sebanyak 8% daripada RM6,604 juta kepada RM6,100 juta:

- Kerugian dicatat pada tahun kewangan dan dividen dibayar kepada kepentingan tidak mengawal subsidiari membawa kepada penurunan jumlah ekuiti.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Dalam RM'000	Kumpulan 31.12.2019	31.12.2018 (Dinyatakan semula)	1.1.2018 (Dinyatakan semula)
ASET			
Aset bukan semasa			
Hartanah, loji dan peralatan	**8,190,118**	8,501,173	8,391,626
Hak penggunaan aset dalam tempoh pajakan	**2,213,761**	2,365,422	2,381,293
Pelaburan hartanah	**106,049**	118,370	118,169
Aset tidak ketara	**969,754**	996,021	1,536,568
Kepentingan dalam syarikat bersekutu	**39,757**	101,082	275,478
Kepentingan dalam usaha sama	**437,064**	488,175	585,773
Belum terima	**86,736**	76,211	88,057
Jumlah belum terima daripada pemegang saham utama	**52,276**	134,982	-
Jumlah belum terima daripada usaha sama	**1,017**	62,929	26,941
Jumlah belum terima daripada syarikat berkaitan lain	**12,218**	126,334	-
Aset cukai tertunda	**651,301**	608,045	742,706
Aset kewangan derivatif	**-**	561	717
Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif	**107,434**	86,224	91,302
Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian	**-**	-	66,575
Pinjaman belum terima daripada usaha sama	**-**	70,201	71,431
	12,867,485	13,735,730	14,376,636
Aset Semasa			
Inventori	**1,313,037**	2,063,235	2,132,303
Aset biologi	**45,766**	42,446	54,338
Belum terima	**1,213,217**	1,235,861	1,364,216
Aset kontrak	**28,417**	33,733	13,091
Jumlah belum terima daripada pemegang saham utama	**70,375**	27,610	218,757
Jumlah belum terima daripada usaha sama	**148,011**	326,389	472,938
Jumlah belum terima daripada syarikat berkaitan lain	**76,618**	50,206	122,209
Cukai boleh diperoleh semula	**51,264**	202,006	203,309
Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian	**58,940**	46,055	55,730
Aset kewangan derivatif	**18,388**	3,706	6,875
Deposit, baki tunai dan di bank	**1,617,622**	1,220,351	1,740,658
	4,641,655	5,251,598	6,384,424
Aset dipegang untuk jualan	**192,499**	4,829	72,239
	4,834,154	5,256,427	6,456,663
Jumlah Aset	**17,701,639**	18,992,157	20,833,299

Dalam RM'000	Kumpulan 31.12.2019	31.12.2018 (Dinyatakan semula)	1.1.2018 (Dinyatakan semula)
EKUITI DAN LIABILITI			
Modal dan rizab			
Modal saham	**7,029,889**	7,029,889	7,029,889
Saham perbendaharaan	**(302)**	(705)	(1,484)
Rizab tukaran asing	**52,218**	103,551	119,077
Rizab penyusunan semula	**(3,089,497)**	(3,089,497)	(3,089,497)
Rizab lain	**(20,682)**	(31,003)	(12,029)
Perolehan terkumpul	**201,575**	452,918	1,531,137
Ekuiti boleh diagihkan kepada pemilik Syarikat	**4,173,201**	4,465,153	5,577,093
Kepentingan tidak mengawal	**1,927,099**	2,138,628	2,253,750
Jumlah ekuiti	**6,100,300**	6,603,781	7,830,843
Liabiliti bukan semasa			
Pinjaman	**766,054**	991,506	733,234
Liabiliti pajakan	**258,957**	251,332	228,405
Pinjaman belum bayar kepada pemegang saham utama	**883,176**	1,074,045	1,222,765
Liabiliti perjanjian pajakan tanah ("LLA")	**4,063,332**	4,079,836	4,067,794
Liabiliti kewangan derivatif	**5,166**	-	-
Peruntukan aset persaraan	**32,124**	31,810	32,725
Peruntukan pelan manfaat ditentukan	**87,801**	82,961	87,768
Liabiliti cukai tertunda	**671,954**	735,370	812,363
Belum bayar	**12,000**	-	-
	6,780,564	7,246,860	7,185,054
Liabiliti semasa			
Belum bayar	**906,970**	1,227,785	1,178,883
Liabiliti kontrak	**77,623**	41,209	58,714
Pinjaman belum bayar kepada pemegang saham utama	**3,322**	85,058	164,551
Jumlah belum bayar kepada pemegang saham utama	**216,558**	187,582	483,166
Jumlah belum bayar kepada syarikat bersekutu	**485**	210	37

Dalam RM'000	Kumpulan 31.12.2019	31.12.2018 (Dinyatakan semula)	1.1.2018 (Dinyatakan semula)
Jumlah belum bayar kepada usaha sama	**-**	249	-
Jumlah belum bayar kepada syarikat berkaitan lain	**1,604**	2,559	128,641
Liabiliti kewangan derivatif	**29,266**	7,545	1,039
Pinjaman	**3,254,504**	3,252,605	3,376,922
Liabiliti pajakan	**41,838**	42,748	40,284
Peruntukan aset persaraan	**655**	662	648
Peruntukan kerugian perundangan	**-**	35,541	32,841
Liabiliti cukai semasa	**34,520**	8,606	3,712
Liabiliti LLA	**252,814**	248,172	325,486
	4,820,159	5,140,531	5,794,924
Liabiliti berkaitan dengan aset dipegang untuk jualan	**616**	985	22,478
	4,820,775	5,141,516	5,817,402
Jumlah liabiliti	**11,601,339**	12,388,376	13,002,456
Jumlah ekuiti dan liabiliti	**17,701,639**	18,992,157	20,833,299

NISBAH UTAMA KEWANGAN

	Nota	UOM	2019	2018 (Dinyatakan Semula)	T-k-T	
Jumlah Aset		RM Juta	17,702	18,992	-7%	▼
Jumlah Liabiliti		RM Juta	11,601	12,388	-6%	▼
Deposit, baki tunai dan di bank		RM Juta	1,618	1,220	33%	▲
Aset Bersih sesaham		RM	1.14	1.22	-7%	▼
Jumlah Ekuiti		RM Juta	6,100	6,604	-8%	▼
Perolehan sesaham (EPS)		sen	(6.7)	(29.6)	77%	▲
Pulangan Dana Pemegang Saham (ROSF)		%	(5.90)	(24.21)	76%	▲
Jumlah Pinjaman		RM Juta	4,907	5,403	-9%	▼
Jumlah Pinjaman dan LLA		RM Juta	9,223	9,731	-5%	▼
Nisbah Kecairan	(i)	Kadar	1.00	1.02	-2%	▼
Nisbah Penggearan*	(ii)	Kadar	1.51	1.47	3%	▲
Nisbah Penggearan (tidak termasuk LLA)		Kadar	0.80	0.82	-2%	▼

* *Nisbah penggearan bersamaan jumlah pinjaman, pinjaman belum bayar kepada pemegang saham utama dan liabiliti LLA (Liabiliti semasa dan Liabiliti bukan semasa) dibahagikan dengan jumlah ekuiti.*

(i) Penurunan nisbah kecairan disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman jangka panjang.
(ii) Disebalik penurunan dalam jumlah pinjaman dan LLA sebanyak 5%, nisbah penggearan meningkat kepada 3% kerana penurunan dalam jumlah ekuiti disebabkan kerugian yang berlaku pada tahun kewangan.

ALIRAN TUNAI KUMPULAN

Keseluruhan baki tunai Kumpulan setakat 31 Disember 2019 meningkat sebanyak 33% kepada RM1,618 juta berbanding RM1,220 juta pada 2018. Aliran tunai meningkat disebabkan oleh peningkatan pengurusan modal kerja, belum terima, perolehan cukai boleh tuntut yang lebih baik dan perolehan daripada pelupusan subsidiari dan syarikat bersekutu pada tahun kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI

Dalam RM'000	Kumpulan 2019	2018 (Dinyatakan semula)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Kerugian bagi tahun kewangan	**(371,156)**	(1,143,604)
Pelarasan bagi:		
Cukai	**25,931**	100,034
Zakat	**6,397**	18,603
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	**672,397**	647,270
Kerugian rosot nilai hartanah, loji dan peralatan (bersih)	**159,802**	216,069
Hartanah, loji dan peralatan dihapus kira	**14,486**	24,488
Keuntungan/(kerugian) ke atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan (bersih)	**12**	(80)
Susut nilai hak penggunaan aset dalam tempoh pajakan	**71,239**	80,651
Kerugian rosot nilai/(pembalikan rosot nilai) hak penggunaan aset dalam tempoh pajakan	**8,281**	(319)
Susut nilai pelaburan hartanah	**12,321**	12,417
Rosot nilai pelaburan hartanah	**-**	1,218
Pelunasan aset tidak ketara	**27,779**	27,395
Aset tidak ketara dihapus kira	**2,173**	2,784
Kerugian rosot nilai aset tidak ketara	**179**	526,625
Kerugian rosot nilai aset dipegang untuk jualan	**-**	52,080
(Pembalikan rosot nilai)/kerugian rosot nilai jumlah belum terima daripada pemegang saham utama	**(27,860)**	40,844
Kerugian rosot nilai jumlah belum terima dalam usaha sama	**89,669**	20,212
(Pembalikan rosot nilai)/kerugian rosot nilai jumlah belum terima daripada syarikat berkaitan lain	**(30,440)**	19,990
Kerugian rosot nilai pinjaman belum terima daripada usaha sama	**47,171**	2,300
Keuntungan ke atas pembubaran subsidari	**-**	(1,912)
Keuntungan ke atas pelupusan subsidiari	**(219)**	-
Realisasi rizab pertukaran asing semasa pelupusan subsidiari	**(3,658)**	-
Kerugian rosot nilai pelaburan dalam usaha sama	**-**	1,350
Kerugian ke atas pelupusan syarikat bersekutu	**1,413**	18,494
Keuntungan ke atas pelupusan aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian	**-**	(2,783)
Rosot nilai belum terima (bersih)	**7,760**	69,814
Inventori diturun nilai kepada nilai bersih boleh direalisasi	**2,379**	9,655
Bahagian keputusan daripada syarikat bersekutu	**1,625**	11,721
Bahagian keputusan daripada usaha sama	**(14,858)**	29,324
(Keuntungan)/kerugian bersih pertukaran mata wang asing belum direalisasi	**(2,685)**	5,230

Dalam RM'000	Kumpulan 2019	Kumpulan 2018 (Dinyatakan semula)
Pendapatan dividen daripada aset kewangan melalui pendapatan komprehensif lain	**(1,394)**	(2,529)
Kos kewangan	**183,158**	202,442
Pendapatan kewangan	**(25,085)**	(33,969)
Kerugian lain (bersih)	**237,817**	227,236
Perubahan nilai saksama aset biologi (bersih)	**(3,318)**	11,892
Peruntukan pelan manfaat ditentukan	**16,163**	2,606
Penamatan kontrak pajakan	**-**	(2,096)
Pembalikan peruntukan aset persaraan	**-**	(1,500)
Diskaun yang dilepaskan bagi peruntukan aset persaraan	**459**	465
Pembalikan bagi kontrak yang membebankan (bersih)	**-**	(845)
Peruntukan bagi kerugian perundangan	**-**	2,700
Peruntukan bagi LTIP	**3,589**	5,283
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	**1,111,527**	1,201,555
Perubahan modal kerja		
Inventori	**734,032**	63,253
Belum terima	**21,604**	57,252
Antara syarikat	**364,613**	(299,784)
Belum bayar	**(271,265)**	2,082
Tunai dijana daripada operasi	**1,960,511**	1,024,358
Pendapatan kewangan	**25,085**	33,969
Bayaran cukai	**(109,501)**	(48,501)
Bayaran zakat	**(6,397)**	(18,603)
Bayaran balik cukai	**155,476**	18,731
Bayaran manfaat persaraan	**(17,057)**	(5,660)
Pembayaran kos perundangan	**(32,674)**	-
Tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi	**1,975,443**	1,004,294
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Belian hartanah, loji dan peralatan	**(620,894)**	(958,727)
Belian hak penggunaan aset dalam tempoh pajakan	**(4,860)**	(4,976)
Belian pelaburan hartanah	**-**	(14,511)
Belian aset dipegang untuk jualan	**-**	(3,100)
Belian aset tidak ketara	**(3,262)**	(17,273)
Tambahan aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	**(8,034)**	(13,593)
Tambahan aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian (bersih)	**(23,781)**	(41,152)
Aliran tunai keluar bersih daripada pembubaran subsidiari	**-**	(121)
Aliran tunai keluar bersih daripada pelupusan subsidiari	**77,347**	-

Dalam RM'000	Kumpulan 2019	Kumpulan 2018 (Dinyatakan semula)
Tambahan pelaburan dalam usaha sama	**(6,584)**	-
Pembayaran balik pinjaman daripada usaha sama	**22,510**	-
Pembayaran aset persaraan	**(63)**	(48)
Perolehan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	**385**	109
Perolehan daripada pelupusan syarikat bersekutu	**29,000**	145,000
Perolehan daripada penjualan aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian (bersih)	**8,731**	116,606
Dividen diterima daripada usaha sama	**42,895**	41,929
Dividen diterima daripada syarikat bersekutu	**1,167**	824
Dividen diterima daripada aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	**1,394**	2,529
Pendahuluan kepada usaha sama	**-**	(67,690)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	**(484,049)**	(814,194)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Pembayaran balik pinjaman kepada pemegang saham utama	**(272,605)**	(230,399)
Pengeluaran pinjaman	**4,474,502**	6,075,541
Pembayaran balik pinjaman	**(4,699,230)**	(5,938,908)
Bayaran liabiliti pajakan	**(39,121)**	(47,141)
Pembayaran balik liabiliti LLA	**(248,683)**	(298,651)
Bayaran dividen kepada kepentingan tidak mengawal	**(82,395)**	(46,089)
Bayaran kos kewangan	**(221,921)**	(218,296)
Belian saham perbendaharaan	**(3,186)**	(4,920)
Penurunan/(peningkatan) dalam tunai terhad	**75,169**	(77,004)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	**(1,017,470)**	(785,867)
PENINGKATAN/(PENURUNAN) DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI BERSIH	**473,924**	(595,767)
Kesan daripada kadar pertukaran mata wang asing	**(1,644)**	(2,111)
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA PERMULAAN TAHUN KEWANGAN	**1,096,007**	1,693,318
Tambah: Penurunan dalam aset dipegang untuk jualan	**160**	567
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN	**1,568,447**	1,096,007

ANALISA DAN PENYATA

PERBINCANGAN & ANALISIS PENGURUSAN

TINJAUAN DAN PROSPEK MODAL KEWANGAN

- Kumpulan akan meneruskan usaha untuk mencapai keputusan kewangan dan operasi yang lebih baik bagi penciptaan nilai untuk pemegang saham. Ini termasuk inisiatif yang akan memberi faedah kepada semua pihak yang berkepentingan. Walaupun Kumpulan telah meningkatkan pencapaian di bahagian operasi, Lembaga Pengarah menjangkakan persekitaran aktiviti perniagaan akan kekal menempuh pelbagai cabaran.

PENYATA TAMBAH NILAI

Dalam RM'000	2019	2018
Hasil	**13,259,012**	13,464,480
Kos langsung & tidak langsung	**(8,529,670)**	(9,174,482)
Pembelian BTS daripada peneroka	**(2,624,697)**	(2,838,442)
Nilai ditambah daripada Operasi	**2,104,645**	1,451,556
Pendapatan Operasi lain	**100,391**	121,472
Pendapatan Lain	**2,322**	6,143
Bahagian keputusan daripada syarikat bersekutu dan usaha sama	**13,233**	(41,045)
Pendapatan Kewangan	**25,085**	33,969
Jumlah Tambah Nilai	**2,245,676**	1,572,095

PENYATA NILAI DIAGIH

Dalam RM'000	2019	2018
Pekerja	**1,617,610**	1,626,887
Kerajaan (cukai korporat & zakat)	**32,328**	118,637
Penyedia Modal		
Kos kewangan	**183,158**	202,442
Kepentingan tidak mengawal	**(124,982)**	(62,681)
Susut nilai & pelunasan	**783,736**	767,733
Kerugian terkumpul	**(246,174)**	(1,080,923)
Jumlah Nilai Diagih	**2,245,676**	1,572,095

RINGKASAN LIMA TAHUN KEWANGAN KUMPULAN

HASIL (RM BILION)



PEROLEHAN SESAHAM (SEN)

KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI DAN KEPENTINGAN MINORITI (RM JUTA)

** Dinyatakan semula selaras MFRS 16*

DIVIDEN SESAHAM (SEN)

Nota: ^ Tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang

ASET BERSIH SESAHAM (RM)



** Dinyatakan semula selaras MFRS 16*

PULANGAN DANA PEMEGANG SAHAM (%)

** Dinyatakan semula selaras MFRS 16*

ANALISA DAN PENYATA

PERBINCANGAN & ANALISIS PENGURUSAN

MODAL SEMULA JADI

TINJAUAN KESELURUHAN

Modal Semula Jadi merangkumi sumber semula jadi yang digunakan dalam aktiviti perniagaan untuk penciptaan nilai kepada pihak berkepentingan. Ianya termasuk tanah yang terdiri daripada ladang kelapa sawit dan getah, air, dan elektrik yang digunakan untuk memproses dan menapis minyak sawit. Aktiviti penambahan nilai kepada Modal Semula Jadi dan pengoptimuman penggunaan tanah akan memberi kesan yang positif kepada Modal yang lain, terutama Modal Pembuatan dan Kewangan. Walaubagaimanapun, keseimbangan di antara perkara ini amat kritikal supaya kesan negatif ke atas alam sekitar dapat dihindari selaras dengan amalan dan budaya kelestarian dalam perniagaan kami.

Kami Sejajarkan **Modal Semula Jadi** dengan:

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG):

Asakan Strategik:

Perkara Material:

YI

TANAH (Ha)	2019	2018
• Malaysia		
- Semenanjung Malaysia	252,508	252,903
- Sabah & Sarawak	164,144	164,244
• Indonesia		
- Subsidiari	22,578	22,578
- Usaha Sama	42,824	42,824
Keseluruhan Tanah (Tidak termasuk Usaha Sama)	**439,230**	**439,725**
Kawasan Bertanam (Sawit)		
• Tidak matang	74,953	65,502
• Matang	263,484	273,883
Keseluruhan Kawasan Bertanam (Sawit)	**338,437**	**339,385**
Kawasan Bertanam (Getah)		
• Tidak matang	7,680	8,670
• Matang	3,521	2,597
Keseluruhan Kawasan Bertanam (Getah)	**11,201**	**11,267**

PROFIL UMUR

Kami berjaya mengurangkan pengelasan pokok tua kepada 30% pada 2019 berbanding 34% pada 2018. Keseluruhannya, pengelasan pokok tua dan yang terlalu tua berkurangan pada 2019 dan purata umur pokok sawit sekarang adalah 13.8 tahun. Pasa masa yang sama, keluasan hektar bagi pokok matang meningkat pada 2019 berbanding pada 2018 disebabkan oleh program penanaman semula yang agresif sebanyak 5% setiap tahun.









Nota: Keseluruhan kawasan mekanisasi

PENGOPTIMUMAN MODAL SEMULA JADI

TANAH KAMI

FGV memiliki 439,230 Ha bank tanah di bawah perniagaan Huluan yang terdiri daripada 202 ladang termasuk ladang getah. Sebanyak 416,652 Ha daripada jumlah bank tanah tersebut terletak di Malaysia (252,508 Ha di Semenanjung Malaysia dan 164,144 Ha di Sabah dan Sarawak) dan selebihnya iaitu sebanyak 22,578 Ha terletak di Indonesia.

Sebanyak 338,437 Ha tanah yang dimiliki oleh FGV diperuntukkan bagi tanaman kelapa sawit dan 11,201 Ha diperuntukkan bagi tanaman getah manakala 1,529 Ha untuk tanaman lain. Bagi tanaman kelapa sawit, 263,484 Ha terdiri daripada pokok sawit yang sudah matang (melebihi umur empat tahun) dan yang selebihnya sebanyak 74,953 Ha dikategorikan sebagai kurang matang, terdiri daripada pokok sawit yang berumur kurang daripada tiga tahun.

4.45
Juta MT

PENGELUARAN BTS

Sekalipun faktor operasi dan iklim memberi kesan kepada angka pengeluaran, Kumpulan berjaya meningkatkan pengeluaran BTS sebanyak 6% di sebalik pengurangan kawasan penuaian sebanyak 3% pada 2019 jika dibandingkan dengan 2018.

Peningkatan pengeluaran BTS disebabkan beberapa faktor termasuk bekalan buruh yang stabil, taburan hujan yang baik pada 2017 dan 2018 membantu formasi tandan pada 2019, peningkatan kawasan tanaman kelapa sawit muda dan pembaikan kawasan pemulihan semula.

18.44
MT/Ha

HASIL BTS

Hasil meningkat disebabkan beberapa faktor termasuk pengurangan isu jumlah tenaga kerja berbanding 2018 dan kesan el nino yang sederhana. Saiz bilangan optimum tenaga kerja yang mencukupi menambah baik tuaian pemindahan tanaman (*crop recovery*) dan meningkatkan produktiviti aktiviti penuaian, disamping itu kesan el nino yang lebih ringan menyumbang kepada peningkatan kuantiti pengeluaran BTS. Sebagai tambahan, kawasan yang telah dibaikpulih oleh Kumpulan menunjukkan penambahbaikan dan seterusnya tuaian pemindahan tanaman yang baik.

74,953
Ha

PENANAMAN SEMULA

Disebabkan penurunan harga CPO serta perubahan iklim pada separuh tahun pertama 2019, kami mengambil keputusan untuk mengurangkan kawasan penanaman semula dan hanya berjaya melengkapkan seluas 8.251 Ha pada akhir 2019.

FGV meneruskan pelaksanaan program penanaman semula yang begitu penting bagi menjaga produktiviti dan kelestarian perniagaan Kumpulan. Kami sememangnya sedar akan kepentingan mengekalkan kadar sasaran penanaman semula bagi memastikan profil umur berada dalam lingkungan primer. Penanaman semula akan diteruskan sehingga kami mencapai purata umur profil normal iaitu 12.0 tahun pada 2026. Sebagai tambahan, kami juga akan menggunakan bahan tanaman berkeupayaan tinggi bagi mengeluarkan hasil yang lebih tinggi. Kami juga mengusahakan projek penanaman semula secara kendiri dengan menggunakan khidmat pekerja dalaman berbanding menggunakan khidmat kontraktor luar.

115,000 Ha

MEKANISASI

Pada 2019, kawasan tambahan mekanisasi FGV adalah sebanyak 18,500 Ha dan mencapai tujuan untuk mekanisasi tuaian pemindahan pada semua 115,000 Ha yang telah dikenalpasti. Inisiatif ini membantu meningkatkan pengeluaran BTS dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja dan kami berjaya mencapai nisbah penuai kepada tanah sebanyak 1:24 pada 2019 berbanding dengan 1:23 pada 2018.

PENCAPAIAN HILIRAN 2019

Model Estet & Kilang (MEMP)

Pada 2019, FGV memulakan inisiatif penting dalam mengukuhkan proses, meningkatkan kecekapan dan menurunkan kos operasi. Pelaksanaan MEMP akan menggabungkan amalan terbaik merangkumi keseluruhan aliran kerja untuk mencapai nilai yang tinggi melalui tatacara kerja, pekerja kami dan teknologi. Kami telah melaksanakan MEMP di empat kawasan dan menghasilkan keputusan yang baik. Kami bercadang untuk menerapkan MEMP di empat tapak tambahan pada 2020.

Penanaman Selingan di Tanah Marginal

Tanaman selingan (*intercropping*) di tanah marginal FGV akan berterusan memberi jalan untuk memaksimumkan penggunaan tanah bagi menghasilkan keuntungan. Kumpulan telah menubuhkan taman biji nanas di FGV Maokil 7, Johor yang menggunapakai tanah marginal yang berkeupayaan merintis pendapatan yang tidak mungkin diperolehi selama 3 tahun berikutan aktiviti penanaman semula yang berlangsung.

KELESTARIAN

PENGAWASAN ALAM SEKITAR

Menjaga alam sekitar adalah kunci keutamaan kepada FGV. Aktiviti perniagaan utama kami sangat bergantung kepada penggunaan sumber-sumber asli. Kami amat menjaga kesan ke atas alam sekitar dan kawasan sekeliling. Kami mengurangkan jejak ke atas alam sekitar melalui penyumbangan kepada usaha pemuliharaan dan mencari jalan untuk menghadkan pelepasan dan sisa. Dengan itu, pembangunan baru di FGV tidak akan menceroboh kawasan yang sensitif kepada alam sekitar atau di bawah perlindungan seperti hutan primer, kawasan pemeliharaan dan perlindungan hidupan liar, tanah gambut atau tanah yang mempunyai elemen nilai pemuliharaan tinggi (HCV). Selebihnya, kami membuat pelaburan besar dalam program pendidikan dan kesedaran selain daripada turun padang untuk melibatkan diri dalam usaha pemuliharaan secara langsung dan dekat.

Usaha tersebut adalah:

Mengurus konflik Manusia – Hidupan Liar

- Memandangkan ladang kami berdekatan dengan hutan semula jadi, kategori ladang kami dinamakan 'Kawasan Terurus Hidupan Liar' dan kami telah mengeluarkan panduan untuk mengurus potensi konflik manusia – hidupan liar.
- Panduan itu adalah untuk pengenalpastian kehadiran spesies hidupan liar penting di ladang dan sekeliling ladang, pemuliharaan spesies tersebut, program pelaksanaan pelan tindakan dan pemantauan serta meningkatkan kesedaran akan kepentingan hidupan liar dalam komuniti setempat.
- Ruang lingkup panduan ini sejajar dengan syarat Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO) dan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) untuk pensijilan, dimana ia menyatakan tentang keperluan pemuliharaan dan perlindungan merujuk kepada spesies yang sukar ditemui, diancam dan terancam yang memerlukan pemuliharaan dan perlindungan menerusi Pelan Pengurusan Hidupan Liar.

Menangani kesan meluas ke atas alam sekitar

- Untuk mengenal pasti dengan lebih lanjut, kami telah meluaskan insiatif ini melalui komitmen lima tahun kepada *Borneo Conservation Trust* (BCT) di mana kami menyertai Projek Pemuliharaan Koridor Biodiversiti Mega di bahagian hiliran Lembangan Kinabatangan.
- Projek ini menyokong pewujudan semula, pemulihan semula dan melindungi zon riparian untuk koridor hidupan liar yang penting untuk gajah spesis pygmy, orang utan, monyet spesis *Proboscis* dan lain-lain.
- FGV mengambil berat tentang flora dan bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk membangunkan Pusat Pemuliharaan dan Interpretasi Rafflesia (*Rafflesia Conservation and Interpretive Centre* (RCIC)). Aktiviti penyelidikan (*in-situ* dan *ex-situ*) dan pengenalan dan inventori spesis rafflesia termasuk penanaman tetrastigma (tanaman hos untuk *Rafflesia sp.*), dijalankan di bawah projek ini.

PROGAM PEMULIHARAAN BERUANG MATAHARI (SBCP)

Di bawah program pemuliharaan beruang matahari, kami bekerjasama erat dengan Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC) dibawah selia Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN) di bawah bahagian Taman Nasional dan Hidupan Liar dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi menyelamatkan beruang matahari yang berkonflik dan tersesar. Bagi meningkatkan kadar kejayaan usaha rehabilitasi beruang matahari, kami menyokong program pengayaan di NWRC untuk memperbaiki keadaan fizikal dan pemakanan beruang matahari. Bagi melengkapkan usaha ini, projek penyelidikan telah diadakan bagi menilai tingkah laku beruang matahari semasa dalam penjagaan untuk mengenal pasti kebersediaan mereka untuk dilepaskan. Pada 2019, program SBCP telah menyelamatkan 13 beruang matahari, 14 direhabilitasi dan 6 dilepaskan.

Kemajuan yang dicapai bagi inisiatif ini dicatat sepanjang lima tahun yang lepas:

Status	Bilangan Beruang Matahari pada 2019	Bilangan Beruang Matahari dari 2015 - 2019
Diselamatkan	13	55
Direhabilitasi	14	37
Dilepaskan	6	39
Mati/Ditidurkan (*Euthanised*)	2	4
Berada dalam penjagaan	11	11

PROJEK PELEPASAN GAS RUMAH HIJAU

Pada masa sekarang, kami memiliki 30 kilang biogas yang beroperasi di mana 11 mendapat pensijilan projek tarif galakan (*feed-in-tariff*), dua terlibat dalam projek pengelektrifikasi luar bandar dan satu menjana kuasa untuk perumahan kilang. Satu kilang menghasilkan bio gas asli termampat (Bio-CNG). Kilang-kilang ini akan memerangkap biogas yang mengandungi metana yang akan dilepaskan ke alam sekitar semasa proses pengilangan jika tidak dikawal. Menerusi inisiatif ini, kebanyakan biogas yang biasanya dilepaskan ke alam sekitar akan digunakan untuk menjana kuasa atau ditukar kepada karbon dioksida melalui fasiliti penyalaan. Ini bermakna kami mengurangkan potensi pemanasan global melalui inisiatif ini.

KELESTARIAN DAN IMPAK ESG

Pada 2019, FGV dinilai oleh *Zoological Society of London* (ZSL) menggunakan *Sustainability Policy Transparency Toolkit (SPOTT)* begitu juga oleh *Forest Heroes* dalam laporan *Green Cats*. Dalam kedua-dua penilaian, pemarkahan FGV meningkat ketara pada 2019 berbanding pada tahun sebelumnya.

Penilaian *SPOTT*

- FGV berada di kedudukan ke 26 daripada 99 syarikat dalam Penilaian *SPOTT* yang mengukur ketelusan syarikat minyak sawit bersandarkan maksimum 181 indikator alam semula jadi, sosial dan tadbir urus meliputi 10 kategori, mencatat 168% melepasi purata markah daripada syarikat yang dinilai pada 2019.

Indeks *Green Tiger*

- Pada 2019, FGV memperolehi 71 daripada 100 mata di peringkat indeks *Forest Heroes' Green Tigers* yang menaikkan kami ke peringkat kategori *Green Cat*. lanya satu peningkatan daripada kategori *Red Cat* pada 2018 dengan mencatat 39 mata, lebih tinggi daripada purata pemarkahan pada syarikat minyak sawit yang berjumlah 34 mata. Laporan ini menilai usaha syarikat untuk mematuhi piawaian dan dasar penebangan hutan.

PENGURUSAN AIR & SISA

Kami mengamalkan dasar kearah pengurusan sisa sifar dan terus berusaha mencari kaedah baharu dalam menguruskan sisa dengan lebih cekap. Sebahagian daripada inisiatif-inisiatif tersebut termasuk menggunakan residu biojisim tandan sawit kosong (EFB) sebagai bahan api pepejal untuk dandang stim, pengkomposan menggunakan EFB yang digabungkan dengan efluen kilang sawit (POME) dan menukarkan produk sampingan lain menjadi makanan haiwan.

Daripada aspek pengurusan air, kesemua discaj air daripada kilang-kilang adalah dirawat bagi memastikan paras keperluan oksigen biologi (BOD) memenuhi had kawalselia yang telah ditetapkan. Kami juga menyasarkan untuk meminimumkan penggunaan air dalam operasi.

DASAR KELESTARIAN KUMPULAN

Bagi mengukuhkan usaha kelestarian, kami telah menyemak semula Dasar Kelestarian Kumpulan bagi menambahbaik hak asasi manusia dan komitmen kelestarian terhadap pembekal pihak ketiga, berbanding versi terdahulu yang menerapkan dasar hanya kepada entiti berkepentingan secara langsung atau tidak langsung kepada FGV dalam mengawal syarikat. Dengan pelaksanaan dasar yang telah disemak semula, kami menjalankan program sosialisasi yang melibatkan 818 pihak berkepentingan dalaman, 381 kontraktor dan 190 pembekal BTS untuk menyesuaikan mereka dengan perubahan dan jangkaan.

Bagi memastikan para pembekal mematuhi piawaian kami, FGV sedang berusaha melakukan pengesahan kebolehkesanan informasi data, verifikasi pembekal luar patuh kepada Dasar Kelestarian Kumpulan dan pembangunan status kelestarian para pembekal FGV melalui Program Jaringan Terpilih (PNP).

MEMARTABATKAN "TIADA PEMBASMIAN HUTAN, TIADA PENANAMAN DI TANAH GAMBUT DAN TIADA EKSPLOITASI" (NDPE)

Kami menjunjung ikrar kepada komitmen NDPE di seluruh ladang kami dengan tidak menjejaskan kawasan yang telah diwartakan untuk perlindungan seperti hutan primer, rizab hidupan liar dan tanah gambut. Kami juga komited untuk memulihkan fungsi ekologi tanah gambut yang ditanam selepas 25 Ogos 2016 dan tidak melakukan pembangunan baharu di tanah gambut tanpa mengira masa pemerolehan tanah tersebut. FGV menggunakan sistem *Global Forest Watch Pro* (GFW Pro) bagi mengesan dan terlibat secara proaktif dengan para pembekal sekiranya kami mendapati wujud risiko pembasmian hutan dalam setiap operasi mereka.

Inisiatif kelestarian FGV dan perkembangan kami boleh dicapai melalui Laporan Kelestarian FGV 2018/2019, dalam laman web kami, www.fgvholdings.com

TINJAUAN & PROSPEK UNTUK MODAL SEMULA JADI

- Meneruskan peningkatan hasil menerusi penggunaan penuaian blok berstruktur yang berupaya memudahkan pemulihan tanaman dengan cekap.
- Bekerjasama rapat dengan Bahagian R&D bagi menguji teknologi penanaman semula di estet terpilih dengan menggunakan satelit. Ini bertujuan untuk meningkatkan ketepatan berpandukan amalan pertanian baik (GAP) berbanding proses secara manual.
- Berterusan meneliti tanaman lain yang berpotensi bagi membantu memaksimumkan penggunaan tanah.

ANALISA DAN PENYATA

PERBINCANGAN & ANALISIS PENGURUSAN

MODAL PEMBUATAN

SEKTOR PERLADANGAN

HULUAN

BTS DIPROSES (JUTA MT)



OER (%)



KER (%)



PENGELUARAN PK (JUTA MT)



PENGELUARAN CPO (JUTA MT)



HILIRAN

JUMLAH JUALAN METIL ESTER SAWIT DAN HASIL SAMPINGAN (MT)



JUMLAH JUALAN MINYAK DAN LEMAK (MT)



SEKTOR GULA

JUMLAH IMPORT GULA MENTAH (JUTA MT)



JUMLAH PENGELUARAN GULA BERTAPIS (JUTA MT)



JUMLAH JUALAN EKSPORT (JUTA MT)



JUMLAH JUALAN DOMESTIK (JUTA MT)



SEKTOR LOGISTIK & LAIN-LAIN

JUMLAH KAPASITI SIMPANAN PUKAL (MT)



JUMLAH PENGENDALIAN (JUTA MT)



JUMLAH PENGANGKUTAN (JUTA MT)



KADAR PUSINGAN PENGUNAAN TANGKI (KALI)



TINJAUAN KESELURUHAN

Sasaran Kumpulan adalah untuk mencipta nilai kepada Modal Pembuatan secara konsisten dan lestari seiring dengan penggerak utama strategik kami. Pada 2019, kami berjaya memaksimakan output daripada hartanah, kilang dan peralatan dengan sebaik mungkin mengikut kemampuan dan keupayaan kapasiti Modal yang lain seperti Modal Insan dan Modal Kewangan. Kami telah mencipta nilai untuk pihak berkepentingan dan akan terus mengembangkan Modal Pembuatan serta menguruskan risiko sedia ada dan peluang yang muncul.

Kami Sejajarkan **Modal Pembuatan** dengan:

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG): 3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING; 12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION

Asakan Strategik:

Perkara Material: EP

SEKTOR PERLADANGAN

HULUAN

Kilang kami memproses buah tandan segar (BTS) kepada minyak sawit mentah (CPO). Bergerak seiring dengan rantaian nilai, kami mengendalikan kilang penapisan yang menyokong perniagaan hiliran dan mengubah minyak sawit mentah menjadi produk berasaskan minyak sawit seperti minyak dan lemak, barangan pengguna cepat laris dan oleokimia.

PENGENALAN

Bilangan kilang kami yang beroperasi pada 2019 kekal sebanyak 68. Daripada kesemua jumlah ini, 55 terletak di Semenanjung Malaysia, 11 kilang di Sabah dan dua kilang selebihnya di Sarawak. Pada 2019, jumlah kapasiti pemprosesan adalah 3,251 MT setiap jam, sama seperti tahun sebelumnya.

PRESTASI PERNIAGAAN

14.90 Juta MT

BTS DIPROSES

Daripada segi BTS diproses, terdapat 8% peningkatan pada 2019 dengan 14.90 juta MT diproses, dipacu oleh 6% peningkatan dalam jumlah pengeluaran BTS, dengan 30% daripadanya merupakan hasil estet kami. 44% selebihnya dan 26% masing-masing merupakan sumber daripada peneroka Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan pihak ketiga.

3.07 Juta MT

PENGELUARAN CPO

Kesan daripada jumlah BTS diproses yang lebih tinggi, pengeluaran CPO kami pada 2019 meningkat kepada 3.07 juta MT berbanding 2.82 juta MT pada 2018. Akibatnya purata kos CPO selepas kilang adalah sebanyak RM1,503 setiap MT, penyusutan sebanyak 17% daripada 2018. FGV berjaya mengurangkan kos pengeluaran ekoran daripada penambahbaikan operasi seperti pelaksanaan amalan pertanian baik (GAP) dan tuaian pemindahan tanaman yang lebih baik.

20.61%

KADAR PERAHAN MINYAK

Kadar perahan minyak (OER) kami kekal menunjukkan trend menaik, meningkat kepada 20.61% pada 2019 disebabkan oleh inisiatif yang diambil untuk menambahbaik kualiti BTS dan pemantauan parameter pemprosesan kilang secara dekat. Sebagai tambahan, kami juga mengawal ketirisan minyak, mengekalkan secara purata 1.40%, yang berada di bawah had 2.00%. Kadar perahan isirung (KER) merosot sebanyak 0.03% kepada 5.2% ekoran kesulitan mengeluarkan buah yang telah dituai semasa musim tengkujuh. OER dan KER FGV berterusan melebihi purata nasional, masing-masing dengan 20.21% dan 4.98%.

PERNIAGAAN DAGANGAN

Perniagaan dagangan merupakan salah satu daripada penyumbang keuntungan utama kepada Kumpulan, memberikan jumlah minyak sayuran, minyak sawit terproses dan laurik yang tinggi kepada pasaran tempatan dan eksport. Sektor ini menjual dan memperdagangkan sekitar 3 juta MT produk sawit setahun.

Kami adalah pusat setempat bagi produk pukal, daripada perancangan sehingga penghantaran kepada pembeli, menguruskan keseluruhan spektrum rantaian pembekal dan berupaya untuk membekalkan minyak yang lestari dan berkualiti tinggi. Kami terdiri daripada individu yang berpengalaman di dalam penjualan dan perdagangan minyak sawit dan sentiasa bersedia untuk meneroka peluang baharu bagi merancakkan lagi pertumbuhan industri.

PERKHIDMATAN KAMI TERMASUK:

- Perundingan spesifikasi produk
- Perancangan pembelian dan jualan
- Penjualan secara FOB dan CNF untuk pembeli eksport
- Pengangkutan darat untuk penghantaran tempatan
- Pengurusan dokumentasi perkapalan

Untuk produk seperti berikut:

Kelapa sawit
- Minyak sawit mentah
- Minyak sawit terproses termasuk minyak sawit ditapis, diluntur, dinyahbau (RBD), Produk Sawit Olein RBD, Produk Sawit Stearin RBD, Asid Lemak tersuling daripada Minyak Sawit

Laurik
- Isirung Sawit
- Minyak Isirung Sawit
- Minyak Isirung Sawit RBD
- Asid Lemak Tersuling daripada Isirung Sawit
- Inti Biji Isirung Sawit

Produk berasaskan biodiesel
- Metil Ester Sawit
- Gliserin

SOROTAN UTAMA HULUAN

Bahagian Huluan terus melaksanakan inisiatif lanjut bagi menambah nilai kepada Modal Pembuatan. Ini termasuk:

Minyak Berkualiti Premium
- Pengenalan Minyak Sawit Mentah Berkualiti Premium (*PQ Oil*) dengan kandungan bebas asid lemak (FFA) yang kurang daripada 1.5%.
- Ini bukan saja merendahkan kos penapisan, malah menghasilkan kualiti produk makanan yang bergred tinggi.
- Pada 2019, FGV menghasilkan 1,980 MT minyak PQ.

Pemulihan Perniagaan Getah
- Kejayaan pemulihan perniagaan operasi getah kami telah berjaya mencatatkan RM3.20 juta keuntungan pada 2019 bagi operasi di Malaysia berbanding kerugian sebanyak RM30.58 juta pada 2018.

Tenaga yang boleh diperbaharui
- FGV memiliki 30 loji biogas. Pada masa ini, 11 loji diperakui sebagai projek tarif galakan (*feed-in-tariff*) dengan jumlah kapasiti eksport keseluruhan 15.4 MW.
- Dua loji biogas di Sabah terlibat dengan elektrifikasi luar bandar sementara satu lagi di Sarawak menjana kuasa bagi perumahan di kawasan kilang, dengan jumlah kapasiti eksport masing-masing 2.2 MW dan 0.6 MW.
- Kami juga memiliki operasi loji gas semula jadi bio-dimampatkan berasaskan sawit pertama di dunia, dengan kapasiti pengeluaran 60,000 MMBTU/tahun.
- FGV menghasilkan pelbagai produk sampingan (*by-products*) seperti tempurung isirung sawit (PKS), minyak enap cemar, buah tandan kosong (EFB) dan cebisan EFB antara lainnya.
- Loji tenaga biojisim 7.5 MW terletak di Sahabat, Sabah membekalkan stim dan tenaga elektrik kepada loji penapisan, kilang pemecahan isirung sawit, fasiliti simpanan pukal dan bandar kecil, Desa Kencana.

Produk Utama:
1. CPO
2. Isirung sawit (PK)

BTS Mengeluarkan:

Produk Sampingan
1. Tempurung isirung sawit
2. Minyak enap cemar
3. Cebisan tandan buah kosong
4. Abu tandan
5. Serat mesokarp
6. Tandan buah kosong

HILIRAN

PENGENALAN

Di bawah segmen Hiliran, kami mempunyai lapan loji penapisan yang beroperasi di mana empat adalah milik penuh manakala empat lagi beroperasi melalui usaha sama. Kapasiti gabungan hasil tapisan minyak sawit mentah (CPO) daripada kesemua loji penapisan dianggarkan 3.9 juta MT setahun.

Kami telah menapis sekitar 37.2% CPO milik sendiri pada 2019 berbanding 26.2% pada 2018. Aktiviti ini bertujuan menghasilkan minyak dan lemak bagi kegunaan industri dan penggunaan domestik. Kehadiran kami bukan sekadar di peringkat domestik, malah menembusi pasaran serantau dan global.

PRESTASI PERNIAGAAN

362,773 MT

MINYAK DAN LEMAK

Bahagian Hiliran mencatat peningkatan baik untuk 2019 bagi segmen minyak dan lemak, dengan jumlah jualan meningkat sekitar 11.3%, dari tahun-ke-tahun. Sebagai contoh, eksport barangan pengguna cepat laris (FMCG) berkembang sehingga 74%. Peningkatan dalam jumlah jualan pukal FMCG terus mempamerkan corak peningkatan, dengan perkembangan pada kadar yang lebih pantas iaitu sebanyak 18% tahun-ke-tahun, sementara segmen pembungkusan semula masih berada di bawah tekanan pesaing yang kian meningkat.

78,668 MT

METIL ESTER SAWIT (PME)

Kami juga melaporkan peningkatan yang signifikan sebanyak 44% jumlah jualan PME, mencecah 78,668 MT pada 2019 berbanding 54,490 MT pada 2018. Peningkatan jelas ini disebabkan oleh implementasi mandat biodiesel B10 bagi sektor pengangkutan pada Februari 2019 dan mandat biodiesel B7 bagi sektor industri pada Julai 2019, yang meningkatkan penggunaan biodiesel di peringkat kebangsaan.

130,123 MT

JUMLAH JUALAN ASID LEMAK

Jumlah asid lemak pada 2019 adalah 5.7% lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya rentetan usaha pengoptimuman portfolio dari subsidiari kami di Amerika Syarikat, Twin Rivers Technologies Inc. Syarikat tersebut berusaha untuk mengetengahkan lebih banyak produk berasaskan sayur-sayuran dengan margin yang lebih tinggi berbanding produk berasaskan haiwan. Sebagai tambahan, peningkatan permintaan produk berasaskan kelapa daripada salah satu pelanggan terbesar miliknya telah membantu peningkatan jumlah asid lemak syarikat secara keseluruhan.

PERNIAGAAN ISIRUNG SAWIT

Jumlah minyak isirung sawit mentah (CPKO) dan penghasilan inti hampas biji isirung sawit (PKE) bergantung kepada isirung sawit (PK) diproses. Oleh itu, peningkatan pengeluaran CPKO dan PKE pada 2019 adalah berpadanan dengan jumlah PK diproses yang juga meningkat.

Tahun	PK Diproses	CPKO	PKE
2018	700,720 MT	323,133 MT	358,818 MT
2019	777,614 MT	358,375 MT	394,428 MT

PKE adalah sumber protein, tenaga dan serat yang penting, terutama bagi haiwan ruminan seperti lembu tenusu. Kandungan lemak menjadikan PKE sebagai makanan tenaga dan PKE juga mengandungi sekitar 16% serat. Lembu ternakan yang kekurangan serat berisiko berdepan masalah metabolik atau penghadaman. Dengan itu, pengambilan sekitar 17% serat mentah kering adalah memadai untuk mencegah kesan negatif akibat kekurangan zat pada lembu yang menyusu.

PKE kami juga mengandungi jumlah vitamin dan asid amino yang tinggi. Selain itu nisbah fosforus kepada kalsium yang tinggi menjadikannya pilihan makanan kepada lembu tenusu yang lebih baik. Kedua-dua elemen ini merupakan zat kritikal dalam makanan haiwan untuk perkembangan tulang dan gigi, serta untuk memindahkan tenaga kepada sel di dalam tubuh. PKE juga mengandungi elemen yang diperlukan seperti magnesium, kuprum, zink dan zat besi.

SOROTAN UTAMA HILIRAN

Bahagian Hiliran terus mengambil inisiatif lanjut untuk menambahbaik penciptaan nilai kepada Modal Pembuatan. Ini termasuk:

Memanfaatkan jenama sedia ada yang terkenal seperti SAJI, ADELA dan SERI PELANGI dan menceburkan diri dalam segmen-segmen pasaran baru

- ADELA Gold menembusi pasaran dengan ketara dalam kategori minyak masak sebatian.
- SERI PELANGI mendahului dengan 40% jumlah pasaran dalam kategori lemak yang dihidrogenkan di Malaysia.
- Bekerjasama dengan DKSH Holdings (Malaysia) Berhad, yang merupakan pemangkin penyediaan perkhidmatan pengembangan pasaran (MES), untuk bertapak dalam sektor perkhidmatan makanan.
- Menceburkan diri dalam pasaran serantau, fokus pada bahagian Hiliran seperti Kemboja, seterusnya ke Filipina, Thailand, Laos dan Afrika.

Menyokong inisiatif kerajaan ke arah pelaksanaan biodiesel B20

- Meneruskan kerjasama dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), berdasarkan hubungan kerja yang baik dan keputusan positif yang diperoleh daripada ujian penggunaan biodiesel B10.
- Sejak September 2019, MPOB dan FGV memulakan projek percubaan selama enam bulan melibatkan penggunaan B20 bagi kenderaan diesel.
- Ini seiring dengan aspirasi kerajaan untuk memperkenalkan biodiesel B20, yang bakal dilaksanakan pada 2020.

Menceburi bidang perniagaan makanan haiwan

- PKE sebelum ini dijual kepada pengusaha pembuatan makanan pada harga yang sangat rendah.
- Kini PKE digunakan dalam tiga produk makanan haiwan yang tertumpu kepada lembu ternakan, dengan pertumbuhan pengeluaran lebih daripada 100% dan peningkatan hasil sehingga 76% pada 2019.
- Melantik pakar nutrisi haiwan bagi menambahbaik nilai produk.
- Produk baharu yang diperkenalkan pada 2019:
  - PKE Premium
    PKE bebas-kimia kami dihasilkan daripada proses pengekstrakan mekanikal dan memiliki kandungan minyak yang tinggi antara 5% dan 6%.
  - Pelet Isirung Sawit Premium
    Pelet Isirung Sawit kami mengandungi 85% PKE Premium dan diadun dengan bahan-bahan seperti dedak kacang soya, jagung, molase, *pollard* gandum dan garam.

Pengoptimuman Kos

- Bahagian Hiliran berjaya menjimatkan kos sebanyak RM4.4 juta pada 2019 ekoran pengurangan kos daripada aspek pengeluaran, penyelenggaraan, utiliti dan operasi.

TINJAUAN & PROSPEK BAGI SEKTOR PERLADANGAN

- Rasionalisasi kilang bagi meningkatkan faktor penggunaan.
- Perkomersialan perniagaan produk sampingan dengan memulakan kolaborasi yang bersinergi.
- Meningkatkan pengeluaran minyak berkualiti premium.
- Pembangunan produk baharu sebagai pengganti lemak haiwan, pengganti lemak tenusu, dan minyak masak premium, serta formulasi baharu makanan haiwan untuk daging lembu, lembu ternakan dan kambing premium.
- Inisiatif penggabungan dan pengambilalihan untuk minyak & lemak dan pengkhususan oleokimia.

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D)

Kami telah memanfaatkan penyelidikan oleh Bahagian R&D untuk meningkatkan kadar hasil Bahagian Huluan dalam pengkomersialan biji benih, anak benih, ramet dan umpan racun tikus yang dikeluarkan, dijual dan dieksport. Manakala untuk biji benih Yangambi pula, kami sentiasa merebut peluang untuk melebarkan sayap dengan menjual kepada Indonesia dan India, serta negara-negara yang menjalankan perladangan kelapa sawit.

JUMLAH JUALAN

BIJI BENIH YANGAMBI (JUTA UNIT)



ANAK BENIH (JUTA UNIT)



RAMET (JUTA UNIT)



BAJA (JUTA MT)



UMPAN RACUN TIKUS (JUTA KOTAK)



PRESTASI PERNIAGAAN

18.08 Juta Unit

BIJI BENIH

Pada 2019, kami menjual 18.08 juta unit biji benih Yangambi kepada pasaran domestik dan antarabangsa, mengalami penurunan daripada 19.70 juta unit yang terjual pada 2018. Jumlah yang lebih rendah dicatatkan adalah kesan daripada purata harga minyak sawit mentah (CPO) yang rendah pada 2019 sekaligus mengurangkan permintaan biji benih dalam negara sehingga hampir 20% berbanding 2018.

1.91 Juta Unit

ANAK BENIH

Jumlah jualan anak benih merosot pada 2019 berbanding 2018 kesan daripada penurunan purata harga CPO pada 2019 yang mengurangkan permintaan terhadap anak benih di dalam negara. Impak yang dialami adalah sama seperti biji benih sawit.

0.22 Juta Unit

RAMET

Terdapat penurunan terhadap jualan ramet ekoran daripada penangguhan penanaman semula syarikat-syarikat perladangan di seluruh negara.

0.61 Juta MT

BAJA

Dalam segmen baja, kami merekodkan jualan baja sebanyak 0.61 juta MT pada 2019, dengan sedikit peningkatan daripada 0.60 juta MT pada 2018. Kenaikan jualan baja adalah ekoran daripada peningkatan jualan secara keseluruhan kepada peniaga yang dilantik, pengilang dan sektor peruncitan.

0.27 Juta Kotak

UMPAN RACUN TIKUS (BUTIK)

Perniagaan umpan racun tikus adalah asas kepada pengeluaran produk berjenama BUTIK kami. Dalam tempoh masa ini, kami merekodkan jualan sebanyak 0.27 juta kotak, mengalami penurunan kecil berbanding 0.30 juta kotak pada 2018. Ini terutamanya disebabkan oleh penangguhan program penanaman semula dan pengurangan kos oleh pelanggan utama kami pada 2019.

Maklumat lanjut mengenai aktiviti penciptaan nilai, hasil, anugerah dan pandangan & prospek Bahagian R&D, sila rujuk Modal Intelek di muka surat 64-67 laporan ini.

SEKTOR GULA

PENGENALAN

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengilang gula kelapan terbesar di dunia berdasarkan kapasiti dan merupakan pengeluar utama gula di Malaysia dengan 61% penguasaan pasaran domestik. Kumpulan MSM kini mempunyai jumlah kapasiti pengeluaran tahunan sebanyak 2.25 juta MT melalui tiga kilang penapisan miliknya di Johor, Perlis dan Pulau Pinang, masing-masing dengan kapasiti pengeluaran sebanyak 1 juta MT, 0.20 juta MT dan 1.05 juta MT.

PRESTASI PERNIAGAAN

0.88 Juta MT

IMPORT GULA MENTAH

Penurunan dalam pembelian gula mentah pada 2019 susulan oleh lambakan stok gula mentah sedia ada sebanyak 278,111 MT daripada 2018 ke 2019.

1.07 Juta MT

JUMLAH PENGELUARAN GULA BERTAPIS

Pengeluaran gula bertapis meningkat berbanding 2018 berikutan pengkomersialan MSM Johor pada 1 April 2019.

0.08 Juta MT

JUMLAH JUALAN EKSPORT

Jualan eksport memberikan sumbangan kecil kepada jumlah pendapatan keseluruhan MSM. Lebihan gula bertapis dalam pasaran dunia pada 2019 memberi impak negatif kepada jumlah jualan eksport. Tambahan pula, jurang harga yang ketara antara gula putih dan gula mentah menjejaskan persaingan harga kami berbanding pengilang-pengilang lain, terutama yang berada di Thailand.

0.86 Juta MT

JUMLAH JUALAN DOMESTIK

Jumlah jualan domestik merekodkan sedikit peningkatan sebanyak 5% tahun-ke-tahun.

SOROTAN UTAMA GULA

Sektor Gula terus mengambil inisiatif penciptaan nilai kepada Modal Pembuatan. Ini termasuk:

Produk Gula Tambah-Nilai

- Mula mengeksport produk gula tambah-nilai seperti sirap gula dan gula pracampuran ke pasaran Asia.

Pensijilan Produk

- Kilang penapisan kami disahkan Halal, Standard Malaysia (MS) QMS ISO9001:2015, Kosher, FSSC22000, ISO22000, Analisis Mudarat dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP) dan pensijilan Amalan Pengilangan Baik (GMP), bagi memastikan keselamatan dan kualiti produk gula kami.

TINJAUAN & PROSPEK BAGI SEKTOR GULA

- Memulakan Fasa 1 pemasangan dandang biojisim (*biomass boiler*) di MSM Johor bagi mengurangkan bil tenaga.
- Melaksanakan mekanisme '*Just–In–Time*' bagi mengoptimumkan stok gula mentah dan penggunaan ruang gudang luar.
- Penyelidikan dan pembangunan berterusan sebagai usaha untuk menghasilkan produk makanan dan produk bukan makanan berasaskan gula seperti sukralosa rendah kalori, *mud cake* dan molase.

SEKTOR LOGISTIK & LAIN-LAIN

PENGENALAN

Sektor Logistik & Lain-lain memainkan peranan yang penting di dalam Kumpulan sebagai sektor sokongan yang menawarkan perkhidmatan simpanan pukal, logistik dan pengangkutan, teknologi maklumat dan komunikasi serta lain-lain lagi.

Perniagaan utama kami dan fungsi-fungsinya adalah seperti berikut:

Simpanan Pukal

FGV Johor Bulkers Sdn. Bhd. (FJB) merupakan penyedia perkhidmatan bebas bagi penyimpanan pukal dan pengendalian produk berasaskan minyak makan, bijirin dan bahan kimia asas. Ia juga merupakan pusat sehenti bagi perkhidmatan penghantaran dan aktiviti pemindahan (*trans-shipment*). FJB mengendalikan antara 25% hingga 35% jumlah eksport minyak sawit Malaysia dan membekalkan penyelesaian ruang tangki yang mencukupi bagi pedagang minyak makan antarabangsa menguruskan perniagaan secara berkesan di peringkat global. Dalam logistik simpanan, kami memiliki salah satu kemudahan dan simpanan pukal yang terbesar di dunia untuk minyak makan dengan keupayaan 939,700 MT merangkumi 844,400 MT yang terletak di Malaysia dan 22,500 MT di Indonesia dan 72,800 MT di Pakistan, menerusi 12 terminal simpanan pukal di lapan pelabuhan utama.

Teknologi Maklumat & Komunikasi

FGV Prodata Systems Sdn. Bhd. merupakan syarikat teraju teknologi maklumat yang menawarkan pelbagai perkhidmatan bercirikan informasi maklumat serta rangkaian telekomunikasi. Sebagai sebuah syarikat bertaraf ISO dengan kepakaran dalam bidang perniagaan dan teknologi maklumat dan komunikasi, sasaran kami adalah membantu pelanggan mencapai objektif perniagaan mereka.

Pengangkutan

FGV Transport Services Sdn. Bhd. menawarkan perkhidmatan pengangkutan darat, pengangkutan multimodal, perkhidmatan kurier dan perkhidmatan pergudangan, juga sebagai syarikat pengangkutan produk sawit terbesar negara dengan aset hampir 500 lori (tangki, kargo, kurier) dan 14 hab di seluruh negara, termasuk lima depoh utama dan sembilan sub-depoh.

Selain itu, pihak Logistik juga mengendalikan operasi pengurusan jeti di Malaysia dan di Pakistan.

- Operasi Jeti Felda Sahabat di Sabah berupaya mengendali pengangkutan produk-produk seperti CPO, CPKO, PKE, air bersih dan banyak lagi, dengan keupayaan kapal 50,000 DWT. Kapasiti pemindahan kargo kering di jeti ini adalah antara 1,500 dan 2,000 tan sehari.
- Operasi Jeti di Pakistan dikendali urus oleh subsidiari syarikat Kumpulan iaitu F.W.Q Enterprises (Pvt) Ltd., mampu memberi kemudahan kepada kapal yang membawa minyak makan dan molase dan derivatif sehingga 35,000 DWT termasuk lain-lain muatan kargo yang dibenarkan. Minyak makan yang memasuki Pakistan melalui jeti ini adalah melebihi 90%.

Maklumat lanjut berkaitan kemudahan operasi Sektor Logistik & Lain-lain boleh dicapai pada 'Operasi Kami' di muka surat 8-9 laporan ini.

OPERASI DI PAKISTAN

Sejak tahun1980an, FGV Holdings Berhad (FGV) telah bertapak di Pakistan melalui FELDA yang memulakan perniagaan menjual minyak makan berasaskan sawit. FELDA kemudian terus mengukuhkan kedudukan dengan menandatangani Memorandum Persefahaman pada tahun 1993 dengan Westbury Group (Westbury) untuk bekerjasama dalam industri berasaskan sawit. Sehingga kini, perkongsian antara FGV, Westbury dan dua lagi rakan kongsi di Malaysia telah mencipta empat syarikat berpangkalan di Pakistan yang beroperasi dalam rantaian nilai sawit dan minyak makan. Salah satu daripada syarikat ini adalah F.W.Q. Enterprises (Pvt), subsidiari FGV.

Secara keseluruhan, usaha FGV di Pakistan berjaya memberikan pendapatan melalui dividen yang konsisten iaitu melebihi 6% setahun. Prestasi yang mantap ini bersandarkan kepada hubungan yang baik dengan rakan kongsi tempatan yang berpengaruh dan berpengalaman yang berada dalam lokasi strategik (Port Qasim) yang mengawal nilai rantaian dari jeti ke pasaran minyak makan. Ini juga disokong oleh permintaan yang tinggi daripada nama-nama besar industri minyak sawit dan makanan di rantau berkenaan.

PRESTASI PERNIAGAAN

6.02 Juta MT

JUMLAH PENGANGKUTAN

Pada 2019, kami merekodkan jumlah pengangkutan sebanyak 6.02 juta MT berbanding 5.18 juta MT pada 2018 berikutan peningkatan berat tan yang dibawa untuk pelanggan luar.

8.82 Kali

KADAR PUSINGAN PENGGUNAAN TANGKI

Jumlah pengendalian pukal meningkat sebanyak 8.42 juta MT berbanding 7.02 juta MT pada 2018 ekoran daripada sumbangan yang lebih besar oleh pelanggan utama kami. Simpanan pukal yang lebih tinggi ini menyebabkan peningkatan terhadap kadar perolehan tangki simpanan kepada 8.82 kali berbanding 7.34 kali pada 2018.

SOROTAN UTAMA LOGISTIK & LAIN-LAIN

Pembekal Penyelesaian Penuh Logistik Bersepadu

- Menawarkan perkhidmatan bersepadu dalam pelbagai aktiviti perkhidmatan berkaitan logistik seperti pengangkutan udara, laut, darat dan rel, pergudangan dan perkhidmatan lain yang menambah nilai.
- Menawarkan perkhidmatan baru seperti perkhidmatan 3PL untuk perniagaan barangan pengguna cepat laris (FMCG) begitu juga perkhidmatan kargo ketika musim haji.

Harta Intelektual

- Melaksanakan sistem elektronik Rangkaian Maklumat Ladang (eRML) Modular, Sistem Pengurusan Perladangan Online (OPMS) pada dua syarikat dalaman (FGV Agri Services Sdn. Bhd. dan Pontian United Plantations Berhad) dan satu syarikat luar milik FELDA iaitu Felda Technoplant Sdn. Bhd. dan Sistem Logistik & Pengedaran Bersepadu (ILDS) Mobile bagi pemandu FGV Transport Services Sdn. Bhd. untuk mengurangkan kos operasi.
- FGV Prodata Systems Sdn. Bhd. juga mempunyai harta intelektual lain yang digunakan dalam Kumpulan seperti Sistem Bersepadu Kilang Minyak Sawit (POMIS), Peneroka, Tanah & Perladangan (SLP), Sistem Maklumat Koperasi Bersepadu (SMKB), Sistem Pengurusan Jambatan Timbang (WBS) dan lain-lain lagi.

TINJAUAN & PROSPEK BAGI SEKTOR LOGISTIK & LAIN-LAIN

Simpanan Pukal

- Mengembangkan kapasiti melalui penambahan tangki baru.
- Mengembangkan kapasiti penyimpanan di luar negara.

Pengangkutan

- Memaksimakan keperluan pengangkutan dalaman.
- Pensijilan Halal pengangkutan darat.
- Menceburi industri baru (minyak & gas).
- Penggabungan & pengambilalihan yang berpotensi untuk perkembangan perniagaan.

Teknologi Maklumat & Komunikasi

- Menguruskan kontrak perkhidmatan untuk infrastruktur telekomunikasi bersepadu dan perkhidmatan berkaitan.
- Penyedia perkhidmatan infrastruktur telekomunikasi.
- Platform rantaian bekalan makanan.

ANALISA DAN PENYATA

PERBINCANGAN & ANALISIS PENGURUSAN

MODAL INTELEK

TINJAUAN KESELURUHAN

Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) kami yang pernah merangkul beberapa anugerah berterusan menjadi penyumbang kepada Modal Intelek FGV, dengan memacu kemajuan yang signifikan merentasi Bahagian Huluan selain mencipta produk-produk menarik baharu bagi perniagaan Bahagian Hiliran. Dengan memberi fokus kepada inovasi dan penggunaan teknologi yang canggih, kami berada di posisi terbaik untuk menambah nilai signifikan kepada kesemua Modal Kumpulan.

Kami Sejajarkan **Modal Intelek** dengan:

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG): 9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE; 12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION

Asakan Strategik:

Perkara Material: YI

PERANAN KAMI

Fungsi Bahagian R&D adalah menambah kemampuan penciptaan nilai berorientasikan perniagaan pertanian yang mantap melalui program penyelidikan dan pembangunan yang dibarisi oleh tenaga kerja berkaliber. Hasil kajian kami terbukti menerusi penghasilan produk yang bernilai tinggi dan telah berjaya menghasilkan margin keuntungan yang lebih baik dalam memacu persepaduan perniagaan Kumpulan. Kami juga memberi fokus dalam memaksimakan penciptaan nilai melalui baja, yang merupakan keperluan penting dalam industri pertanian. Hasil keseluruhan daripada kesemua inisiatif ini bakal memberi manfaat kepada komuniti penanam sawit di negara ini.

KAMI DISOKONG OLEH:

FGVAS
(FGV Agri Services Sdn. Bhd.)

Bertanggungjawab dalam pengeluaran biji benih, anak benih, ramet, umpan racun tikus dan menyediakan nasihat agronomi dan perkhidmatan analisa makmal.

FGV Fertiliser
(FGV Fertiliser Sdn. Bhd.)

Pengeluar baja untuk kegunaan dalaman dan luaran.

FGV R&D dan FGVAT
(FGV R&D Sdn. Bhd. dan FGV Applied Technologies Sdn. Bhd.)

Merupakan cabang penyelidikan kami yang menyokong pembangunan produk untuk keseluruhan rantaian bekalan perladangan.

AKTIVITI PENCIPTAAN NILAI

HULUAN

Meningkatkan kadar hasil minyak bagi Kumpulan

Mengurangkan baja bukan organik

Mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja melalui mekanisasi

Menghasilkan produk baja tertentu dan meningkatkan pasaran luaran

HILIRAN

Menghasilkan
Produk-produk baharu barangan pengguna cepat laris (FMCG)

Sokongan
Portfolio pendapatan baharu (perladangan bersepadu)

AKTIVITI PENCIPTAAN NILAI HULUAN

1. **Meningkatkan produktiviti Huluan** — bagi membantu menggalakkan produktiviti Huluan, Bahagian R&D telah menjalankan kajian mengenai kaedah meningkatkan kadar hasil Huluan. Langkah ini dilaksanakan dalam pelbagai cara, kesemuanya dengan sasaran untuk meningkatkan hasil minyak:

Bahan Tanaman Premium — Kami telah menghasilkan biji benih, anak benih dan ramet yang menunjukkan kemajuan konsisten dari segi kualiti dan potensi hasil. Kami juga telah membuat pelaburan bagi memastikan kelestarian penghasilan bahan tanaman melalui kaedah pemeliharaan krio dan mikropropagasi.

Amalan Pertanian Baik (GAP) — Kawasan tapak spesifik GAP telah dilaksanakan di 30 ladang, bagi mencapai sasaran pengeluaran hasil 20 MT/Ha. Ahli agronomi telah ditugaskan secara khusus di setiap wilayah bagi memantau secara konsisten proses pelaksanaan GAP berasaskan keperluan kawasan tapak yang spesifik.

Sistem Pengairan — Kami sedang menguji kadar keberkesanan penambahan sistem pengairan di ladang sawit matang bagi memastikan paras pengeluaran kekal konsisten, walaupun dalam keadaan iklim tidak menentu di Asia Tenggara.

Kilang Percubaan bagi Pengujian Kadar Perahan Minyak (OER) — Kami telah membina kilang percubaan dengan kapasiti 1.5 MT untuk merekod, memantau dan menguji hasil sebenar OER berdasarkan penggunaan bahan tanaman yang berbeza.

Sistem *ToughFar* — Kami telah memilih satu ladang untuk mengimplementasikan mekanisasi dengan memperkenalkan dan menguji sistem pembajaan *ToughFar*, cara yang lebih cepat dan cekap untuk membaja.

Inisiatif Penciptaan Nilai
Inisiatif di bawah telah dirancang untuk menyokong aktiviti penciptaan nilai kami:

- Kemajuan teknologi telah menaik taraf bahan tanaman dengan penggunaan kemajuan genomik, pengklonan dan pemanfaatan sumber data raya. Dalam konteks ini, kami telah melakukan pembiakan molekular bagi mempercepatkan pertumbuhan kelapa sawit dan pengecapjarian DNA kelapa sawit, yang disasarkan untuk pengeluaran minyak sawit lestari.
- GAP – Bahagian R&D menggunakan kajian agronomi dan memberi khidmat saranan untuk memacu amalan pertanian baik. Sebagai tambahan, kami melaksanakan strategi yang memanfaatkan perladangan secara tepat dan pengurusan penyakit & perosak bersepadu untuk memaksimakan hasil dengan meminimumkan kerugian tanaman dan menggunakan penyelesaian secara biologi.
- Menggunakan teknologi geospatial untuk menghasilkan rangka tindakan yang tepat di kawasan penanaman semula kelapa sawit bagi memastikan ia diuruskan secara cekap. Pertanian yang tepat juga diaplikasi untuk memantau kesihatan tanaman secara proaktif.
- Inisiatif menaiktaraf hasil/OER juga telah dilakukan dengan menubuhkan pemeriksa ladang bagi memantau kualiti BTS dan aktiviti penggredan kami.

2. **Mengurangkan baja tidak organik**

- *Fortified Organic Fertiliser* (FOF) adalah baja inovatif FGV yang menggabungkan baja tidak organik dan baja terkompos. Produk mesra alam ini menyasarkan pengurangan kebergantungan terhadap baja tidak organik sekaligus akan meningkatkan produktiviti pokok kelapa sawit.
- Membangunkan baja bio istimewa yang mengandungi mikrob bermanfaat sebagai penggalak tumbesaran tanaman untuk ladang kami. Produk ini telah pun diuji di nurseri utama dan akan dinilai pada pokok kelapa sawit diperingkat pramatang.
- Penanaman semula dilakukan menggunakan sungkupan biodegradasi untuk menurunkan kadar kerugian baja dan menambahbaik pertumbuhan kelapa sawit.
- Memanfaatkan produk sampingan (sistem pengairan POME dan kompos EFB) sebagai inisiatif mengurangkan penggunaan baja tidak organik dan inisiatif untuk menambahbaik tanah.

3. **Mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja melalui mekanisasi dalam mengoptimumkan pemanfaatan pekerja bagi mengurangkan waktu pemprosesan selain mengelakkan pengendalian berulang terhadap buah kelapa sawit.**

HASIL UTAMA HULUAN

- Pada penghujung 2019, ladang terpilih yang mengamalkan GAP berjaya mencapai kadar hasil sebanyak 20.57 MT/Ha.
- Bahan tanaman kami yang menerima penganugerahan, iaitu biji benih Yangambi, mendominasi pasaran biji benih Malaysia, merekodkan 44% penguasaan pasaran.
- Tahap kecekapan buruh telah meningkat dengan nisbah penuai kepada tanah 1:24. Melalui pelan mekanisasi, kami menjangka untuk meningkatkan nisbah tersebut kepada 1:25 dalam tempoh lima tahun akan datang.
- Pengurusan Penyakit & Perosak Bersepadu telah memastikan produk pengurusan perosak dalam pengawalan serangan kumbang badak yang boleh membunuh sehingga 43% kumbang walaupun selepas 24 bulan diaplikasikan, mengurangkan sehingga 48% jumlah kos penggunaan bahan kawalan perosak kimia.

AKTIVITI PENCIPTAAN NILAI HILIRAN

- **Pembangunan produk barangan pengguna cepat laris (FMCG) baharu**
  Bagi menyokong sektor Hiliran, bahagian R&D bekerja secara rapat dengan bahagian FMCG FGV untuk membangunkan produk baharu yang memiliki potensi pengkomersialan yang baik. Kami memanfaatkan teknologi makanan untuk membentuk produk makanan baharu Kumpulan, dan kami terlibat secara langsung dalam pembangunan produk berasaskan minyak sawit yang bernilai tinggi.
- **Menyokong portfolio hasil yang baharu**
  Seterusnya, kami juga membantu Kumpulan membesarkan perniagaan perladangan bersepadu dengan tanaman seperti nanas MD2 dan pisang *Cavendish*. FGV telah berjaya membina kebun biji benih nanas MD2 di Johor, dengan kapasiti pengeluaran memenuhi permintaan pasaran tempatan dan domestik. Sebagai tambahan kepada inti hampas biji isirung sawit (PKE), pengeluaran biojisim daripada nanas dan pisang berpotensi untuk diproses bagi pengeluaran makanan haiwan.

HASIL UTAMA HILIRAN

- Bekerjasama dengan perniagaan barangan pengguna cepat laris (FMCG) Kumpulan dalam pengeluaran produk ADELA Gold dan marjerin ADELA untuk kegunaan industri.
- Kami juga membangunkan minyak sawit terbendalir dan pengganti lemak haiwan. Pengganti lemak haiwan ini boleh diaplikasikan pada kepingan daging kisar (*burger patty*), nuget dan pelbagai produk berasaskan daging yang berkaitan.
- Usaha penyelidikan kami yang lain dalam produk bahagian Hiliran membuahkan hasil memangkin perladangan bersepadu:
  - Protein isirung sawit – menambahkan nutrien dan tenaga kepada makanan ternakan.
  - Sabun kalsium – lemak bertenaga-tinggi yang boleh digunakan sebagai makanan ternakan bagi meningkatkan penghasilan susu.

HARTA INTELEKTUAL

Bagi melindungi hasil penyelidikan, Bahagian R&D juga telah berdaftar untuk Inovasi Utiliti (UI) ke atas harta intelek yang memiliki potensi baik untuk pengkomersialan lanjut. Pemfailan UI terbaharu adalah 'Inovasi Penanaman Semula Kelapa Sawit Menggunakan Teknologi Geospatial'. Dalam istilah mudah, kami telah membangunkan sistem yang menggabungkan penggunaan data satelit, penangkapan imej estet menggunakan dron dan model 3D menerusi *Geographic Information System* (GIS) bagi menambahbaik proses penanaman semula.

Metodologi baru ini telah menambahbaik kaedah konvensional penanaman semula dengan meminimumkan kesilapan yang berlaku semasa pengukuran jarak secara manual dilakukan sewaktu penanaman pokok. Hasilnya, ketepatan geo-posisi di ladang pada tahap tertinggi dapat diperolehi, yang mendorong kepada kepadatan penanaman yang optimum dan sekaligus memaksimumkan hasil. Secara keseluruhan, kaedah baharu ini boleh mengurangkan keperluan tenaga kerja sehingga 50% dan pada masa yang sama meningkatkan produktiviti dua kali ganda.

ANUGERAH

FGV aktif dalam menyertai pelbagai anugerah dan telah merangkul dua anugerah di Pameran Rekaan, Inovasi & Teknologi Antarabangsa (ITEX'19) kali ke-30 yang diadakan pada Mei 2019. Kami menerima Anugerah Emas dan Perak masing-masing bagi produk pencegahan penyakit PalmaShield dan pengecapjarian DNA kelapa sawit. PalmaShield ialah produk biologikal yang dibangunkan untuk menguruskan penyakit Reput Pangkal Batang (BSR) di ladang kelapa sawit. Manakala pengecapjarian DNA kelapa sawit, digunakan sebagai alat mengenal pasti sama ada bahan tanaman seperti biji benih atau klon boleh mempamerkan prestasi seperti yang dinyatakan.

Anugerah berprestij lain yang penting dan terkenal pernah diterima adalah pada Jun 2019 apabila biji benih Yangambi memenangi Anugerah Jenama Terbaik BrandLaureate 2018-2019 bagi kategori '*The BrandLaureate Brand Influencer Awards*'. Ini merupakan kali kelapan sejak 2008 biji benih Yangambi memenangi anugerah yang disampaikan oleh Yayasan Jenama Asia Pasifik ini.

Bahagian Tenaga Boleh Diperbaharui FGV juga telah memenangi Anugerah Tenaga Kebangsaan 2019 dan muncul pemenang tempat ketiga di Anugerah Tenaga ASEAN 2019 bagi Elektrifikasi Luar Bandar Umas, projek yang menggunakan biogas untuk menjana tenaga elektrik yang memberi manfaat kepada 3,000 isi rumah dengan 15,000 penghuni di pekan Umas.

TINJAUAN & PROSPEK BAGI MODAL INTELEK

Kami akan meneruskan pelaburan dalam R&D dan bakal menyaksikan lebih banyak penemuan dan hasil di masa hadapan. Program sedang dalam perancangan termasuk:

- Projek pilot yang menggunakan secara berkesan teknologi SAFE untuk mengimplementasi piawaian penanaman semula pada tahap tertinggi dan tepat melalui teknologi satelit penderiaan jauh. Kawasan penanaman semula di enam buah ladang telah pun dipilih bagi inisiatif ini.
- Mengkaji penyelesaian mikrobial bagi mengurangkan paras keperluan oksigen biologi dalam efluen kilang minyak sawit, yang bakal mengurangkan impak aktiviti kami kepada persekitaran.
- Berusaha merumuskan formula baharu baja biologi. Tujuan utama pembangunan produk ini adalah untuk memperbaiki struktur tanah dan mengurangkan penggunaan baja.
- Menubuhkan dan menaik taraf pengklonan bahan tanaman nanas MD2 bagi membolehkan hasil pengeluaran ditingkatkan dan dibekal kepada petani. Ini membuka peluang untuk kepelbagaian penanaman pokok buah-buahan.

ANALISA DAN PENYATA

PERBINCANGAN & ANALISIS PENGURUSAN

MODAL INSAN

TINJAUAN KESELURUHAN

Modal Insan FGV memainkan peranan penting dalam merealisasikan objektif perniagaan Kumpulan dan peningkatan nilai Modal ini bakal menguatkan Kumpulan secara menyeluruh. Bagi menyokong usaha ini, kami telah mencipta persekitaran kerja yang selamat dan kondusif sementara membentuk kakitangan berprestasi tinggi melalui program pembentukan bakat yang holistik. Pelbagai program untuk kakitangan yang memfokuskan kepada budaya kerja dan kesejahteraan juga diadakan. Seterusnya, Kumpulan bakal memperkenalkan rangka kerja pengurusan prestasi yang baharu dan terbukti berjaya menguruskan kos kakitangan melalui strategi pengoptimuman kos.

Kami Sejajarkan **Modal Insan** dengan:

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG): 3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING; 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH; 16 PEACE, JUSTICE AND STRONG INSTITUTIONS

Asakan Strategik:

Perkara Material: HR



DEMOGRAFI KUMPULAN FGV (SETAKAT 31 DISEMBER 2019)

JUMLAH KAKITANGAN

17,104*

2018: 18,742



** kecuali tenaga kerja ladang*

PURATA USIA



JANTINA



BERDASARKAN USIA



BERDASARKAN SEKTOR



Perladangan	11,748
Logistik & Lain-lain	1,554
Gula	1,249
Pusat Korporat	2,823

BERDASARKAN TAHAP



STATISTIK PEKERJA MIGRAN



Indonesia	14,186
Filipina	2,545
India	3,433
Bangladesh	8,455
Myanmar	3
Nepal	9
Lain-lain warganegara	1

RANGKA KERJA STRATEGI MODAL INSAN



Pembangunan Bakat

Berkenaan dengan pembangunan bakat, kami sedang menuju ke arah Fasa 3 misi FGV iaitu 'Mencipta Nilai menerusi Modal Insan Kami',

Fasa 1: 2015 - 2016	Fasa 2: 2017 - 2019	Fasa 3: 2020 dan seterusnya
• Pembelajaran & Pembangunan Teras & Asas • Keberkesanan & Kecemerlangan Operasi	Pembangunan Berstruktur & Bersistem	Kebolehan Organisasi & Budaya Pembelajaran

Pada 2019, kami telah melabur sejumlah RM3.3 juta ke atas pelbagai program latihan secara dalaman dan di peringkat umum, dengan hasilnya dianggarkan 15,517 hari latihan. Daripada latihan ini, sejumlah 74% diadakan di peringkat dalaman meliputi pelbagai topik yang dibincang secara meluas serta memfokuskan kepada bahagian teknikal dan kecekapan. Kumpulan juga membuat pelaburan daripada segi masa secara signifikan dengan menganjurkan bengkel ke atas nilai-nilai teras iaitu Perkongsian, Hormat, Integriti, Dinamisme dan Semangat (P.R.I.D.E).

MENGURUSKAN PRESTASI UNTUK MEMACU PERNIAGAAN

Menuju ke arah 2020, Kumpulan bakal memperkenalkan rangka kerja pengurusan prestasi yang baharu serta yang dirangka untuk memajukan budaya berprestasi tinggi dan mendorong kepada:

- Menaikkan prestasi individu dan organisasi.
- Meningkatkan kapasiti dan kecekapan individu bagi memenuhi kehendak organisasi.
- Mempromosi komunikasi dua hala bagi menjelaskan kehendak terhadap tugasan dan kebertanggungjawaban.
- Menggalakkan pemerkasaan, motivasi dan ganjaran yang berkesan.

Kumpulan juga bakal mengintegrasi konsep 'kompetensi' ke arah rangka kerja pengurusan prestasi menggunakan sistem pemarkahan 1 hingga 5 berasaskan tahap kemahiran dan kecekapan. Di bawah rangka kerja ini, 60% kuota diberikan untuk mencapai KPI/sasaran dan selebihnya 40% untuk tugasan nilai kompetensi yang selaras dengan nilai teras kami iaitu P.R.I.D.E. Penilaian sebegini bakal dilaksanakan di seluruh peringkat kakitangan FGV.

Pelan Insentif Jangka Panjang

Kami juga turut melaksanakan Pelan Insentif Jangka Panjang (LTIP) untuk ganjaran, mengekalkan dan memotivasikan tenaga kerja kami yang menjadi tunggak kejayaan Kumpulan. Berdasarkan mekanisme yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada Februari 2016, sejumlah 2.67 juta saham telah diberikan berdasarkan Pelan Insentif Jangka Panjang (LTIP) kepada kakitangan yang layak pada 2019. Peletakan hak saham, dijangkakan dalam tempoh tiga tahun berdasarkan nisbah 30:30:40, bergantung pada tahap prestasi kakitangan tersebut.

Pengoptimuman Kos

Pada 2019, FGV telah berjaya melakukan semakan semula dasar manfaat kepada kakitangan dengan visi mengoptimumkan mereka daripada perspektif kos seiring dengan cabaran yang dihadapi oleh FGV. Semakan semula ini juga memastikan manfaat yang ditawarkan kekal kompetitif dan bersesuaian dan mematuhi undang-undang dan peraturan. Semakan ini telah diluluskan oleh Lembaga pada 9 Disember 2019 dan berkuat kuasa bermula 1 Januari 2020.

FGV juga menawarkan Skim Pemisahan Bersama (MSS) dengan menyasarkan pengoptimuman tenaga kerja, memperbaiki tahap kecekapan dan meningkatkan produktiviti kakitangan. Amalan ini termasuk pemberhentian secara sukarela ekoran pelupusan perniagaan bukan teras. Sejumlah 1,377 kakitangan telah meninggalkan organisasi melalui skim ini.

Selaras dengan inisiatif rasionalisasi kos tenaga kerja kami, jumlah keseluruhan kakitangan pada masa kini adalah 17,104. Kadar pusing ganti kakitangan yang direkodkan pada tahun 2019 adalah 15.1%. Sebagai hasilnya, Kumpulan berupaya mengurangkan kos kakitangan sehingga 7.1% pada 2019 berbanding 2018.

MEMBINA MASA DEPAN

Young Shapers Programme

FGV memperkenalkan *Young Shapers Programme* (YSP), satu inisiatif yang dijangka memberikan impak secara positif kepada Kumpulan. Dilancarkan pada Mei 2019, YSP bakal mengembang dan memacu satu kumpulan bakat muda, berusia 35 tahun dan ke bawah, untuk mencipta budaya prestasi cemerlang.

Sejumlah 36 *Shapers* telah melengkapkan program selama enam bulan, yang mengandungi lima modul melibatkan kertas projek pada masa sama menerima petunjuk dan panduan daripada Pengurusan Kanan Kumpulan. Kemahiran tidak langsung yang diperlukan bagi calon YSP termasuk kemahiran komunikasi perniagaan dan berfikir. Pada pengakhiran program, 15 *Shapers* telah dianugerahkan biasiswa Universiti Metropolitan Asia untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana Eksekutif dalam bidang Pentadbiran Perniagaan (MBA). Kami optimistik mengenai keputusan ini dan merancang untuk menganjurkan lagi program ini di masa hadapan.

OBJEKTIF YSP:

- Untuk melengkapkan peserta dengan pengetahuan praktikal pengurusan projek.
- Untuk meningkatkan daya kepimpinan peserta dalam pengurusan projek.
- Untuk menyediakan peserta menjadi ketua projek masa hadapan dengan pemikiran strategik dan keupayaan membuat keputusan perniagaan yang tepat.
- Untuk menghasilkan peningkatan yang baik terhadap perniagaan bagi FGV.

Biasiswa

FGV sentiasa bersedia untuk masa hadapan dengan menyediakan pemimpin muda dan memelihara bakat berpotensi untuk Kumpulan. Sejak tahun 2006 kami telah menganugerahkan biasiswa kepada pelajar yang layak untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat A-Level. Biasiswa diteruskan ke program ijazah di universiti terkemuka di United Kingdom, setelah memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Kumpulan. Buat masa ini kami menaja 34 pelajar untuk pengajian di universiti awam tempatan dan luar negara melalui Program Biasiswa dan setakat ini, kami mempunyai 51 penerima biasiswa yang berkhidmat dalam Kumpulan.

Keperluan dan Pengekalan Tenaga Kerja

Setakat Disember 2019, FGV mempunyai sejumlah 31,074 tenaga kerja ladang, yang sebahagian besarnya terdiri daripada pekerja migran yang diambil dari Indonesia, Bangladesh dan India, yang memenuhi 85% keperluan buruh. Kami mempunyai tempoh sehingga April 2020 untuk menggunakan sepenuhnya kuota pekerja migran yang dikeluarkan oleh kerajaan.

Selaras dengan inisiatif RSPO berkaitan kebajikan pekerja dan hak asasi manusia, kami percaya akan kepentingan untuk menyediakan keperluan asas dan meningkatkan taraf hidup buruh berdasarkan Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 demi mengekalkan tenaga kerja kami di ladang. Setakat penghujung 2019, kami telah menyiapkan 319 blok perumahan untuk tenaga kerja.

Dalam menjaga komitmen kami menghormati hak-hak pekerja, 130 ladang di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dilengkapkan dengan kotak keselamatan di mana pekerja boleh menyimpan dan mengambil pasport mereka pada bila-bila masa.

Kesatuan Pekerja

FGV juga kerap terlibat dengan pekerja tempatan yang menyokong akitiviti kami melalui perwakilan kesatuan. Bahagian Modal Insan Kumpulan mengadakan dua mesyuarat dijadualkan setiap tahun dengan 15 kesatuan dalaman FGV dan dua kesatuan kebangsaan. Pada Disember 2018, kami merumuskan dan menandatangani perjanjian kolektif dengan kesemua 16 kesatuan bagi tempoh 2019-2021. Pada 2019, selain daripada mesyuarat yang telah dijadualkan, kami menganjurkan tiga lagi sesi mesyuarat untuk membincangkan perkara berhubung dengan kebajikan ahli dan isu-isu semasa yang berkaitan.

MENYEDIAKAN PERSEKITARAN SIHAT DAN SELAMAT UNTUK KAKITANGAN DAN PEKERJA

Sebagai perniagaan yang intensif pekerja mewakili lebih 60% daripada 17,104 kakitangan, kami menitikberatkan kesihatan dan keselamatan kakitangan dan pekerja kami, dengan menyediakan persekitaran yang selamat untuk mereka bekerja. Dalam konteks ini, kami menanda aras amalan kami sendiri dengan amalan terbaik industri dan piawaian antarabangsa.

Kumpulan juga meneruskan pelbagai program Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran (HSE) bagi mempromosi budaya keselamatan yang kukuh. Pada 2019, terdapat 16 program yang dihadiri 645 kakitangan, meliputi topik daripada pendedahan bunyi bising hingga menunggang motosikal secara defensif dan memadam kebakaran.

Sewaktu berusaha memastikan kematian sifar, kami dengan rasa kesal melaporkan pada 2019 Kumpulan telah merekodkan empat kematian melibatkan seorang kakitangan FGV, seorang pekerja migran, kontraktor dan seorang pekerja pihak ketiga. Bilangan kematian kekal empat sejak tahun 2016, Kumpulan komited ingin memperbaiki program HSE bagi mencapai sasaran sifar kematian.

Dicatatkan juga peningkatan dalam bilangan kes hilang upaya kekal berbanding 2018, yang mengakibatkan kenaikan dalam Kadar Kekerapan Kecederaan Masa Hilang (LTIFR) kepada 2.56 berbanding 2.30 dalam 2018. Bagaimanapun terdapat penurunan kadar keterukan secara keseluruhan.

Kes-kes LTI	2019	2018*
Kadar Kekerapan Kecederaan Masa Hilang	2.56	2.30
Kadar Keterukan	123.37	168.10
Kadar Insiden	6.33	5.69

* *LTIFR 2018 telah dinyatakan semula kepada 2.30 daripada dilaporkan sebelumnya 3.19 dalam laporan 2018 disebabkan pengkelasan semula 4 kecederaan yang tidak berkaitan pekerjaan.*

#GOHOMESAFE

FGV melancarkan kempen keselamatan dipanggil #GoHomeSafe untuk mengangkat budaya kerja yang selamat daripada mula hingga selesai hari bekerja. Karakter Abang Selamat dicipta sebagai duta keselamatan bagi kempen ini dan kami melantik 65 pengurus daripada Sektor Perladangan untuk bertindak sebagai *Abang Selamat* di kawasan masing-masing. Kempen memfokus kepada:

SELAMAT keluar bekerja dan pulang ke rumah

SELAMAT bekerja di persekitaran

SELAMAT menggunakan peralatan

MEMATUHI panduan bekerja dengan **SELAMAT**

Aktiviti & Inisiatif

Kami aktif dalam menganjurkan aktiviti sukan, amal, bengkel dan sesi perkongsian untuk berinteraksi bersama tenaga kerja. Kami percaya dengan interaksi bersama tenaga kerja adalah sesuatu yang produktif, dan kami akan meneruskan pelbagai program untuk membina perhubungan yang mantap dengan kakitangan kami.

Interaksi Tenaga Kerja & Komunikasi Sumber Manusia

- **Perbincangan Kumpulan Fokus**
  Seramai 128 tenaga kerja, yang merupakan responden kaji selidik budaya, mengambil bahagian dalam sembilan perbincangan kumpulan fokus bagi Bahagian Modal Insan Kumpulan (GHC) untuk memahami dengan lebih mendalam budaya semasa FGV dan mengenal pasti cara untuk menaikkan tarafnya.
- **Sesi Perkongsian Ilmu**
  Sesi bulanan yang dianjurkan Kumpulan untuk memupuk budaya berprestasi tinggi sebagai platform bagi tenaga kerja yang bersemangat untuk berkongsi ilmu mereka.
- **Pembukaan Taska Wisma FGV**
  FGV membuka Taska pada 23 Ogos 2019 di Wisma FGV. Taska berupaya menyediakan tempat kepada 61 kanak-kanak dengan sokongan 11 guru dan dua tenaga kerja pentadbiran.

Budaya

- **Hari Bawa Tanaman ke Pejabat**
  Tenaga kerja FGV membawa tanaman ke pejabat di Wisma FGV pada 18 Mac 2019 bagi mempromosi persekitaran pekerjaan yang lebih baik.
- **FGV Care Box**
  Dilancarkan pada Ogos 2019, program ini menggalakkan kakitangan FGV berkongsi atau menderma barangan baharu atau telah digunakan kepada yang memerlukan.
- **Bengkel PRIDE**
  Satu siri bengkel selama dua jam yang memfokuskan kepada nilai teras kami P.R.I.D.E. telah dihadiri 371 peserta yang terdiri daripada pengurus hingga naib presiden. Sasaran bengkel adalah membantu pemimpin memahami kepentingan budaya dalam transfomasi organisasi.

Kesejahteraan

- **Minggu Kesihatan**
  Tenaga kerja boleh menjalani saringan kesihatan percuma yang dikendali oleh Hospital Pantai, Pusat Perubatan Pakar UiTM dan Institut Jantung Negara. Ceramah kesihatan dan program senaman juga dianjurkan untuk tenaga kerja.
- **RISE WITH PRIDE: Program Naik Tangga**
  Untuk mempromosi gaya hidup sihat, kami menggalakkan tenaga kerja menggunakan tangga termasuk pertandingan menaiki tangga yang mendapat sambutan baik.
- **KL Pagi Bebas Kenderaan**
  Bersempena KL-Car Free Morning yang diwartakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada setiap hari Ahad pertama dan ketiga setiap bulan, pihak FGV telah menganjurkan program beriadah bersama pada 7 Julai 2019 di mana 60 pekerja telah menyertai aktiviti berjalan dan bersenam beramai-ramai di sekitar pusat bandar.
- **Permainan & Kejohanan**
  FGV kerap menganjurkan acara kesukanan untuk kakitangan termasuk futsal, karom, dart, badminton, hoki, boling, bola jaring dan ping pong.

Urusan Agama & Kebajikan

- **Program Sumbangan Zakat 1440H FGV**
  FGV memberi zakat kepada kumpulan asnaf terpilih semasa Ramadan. Sebagai tambahan kepada sumbangan tersebut, FGV turut menyerahkan bantuan kepada Pusat Jagaan Nur Hasanah di Beranang, Selangor dan Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Tasawwur Islam, Perak.
- **Projek Iftar Ramadan**
  FGV menganjurkan kempen menderma di bulan Ramadan. Derma yang berjaya dikumpulkan digunakan membeli pek makanan bagi tenaga kerja yang pulang lewat kerana perlu menyiapkan tugasan di bulan Ramadan setelah mengambil kira kesulitan yang dihadapi untuk menyempurnakan iftar mereka.
- **Forum Maal Hijrah 1441H**
  Sempena kehadiran Tahun Baru Islam 1441H, FGV menganjurkan forum Maal Hijrah di Surau Al Muhajirin, Wisma FGV. Forum bertajuk 'Buku Baru' dianjurkan dengan kolaborasi Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah (PPZ-MAIWP).

ANALISA DAN PENYATA

PERBINCANGAN & ANALISIS PENGURUSAN

MODAL SOSIAL & PERHUBUNGAN

TINJAUAN KESELURUHAN

Modal Sosial & Perhubungan FGV merangkumi perhubungan kami bersama pihak berkepentingan. Secara asasnya modal ini merangkumi usaha kelestarian kami dalam konteks pelbagai pihak berkepentingan. Berinteraksi melalui usaha kelestarian dan menaik tarafkan perhubungan ini meningkatkan nilai Modal Sosial & Perhubungan – yang mana membantu menambah nilai kepada semua Modal yang lain.

Perbincangan berikutnya memberi sorotan kepada komitmen kami untuk mengendalikan interaksi dengan semua pihak berkepentingan yang berkaitan dengan isu utama seperti hak asasi manusia, perhubungan buruh dan pensijilan lestari seperti pensijilan Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO) dan pensijilan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO).

Kami Sejajarkan **Modal Sosial & Perhubungan** dengan:

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG): 2 ZERO HUNGER; 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH; 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES

Asakan Strategik:

Perkara Material: HR RC

INTERAKSI PIHAK BERKEPENTINGAN

Pengenalan kepada Pihak Berkepentingan

Kami mengendalikan interaksi secara kerap dengan pihak berkepentingan berkaitan isu yang dikenal pasti sebagai penting kepada pelbagai pihak berkepentingan. Kami komited untuk terus menguatkan hubungan dengan pihak berkepentingan dalam usaha kami memenuhi keperluan mereka dan menyampaikan nilai secara berterusan dalam perjalanan perniagaan kelestarian kami.

INTERAKSI PIHAK BERKEPENTINGAN

PIHAK BERKEPENTINGAN	PENERANGAN	KAEDAH INTERAKSI	PERKARA MATERIAL PENTING
Tenaga Kerja dan Buruh	Tenaga kerja dan buruh memiliki kepakaran dan pengalaman teknikal untuk memacu operasi perniagaan kami.	• Sesi soal jawab • Mesyuarat pasukan • Kaji selidik • Intranet syarikat • Buletin syarikat (*newsletter*) • Portal dalaman	• Prestasi Ekonomi • Tadbir Urus, Etika dan Integriti • Interaksi dan Kesejahteraan Kakitangan
Peneroka FELDA	Terdiri daripada 112,635 peneroka yang mendapat manfaat daripada pendapatan perladangan menerusi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Keberuntungan kami memanfaatkan FELDA dan seterusnya, peneroka.	• Mesyuarat Pengurusan bulanan dengan pengurus skim FELDA • Penilaian pensijilan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) • Latihan kesedaran industri pelabur • Nasihat teknikal berkaitan agronomi dan perlindungan tanaman • Perundingan pihak berkepentingan semasa audit RSPO dan MSPO	• Prestasi Ekonomi • Peningkatan Kadar Hasil • Tadbir Urus, Etika dan Integriti
Pelabur	Pemegang saham menyediakan Modal Kewangan untuk pengendalian dan pengembangan perniagaan kami.	• Laporan suku tahunan dan tahunan • Taklimat • Kunjungan pelaburan • Laman web dan media sosial terkini	• Prestasi Ekonomi • Tadbir Urus, Etika dan Integriti • Peningkatan Kadar Hasil
Pelanggan dan Rakan Usaha Sama	Pelanggan dan rakan usaha sama mewujudkan permintaan untuk produk dan khidmat kami.	• Kunjungan pelaburan • Kaji selidik • Mesyuarat interaksi	• Pematuhan Undang-undang • Kebolehkesanan/Rantaian Produk • Pensijilan RSPO
Kerajaan	Kerajaan memudahkan urusan perniagaan kami dengan menyediakan infrastruktur dan sokongan lain.	• Persidangan • Mesyuarat interaksi • Dialog • Laporan dan maklumat terkini	• Prestasi Ekonomi • Peningkatan Kadar Hasil • Pensijilan RSPO
Pembekal	Pembekal menyediakan bahan yang diperlukan untuk menghasilkan barangan dan khidmat kami.	• Mesyuarat interaksi • Penilaian integriti dan program latihan	• Prestasi Ekonomi • Tadbir Urus, Etika dan Integriti • Komunikasi Berkesan
Organisasi Bukan Kerajaan	NGO membantu kami untuk mengikuti perkembangan sosioekonomi yang boleh mempengaruhi perniagaan.	• Dialog • Aktiviti dan perundingan tanggungjawab sosial korporat	• Pengurusan Biodiversiti dan Pembasmian Hutan • Kebolehkesanan/Rantaian Pembekalan • Hak Asasi Manusia
Badan Kawal Selia	Badan kawal selia membantu kami untuk memastikan operasi yang mematuhi peraturan dan garis panduan yang melindungi keperluan pihak berkepentingan lain.	• Mesyuarat interaksi • Pemeriksaan tapak	• Tadbir Urus, Etika dan Integriti • Pematuhan Undang-undang • Prestasi Ekonomi

AKTIVITI INTERAKSI

SESI SOAL JAWAB

Dalam berdepan dengan cabaran daripada faktor dalaman serta pasaran dinamik yang sebenar, pemimpin FGV konsisten mengadakan sesi soal jawab untuk berkongsi maklumat berkaitan strategi dan memotivasi kakitangan. Pengerusi FGV Datuk Wira Azhar Abdul Hamid mengadakan sesi soal jawab dengan kakitangan Wisma FGV demi menyatakan dengan tegas dedikasi Lembaga Pengarah terhadap Kumpulan. Pengurusan mengalu-alukan kepimpinan Lembaga Pengarah memandangkan objektif utama adalah untuk menguatkan FGV. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Dato' Haris Fadzilah Hassan juga mengadakan pelbagai sesi soal jawab sejak Februari 2019 di Wisma FGV bagi mengetengahkan isu yang dihadapi Kumpulan dan untuk memberi kepada motivasi kakitangan FGV.

Butiran lanjut aktiviti yang dianjurkan untuk kakitangan dan pekerja sila rujuk Modal Insan di muka surat 73 laporan ini.

PENSIJILAN MINYAK SAWIT LESTARI MALAYSIA UNTUK PEKEBUN KECIL

Pada 2019, FGV meneruskan usaha untuk bekerjasama dan menyokong Pekebun Kecil (ISHs) untuk mendapatkan Pensijilan Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO) menerusi kerjasama dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Objektif utama kami menyokong dan membantu ISHs bukan sahaja untuk mendapatkan pensijilan MSPO tetapi juga memperoleh 100% kebolehkesanan ke ladang milik ISHs yang bertanggungjawab menyediakan bekalan kepada FGV berdasarkan senarai pembekal FGV.

Aktiviti projek termasuk:

- Menyusun senarai ISHs berdasarkan senarai pembekal dari Jabatan Pembelian BTS dan interaksi dengan pembekal utama yang dikenalpasti.
- Melatih jurulatih – wakil kilang terpilih diberi latihan mengenai MSPO Bahagian 2 (Pekebun Kecil), yang bakal membantu operator kilang FGV dalam memberi nasihat kepada ISHs mengenai keperluan dan piawaian.
- Melatih peniaga – 78 peniaga di Lahad Datu, Kuantan dan Kluang telah diberi latihan mengenai piawaian dan dokumen yang diperlukan oleh MSPO. ISHs yang menghantar BTS mereka ke pusat pengumpulan juga diberi panduan untuk mengisi borang.
- Kerjasama dengan MPOB untuk menerbitkan '*MSPO Pictorial Manual*' untuk membantu ISHs menaik tarafkan kemahiran pengurusan minyak sawit melalui amalan pertanian baik yang boleh membantu meningkatkan kualiti buah dan kehidupan pekebun kecil secara tidak langsung.

MESYUARAT AGUNG

Mesyuarat Agung FGV merupakan platform utama bagi interaksi dua hala antara pemegang saham, Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kumpulan FGV. Ia juga bertindak sebagai forum utama bagi berdialog bersama semua pemegang saham untuk berkongsi dan menerima maklum balas daripada mereka mengenai maklumat penting kepada perniagaan FGV.

Mesyuarat Agung juga adalah pendekatan penting kepada pemegang saham untuk melaksanakan hak mereka. Lembaga Pengarah mengambil langkah yang aktif bagi menggalakkan penyertaan pemegang saham pada Mesyuarat Agung seperti mengeluarkan notis mesyuarat lebih awal daripada tempoh minimum notis. FGV berusaha menguruskan interaksi berterusan bersama komuniti pelaburan untuk menyalurkan maklumat, data dan perkhidmatan yang diperlukan, selagi mana dibenarkan oleh undang-undang, dengan objektif memberikan pemahaman mengenai operasi dan pembangunan Kumpulan FGV dalam tatacara yang menepati masa, telus dan komprehensif.

Butiran lanjut fungsi Hubungan Pelabur sila rujuk muka surat 113 laporan ini.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Kolaborasi dengan Yayasan Felda dan FELDA
FGV menyokong secara berterusan kolaborasi dengan Yayasan Felda dan FELDA untuk manfaat pusat amal komuniti dan mereka yang memerlukan.

Salah satu kerjasama adalah program Ziarah Kasih 2019, di mana FGV menyumbang RM21,000 dalam bentuk zakat kepada tujuh pusat pemulihan komuniti sempena sambutan Hari Raya pada 28 Jun 2019. Acara program turut meraikan 147 pelatih kurang upaya di pusat tersebut.

Pada 17 September 2019, inisiatif gabungan ini memuncak dengan lawatan ke Pusat Jagaan Nur Hasanah di Beranang, Selangor, sebuah pusat penjagaan orang-orang tua yang menghidap penyakit kronik. FGV menyumbang RM10,000 ke pusat jagaan untuk pembinaan pagar dan pembelian keperluan harian farmaseutikal seperti jalur ujian glukosa dan kit pembalut luka. Kakitangan FGV turut menghulurkan derma dalam bentuk wang tunai, barangan keperluan harian dan pakaian kepada pusat jagaan sementara Yayasan Felda menggantikan tilam dan katil lama dengan yang baru. Pelajar, kakitangan dan pengetua Kolej Yayasan Felda yang menghadiri program sehari itu turut menceriakan suasana dengan mengadakan acara pertandingan karaoke bersama penghuni pusat jagaan.

Pemberian dari Hati
Kakitangan FGV melawat wad pediatrik kanak-kanak di Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Kuala Lumpur melalui program *Gift from the Heart* pada 19 Disember 2019. Kanak-kanak yang kebanyakannya pesakit jangka panjang di Wad Neurologi Pediatrik dan Wad Ortopedik Pediatrik, menerima pemberian daripada pelbagai syarikat dalam Kumpulan, termasuk Pusat Inovasi FGV di Enstek, Nilai. Sejumlah 178 hadiah terdiri daripada barang permainan, buku cerita dan alat tulis telah dikumpulkan dalam tempoh 10 hari untuk diberikan kepada kanak-kanak yang berusia antara satu bulan hingga 16 tahun.

Menangani Konflik Manusia – Hidupan Liar
FGV dengan kolaborasi FELDA, MPOC dan Jabatan Hidupan Liar Sabah mengadakan bengkel pada 14 November 2019 untuk memberi perhatian kepada isu konflik manusia-hidupan liar. 70 wakil daripada syarikat perladangan sekitar Sabah seperti FELDA, FGV, Sime Darby, Sawit Kinabalu, Sabah Softwoods dan Kretam Holdings menghadiri acara yang diadakan di Tawau ini. Antara yang diberi perhatian utama adalah usaha pemuliharaan FGV dan sesi perkongsian oleh para peserta mengenai konflik manusia-hidupan liar. Bengkel menekankan kepentingan syarikat perladangan, agensi dan komuniti tempatan untuk berusaha ke arah penyelesaian isu.

Untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif konflik manusia - hidupan liar, sila rujuk ke bahagian Modal Semula Jadi di muka surat 49 laporan ini.

MINYAK SAWIT LESTARI

PENSIJILAN RSPO

Prinsip dan Kriteria (P&C) RSPO ialah piawaian kelestarian yang paling luas digunakan, dengan kira-kira 20% minyak sawit global diperakui berdasarkan piawaian ini. FGV telah terlibat secara aktif dalam RSPO sejak penubuhannya pada 2003. Kami menyertai secara aktif pembangunan P&C pada 2005, semakan pertama pada 2012 dan semakan yang kedua pada 2017 dan juga melibatkan diri dalam pembangunan Interpretasi Kebangsaan Malaysia (MY-NI) kesemua P&C.

Seiring dengan komitmen kami terhadap RSPO, sehingga 31 Disember 2019, sejumlah 33 kilang telah menerima pensijilan RSPO, dengan pengesahan kuantiti 454,918 MT Minyak Sawit Diperakui Lestari (CSPO) dan 112,398 MT Isirung Sawit Diperakui Lestari. Kami akan meneruskan usaha dalam mendapatkan pengiktirafan untuk semua kilang kami yang dijangka selesai menjelang 2021, bagi memastikan penyertaan berterusan dalam pasaran CSPO.

Piawaian RSPO Berkaitan Amalan Perburuhan

FGV memberikan maklumat terkini secara kerap dan konsisten kepada RSPO dan pihak awam mengenai perkembangan pelan tindakan yang sedang dilaksanakan. Kami komited untuk terus bekerja keras dan dan fokus bagi merapatkan jurang yang dikenal pasti RSPO.

Dalam konteks ini, sesetengah daripada inisiatif yang berjaya dilaksanakan pada 2019 adalah:

- Mengembangkan skop Bahagian Kelestarian meliputi keseluruhan Kumpulan dengan saluran laporan terus kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan.
- Menubuhkan Panel Penasihat Bebas (IAP) FGV untuk Lembaga Pengarah. Langkah ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada November 2019.
- Gabungan kepada *Fair Labor Association* (FLA) – Pada Oktober 2019, FGV dengan sokongan *Procter & Gamble Chemicals* (PGC) menjadi syarikat yang berdaftar dengan FLA. Tujuan gabungan kerjasama ini adalah untuk membangunkan dan meningkatkan sistem yang mematuhi sistem sosial dalaman bagi mengenal pasti dan menyelesaikan isu hak asasi tenaga kerja. Menyertai FLA menjadi sebahagian daripada komitmen kami untuk memastikan semua amalan syarikat pertanian dan komoditi pertanian yang membabitkan aspek tenaga kerja sejajar dengan ketetapan piawaian tenaga kerja antarabangsa.
- Bekerjasama dengan *International Organization for Migration* (IOM) dan *Earthworm Foundation* – FGV mengambil bahagian dalam projek pemetaan rantaian bekalan tenaga kerja yang diuruskan oleh IOM di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan pertubuhan tidak berasaskan keuntungan, *Earthworm Foundation*. Skop projek termasuk mengkaji semula proses dan prosedur berhubung dengan pengambilan pekerja migran, mengenalpasti jurang dan mengesyorkan cadangan untuk memastikan proses dan prosedur seiring dengan piawaian antarabangsa.

Kumpulan juga telah menyemak semula, mengemas kini dan mengukuhkan Dasar Kelestarian Kumpulan (GSP). FGV serius melindungi hak dan kesejahteraan pekerjanya termasuk pekerja migran dalam menangani situasi yang amat rumit berhubung dengan tenaga kerja yang tidak mempunyai dokumen di Sabah. Isu ini bukan sesuatu yang unik kepada FGV malah ia merupakan satu permasalahan yang wujud dikeseluruhan industri.

Pada April 2019, kerajaan negeri Sabah memperkenalkan program yang membenarkan pekerja migran yang tidak mempunyai dokumen, memohon untuk diregularisasikan. Sebagai sebahagian daripada komitmen amalan pengambilan pekerja yang bertanggungjawab dan menamatkan secara berperingkat penggunaan pekerja kontraktor, kami telah menawarkan untuk menggaji pekerja secara langsung untuk menyertai tenaga kerja kami. Kami membantu memudahkan pekerja melalui proses pendaftaran dan menyerap bayaran yuran proses yang dikenakan.

Walaupun kami menyasarkan untuk melengkapkan proses ini di penghujung Jun 2020, pencapaian ini bergantung kepada usaha dan kerjasama agensi negeri yang relevan dan pihak berkuasa negara asal pekerja.

Hormati Hak Asasi Manusia

Pekerja ladang merupakan tulang belakang FGV dan sumbangan mereka tidak ternilai. Selaras dengan itu menghormati hak asasi manusia adalah agenda utama kelestarian FGV. Berhubung perkara ini, kami berterusan memberi komitmen untuk mengekalkan dan memenuhi piawaian hak asasi manusia melalui pelbagai inisiatif.

Bagi mengukuhkan GSP, kami telah menerima pakai Garis Panduan dan Prosedur Pengambilan Tenaga Kerja Asing Secara Bertanggungjawab, yang menyediakan set panduan yang jelas untuk memastikan pengambilan pekerja migran secara sah dan beretika, dan meliputi pelbagai peringkat proses pengambilan, iaitu pra pekerjaan, pekerjaan dan pasca pekerjaan.

FGV juga mengambil bahagian dalam projek Pemetaan Rantaian Bekalan Tenaga kerja yang diaturkan oleh IOM dan *Earthworm Foundation*, dengan skop termasuk mengkaji semula proses pengambilan pekerja migran dan menaik taraf proses dalaman dan prosedur agar seiring dengan piawaian antarabangsa.

Dengan sokongan *Procter & Gamble Chemicals* (PGC), FGV telah diterima sebagai syarikat yang berdaftar dengan *Fair Labor Association* (FLA) pada Oktober 2019.

FLA adalah persatuan antarabangsa yang menghimpunkan syarikat-syarikat, universiti dan organisasi masyarakat sivil (CSOs) bermatlamat menggalakkan serta melindungi hak asasi pekerja serta mempertingkat persekitaran kerja di serata dunia.

Penyertaan dalam FLA turut menjadi sebahagian daripada komitmen FGV untuk memastikan semua amalan kami sejajar dengan piawaian perburuhan antarabangsa. Proses pelaksanaan ini bakal membabitkan program jangka panjang untuk menangani dan menyelesaikan jurang dalam mematuhi piawaian perburuhan, dan hak asasi manusia termasuk juga dalam rantaian bekalan kami.

Skop program ini meliputi keseluruhan aspek amalan perburuhan seperti prosedur pengambilan pekerja, proses penempatan dan latihan, pekerjaan dan kos sara hidup dan bayaran gaji yang adil.

Dalam memenuhi hak pekerja mendapat kemudahan perumahan, FGV telah memperuntukkan ratusan juta Ringgit untuk membina rumah-rumah baru dan membaik pulih rumah yang sedia ada seiring dengan piawaian kebangsaan bagi memastikan tenaga kerja tinggal di tempat penginapan yang selesa.

Komitmen kami kepada hak asasi manusia terkandung dalam Dasar Kelestarian Kumpulan (GSP) dan lakaran instrumen hak asasi manusia termasuk:

Memperakui bahawa semua hak-hak asasi manusia adalah saling bergantung, saling berkaitan dan tidak dapat dipisahkan, kami menerimapakai prinsip-prinsip berikutnya:



KEBOLEHKESANAN

Kumpulan telah mengambil langkah untuk memastikan ketelusan kepada sumber rantaian bekalan, untuk mengurangkan risiko berkaitan dengan sumber diperolehi. Kami memberi jaminan bahawa tahap kebolehkesanan kepada kilang kami adalah 100%. Langkah ini penting untuk memastikan sumber BTS FGV tidak dikaitkan dengan pembasmian hutan, penanaman baharu di tanah gambut tanpa mengira saiz, atau pembakaran terbuka, yang melanggar GSP FGV dan komitmen Tiada Pembasmian Hutan, Tiada Penanaman di Tanah Gambut dan Tiada Eksploitasi (NDPE).

Sehingga penghujung 2019, kami mampu mengesan 80% daripada BTS kepada ladang kami. Kami juga mengenal pasti pembekal utama dan mendekati mereka untuk berkomunikasi mengenai komitmen GSP dan NDPE serta mengukur risiko tahap kelestarian menggunakan platform *Global Forest Watch Pro* (GFW Pro). Platform ini merupakan aplikasi laman web yang terbuka kepada umum untuk memantau hutan global hampir pada waktu sebenar. Ia mengukur pembasmian hutan dan berupaya mengesan aktiviti pencerobohan hutan secara haram hingga ke kawasan yang dilindungi.

Sasaran kami ialah untuk menilai 100% risiko kelestarian pembekal kami yang dijangka direalisasikan menjelang 2021. Bagi membantu pelanggan kami mengesan sumber pembelian mereka, kami juga telah mencipta platform FGV-Top bagi membolehkan mereka mengetahui maklumat kilang seperti pensijilan, lokasi geografi dan jumlah pengeluaran dalam sebulan dengan lebih terperinci.

MERAPATKAN JURANG

Banyak kejayaan dicapai sepanjang tahun lalu terutama dalam sektor perladangan adalah hasil kerja keras semua pihak untuk memulihkan syarikat agar kembali kukuh. Pengerusi FGV, Datuk Wira Azhar Abdul Hamid bersama Pengurusan Kanan, berterusan mengambil bahagian secara aktif dalam menyokong kemajuan Kumpulan dengan melakukan lawatan ke pelbagai unit kendalian. Pada 2019, beliau telah mengadakan lawatan ke syarikat subsidiari kami Asian Plantations Limited, dan berpengalaman melihat sendiri sesetengah inisiatif terbaru pertanian. Pengerusi juga mengadakan sesi *townhall* bersama kakitangan untuk memberi jaminan kepada mereka bahawa Lembaga Pengarah kekal komited untuk mengubah FGV menjadi syarikat yang berprestasi tinggi.

Lawatan Lembaga Pengarah:

- Lawatan Lembaga Pengarah ke Model Kilang Sawit Besout, Perak
- Lawatan Lembaga Pengarah ke Estet Model Ladang Tembangau 06, Pahang
- Lawatan Lembaga Pengarah ke operasi FGV di Johor – FGV Johor Bulkers Sdn. Bhd., FGV Transport Services Sdn. Bhd., Pasir Gudang Depoh, Delima Oil Products Sdn. Bhd., MSM Malaysia Holdings Berhad – MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn. Bhd. dan FGV Fertiliser Sdn. Bhd.

PENINGKATAN BERTERUSAN INISIATIF KELESTARIAN

Untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kakitangan, Bahagian Kelestarian telah menyertai latihan dan program kesedaran yang diadakan secara dalaman dan anjuran pihak luar. Ahli pasukan telah pun menyertai latihan Pensijilan Kelestarian Karbon Antarabangsa di Jakarta, serta Bengkel Penentuukuran Kriteria dan Prinsip MSPO dan RSPO.

Jawatankuasa Sinergi Kelestarian yang terdiri daripada ketua atau perwakilan daripada pelbagai sektor dan bahagian dalam Kumpulan telah ditubuhkan bagi menanamkan prinsip dan amalan kelestarian di seluruh FGV, serta memastikan pelaksanaan yang berkesan secara menyeluruh.

Komitmen kami terhadap kelestarian merangkumi rantaian pembekalan dan untuk itu FGV telah menerima pakai Kod Tatalaku Pembekal (SCOC), menggariskan prinsip dan piawaian yang berhubung antaranya dengan kelestarian, etika perniagaan dan integriti, keselamatan, kesihatan dan persekitaran, hak asasi manusia dan tenaga kerja. Melalui SCOC, setiap pembekal atau kontraktor yang berhasrat untuk menceburi perkongsian perniagaan dengan FGV diperlukan untuk membuat komitmen dan mengamalkan prinsip dan piawaian yang ditetapkan.

Bagi memastikan peralihan yang lancar ke arah pembaikan yang telah kami lakukan kepada pelbagai dasar kelestarian, FGV sedang dalam proses mengatur program sosialisasi. Ini bakal melibatkan sesi interaksi dengan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk pembekal dan kontraktor, bagi meningkatkan kesedaran mengenai GSP yang telah disemak semula, SCOC, Garis Panduan dan Prosedur Pengambilan Tenaga Kerja Asing Secara Bertanggungjawab dan lain-lain kod dan prosedur yang relevan. Sesi ini juga bakal digunakan untuk menyampaikan harapan kami untuk pematuhan dengan prinsip dan piawaian. Program sosialisasi, yang bermula Julai 2019, dijangkakan lengkap menjelang Jun 2020.

Butiran lanjut inisiatif kelestarian FGV dan perkembangan kami, sila rujuk Laporan Kelestarian FGV 2018/2019 yang boleh didapati dalam laman web kami, www.fgvholdings.com

ACARA PEMASARAN & PROMOSI

Dalam mempromosi produk minyak sawit lestari, kami bekerjasama dengan rakan perniagaan FGV dan mengadakan pelbagai kempen dan jelajah ke seluruh negara sepanjang 2019. Ini termasuk aktiviti promosi media melalui televisyen, stesen radio, surat khabar dan internet.

Acara promosi termasuk:

Acara	Lokasi	Tarikh
Pelancaran ADELA Gold	Kuala Lumpur	12 Oktober
Smart Cooking, Smart Business dengan SERI PELANGI	Kedah Melaka Ipoh, Perak Terengganu	6 Julai 25 Ogos 29 September 16 November
Karnival Mydin	Johor Bahru Bukit Mertajam, Pulau Pinang USJ, Selangor	28 Oktober – 3 November 25 November – 1 Disember 23 Disember – 29 Disember

Aktiviti promosi media termasuk:

Aktiviti	Media
Infak Ramadhan & Raya	Televisyen, radio dan integrasi jenama digital
Kempen Terima Kasih	Televisyen, integrasi jenama digital, *YouTube*, radio, surat khabar
Kempen ADELA Gold *CNY*	Televisyen, surat khabar, media sosial

STATISTIK MEDIA SOSIAL

FGV mengiktiraf kepentingan media sosial sebagai alat untuk berkomunikasi dan berhubung dengan pihak berkepentingan dengan mudah dan pantas dalam era digital hari ini. Kami menggunakan platform media sosial yang popular secara aktif dan meluas untuk berinteraksi dengan pelbagai kumpulan pihak berkepentingan dan ianya memperolehi kelebihan yang kompetitif, di samping mengukuhkan hubungan sosial. Setakat 20 Mac 2020, kami memiliki lebih 50,000 pengikut di empat platform media sosial:

34,383
Pengikut/Pelanggan

835
Pengikut/Pelanggan

2,423
Pengikut/Pelanggan

15,545
Pengikut/Pelanggan

RAMALAN & PROSPEK MODAL SOSIAL & PERHUBUNGAN

- Untuk mencapai 100% kebolehkesanan penanaman menjelang penghujung 2021.
- Untuk meningkatkan kebolehcapaian bagi pihak berkepentingan untuk berkomunikasi dengan/mendapatkan maklumat daripada Bahagian Kelestarian.
- Untuk membangunkan Pelan Tindakan Beruang Matahari untuk Malaysia dan Panduan Pengurusan Beruang Matahari.

TINJAUAN TADBIR URUS PENGERUSI

KANDUNGAN PENYATA INI

Perkara Material: **GE**

Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat (CGOS) telah disusun selaras dengan prinsip-prinsip yang telah ditetapkan di bawah:

Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017 (MCCG 2017)

Panduan Tadbir Urus Korporat Bursa Malaysia 2017

KANDUNGAN

Kepimpinan dan Keberkesanan
- Rangka Kerja Tadbir Urus dan Integriti Kami
- Budaya dan Nilai Korporat Kami
- Komposisi dan Kemahiran Lembaga Pengarah
- Lembaga Pengarah Kami
- Pengurusan Kami
- Aktiviti Lembaga Pengarah
- Penilaian Prestasi Lembaga Pengarah
- Tanggungjawab, Pengawasan dan Kebebasan
- Induksi dan Pembangunan Profesional Berterusan
- Laporan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan

Muka surat 84-96

Kebertanggungjawaban
- Laporan Jawatankuasa Audit
- Laporan Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga

Muka surat 97-108

Imbuhan

Muka surat 109-112

Perhubungan dengan Pihak Berkepentingan Kami
- Komunikasi dengan Pihak Berkepentingan Kami

Muka surat 113-115

Integriti dalam Pelaporan Korporat

Muka surat 116

CGOS ini sepatutnya dibaca berserta Laporan Tadbir Urus Korporat, yang boleh didapati dalam laman web kami, www.fgvholdings.com

PARA PEMEGANG SAHAM YANG DIHORMATI,

SUKA CITA SAYA MEMPERKENALKAN RINGKASAN KESELURUHAN PENYATA TADBIR URUS KORPORAT PADA TAHUN INI DAN BERKONGSI DENGAN ANDA PENINGKATAN BERTERUSAN DALAM TADBIR URUS KAMI PADA 2019.

Piawaian tadbir urus yang baik adalah kritikal untuk kelestarian jangka panjang perniagaan kami. Dalam membentuk hala tuju strategik Kumpulan, kami perlu memastikan amalan tadbir urus yang baik untuk diterapkan dalam budaya kami dan menyokong tujuan penciptaan nilai, menyokong transfomasi dan membolehkan pertumbuhan.

PENGLIBATAN LEMBAGA PENGARAH

Sementara perniagaan berterusan menunjukkan tanda peningkatan, adalah sangat penting sebagai Lembaga Pengarah untuk terus fokus memacu usaha strategik Kumpulan dan memastikan kelestarian kejayaan. Tatkala kami berusaha untuk melaksanakan transformasi perniagaan, peranan kami terdiri daripada menyokong dan mencabar cadangan pengurusan, dan membuat keputusan yang berani untuk mendorong peningkatan prestasi. Demi kepentingan untuk mencapai objektif ini, kami sentiasa berusaha mengkaji kaedah baharu untuk memperbaiki kami.

Butiran lanjut Mesyuarat Lembaga Pengarah kami dengan pihak berkepentingan sila rujuk muka surat 76 dan 80 di bawah Modal Sosial & Perhubungan.

AKTIVITI LEMBAGA PENGARAH

Penilaian prestasi Lembaga Pengarah yang dijalankan sepanjang tahun diselia oleh pasukan yang bebas, profesional dan berpengalaman. Berdasarkan kepada keputusan penilaian prestasi Lembaga Pengarah, Lembaga Pengarah bersetuju ke atas beberapa tindakan yang bakal dipantau di sepanjang 2020 (Pelan Peningkatan Lembaga Pengarah).

KOMITED KEPADA MASA DEPAN KAMI

Sebagai tambahan, Rangka Kerja Perancangan Penggantian Lembaga Pengarah telah dibuat selepas mengambil kira komposisi dan saiz Lembaga Pengarah, begitu juga Jawatankuasa Lembaga dan set kemahiran yang diberi keutamaan dan kepelbagaian untuk menyelia dan menyokong sasaran pelan strategik kami dan objektif perniagaan. Rumusan keseluruhan pelbagai urusan utama yang dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah dalam mesyuarat Lembaga Pengarah sepanjang tahun itu boleh dirujuk di muka surat 90-91 penyata ini.

KOMITMEN KEPADA ANTI RASUAH DAN ANTI KORUPSI

Saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa Penyata Dasar Anti Rasuah kami – yang meliputi kepada semua tenaga kerja dan ditetapkan sebagai pendekatan toleransi sifar terhadap rasuah – telah pun dilaksanakan dengan sepenuhnya. Kumpulan juga telah menerima pensijilan ISO 37001:2016 yang diiktiraf di peringkat antarabangsa bagi Pensijilan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) sepanjang tahun yang dikaji. Pengiktirafan diikuti dengan analisis jurang yang komprehensif yang dilakukan pada awal 2019. Tiga bidang fokus utama yang diteliti ialah penipuan, salah guna kuasa dan rasuah. Keputusan daripada analisis mendorong kepada program latihan dan bengkel yang diwajibkan kepada semua tenaga kerja. SIRIM QAS, badan penilaian pematuhan yang diakui oleh Jabatan Piawaian Malaysia dan Perkhidmatan Akreditasi United Kingdom melakukan audit yang menyeluruh untuk mengesahkan bahawa pelancaran ABMS dalam Kumpulan adalah menyeluruh dan berkesan.

Piawaian ISO 37001:2016 memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Seksyen 17A Akta 2009 Suruhanjaya Anti Rasuah Malaysia dan Garis Panduan Prosedur Adil yang berkuat kuasa pada 1 Jun 2020. Piawaian ini merupakan panduan untuk membantu organisasi menubuhkan, melaksanakan, menyelenggara dan meningkatkan program anti rasuah.

KELESTARIAN

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk memperkenalkan dan mempromosikan budaya korporat berasaskan nilai etika dan tatalaku murni yang menyeluruh merangkumi pihak atasan hingga bawahan Kumpulan, yang kemudian memberi panduan kepada objektif dan strategi Kumpulan. Kami menerapkan kelestarian di seluruh organisasi dan di mana sahaja mungkin, yang meliputi rantaian nilai kami. Usaha kelestarian kami sejajar dengan matlamat Pembangunan Kelestarian Bangsa-Bangsa Bersatu, yang merangkumi setiap bidang operasi secara adil, jujur dan bertanggungjawab.

Mengikut kesesuaian, kami berusaha menerapkan nilai-nilai ini dalam perhubungan bersama pembekal dan pelanggan, begitu juga dalam pematuhan dan kawalan dalaman, pengurusan kakitangan, sistem interaksi dan ganjaran serta tanggungjawab kepada persekitaran dan komuniti tempatan. Dasar Kelestarian Kumpulan membenarkan Kumpulan mengambil semua langkah yang perlu untuk memastikan aktiviti Kumpulan mampu mewujudkan kepercayaan dan nilai jangka panjang kepada perniagaan, pemegang saham dan pihak berkepentingan. Sebagai ganjaran, pemahaman utuh dalam kedua-dua risiko dan peluang kelestarian mampu meningkatkan kecemerlangan perniagaan dan operasi di mana, akhirnya akan membantu kemajuan dalam usaha strategik Kumpulan kami.

HUBUNGAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Lembaga Pengarah dan saya mengakui tanggungjawab yang dimiliki oleh kami terhadap semua pihak berkepentingan termasuk kakitangan kami dan tenaga kerja, peneroka, pelabur, pelanggan dan rakan usahasama, pembekal, kerajaan, organisasi bukan kerajaan, badan kawal selia, persekitaran dan komuniti di mana kami beroperasi. Kami komited mengadakan sesi dialog yang efektif bersama pemegang saham dan mesyuarat telah pun diadakan dengan pelbagai pemegang saham institusi bagi membolehkan perbincangan secara langsung mengenai objektif strategik dan amalan tadbir urus dilaksanakan. AGM adalah peluang penting bagi pelabur persendirian untuk berinteraksi bersama Lembaga Pengarah dan semua pemegang saham.

FOKUS KEPADA TADBIR URUS YANG MANTAP

Kami sentiasa fokus untuk memastikan nilai integriti kekal sebagai keutamaan dalam pengendalian perniagaan kami di seluruh Kumpulan. Saya ingin menekankan bahawa Lembaga Pengarah tidak bertolak ansur terhadap kegagalan untuk mematuhi sama ada kewajipan undang-undang atau piawaian tingkah laku yang tinggi yang telah dimandatkan. Dengan pendirian ini, Kumpulan berada dalam kedudukan terbaik untuk terus meningkatkan prestasi di masa hadapan. Saya percaya kami memiliki Lembaga Pengarah yang berpengalaman dan komited yang terus fokus untuk menggalakkan kejayaan dan nilai kelestarian bagi jangka masa panjang Kumpulan. Kami akan terus memantau keseimbangan kemahiran, pengalaman dan pengetahuan Lembaga Pengarah bagi memastikannya kekal sesuai dan relevan untuk memacu strategi Kumpulan untuk mara pada tahun-tahun berikutnya.

DATUK WIRA AZHAR ABDUL HAMID
Pengerusi

TADBIR URUS KAMI:
KEPIMPINAN DAN KEBERKESANAN

RANGKA KERJA TADBIR URUS DAN INTEGRITI FGV

Lembaga Pengarah telah menerapkan rangka kerja tadbir urus dan integriti yang menyokong kemampuan kami untuk memenuhi tanggungjawab. Rangka kerja tadbir urus dan integriti memperjelaskan struktur lingkungan kebertangungjawaban yang jelas membolehkan proses pembuatan keputusan lebih efektif.

Kami melunaskan sesetengah tanggungjawab melalui perwakilan kuasa kepada Jawatankuasa Lembaga. Jawatankuasa Lembaga mampu mendorong peningkatan fokus kepada isu utama dan menyiasat dengan lebih mendalam, sekaligus memperolehi pemahaman yang lebih terperinci.

Pengerusi Jawatankuasa Lembaga menyediakan laporan aktiviti Jawatankuasa pada mesyuarat Lembaga Pengarah akan datang, dan cadangan daripada Jawatankuasa dibentangkan kepada Lembaga Pengarah apabila perlu.

Sebarang perwakilan kuasa kepada Jawatankuasa Lembaga didokumentasi secara rasmi dan bertulis melalui Terma Rujukan, sementara Lembaga Pengarah mengekalkan jadual perkara utama yang dipelihara bagi keputusan kami. Terdapat pembahagian tanggungjawab yang jelas antara Pengerusi dan GCEO. Pelaksanaan strategi dan pengurusan hari ke hari Kumpulan dan perkara membabitkan operasi diwakilkan kepada GCEO.

Sebagai tambahan kepada Jawatankuasa Lembaga utama, Lembaga Pengarah juga mengagihkan sesetengah tanggungjawab kepada Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan. Ini termasuk hal pentadbiran rutin dan kelulusan hal-hal di mana prinsip menyeluruhnya telah kami diluluskan.

NILAI DAN BUDAYA KORPORAT KAMI

Sebagai Lembaga Pengarah, kami memberikan contoh berpandukan prinsip terbaik tadbir urus korporat dalam menetapkan budaya dan nilai FGV. Kami terus komited dalam mempraktikkan nilai-nilai teras: Perkongsian, Hormat, Integriti, Dinamisme dan Semangat (P.R.I.D.E) yang sangat kami banggakan. Lembaga Pengarah mengiktiraf kepentingan mematuhi nilai-nilai asas semasa melalui perubahan tranformasi. Bagi membantu mencapai objektif-objektif ini, kami telah memperkasakan dasar-dasar kami.

TADBIR URUS KAMI:
KEPIMPINAN DAN KEBERKESANAN

RANGKA KERJA TADBIR URUS DAN INTEGRITI FGV

PERANAN PENGAWASAN & SEMAKAN PENGURUSAN

LEMBAGA PENGARAH UTAMA
- Piagam Lembaga
- Tatacara Perniagaan
- Tataetika dan Tatakelakuan

JAWATANKUASA LEMBAGA
- Bidang Tugas

PENGAWASAN TADBIR URUS

JAWATANKUASA PENGURUSAN KUMPULAN

PENGURUSAN ATASAN
- GCEO
- GCFO
- Ketua Sektor
- Ketua Pusat Korporat

JAMINAN TADBIR URUS



PROSES & KAWALAN TADBIR URUS

PENGAWAL SELIA LUARAN & AMALAN TERBAIK

SYARIKAT BERDAFTAR
- Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
  - Akta Syarikat 2016

SYARIKAT PERLADANGAN
- Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC)
  - Sijil Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO)
- Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO)

SYARIKAT AWAM TERSENARAI
- Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Securities)
  - Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama (Keperluan Penyenaraian)
- Suruhanjaya Bursa
- MCCG 2017

KEPERLUAN TADBIR URUS

TADBIR URUS KAMI:
KEPIMPINAN DAN KEBERKESANAN

KOMPOSISI DAN KEMAHIRAN LEMBAGA PENGARAH

LEMBAGA PENGARAH KAMI

PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF BUKAN BEBAS

Wakil Pemegang Saham Khas FGV

Datuk Wira Azhar Abdul Hamid
Pengarah Lantikan Kerajaan
Menghadiri 12 daripada 12 Mesyuarat Lembaga Pengarah
100%

Dr. Zunika Mohamed
Pengarah Lantikan Kerajaan
Dilantik sebagai Pengarah pada 10 Februari 2020

Mohd Hassan Ahmad
Pengarah Lantikan Kerajaan
Dilantik sebagai Pengarah pada 23 Julai 2019
Menghadiri 10 daripada 12 Mesyuarat Lembaga Pengarah
83%

Dato' Dr. Noor Zari Hamat
Pengarah Lantikan Kerajaan
Dilantik sebagai Pengarah pada 23 Julai 2019
Berhenti menjadi Pengarah pada 22 Januari 2020
Menghadiri 3 daripada 5 Mesyuarat Lembaga Pengarah
60%

Wakil Pemegang Saham Utama FGV

Dato' Dr. Othman Haji Omar
Menghadiri 12 daripada 12 Mesyuarat Lembaga Pengarah
100%

PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF BEBAS

Wakil Pemegang Saham Minoriti dan Pihak Awam

Dato' Yusli Mohamed Yusoff
Menghadiri 12 daripada 12 Mesyuarat Lembaga Pengarah
100%

Datuk Mohd Anwar Yahya
Menghadiri 10 daripada 12 Mesyuarat Lembaga Pengarah
83%

Datin Hoi Lai Ping
Menghadiri 12 daripada 12 Mesyuarat Lembaga Pengarah
100%

Dr. Mohamed Nazeeb P.Alithambi
Menghadiri 12 daripada 12 Mesyuarat Lembaga Pengarah
100%

Dr. Nesadurai Kalanithi
Menghadiri 11 daripada 12 Mesyuarat Lembaga Pengarah
92%

Dato' Mohamed Suffian Awang
Bersara sebagai Pengarah pada 25 Jun 2019
Menghadiri 4 daripada 6 Mesyuarat Lembaga Pengarah
67%

Datuk Dr. Salmiah Ahmad
Meletak jawatan sebagai Pengarah pada 5 Disember 2019
Menghadiri 12 daripada 12 Mesyuarat Lembaga Pengarah
100%

Nota: Semua mesyuarat yang dihadiri adalah untuk TK2019

IMBANGAN DAN KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH *



Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

KEPELBAGAIAN USIA LEMBAGA PENGARAH *

40-49 tahun	11%
50-59 tahun	33%
60 tahun dan ke atas	56%

TEMPOH PEGANG JAWATAN LEMBAGA PENGARAH *

Kurang daripada 1 tahun	12%
1-2 tahun	44%
2-3 tahun	44%

KEPELBAGAIAN JANTINA LEMBAGA PENGARAH *



Lelaki
Wanita

KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN

- Pengalaman dan Pengetahuan Industri Spesifik
- Akumen Kewangan (Kewangan/ Perakaunan/ Percukaian/IFRS/ MFRS)
- Pemikiran, Perancangan dan Komunikasi Strategik
- Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman
- Dasar Awam dan Kawal Selia
- Tadbir Urus Korporat
- Pengetahuan Korporat
- Pengurusan Sumber Manusia
- Penggabungan & Pengambilalihan dan Pengalaman Global Korporat

** Setakat 20 Mac 2020*

TADBIR URUS KAMI:
KEPIMPINAN DAN KEBERKESANAN

INED - Pengarah Bukan Eksekutif Bebas **NINED** - Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
Pengerusi Ahli

JAWATANKUASA AUDIT (AC)

Datuk Mohd Anwar Yahya
INED
Dilantik: 23 November 2017
Kehadiran: 9 daripada 9
100%

Mohd Hassan Ahmad
NINED
Dilantik: 26 September 2018
Kehadiran: 6 daripada 9
67%

Datin Hoi Lai Ping
INED
Dilantik: 6 September 2018
Kehadiran: 9 daripada 9
100%

Datuk Dr. Salmiah Ahmad
INED
Dilantik: 15 Julai 2019
Meletak Jawatan: 5 Disember 2019
Kehadiran: 4 daripada 4
100%

JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN (NRC)

Dato' Yusli Mohamed Yusoff
INED
Dilantik: 6 September 2018
Kehadiran: 10 daripada 10
100%

Datin Hoi Lai Ping
INED
Dilantik: 15 Julai 2019
Kehadiran: 5 daripada 5
100%

Dr. Nesadurai Kalanithi
INED
Dilantik: 15 Julai 2019
Kehadiran: 2 daripada 2
100%

Dr. Zunika Mohamed
NINED
Dilantik: 10 Februari 2020

Dato' Mohamed Suffian Awang
INED
Dilantik: 20 Januari 2015
Meletak Jawatan: 25 Jun 2019
Kehadiran: 5 daripada 5
100%

Dato' Dr. Noor Zari Hamat
NINED
Dilantik: 23 Julai 2019
Meletak Jawatan: 22 Januari 2019
Kehadiran: 2 daripada 2
100%

JAWATANKUASA TADBIR URUS & PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA (BGRMC)

Dato' Yusli Mohamed Yusoff
INED
Dilantik: 6 September 2018
Kehadiran: 5 daripada 5
100%

Dr. Zunika Mohamed
NINED
Dilantik: 10 Februari 2020

Dato' Dr. Noor Zari Hamat
NINED
Dilantik: 23 Julai 2019
Meletak Jawatan: 22 Januari 2020
Kehadiran: 1 daripada 2
50%

Dr. Nesadurai Kalanithi
INED
Dilantik: 15 Julai 2019
Kehadiran: 2 daripada 2
100%

Datuk Dr. Salmiah Ahmad
INED
Dilantik: 23 November 2017
Meletak Jawatan: 5 Disember 2019
Kehadiran: 5 daripada 5
100%

JAWATANKUASA PELABURAN

Datin Hoi Lai Ping
INED
Dilantik: 6 September 2018
Kehadiran: 6 daripada 6
100%

Dato' Yusli Mohamed Yusoff
INED
Dilantik: 15 Julai 2019
Kehadiran: 3 daripada 3
100%

Dr. Mohamed Nazeeb P.Alithambi
INED
Dilantik: 23 November 2017
Kehadiran: 6 daripada 6
100%

Dato' Dr. Othman Haji Omar
NINED
Dilantik: 1 Oktober 2018
Kehadiran: 5 daripada 6
83%

Dato' Mohamed Suffian Awang
INED
Dilantik: 20 Januari 2015
Meletak Jawatan: 25 Jun 2019
Kehadiran: 3 daripada 3
100%

JAWATANKUASA TENDER LEMBAGA (BTC)

Dr. Mohamed Nazeeb P.Alithambi
INED
Dilantik: 26 September 2018
Kehadiran: 7 daripada 7
100%

Datuk Mohd Anwar Yahya
INED
Dilantik: 23 Julai 2019
Kehadiran: 3 daripada 3
100%

Mohd Hassan Ahmad
NINED
Dilantik: 26 September 2018
Kehadiran: 6 daripada 7
86%

Dato' Mohamed Suffian Awang
INED
Dilantik: 1 Jun 2017
Meletak Jawatan: 25 Jun 2019
Kehadiran: 4 daripada 4
100%

Datuk Dr. Salmiah Ahmad
INED
Dilantik: 23 Julai 2019
Meletak Jawatan: 5 Disember 2019
Kehadiran: 3 daripada 3
100%

JAWATANKUASA KHAS LEMBAGA 1 (SBC 1)

Datuk Mohd Anwar Yahya
INED
Dilantik: 30 Januari 2018
Kehadiran: 5 daripada 5
100%

Mohd Hassan Ahmad
NINED
Dilantik: 26 September 2018
Kehadiran: 5 daripada 5
100%

Dr. Mohamed Nazeeb P.Alithambi
INED
Dilantik: 14 Februari 2018
Kehadiran: 5 daripada 5
100%

Dr. Nesadurai Kalanithi
INED
Dilantik: 30 Januari 2018
Kehadiran: 5 daripada 5
100%

TADBIR URUS KAMI: KEPIMPINAN DAN KEBERKESANAN

LEMBAGA PENGARAH KAMI

Maklumat lengkap biografi setiap Pengarah, dengan maklumat mengenai tarikh pelantikan ke Lembaga Pengarah, kehilian dalam Jawatankuasa Lembaga, kelayakan, pengalaman kerja dan pekerjaan, kehilian Lembaga di syarikat awam lain dan bilangan mesyuarat Lembaga Pengarah yang dihadiri pada tahun kewangan ini, terdapat pada laman web kami di www.fgvholdings.com

KEAHLIAN DALAM JAWATANKUASA LEMBAGA
A Jawatankuasa Audit
N Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan
G Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga
I Jawatankuasa Pelaburan
T Jawatankuasa Tender Lembaga
S Jawatankuasa Khas Lembaga 1

Aktiviti Lembaga Pengarah disenaraikan di muka surat 90-91

Tiada Pengarah yang mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan syarikat, hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau Pemegang Saham Utama, atau pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan (selain kesalahan lalu lintas) dalam tempoh lima tahun yang lalu atau sebarang sekatan awam atau denda yang dikenakan oleh badan kawal selia berkaitan sepanjang tahun kewangan.

Wakil Pemegang Saham Khas FGV

DATUK WIRA AZHAR ABDUL HAMID
Pengerusi, Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
Warganegara Malaysia, 58
Tempoh: Lebih daripada 2 tahun **Pelantikan ke Lembaga Pengarah:** 8 September 2017
Kemahiran dan Pengalaman:
- Akumen kewangan (kewangan/ perakaunan/ percukaian/ IFRS/ MFRS)
- Pemikiran strategik, perancangan dan komunikasi
- Pengurusan risiko dan kawalan dalaman
- Pengetahuan korporat
- Penggabungan & pengambilalihan dan pengalaman global korporat

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam:
Pengerusi, MSM Malaysia Holdings Berhad
Pengarah, Icon Offshore Berhad dan Hume Industries Berhad

DR. ZUNIKA MOHAMED
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
Warganegara Malaysia, 51 N G
Tempoh: Kurang daripada 1 tahun **Pelantikan ke Lembaga Pengarah:** 10 Februari 2020
Kemahiran dan Pengalaman:
- Dasar dan peraturan awam
- Pengalaman dan pengetahuan industri tertentu

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam:
Tiada

MOHD HASSAN AHMAD
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
Warganegara Malaysia, 45 A T S
Tempoh: Lebih daripada 1 tahun **Pelantikan ke Lembaga Pengarah:** 26 September 2018
Kemahiran dan Pengalaman :
- Dasar dan peraturan awam
- Akumen kewangan (kewangan/ perakaunan /percukaian /IFRS /MFRS)

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam:
Pengarah, Keretapi Tanah Melayu Berhad

Wakil Pemegang Saham Utama FGV

DATO' DR. OTHMAN HAJI OMAR
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
Warganegara Malaysia, 60 I
Tempoh: Lebih daripada 1 tahun **Pelantikan ke Lembaga Pengarah:** 1 Oktober 2018
Kemahiran dan Pengalaman:
- Pemikiran strategik, perancangan dan komunikasi
- Pengurusan risiko dan kawalan dalaman
- Pengetahuan korporat
- Dasar dan peraturan awam

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam:
Tiada

Wakil Pemegang Saham Minoriti dan Orang Awam

DATO' YUSLI MOHAMED YUSOFF
Timbalan Pengerusi, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Warganegara Malaysia, 61 N G I
Tempoh: Lebih dari 1 tahun **Pelantikan ke Lembaga Pengarah:** 6 September 2018
Kemahiran dan Pengalaman:
- Pemikiran strategik, perancangan dan komunikasi
- Akumen kewangan (kewangan/ perakaunan/ percukaian/ IFRS/ MFRS)
- Pengurusan risiko dan kawalan dalaman
- Tadbir urus korporat
- Pengetahuan korporat
- Dasar dan peraturan awam
- Penggabungan & pengambilalihan dan pengalaman global korporat

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam:
Pengerusi, KPJ Healthcare Berhad dan Mudajaya Group Berhad
Pengarah, Westports Holdings Berhad dan AirAsia X Berhad

DATUK MOHD ANWAR YAHYA
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Warganegara Malaysia, 65 A T S
Tempoh: Lebih dari 2 tahun **Pelantikan ke Lembaga Pengarah:** 23 November 2017
Kemahiran dan Pengalaman:
- Akumen kewangan (kewangan/ perakaunan/ percukaian/ IFRS/ MFRS)
- Tadbir urus korporat
- Penggabungan & pengambilalihan dan pengalaman global korporat

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam:
Pengarah, Maybank Islamic Berhad, Fraser & Neave Holdings Berhad, Pelaburan Hartanah Nasional Berhad dan Amanah Saham Nasional Berhad

DATIN HOI LAI PING
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Warganegara Malaysia, 58 A N I
Tempoh: Lebih dari 1 tahun
Pelantikan ke Lembaga Pengarah: 6 September 2018
Kelayakan dan Pengalaman:
- Akumen kewangan (kewangan/ perakaunan)
- Tadbir urus korporat
- Pengetahuan korporat
- Pengurusan modal insan
- Penggabungan & pengambilalihan dan pengalaman global korporat

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam:
Pengarah, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad

DR. MOHAMED NAZEEB P.ALITHAMBI
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Warganegara Malaysia, 67 I T S
Tempoh: Lebih dari 2 tahun
Pelantikan ke Lembaga Pengarah: 31 Oktober 2017
Kemahiran dan Pengalaman:
- Pengalaman dan pengetahuan industri tertentu

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam:
Tiada

DR. NESADURAI KALANITHI
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Warganegara Malaysia, 63 N G S
Tempoh: Lebih dari 2 tahun
Pelantikan ke Lembaga Pengarah: 1 Januari 2018
Kemahiran dan Pengalaman:
- Pengalaman dan pengetahuan industri spesifik.

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam:
Tiada

PENGURUSAN KAMI

Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan (GMC) telah ditubuhkan bagi menyokong Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (GCEO) dalam menggerakkan Kumpulan dan memantau pengurusan Kumpulan dan operasi perniagaan secara berpuasat. Ini bertujuan mencapai visi, misi dan strategi Kumpulan FGV melalui tadbir urus korporat yang baik dan prinsip pengurusan risiko dan kawalan. Ini juga untuk memastikan amalan perniagaan dan kawalan dilesiarakan dengan haluan, panduan, keputusan dan dasar yang ditetapkan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga. GMC bermesyuarat sebulan sekali atau lebih kerap mengikut keperluan. GMC telah mengadakan 16 mesyuarat pada TK2019.

Kepelbagaian Jantina:

Wanita	Lelaki
33%	67%

Kepelbagaian Umur (Tahun):

30-39	40-49	50-59
7%	33%	60%

Butiran biografi peruh setiap ahli GMC dengan maklumat tentang tarikh pelantikan ke jawatan, kelayakan, pengalaman kerja, pekerjaan dan kesahlian lembaga di syarikat awam lain boleh didapati pada laman web kami di www.fgvholdings.com

Tiada ahli GMC yang mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan syarikat, hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/ atau Pemegang Saham Utama, atau pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan (selain kesalahan lalu lintas) dalam tempoh lima tahun yang lalu atau sebarang sekatan awam atau denda yang dikenakan oleh badan kawal selia berkaitan sepanjang tahun kewangan.

DATO' HARIS FADZILAH HASSAN
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Warganegara Malaysia, 53
Tempoh: Lebih dari 1 tahun
Dilantik ke jawatan: 23 Januari 2019
Kelayakan dan Pengalaman:
Dato' Haris Fadzilah berpengalaman lebih 30 tahun dalam bidang pembangunan strategi dan perniagaan, pengurusan projek dan operasi beberapa industri termasuk petroleum & gas, automobil dan pertadangan. Sebelum berkidmat di FGV sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, beliau telah menyandang jawatan dalam Pengurusan Utama PROTON, Golden Hope Plantations dan Synergy Drive, Sime Darby Plantation Berhad dan Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada University of Miami, USA dan telah menyempurnakan Program Pengurusan Lanjutan di Columbia Business School, New York, USA, dan Program Pembangunan Pengurusan Kanan di Harvard Business School Alumni Club of Malaysia.

Keahlian lembaga di syarikat awam lain:
Pengarah, MSM Malaysia Holdings Berhad

DATO' MOHD HAIRUL ABDUL HAMID
Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan
Warganegara Malaysia, 50
Tempoh: Lebih dari 1 tahun
Dilantik ke jawatan: 2 Januari 2019
Kelayakan dan Pengalaman:
Dato' Mohd Hairul adalah Akauntan Bertauliah dan kepakaran dan pengalamannya yang luas telah membolehkan beliau menyandang jawatan pengurusan kanan di Sime Darby Plantation Berhad (SDP), Consolidated Plantations Berhad (subsidiari milik penuh SDP) dan Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. Beliau merupakan *Fellow Association of Chartered Certified Accountants* dan juga ahli Institut Akauntan Malaysia.

SYED MAHDHAR SYED HUSSAIN
Ketua Pegawai Operasi, Sektor Pertadangan
Warganegara Malaysia, 59
Tempoh: Lebih dari 1 tahun
Dilantik ke jawatan: 12 November 2018
Kelayakan dan Pengalaman:
Syed Mahdhar berpengalaman lebih 34 tahun sebagai saintis dalam sektor agrikultur. Pengalamannya telah melayakkan beliau menyandang jawatan Pengurusan Kanan dalam Kumpulan Guthrie Berhad dan Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. Sebelum ini, beliau merupakan Ketua Pegawai Tranformasi Kumpulan, di mana beliau mengetuai rancangan pemulihan Kumpulan, dan seterusnya dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi Sektor Perladangan dan ketua kluster Huluan Sawit pada November 2018. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Kimia (Kepujian) daripada Universiti Sains Malaysia.

AZMAN AHMAD
Ketua Pegawai Operasi
Sektor Logistik & Lain-lain
Warganegara Malaysia, 58
Tempoh: Lebih dari 2 tahun
Dilantik ke jawatan: 1 Januari 2018
Kelayakan dan Pengalaman:
Azman memiliki lebih 30 tahun pengalaman dalam operasi industri logistik. Sebelum menyertai FGV pada 2013, beliau berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Felda-Johore Bulkers Sdn. Bhd. (kini dikenali sebagai FGV Johor Bulkers Sdn. Bhd.). Sebelum ini, beliau merupakan Naib Presiden Eksekutif, Kluster Hulusan Sawit dan kemudian mengetuai Kluster Logistik. Beliau memegang Ijazah Sarjana muda Teknologi Maritim dari University of Wales Institute of Science and Technology, UK dan juga Diploma Pengurusan dari Institut Pengurusan Malaysia.

DATO' KHAIRIL ANUAR AZIZ
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
MSM Malaysia Holdings Berhad
Warganegara Malaysia, 53
Tempoh: Lebih dari 1 tahun
Dilantik ke jawatan: 23 April 2019
Kelayakan dan Pengalaman:
Dato' Khairil Anuar mempunyai lebih 25 tahun pengalaman dalam bidang pemasaran, jualan dan perniagaan antarabangsa. Sebelum menyandang jawatannya sekarang, beliau merupakan Pengerusi Eksekutif di GSSB Consulting Sdn. Bhd. Di FGV, beliau pernah berkidmat sebagai Ketua Pegawai Operasi, Operasi Perniagaan Domestik, dan Naib Presiden Eksekutif, kluster TML sebelum dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi, Sektor Logistik & Lain-lain. Seterusnya, beliau menyandang jawatan Pengarah Eksekutif di MSM Malaysia Holdings Berhad dan juga memegang peranan Ketua Pegawai Operasi, Sektor Gula. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam Pentadbiran Perniagaan dari Coventry University, UK.

SALMAN GHAZALI
Ketua Pegawai Strategi Kumpulan
Warganegara Malaysia, 38
Tempoh: Kurang dari 1 tahun
Dilantik ke jawatan: 13 September 2019
Kelayakan dan Pengalaman:
Sebelum menyandang jawatan Ketua Pegawai Strategi Kumpulan di FGV, Salman telah merain 15 tahun pengalaman dalam bidang kewangan korporat dan pembangunan perniagaan di Sime Darby Plantation Berhad, Emery Oleochemicals (M) Sdn. Bhd., Petroliam Nasional Berhad, Khazanah Nasional Berhad, RM Capital Partners & Associates Sdn. Bhd., firma ekuiti persendirian dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Salman memegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan Kewangan dari London School of Economics & Political Science, UK.

DATO' NAJMUDDIN ABDULLAH
Ketua Pegawai Komunikasi Strategik
Warganegara Malaysia, 51
Tempoh: Kurang dari 1 tahun
Dilantik ke jawatan: 2 Mac 2020
Kelayakan dan Pengalaman:
Dato' Najmuddin berpengalaman lebih 20 tahun dalam bidang strategik dan komunikasi korporat pelbagai industri. Sebelum menyertai FGV, beliau memegang jawatan penting di Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. dan Malaysia Airlines Berhad. Beliau memiliki Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda Sastera Ekonomi dari University of Toledo, Ohio, USA dan mempunyai Diploma Pentadbiran Awam dari Universiti Teknologi MARA. Beliau juga menghadiri Program Pengurusan Lanjut di Columbia Business School, New York, USA dan Accelerating Your Impact Programme for High-Potential Leaders di The Wharton School, University of Pennsylvania, USA.

AFFAN MOHD NAWI
Ketua Pegawai Transformasi
Warganegara Malaysia, 46
Tempoh: Kurang dari 1 tahun
Dilantik ke jawatan: 17 September 2019
Kelayakan dan Pengalaman:
Affan sebelum ini pernah memegang jawatan meliputi bidang transformasi proses perniagaan, pemulihan, perkhidmatan korporat dan perancangan strategik di Petroliam Nasional Berhad, A.T. Kearney, Inc., Khazanah Nasional Berhad, UEM Builders Berhad, Telekom Malaysia Berhad, Malakoff Corporation Berhad dan Lembaga Tabung Haji. Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Sistem Maklumat dan Ijazah Sarjana Muda *Information & Decision Science* daripada Carnegie Mellon University, USA. Beliau juga mempunyai Persijilian Program Pengurusan Perniagaan Premium dari Harvard Business School, USA.

Keahlian lembaga di syarikat awam lain:
Tiada

SITI NORBAYA MOHAMMAD SARIF
Ketua Pegawai Sumber Manusia
Warganegara Malaysia, 55
Tempoh: Kurang dari 1 tahun
Dilantik ke jawatan: 14 Oktober 2019
Kelayakan dan Pengalaman:
Siti Norbaya mempunyai 30 tahun pengalaman dalam bidang pengurusan sumber manusia pelbagai industri, termasuk telekomunikasi, teknologi, infrastruktur, logistik dan semikonduktor. Beliau memegang Ijazah Sarjana Pembangunan Sumber Manusia daripada University of Hull, UK dan Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan serta Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan & Sumber Manusia dari Arkansas State University, USA.

Keahlian lembaga di syarikat awam lain:
Tiada

WAN NORMAN NASIR
Ketua Tadbir Urus
& Pengurusan Risiko Kumpulan
Warganegara Malaysia, 47
Tempoh: Kurang dari 1 tahun
Dilantik ke jawatan: 1 Mei 2019
Kelayakan dan Pengalaman:
Wan Norman memiliki pengalaman lebih 15 tahun dalam bidang pengurusan risiko dan polisi di sektor perbankan. Berdasarkan pengalaman yang dimiliki beliau diberi kepercayaan menjawat posisi pengurusan kanan di bank-bank utama di Malaysia. Beliau menyertai FGV sebagai Ketua Pegawai Risiko pada 2015 sebelum memegang jawatan Ketua Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Kumpulan pada 2019. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari King's College London, United Kingdom dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Nottingham, United Kingdom.

Keahlian lembaga di syarikat awam lain:
Tiada

ZALILY MOHAMED ZAMAN KHAN
Ketua Juruaudit Dalaman
Warganegara Malaysia, 53
Tempoh: Lebih dari 8 tahun
Dilantik ke jawatan: 1 Mac 2012
Kelayakan dan Pengalaman:
Zalily adalah Akauntan Bertauliah di bawah Institut Akauntan Malaysia serta Felow CPA Australia. Beliau berpengalaman lebih 20 tahun dalam bidang audit dalaman dan luaran dari Arthur Andersen & Co, Sapura Telecommunications Berhad, Golden Hope Plantations Berhad, Sime Darby Berhad and Boustead Holdings Berhad. Zalily juga merupakan Juruaudit Dalaman Bertauliah daripada Institute of Internal Auditors, Amerika Syarikat selain diperakui dalam Penilaian Kawalan Kendiri serta Penilaian Pengurusan Risiko daripada Institut Juruaudit Dalaman. Beliau juga Ahli Berkanun Institut Juruaudit Dalaman Malaysia. Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Perakaunan dari Universiti South Australia.

Keahlian lembaga di syarikat awam lain:
Tiada

KOO SHUANG YEN
Ketua Keselauselahan Kumpulan
& Setiausaha Syarikat
Warganegara Malaysia, 57
Tempoh: Lebih dari 5 tahun
Dilantik ke jawatan: 1 Julai 2014
Kelayakan dan Pengalaman:
Koo Shuang Yen merupakan Akauntan Bertauliah dengan lebih 30 tahun pengalaman dalam bidang kewangan, perakaunan dan amalan kesetiausahaan korporat termasuk pelbagai tindakan korporat seperti penyenaraian, penggabungan dan pengambilalihan dan usaha sama. Sebelum menyertai FGV, beliau memegang jawatan Pengurus Kanan Kewangan Kumpulan di Felda Holdings Berhad selain juga berkhidmat sebagai Setiausaha Syarikat kepada MSM Holdings Berhad dan Kumpulan Syarikat. Beliau merupakan Ahli Bersekutu Chartered Institute of Management Accountants, UK dan Akauntan Berkanun dengan Institut Akauntan Malaysia.

Keahlian lembaga di syarikat awam lain:
Tiada

NURUL HASANAH AHAMED HASSAIN MALIM
Ketua Kekestarian Kumpulan
Warganegara Malaysia, 40
Tempoh: Kurang dari 1 tahun
Dilantik ke jawatan: 1 Mac 2019
Kelayakan dan Pengalaman:
Nurul Hasanah berpengalaman selama 17 tahun dalam bidang pembelaan hak asasi manusia, pembangunan dasar dan undang-undang. Beliau sebelum ini telah mengetuai pelbagai jabatan di Yayasan Hak Asasi Manusia Malaysia selama 15 tahun, sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan yang fokus kepada alam sekitar, sosial dan hak asasi manusia. Nurul Hasanah merupakan lulusan Undang-Undang dari Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia dan Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan dalam Undang-Undang Hak Asasi Manusia dari Universiti Nottingham, United Kingdom dan penerima Anugerah British Foreign Commonwealth Office Chevening Fellowship pada 2006.

Keahlian lembaga di syarikat awam lain:
Tiada

NOR MARHAMAH YAHYA
Penasihat Umum Perundangan Kumpulan
Warganegara Malaysia, 43
Tempoh: Kurang dari 1 tahun
Dilantik ke jawatan: 1 Ogos 2019
Kelayakan dan Pengalaman:
Nor Marhamah memiliki 17 tahun pengalaman dalam bidang undang-undang korporat dan komersial berdasarkan jawatan yang pernah disandang sebelum ini di BUSTAMAN, M.Y. Nor & Partners, Astro Entertainment Sdn. Bhd., Astro Productions Sdn. Bhd. dan MEASAT Broadcast Network Systems Sdn. Bhd. Nor Marhamah memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Teknologi MARA.

Keahlian lembaga di syarikat awam lain:
Tiada

SHAHARIZAN YUNUS
Ketua Kesihatan, Keselamatan
& Persekitaran Kumpulan
Warganegara Malaysia, 41
Tempoh: Kurang dari 1 tahun
Dilantik ke jawatan: 15 November 2019
Kelayakan dan Pengalaman:
Shaharizan memiliki pengalaman luas dalam bidang kesihatan dan keselamatan pekerjaan sewaktu berkhidmat di NIOSH Malaysia Sdn. Bhd., Gas Malaysia Berhad, KLCC Urusharta Sdn. Bhd., IGB Corporation Berhad, ABB Malaysia Sdn. Bhd., Lloyd's Register (LR) Malaysia & Brunei dan Pakej Projek Pengerang RAPID. Beliau merupakan lulusan Sarjana Muda Sains Marin dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan memiliki Sijil Pegawai Keselamatan dan Kesihatan serta Sijil Train the Trainer dari NIOSH. Shaharizan adalah Juruaudit Dalaman Bertauliah bagi QMS, EMS, Sistem Pengurusan OHSAS dan Qualified Incident Command System Silver Commander.

Keahlian lembaga di syarikat awam lain:
Tiada

TADBIR URUS KAMI:
KEPIMPINAN DAN KEBERKESANAN

AKTIVITI LEMBAGA PENGARAH

AKTIVITI LEMBAGA PENGARAH PADA TAHUN INI

Aktiviti Lembaga Pengarah distruktur untuk membangunkan strategi Kumpulan dan membolehkan Lembaga Pengarah menyokong pengurusan eksekutif dalam penyampaian strategi Kumpulan menurut rangka kerja tadbir urus yang telus. Perkara penting yang dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah pada 2019 adalah seperti yang berikut:

STRATEGI, RISIKO DAN KELESTARIAN

- Pelan Perniagaan 2019-2021 (BP21) dan Belanjawan 2020 untuk Kumpulan FGV
- Penunjuk Prestasi Utama (KPI) Pengurusan Atasan 2020
- Laporan Risiko Suku Tahunan Kumpulan FGV
- Pengurangan Analisis Senario
- Perkembangan Penyata Kecenderungan Risiko bagi Kumpulan FGV
- Mekanisme yang Diperbaik bagi Penilaian Risiko Projek
- Analisis Risiko Senario
- Semakan Struktur Organisasi
- Strategi dan Rangka Kerja Kelestarian Kumpulan 2020-2023

PELABURAN DAN PENYAHLABURAN

- Rasionalisasi dan Pelan Tindakan bagi Perniagaan Bukan Teras
- Pembubaran, pemansuhan dan penggulungan syarikat subsidiari FGV dan usaha sama
- Memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dan Perkara Perjanjian (HoA)
- Pengstrukturan semula subsidiari FGV
- Perladangan bersepadu

TADBIR URUS

- Semakan semula Piagam Lembaga, Terma-Terma Rujukan Jawatankuasa Lembaga, Dasar dan Prosedur dan Pencalonan dan Pemilihan Lembaga Pengarah FGV, Dasar Imbuhan Lembaga Pengarah, Dasar Modal Insan Kumpulan, Dasar Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kumpulan, Dasar Kelestarian Kumpulan, Dasar Dagangan Komoditi Kumpulan, Dasar Tanggungjawab Korporat, Dasar Penajaan dan Sumbangan Kumpulan, Dasar Pengiklanan dan Promosi, Dasar Pengurusan Acara, Piagam Audit Dalaman Kumpulan, Dasar dan Prosedur Kewangan dan Dasar Perolehan Kumpulan.
- Penubuhan Had Kuasa Kumpulan, Dasar dan Prosedur Tadbir Urus FGV, Pelan Tindakan Tadbir Urus Korporat Dan Integriti Perniagaan FGV, Rangka Kerja Tadbir Urus dan Integriti, Dasar Konflik Kepentingan, Dasar Rujukan dan Dasar Pengurusan Dokumen Terperingkat.
- Manual Sistem Pengurusan Anti Rasuah dan Pelan Tindakan Tadbir Urus Korporat Dan Integriti Perniagaan FGV yang diperbaik ke Pelan Anti-Korupsi FGV.
- Penjadualan Mesyuarat Lembaga FGV bagi tahun 2020
- Status pematuhan MCCG 2017
- Kemas kini litigasi material dalam lingkungan Kumpulan
- Siasatan dalaman
- Proses forensik dan proses berkaitan dengan pelaburan lampau Kumpulan

PERANCANGAN PENGGANTIAN, PELANTIKAN DAN IMBUHAN

- Penilaian Prestasi Lembaga Pengarah (penilaian keberkesanan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga serta Pengarah Individu dan Pengarah Bebas Lembaga Pengarah FGV)
- Penilaian tahunan ke atas kebebasan Pengarah Bebas FGV
- Perancangan penambahbaikan Lembaga Pengarah
- Rangka Kerja Penggantian Lembaga Pengarah
- Semakan komposisi Jawatankuasa Lembaga FGV
- Pelantikan Pengarah Lantikan Kerajaan
- Pemilihan semula Pengarah
- Pelantikan Calon Pengarah FGV dalam MSM Malaysia Holdings Berhad
- Pelantikan Calon Pengarah daripada Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad dalam Kumpulan FGV
- Yuran tahunan untuk Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga
- Pelantikan Pengurusan Atasan
- Penyesuaian gaji Pengurusan Atasan
- Perancangan Penggantian Pengurusan Atasan
- Pelanjutan Kontrak Tempoh Tetap untuk Pengurusan Atasan Kumpulan
- Pakej imbuhan GCEO
- Imbuhan dan manfaat untuk kakitangan Kumpulan FGV
- Kenaikan gaji tahunan untuk kakitangan Kumpulan FGV
- Pelaksanaan cadangan bayaran gaji minimum bagi tahun 2020
- Menyemak rangka kerja pengurusan prestasi

TADBIR URUS KAMI:
KEPIMPINAN DAN KEBERKESANAN

AKTIVITI LEMBAGA PENGARAH

KEWANGAN

- Penyata Kewangan bagi TK2018
- Laporan Suku Tahunan Hasil Disatukan
- Urus niaga berulang pihak berkaitan Kumpulan FGV
- Pelantikan semula juruaudit luaran bagi TK2019
- Yuran audit untuk Kumpulan FGV bagi TK2019
- Prestasi kewangan FGV dan Kumpulan FGV berbanding dengan sasaran belanjawan dan prestasi utama
- Pengoptimuman Kos Seluruh Kumpulan
- Laporan Bersepadu Tahunan 2018 termasuk Perutusan Pengerusi, Warkah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Perbincangan & Analisis Pengurusan, CGOS, Laporan Jawatankuasa Lembaga, Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman dan Penyata Kelestarian

PENILAIAN PRESTASI LEMBAGA PENGARAH



Butiran lanjut tentang proses Penilaian Prestasi Lembaga Pengarah boleh didapati dalam Laporan Tadbir Urus Korporat dalam laman web kami, www.fgvholdings.com

TADBIR URUS KAMI:
KEPIMPINAN DAN KEBERKESANAN

TANGGUNGJAWAB, PENGAWASAN DAN KEBEBASAN

JAWATANKUASA LEMBAGA

Lembaga Pengarah mewakilkan tanggungjawab tertentu kepada beberapa Jawatankuasa Lembaga, yang beroperasi menurut Bidang Tugas yang jelas, terutamanya untuk membantu Lembaga Pengarah dalam pelaksanaan tanggungjawabnya sementara tanggungjawab utama untuk keputusan akhir tertakluk sepenuhnya pada Lembaga Pengarah.

Semua perbincangan dan keputusan yang diambil oleh Jawatankuasa Lembaga didokumenkan dan dicadangkan oleh setiap Jawatankuasa Lembaga sebelum dikemukakan sebagai kertas Lembaga untuk perbincangan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah menyemak kuasa dan Bidang Tugas Jawatankuasa Lembaga dari semasa ke semasa untuk memastikan kaitannya.

Bidang Tugas Jawatankuasa Lembaga (Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan, Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga, Jawatankuasa Tender Lembaga dan Jawatankuasa Pelaburan) boleh didapati dalam laman web kami, www.fgvholdings.com

Komposisi Jawatankuasa Lembaga dan rekod kehadiran mereka boleh didapati di muka surat 89.

HAD KUASA

Perwakilan kuasa Lembaga Pengarah FGV kepada Jawatankuasa Lembaga, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, dan Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan adalah sejajar dengan Piagam Lembaga dan secara jelas dinyatakan dalam Had Kuasa Kumpulan yang diluluskan. Had ini menetapkan rangka kerja kuasa dan kebertanggungjawaban yang baik dalam Kumpulan, termasuk pengasingan tugas, yang memudahkan pembuatan keputusan yang tepat pada masanya, berkesan dan berkualiti pada tahap sewajarnya dalam hierarki Kumpulan.

TADBIR URUS KAMI:
KEPIMPINAN DAN KEBERKESANAN

INDUKSI DAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL BERTERUSAN

Program induksi telah dijalankan untuk Pengarah baharu yang dilantik menerusi taklimat oleh ahli Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan (GMC) untuk memberi Pengarah maklumat yang diperlukan untuk membantu pemahaman mereka tentang operasi Kumpulan, isu semasa dan strategi korporat serta struktur Pengurusan Kumpulan. Melainkan Dr. Zunika Mohamed, semua Pengarah telah menghadiri dan berjaya menyempurnakan Program Akreditasi Mandatori (MAP) menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Securities. Dr. Zunika Mohamed akan menghadiri dan menyempurnakan MAP dalam tempoh masa yang ditetapkan menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Securities.

Semua Pengarah digalakkan menghadiri program pendidikan berterusan, ceramah, seminar, bengkel dan persidangan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka, dan untuk memastikan Pengarah sentiasa mengikuti perkembangan dan undang-undang baharu yang boleh mempengaruhi perniagaan. Secara berterusan, Syarikat mengenal pasti persidangan dan seminar yang boleh memanfaatkan Pengarah jika dihadiri. Syarikat menyediakan belanjawan latihan khusus untuk pembangunan berterusan Pengarah.

Pada 2019, Pengarah menghadiri program latihan berikut:

PROGRAM LATIHAN YANG DIHADIRI OLEH AHLI LEMBAGA PENGARAH PADA 2019	
DATUK WIRA AZHAR ABDUL HAMID	• *Seminar 2019 - Dialogue and Soft Launch of 'Love My Palm Oil' Campaign with the Minister of Primary Industries Malaysia – Malaysian Palm Oil Council (MPOC)* • Bengkel Ramalan Harga 2019 – Dalaman • *Boardroom Colloquium on Innovation Governance – MeLearn Global* • *Palm and Lauric Oils Price Outlook Conference and Exhibition (POC2019) – Bursa Malaysia Derivatives Berhad (BMD)* • *Kuala Lumpur Business Club (KLBC) Fireside Chat with Tan Sri Datuk Dr Rebecca Fatima Sta Maria, Executive Director of the Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) Secretariat* • *Integrated Reporting (IR): Communicating Value Creation – Bursa Malaysia Berhad* • *Understanding Corporate Liability – In-House Training Programme* - *Section 17A Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009: Offence by Commercial Organisation, Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC)* - *Conformity assessment on ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System – Effective tool to combat corruption by SIRIM QAS International Sdn. Bhd.* - *Development in Corporate Governance by KPMG Management & Risk Consulting Sdn. Bhd.* • *Audit Oversight Board Conversation with Audit Committees – Securities Commission Malaysia*
MOHD HASSAN AHMAD	• *Mandatory Accreditation Programme – The ICLIF Leadership and Governance Centre* • Lawatan Lembaga Pengarah ke Mill Kilang Sawit Besout, Perak – Dalaman • *Understanding Corporate Liability – In-House Training Programme* - *Conformity assessment on ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System – Effective tool to combat corruption by SIRIM QAS International Sdn. Bhd.* - *Development in Corporate Governance by KPMG Management & Risk Consulting Sdn. Bhd.* • Latihan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) – Dalaman oleh Messrs. PricewaterhouseCoopers PLT
DATO' DR. OTHMAN HAJI OMAR	• *Mandatory Accreditation Programme – The ICLIF Leadership and Governance Centre* • Lawatan Lembaga Pengarah ke Estet Model Ladang Tembangau 06, Pahang – Dalaman • Lawatan Lembaga Pengarah ke Kilang Sawit Besout, Perak – Dalaman • Latihan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) – Dalaman oleh Messrs. PricewaterhouseCoopers PLT
DATO' YUSLI MOHAMED YUSOFF	• *Let's Get Real on Anti-Bribery – The ICLIF Leadership and Governance Centre* • *Understanding Corporate Liability – In-House Training Programme* - *Section 17A Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009: Offence by Commercial Organisation, MACC* - *Conformity assessment on ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System - Effective tool to combat corruption by SIRIM QAS International Sdn. Bhd.* - *Development in Corporate Governance by KPMG Management & Risk Consulting Sdn. Bhd.* • *Diversity Experience – Bursa Malaysia Berhad* • *Malaysian Financial Reporting (MFRS) Training 16 Leases – Deloitte Malaysia* • *Financing the Sustainable Development Goals (SDGs) – Malaysian Private Sector Role in Bridging the Gap from Goals to Actions – Global Compact Network Malaysia & United Nations Malaysia* • Lawatan Lembaga Pengarah ke Estet Model Ladang Tembangau 06, Pahang – Dalaman • Lawatan Lembaga Pengarah ke Kilang Sawit Besout, Perak – Dalaman • Lawatan Lembaga Pengarah ke operasi FGV di Johor – FGV Johor Bulkers Sdn. Bhd., FGV Transport Services Sdn. Bhd., Pasir Gudang Depoh, Delima Oil Products Sdn. Bhd., MSM Malaysia Holdings Berhad - MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn. Bhd. dan FGV Fertiliser Sdn. Bhd. – Dalaman • Latihan MFRS – Dalaman oleh Messrs. PricewaterhouseCoopers PLT

TADBIR URUS KAMI:
KEPIMPINAN DAN KEBERKESANAN

PERLAYAKAN DAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL BERTERUSAN

	PROGRAM LATIHAN YANG DIHADIRI OLEH AHLI LEMBAGA PENGARAH PADA 2019
DR. MOHAMED NAZEEB P.ALITHAMBI	• Lawatan Lembaga Pengarah ke operasi FGV di Johor – FGV Johor Bulkers Sdn. Bhd., FGV Transport Services Sdn. Bhd., Pasir Gudang Depoh, Delima Oil Products Sdn. Bhd., MSM Malaysia Holdings Berhad - MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn. Bhd. dan FGV Fertiliser Sdn. Bhd. – Dalaman • *Understanding Corporate Liability – In-House Training Programme* - *Section 17A Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009: Offence by Commercial Organisation, MACC* - *Conformity assessment on ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System - Effective tool to combat corruption by SIRIM QAS International Sdn. Bhd.* - *Development in Corporate Governance by KPMG Management & Risk Consulting Sdn. Bhd.* • Latihan MFRS – Dalaman oleh Messrs. PricewaterhouseCoopers PLT
DATUK MOHD ANWAR YAHYA	• *Breakfast Talk on Digital Ethics and Sustainability* • *Financial Institutions Directors' Education (FIDE) Core Programme – Module B - The ICLIF Leadership and Governance Centre* • *Annual Report - What a Director Must Know – Bursatra Sdn. Bhd.* • *Capital Markets Directors Programme – Securities Industry Development Corporation (SIDC)* - *Module 1: Directors as Gatekeepers of Market Participants* - *Module 2B: Business Challenges and Regulatory Expectations - What Directors Need to Know (Fund Management)* • *Understanding Corporate Liability – In-House Training Programme* - *Section 17A Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009: Offence by Commercial Organisation, MACC* - *Conformity assessment on ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System - Effective tool to combat corruption by SIRIM QAS International Sdn. Bhd.* - *Development in Corporate Governance by KPMG Management & Risk Consulting Sdn. Bhd.* • *Thought Leadership Series – The Convergence of Digitisation and Sustainability – Bursa Malaysia Berhad* • *Business Foresight Forum (BFF) 2019: New Business Directions 2025 - Catalysts for Change – Securities Commission* • *PNB Corporate Summit 2019 – Rebooting Corporate Malaysia – PNB Research Institute* • *Malaysia Reit Forum 2019 – Opportunities in the New Malaysia - Malaysian Reit Managers Association (MRMA) & Asia Pacific Real Estate Association (APREA)* • *Audit Oversight – Board Conversation with Audit Committees – Securities Commission Malaysia* • Latihan MFRS – Dalaman oleh Messrs. PricewaterhouseCoopers PLT
DR. NESADURAI KALANITHI	• *A Boardroom Colloquium on Innovation Governance – MeLearn Global* • *Palm and Lauric Oils Price Outlook Conference and Exhibition (POC2019) – Bursa Malaysia Derivatives Berhad (BMD)* • *Annual Report – What a Director Must Know – Bursatra Sdn. Bhd.* • *Understanding Corporate Liability – In-House Training Programme* - *Section 17A Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009: Offence by Commercial Organisation, MACC* • *Leadership Greatness in Turbulent Times: Building Corporate Longevity – Bursa Malaysia Berhad* • *Cyber Security in the Boardroom – Accelerating from Acceptance to Action – Bursa Malaysia Berhad* • *Sustainability Advocacy Programme: Recommendations of the TCFD (Non-Financial Sector) – Bursa Malaysia Berhad* • *The Cooler Earth: Sustainability Summit - Day 1 Masterclass – The Cooler Earth* • Lawatan Lembaga Pengarah ke operasi FGV di Johor – FGV Johor Bulkers Sdn. Bhd., FGV Transport Services Sdn. Bhd., Pasir Gudang Depoh, Delima Oil Products Sdn. Bhd., MSM Malaysia Holdings Berhad - MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn. Bhd. dan FGV Fertiliser Sdn. Bhd. – Dalaman • *International Directors Summit 2019 – The Trust Compass: Resetting The Course – Institute of Corporate Directors Malaysia (ICDM)* • Lawatan Lembaga Pengarah ke Estet Model Ladang Tembangau 06, Pahang – Dalaman • Lawatan Lembaga Pengarah ke Kilang Sawit Besout, Perak – Dalaman • Lawatan Lembaga Pengarah ke operasi FGV di Johor – FGV Johor Bulkers Sdn. Bhd., FGV Transport Services Sdn. Bhd., Pasir Gudang Depoh, Delima Oil Products Sdn. Bhd., MSM Malaysia Holdings Berhad - MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn. Bhd. dan FGV Fertiliser Sdn. Bhd. – Dalaman
DATIN HOI LAI PING	• *Advanced Audit and Assurance – CPA Australia* • *Reading the Signs: The Next Financial Crisis and Potential Impact on Asia by Andy Xie – FIDE FORUM* • *Rethinking Strategy by Prof Anil K. Gupta – FIDE FORUM* • *Digital Assets: Global Trends, Legal Requirements and Opportunities for Financial Institutions by Henri Aslanian – FIDE FORUM* • Lawatan Lembaga Pengarah ke Estet Model Ladang Tembangau 06, Pahang – Dalaman • Lawatan Lembaga Pengarah ke Kilang Sawit Besout, Perak – Dalaman • Lawatan Lembaga Pengarah ke operasi FGV di Johor – FGV Johor Bulkers Sdn. Bhd., FGV Transport Services Sdn. Bhd., Pasir Gudang Depoh, Delima Oil Products Sdn. Bhd., MSM Malaysia Holdings Berhad - MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn. Bhd. dan FGV Fertiliser Sdn. Bhd. – Dalaman • *Understanding Corporate Liability – In-House Training Programme* - *Section 17A Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009: Offence by Commercial Organisation, MACC* - *Conformity assessment on ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System - Effective tool to combat corruption by SIRIM QAS International Sdn. Bhd.* - *Development in Corporate Governance by KPMG Management & Risk Consulting Sdn. Bhd.* • *Masterclass on Cybersecurity by Europe's No. 1 Ethical Hacker, Mr Jamie Woodruff – FIDE FORUM* • *Audit Oversight Board Conversation with Audit Committees – Securities Commission Malaysia*

TADBIR URUS KAMI:
KEPIMPINAN DAN KEBERKESANAN

LAPORAN JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan secara eksklusifnya terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan merupakan Pengarah Kanan Bukan Eksekutif Bebas. Lembaga Pengarah percaya bahawa komposisi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan semasa dapat menyediakan keseimbangan yang sesuai dari segi kemahiran, pengetahuan dan pengalaman untuk melindungi kepentingan semua pemegang saham dan untuk memenuhi keperluan Kumpulan.

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan mengadakan 10 mesyuarat pada 2019.

FGV telah pun mempunyai Dasar dan Prosedur dan Pencalonan dan Pemilihan Lembaga Pengarah untuk meningkatkan, menjelaskan dan telah pun merasmikan Dasar Komposisi Lembaga Pengarah, Kebebasan, Konflik Kepentingan dan Penilaian Lembaga Pengarah. Dasar Komposisi Lembaga Pengarah telah mengambil kira gabungan kemahiran, kebebasan dan kepelbagaian yang diperlukan untuk memenuhi keperluan Kumpulan. Penjelasan lanjut tentang Dasar bersama dengan proses pencalonan dan pemilihan Lembaga serta kriteria pemilihan yang digunakan oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan diterbitkan dalam Laporan Tadbir Urus Korporat, yang boleh didapati dalam laman web kami, www.fgvholdings.com. Proses penilaian prestasi Lembaga untuk Lembaga Pengarah secara keseluruhan, Jawatankuasa dan sumbangan setiap Pengarah berserta kriteria yang digunakan untuk penilaian tersebut diterangkan dengan terperinci dalam Laporan Tadbir Urus Korporat, yang boleh didapati dalam laman web kami, www.fgvholdings.com dan aliran proses boleh didapati di muka surat 68 Laporan Bersepadu Tahunan ini.

Butiran lanjut tentang Bidang Tugas Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan boleh didapati dalam laman web kami, www.fgvholdings.com
Laporan ini hendaklah dibaca berserta Laporan Tadbir Urus Korporat yang boleh didapati dalam laman web kami, www.fgvholdings.com

RINGKASAN KERJA JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN

Pada 2019, Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan melaksanakan aktiviti utama berikut dalam pelaksanaan tanggungjawabnya:

BIDANG TUMPUAN	URUSAN YANG DIPERTIMBANGKAN
Proses Pencalonan dan Pemilihan dan Proses Pelantikan dan Pelantikan Semula/ Pemilihan Semula	a. Mempertimbangkan cadangan Pengarah Lantikan Kerajaan. b. Mempertimbangkan pelantikan Calon Pengarah FGV dalam MSM Malaysia Holdings Berhad. c. Mempertimbangkan pelantikan Calon Pengarah Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad dalam Kumpulan FGV. d. Mempertimbangkan cadangan semakan komposisi Jawatankuasa Lembaga FGV. e. Menilai dan mencadangkan pemilihan semula Pengarah kepada Lembaga Pengarah. f. Mempertimbangkan cadangan pelantikan Pengurusan Atasan. g. Meneliti cadangan Pelanjutan Kontrak Tempoh Tetap untuk Pengurusan Atasan Kumpulan.
Program Perlayakan dan Pendidikan Berterusan	a. Menyemak laporan tentang latihan yang dihadiri oleh Lembaga Pengarah bagi TK2018 dan program perlayakan untuk Pengarah baharu yang dilantik.
Urusan Imbuhan	a. Mencadangkan cadangan semakan semula struktur bayaran dan imbuhan Lembaga Pengarah. b. Mencadangkan cadangan pakej imbuhan GCEO. c. Mencadangkan cadangan pelarasan gaji Pengurusan Atasan. d. Mencadangkan cadangan kenaikan gaji tahunan kakitangan Kumpulan FGV. e. Mencadangkan cadangan semakan semula imbuhan dan manfaat kakitangan Kumpulan FGV. f. Menilai cadangan implementasi gaji minimum bagi 2020. g. Meneliti dan mencadangkan cadangan disemak semula Dasar Modal Insan Kumpulan.
Penilaian Lembaga Pengarah	a. Menyemak penilaian tahunan Pengarah Bebas FGV. b. Menyemak Penilaian Prestasi Lembaga Pengarah seperti penilaian keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, Jawatankuasa Pengarah dan setiap Pengarah individu. c. Mempertimbangkan cadangan Pelan Peningkatan Lembaga Pengarah (inisiatif pelan tindakan) berdasarkan hasil daripada Penilaian Prestasi Lembaga Pengarah.
Perancangan Penggantian	a. Mempertimbangkan cadangan Rangka Kerja Perancangan Penggantian Lembaga Pengarah. b. Mempertimbangkan cadangan Perancangan Penggantian untuk Pengurusan Atasan.

TADBIR URUS KAMI:
KEPIMPINAN DAN KEBERKESANAN

LAPORAN JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN

BIDANG TUMPUAN	URUSAN YANG DIPERTIMBANGKAN
Menyemak Penyata yang Dinyatakan dalam Laporan Bersepadu Tahunan 2018 FGV	a. Menyemak pendedahan dalam Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat berkaitan dengan perkara yang berikut: • Dasar dan Prosedur dan Pencalonan dan Pemilihan Lembaga Pengarah dengan mengambil kira campuran kemahiran, kebebasan dan kepelbagaian (termasuk kepelbagaian jantina) yang diperlukan untuk memenuhi keperluan FGV. • Imbangan dan komposisi Lembaga Pengarah termasuk tempoh pegang jawatan dan kepelbagaian jantina. • Proses pencalonan dan pemilihan Lembaga Pengarah serta pemilihan semula Pengarah dan kriteria yang digunakan oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan dalam proses pemilihan, pemetaan kemahiran dan pengalaman. • Penilaian yang dijalankan oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan berkaitan dengan Lembaga Pengarahnya, Jawatankuasa Lembaga dan Pengarah individu serta kriteria yang digunakan untuk penilaian tersebut. • Latihan yang dihadiri oleh Pengarah bagi tahun kewangan dan program induksi, selaras dengan Keperluan Penyenaraian Bursa Securities. • Pelan Insentif Jangka Panjang. • Imbuhan Pengarah menurut peruntukan Keperluan Penyenaraian Bursa Securities dan Akta Syarikat 2016.
Lain-lain	a. Mencadangkan cadangan semakan semula Dasar dan Prosedur dan Pencalonan dan Pemilihan Lembaga Pengarah FGV. b. Mencadangkan cadangan semakan semula rangka kerja pengurusan prestasi. c. Mempertimbangkan cadangan disemak semula struktur organisasi Kumpulan FGV.

URUSAN UTAMA DILAPORKAN KEPADA LEMBAGA PENGARAH

Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan mengemas kini Lembaga Pengarah tentang perkara yang dianggap paling penting dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan serta cadangannya. Salinan minit yang disahkan bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan juga diedarkan kepada Lembaga Pengarah untuk makluman dalam mesyuarat Lembaga Pengarah seterusnya. Antara perkara penting yang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan pada 2019 adalah seperti yang berikut:

Urusan penting	Kaedah Perkara Ini Ditangani oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan	Hasil daripada Proses yang Dilaksanakan
Pelan Peningkatan Lembaga Pengarah dan Rangka Kerja Perancangan Penggantian Lembaga Pengarah	• Mempertimbangkan cadangan Pelan Peningkatan Lembaga Pengarah dengan mengambil kira bahagian yang mungkin boleh dipertingkatkan dalam proses pengawasan semasa Lembaga Pengarah. • Proses melibatkan perumusan inisiatif pelan tindakan untuk dijalankan dan menetapkan tempoh masa untuk pelaksanaan. • Mengkaji cadangan Rangka Kerja Pelan Penggantian untuk Lembaga Pengarah dengan mengambil kira komposisi dan saiz serta begitu juga set kemahiran, pengetahuan, kepakaran dan pengalaman Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga.	• Untuk memberi visi kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga ke arah menjadi Lembaga Pengarah yang berprestasi tinggi.
Cadangan Perancangan Penggantian untuk Pengurusan Atasan	• Mengkaji cadangan pelan penggantian untuk Pengurusan Atasan dengan mengambil kira kriteria dan set kemahiran pengganti dan tahap kesediaan mereka.	• Senarai pengganti yang diluluskan dianggap sebagai sebahagian daripada proses pemilihan untuk kekosongan kedudukan Pengurusan Atasan.

PENILAIAN PRESTASI

Pada tahun kewangan, Lembaga Pengarah menilai prestasi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan serta takat pelunasan keperluan Bidang Tugasnya, termasuk tempoh pegang jawatan dan prestasi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan serta setiap ahlinya. Penilaian prestasi ini merupakan sebahagian daripada penilaian tahunan keberkesanan Lembaga Pengarah, berkaitan dengan penilaian Jawatankuasa Lembaga.

Laporan ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang diluluskan pada 17 April 2020.

TADBIR URUS DI FGV: KEBERTANGGUNGJAWABAN

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit hanya terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif yang sebahagian majoritinya merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Pengerusi Jawatankuasa Audit adalah merupakan ahli Institute of *Chartered Accountants in England and Wales* (ICAEW), akauntan berkanun dengan Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA). Semua ahli Jawatankuasa Audit mempunyai pengetahuan dalam bidang kewangan serta dapat menganalisis dan mentafsirkan Penyata Kewangan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan berkesan. Oleh itu, Jawatankuasa Audit memenuhi keperluan perenggan 15.09(1)(c) Keperluan Penyenaraian Bursa Securities yang menetapkan bahawa sekurang-kurangnya satu ahli Jawatankuasa Audit mestilah akauntan yang bertauliah.

Jawatankuasa Audit telah mengadakan 9 mesyuarat pada 2019 dan GCEO, GCFO, Ketua Juruaudit Dalaman dan pelbagai peringkat Pengurusan telah menghadiri mesyuarat atas jemputan Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa Audit juga telah mengadakan beberapa mesyuarat sulit dengan juruaudit luaran.

Tujuan Jawatankuasa Audit adalah untuk membantu Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawab utamanya seperti yang berikut:

- Menilai risiko dan lingkungan kawalan.
- Menyelia pelaporan kewangan.
- Menilai proses dan hasil audit dalaman dan luaran.
- Menyemak keadaan konflik kepentingan dan urus niaga pihak berkaitan.
- Memberikan pengawasan terhadap Laporan Bersepadu Tahunan.
- Melaksanakan sebarang fungsi lain seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.

Kewujudan Jawatankuasa Audit tidak mengurangkan tanggungjawab muktamad berkanun dan fidusiari Lembaga Pengarah untuk membuat keputusan berhubung dengan fungsi dan tugas Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa Audit boleh mewakilkan kuasa kepada satu atau lebih ahlinya untuk bertemu atau berkomunikasi dengan juruaudit luaran dan/atau juruaudit dalaman secara bebas.

Butiran lanjut tentang Bidang Tugas Jawatankuasa Audit boleh didapati dalam laman web kami, www.fgvholdings.com

RINGKASAN KERJA JAWATANKUASA AUDIT

Pada 2019, Jawatankuasa Audit menjalankan aktiviti utama berikut dalam pelaksanaan tanggungjawabnya:

BIDANG TUMPUAN	URUSAN YANG DIPERTIMBANGKAN
Penilaian Risiko dan Persekitaran Kawalan	a. Menilai laporan penilaian risiko dan persekitaran kawalan berdasarkan semakan maklumat kewangan suku tahunan juruaudit luaran pada setiap suku tahun dan audit kewangan berkanun pada akhir tahun. b. Menyemak empat laporan Ketua Juruaudit Dalaman yang meringkaskan cerapan utama daripada laporan audit dalaman yang dikeluarkan, yang termasuk maklumat yang relevan untuk menilai risiko dan lingkungan kawalan. c. Mempertimbangkan keseluruhan penarafan laporan audit dalaman yang dikeluarkan pada 2019 sebagai amatan keberkesanan keseluruhan sistem kawalan dalaman berbanding dengan risiko, lingkungan kawalan dan keperluan pematuhan Kumpulan. d. Menerima jaminan daripada GCEO dan GCFO bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan bagi TK2019 dikendalikan dengan secukupnya dan berkesan, dalam semua aspek material. e. Mempertimbangkan pembangunan dan menyemak kemajuan pelaksanaan Perkembangan Model Penilaian Kawalan Diri (CSA). Dalam setiap mesyuaratnya, Jawatankuasa Audit telah memberikan panduan yang relevan dengan perbaikan risiko dan lingkungan kawalan Kumpulan, terutamanya dalam bidang dagangan komoditi, pengurusan penghutang, pengurusan perolehan dan operasi perladangan, yang memberikan cabaran utama kepada Kumpulan sepanjang tahun kewangan.
Menyelia Pelaporan Kewangan	a. Menyemak laporan juruaudit luaran daripada semakan Penyata Kewangan suku tahunan dan audit kewangan berkanun tahunan dalam setiap mesyuarat. Antara tumpuan utama laporan ini ialah penilaian rosot nilai dan pendedahan peruntukan pelbagai aset, pengaturan pajakan tanah, muhibah atas pelaburan dan kontrak yang membebankan berdasarkan piawaian pelaporan kewangan yang berkenaan. b. Bertemu dengan juruaudit luaran dalam dua sesi khas sepanjang tahun kewangan tanpa kehadiran Pengurusan pada 17 Mei 2019 dan 20 Ogos 2019. Dalam sesi ini, perkara berikut dibincangkan, antara lain: • Impak harga CPO ke atas keuntungan Kumpulan FGV. • Hasil dan pengeluaran buah tandan segar daripada estet Kumpulan FGV. • Impak dasar kerajaan ke atas pasaran gula tempatan. • Penilaian fungsi kewangan di bawah Kumpulan FGV.

TADBIR URUS DI FGV: KEBERTANGGUNGJAWABAN

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

BIDANG TUMPUAN	URUSAN YANG DIPERTIMBANGKAN
Menyelia Pelaporan Kewangan (sambungan)	c. Menilai Laporan Suku Tahunan Hasil Disatukan untuk setiap suku tahun dan menilai analisis hasil secara terperinci. Jika perlu, Jawatankuasa Audit telah memberikan arahan dan mendapatkan butiran tambahan tentang analisis Hasil Disatukan untuk memberikan cadangannya kepada Lembaga Pengarah tentang Laporan Suku Tahunan. Jawatankuasa Audit juga meminta butiran lanjut tentang beberapa perkara penting untuk meningkatkan pemahamannya dan memberikan hala tuju yang wajar tentang perkara tersebut. d. Menilai andaian aliran tunai dengan tujuan pengiraan Liabiliti Pajakan Tanah kepada FELDA dan impaknya terhadap Penyata Kewangan. e. Meneliti dan mengesahkan semakan dasar berkaitan dengan perakaunan, kewangan, tadbir urus dan kawalan dalaman untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Pengerusi Jawatankuasa Audit mengadakan empat mesyuarat sulit dengan juruaudit luaran untuk diberikan taklimat secara terperinci tentang hasil kewangan Syarikat dan Kumpulan.
Penilaian Proses Audit Luaran dan Hasilnya	a. Menyemak laporan juruaudit luaran tentang hasil proses audit luar bagi TK2018, termasuk cadangan kawalan dalaman dan maklum balas Pengurusan terhadap cadangan tersebut. b. Menilai kesempurnaan pelan audit juruaudit luaran bagi TK2019 dan memastikan penyelarasan dengan firma audit lain selain PricewaterhouseCoopers PLT (PwC) yang terlibat dalam audit luaran beberapa subsidiari. c. Menilai juruaudit luaran untuk pelantikan semula mereka pada TK2019 berlandaskan Dasar Juruaudit Luaran yang mapan dan mencadangkan pelantikan semula mereka kepada Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Audit juga mempertimbangkan maklum balas Pengurusan tentang penilaian mereka terhadap juruaudit luaran berdasarkan khidmat yang diberikan semasa audit luaran bagi TK2018. d. Menilai yuran audit juruaudit luaran bagi TK2019 dan memberikan cadangannya kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. e. Menerima jaminan bertulis daripada juruaudit luaran dalam pelan audit mereka bagi TK2019 yang mengesahkan kebebasan mereka, dan akan mengekalkan kebebasan mereka sepanjang pengambilan kerja audit selaras dengan Bidang Tugas dan semua keperluan profesional dan kawal selia yang relevan.
Penilaian Proses Audit Dalaman dan Hasilnya	a. Menerima dan menyemak semua 61 laporan yang dikeluarkan kepada semua ahli Jawatankuasa Audit oleh Audit Dalaman Kumpulan pada TK2019. Laporan ini adalah daripada penugasan berlandaskan pelan audit dalaman dan sebarang siasatan tidak terancang dan tugasan khas yang dijalankan oleh Audit Dalaman Kumpulan. b. Menerima dan menyemak perkara berikut pada setiap suku tahun semasa TK2019: • Laporan yang meringkaskan cerapan utama daripada laporan audit dalaman yang dikeluarkan pada suku tersebut. Jawatankuasa Audit memberikan arahan kepada Pengurusan tentang perkara penting yang memerlukan perhatian khusus dan segera daripada Pengurusan. Jawatankuasa Audit telah melaporkan perkara penting ini kepada Lembaga Pengarah. • Laporan tentang perkembangan pelaksanaan pelan audit dalaman yang diluluskan bagi TK2019, termasuk status sumber audit dalaman untuk menyokong pelaksanaan pelan audit dalaman yang telah diluluskan dan perkembangan pembangunan kakitangan audit dalaman. • Laporan tentang perkembangan pelaksanaan cadangan daripada laporan audit dalaman yang dikeluarkan. Tiada perkara yang memerlukan perhatian Lembaga Pengarah daripada perkembangan yang dilaporkan. c. Melaksanakan perkara berikut: • Menyemak dan meluluskan pelan audit dalaman bagi TK2020 bersama dengan skop, fungsi, sumber, belanjawan dan KPI fungsi audit dalaman Kumpulan dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah dengan sewajarnya. • Menilai prestasi Ketua Juruaudit Dalaman, yang termasuk penilaian keberkesanan fungsi audit dalaman Kumpulan dengan merujuk Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa Institut Juruaudit Dalaman. • Dengan merujuk penilaian prestasi Ketua Juruaudit Dalaman, kenaikan gaji, pelarasan bonus dan pembaharuan kontrak pekerjaannya. d. Pengerusi Jawatankuasa Audit mengadakan empat mesyuarat dan perbincangan sulit dengan Ketua Juruaudit Dalaman dan pasukan Pengurusan beliau untuk membincangkan perkembangan relevan dalam kerja audit dalaman, memberikan arahan untuk pelan audit yang lebih berkesan, untuk dimaklumkan atau memberikan panduan tentang sebarang cerapan audit dalaman utama dan sebarang perkara berkaitan ke arah perbaikan tadbir urus, risiko dan proses kawalan Kumpulan FGV.
Menyemak Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan Pemantauan Kumpulan	a. Menyemak Laporan Suku Tahunan tentang urus niaga berulang pihak berkaitan Kumpulan dan mengambil maklum bahawa urus niaga pihak berkaitan dilaksanakan menurut mandat daripada pemegang saham. b. Menyemak Pekeliling Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan untuk mendapatkan mandat daripada pemegang saham dalam Mesyuarat Agung Tahunan 2019. c. Menyemak laporan audit dalaman tentang kajian urus niaga berulang pihak berkaitan setiap tahun. d. Menyemak status harga serentak tentang urus niaga berulang pihak berkaitan utama Kumpulan FGV.
Menyemak Penyata yang Disertakan dalam Laporan Bersepadu Tahunan Syarikat 2018	a. Menyemak Laporan Jawatankuasa Audit, Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman, CGOS, Perbincangan & Analisis Pengurusan, Perutusan Pengerusi dan Warkah GCEO untuk disertakan dalam Laporan Bersepadu Tahunan 2018 dan mencadangkan perkara yang sama kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman telah disemak dengan mencerminkan laporan juruaudit luaran dan dalaman tentang risiko dan lingkungan kawalan Kumpulan dan perkara berkaitan yang telah dibawa kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah pada tahun kewangan.

TADBIR URUS DI FGV: KEBERTANGGUNGJAWABAN

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

URUSAN UTAMA DILAPORKAN KEPADA LEMBAGA PENGARAH

Pengerusi Jawatankuasa Audit mengemas kini Lembaga Pengarah tentang perkara yang dianggap paling penting dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit serta cadangannya. Salinan minit yang telah disahkan bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa Audit juga diedarkan kepada Lembaga Pengarah untuk makluman dalam mesyuarat Lembaga Pengarah seterusnya. Antara perkara penting yang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Audit pada 2019 adalah seperti yang berikut:

Urusan Penting	Kaedah Perkara Ini Ditangani oleh Jawatankuasa Audit
Laporan Kewangan	• Menyemak hasil suku tahunan dan Penyata Kewangan akhir tahun FGV dan Kumpulan Syarikat, menitikberatkan perubahan piawaian dalam pelaporan kewangan termasuk menilai impak ke atas Penyata Kewangan, sebab naik turun di antara tempoh, penerangan bagi pencapaian belanjawan, anggaran dan urusan yang memerlukan pertimbangan Pengurusan, terutama pemulihan aset, amalan perakaunan, peristiwa dan penyesuaian yang penting dan luar biasa.
Perjanjian Kewangan MSM	• Menyemak status perjanjian berdasarkan hasil suku tahunan dan posisi kewangan MSM. Mencadangkan Pengurusan membantu MSM untuk mengadakan rundingan semula dan menstruktur semula pinjaman.
Liabiliti di bawah Perjanjian Pajakan Tanah (LLA)	• Menilai rasional penyesuaian LLA dan sebarang perubahan dalam asas perkiraan liabliti LLA yang menghasilkan caj dan pembayaran balik dalam Akaun Untung dan Rugi untuk memastikan turun naik caj LLA diuruskan secara berkesan oleh Pengurusan.
Prestasi Usaha Sama	• Menyemak prestasi penyertaan usaha sama oleh FGV, termasuk meneliti pelan Pengurusan ke atas usaha sama yang mencatatkan kerugian yang menghambat prestasi FGV, termasuk sebarang sokongan yang diperlukan untuk usaha sama. Sekiranya tiada pelan, Pengurusan dicadangkan untuk melupuskan pegangan saham FGV dalam usaha sama yang mencatatkan kerugian.
Dasar Kewangan Kumpulan	• Menyemak dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah pelaksanaan Had Kuasa Kumpulan menggantikan Kuasa Perwakilan yang kini tidak lagi berfungsi.
Kawalan Dalaman	• Memberi hala tuju kepada peningkatan kawalan dalaman berkaitan urusan yang dilaporkan oleh Audit Dalaman Kumpulan. Menggalakkan Pengurusan memberi keutamaan kepada peningkatan berdasarkan pemerhatian yang dilaporkan dalam laporan Audit Dalaman Kumpulan.
Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan	• Mempertimbangkan sama ada Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan dijalankan mengikut terma komersial yang telah ditetapkan dan dalam lingkungan mandat yang diberikan oleh pemegang saham.

HUBUNGAN DENGAN JURUAUDIT LUARAN

DASAR JURUAUDIT LUARAN

Dasar Juruaudit Luaran meliputi pelantikan termasuk pelantikan semula juruaudit luaran, menilai prestasi dan kebebasan mereka, penggiliran rakan audit, penyampaian dan pelaporan audit, pengambilan kerja juruaudit luaran untuk khidmat bukan audit dan penyingkiran juruaudit luaran.

Pelantikan dan Pelantikan semula Juruaudit Luaran

Dasar Juruaudit Luaran yang disemak pada 27 Mac 2019 menyatakan bahawa kami hanya akan mengambil juruaudit luaran daripada empat firma akauntan profesional ternama untuk audit berkanun Penyata Kewangan Kumpulan. Setakat yang boleh dilaksanakan, kami akan mengekalkan khidmat satu firma audit luaran untuk kami yang meliputi semua anak syarikat tersenarai dan tidak tersenarai di dalam dan luar Malaysia. Pelantikan baharu atau penggantian juruaudit luaran hendaklah dibuat menerusi proses tender formal. FGV kini menggunakan PwC sebagai juruaudit luarannya untuk Kumpulan. Penilaian kesesuaian dan kebebasan telah dijalankan menerusi senarai semak faktor yang dipertimbangkan sebelum mencadangkan pelantikan semula juruaudit luaran bagi TK2019 dalam Mesyuarat Agung Tahunan pada Jun 2019. Faktor yang dipertimbangkan ialah kewibawaan firma, kualiti, proses/prestasi, pasukan audit, kebebasan dan keobjektifannya, skop dan pelan audit, yuran audit dan komunikasi audit. Berikutan penilaian itu, Jawatankuasa Audit membuat kesimpulan bahawa PwC tetap sesuai dan bebas untuk dilantik semula sebagai juruaudit luaran.

Keberkesanan Juruaudit Luaran

Dasar Juruaudit Luaran menghendaki prestasi dan kebebasan juruaudit luaran dinilai menggunakan senarai semak penilaian meliputi perkara berikut, setelah selesai setiap audit tahunan.

- Kewibawaan firma audit luaran.
- Kualiti proses/prestasi.
- Pasukan audit.
- Kebebasan dan keobjektifan.
- Skop audit, perancangan dan perkaedahan.
- Yuran audit.
- Penyerahan audit.
- Komunikasi audit.

Penilaian tersebut akan dijalankan oleh anak syarikat kami sebelum pemuktamadan Penyata Kewangan berkanun Kumpulan dan dikemukakan untuk perbincangan Jawatankuasa Audit. Sekiranya Jawatankuasa Audit menyimpulkan bahawa prestasi juruaudit luaran adalah kurang baik, Jawatankuasa Audit hendaklah mempertimbangkan tindakan seterusnya yang mungkin termasuk:

- Perbincangan dengan firma audit luaran untuk menyelesaikan isu prestasi;
- Penggantian ahli pasukan audit luaran; atau
- Tidak mencadangkan pelantikan semula juruaudit luaran.

Menilai Kebebasan Juruaudit Luaran

Juruaudit luaran dikehendaki mengemaskini Jawatankuasa Audit berkenaan dengan Rangka Kerja Kebebasan dan membincangkan isu kebebasan sebagai sebahagian daripada Pelan Audit Kumpulan yang dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit pada suku ketiga setiap tahun kewangan. Juruaudit luaran hendaklah memberikan jaminan bertulis yang mengesahkan bahawa pasukan yang ditugaskan itu bebas sepanjang pelaksanaan audit Penyata Kewangan berkanun selaras dengan terma semua keperluan profesional dan kawal selia yang relevan. Dasar Juruaudit Luaran melarang hubungan yang boleh menjejaskan kebebasan dan keobjektifan juruaudit luaran. Sebarang ancaman terhadap kebebasan hendaklah didedahkan kepada Jawatankuasa Audit berserta penilaian tindakan mitigasi untuk menghapuskan ancaman atau mengurangkannya ke tahap boleh terima. Pada 2019, juruaudit luaran telah membentangkan jaminan bertulis tentang kebebasannya menerusi Pelan dan Laporan Audit Kumpulan kepada Jawatankuasa Audit untuk mengaudit Penyata Kewangan berkanun bagi TK2019. Berdasarkan penilaian di atas, tidak ada hubungan yang mungkin menjejaskan kebebasan dan keobjektifan juruaudit luaran.

Penggiliran Rakan Audit

FGV telah menerapkan keputusan terbaharu MIA tentang penggiliran rakan audit yang membolehkan penggiliran rakan utama dan penandatangan setiap tujuh tahun, mengemaskinikan dasar FGV terdahulu iaitu lima tahun. Apabila digilirkan keluar daripada audit, rakan itu tidak boleh menjadi ahli pasukan yang terlibat atau menjadi rakan audit utama dalam pengambilan kerja itu selama dua tahun berturut-turut. Rakan utama dan penandatangan semasa PwC telah ditugaskan kepada kami selama lima tahun sejak audit tahunan Penyata Kewangan berkanun bagi TK2014. Dengan penerapan keputusan terkini oleh MIA, Jawatankuasa Audit telah bersetuju untuk melanjutkan rakan utama dan penandatangan semasa PwC untuk FGV untuk tahun berikutnya.

Penyerahan dan Pelaporan Audit

Setelah kelulusan yuran audit oleh Lembaga Pengarah, surat pelantikan juruaudit luaran hendaklah ditandatangani oleh GCFO. Penyerahan dan laporan daripada pengauditan Penyata Kewangan berkanun akan dikomunikasikan dan dipersetujui menerusi Pelan Audit Kumpulan secara tahunan pada suku ketiga setiap tahun kewangan. Surat perwakilan Pengurusan hendaklah dikeluarkan kepada juruaudit luaran apabila selesai audit berkanun bagi setiap syarikat di bawah kami.

Pengambilan Kerja Juruaudit Luaran untuk Khidmat Bukan Audit

Juruaudit luaran mungkin terlibat dalam pelaksanaan audit dibenarkan atau khidmat bukan audit seperti yang diperincikan dalam Dasar Juruaudit Luaran dengan syarat pengambilan kerja itu tidak menjejaskan kebebasan juruaudit luaran dalam pengauditan Penyata Kewangan berkanun. Dasar Juruaudit Luaran juga menyatakan larangan khidmat bukan audit yang tidak boleh melibatkan juruaudit luaran. Semua khidmat yang diberikan kepada juruaudit luaran hendaklah tertakluk pada penilaian dan pemantauan kebebasan. Pengambilan kerja untuk khidmat bukan audit yang dibenarkan hendaklah disemak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit sekiranya yuran tahunan untuk khidmat bukan audit melebihi 25% yuran tahunan untuk audit Penyata Kewangan berkanun Kumpulan. Laporan tentang pengambilan kerja juruaudit luaran untuk semua khidmat audit dan bukan audit yang lain berserta yuran untuk setiap pengambilan kerja hendaklah dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit setiap enam bulan atau jika dan apabila jumlah yuran khidmat bukan audit melebihi ambang 25%.

Yuran berbayar/perlu dibayar kepada juruaudit luaran, PwC, pada TK2019 adalah seperti yang berikut:

Yuran berbayar/perlu dibayar kepada PwC pada 2019	RM'000
Yuran Audit	
• PwC Malaysia	4,209
• Ahli firma PwC International Limited (PwCIL)	1,451
Yuran Berkaitan Audit	
• PwC Malaysia dan ahli firma PwCIL	1,488
Yuran bukan audit lain yang dibayar kepada PwC Malaysia dan ahli firma PwCIL	30
Jumlah	**7,178**

Penyingkiran Juruaudit Luaran

Sekiranya berlaku sebarang penyingkiran atau peletakan jawatan juruaudit luaran, Jawatankuasa Audit hendaklah menimbangkan permintaan dan alasan dalam penyingkiran atau peletakan jawatan itu untuk memberikan cadangannya kepada Lembaga Pengarah. Pemilihan juruaudit luaran baharu hendaklah dijalankan menerusi pelawaan proses perolehan tender tertutup tiga firma perakaunan teratas yang lain sejajar dengan Dasar dan Prosedur Perolehan normal kami. Penamatan itu hendaklah diluluskan oleh pemegang saham FGV dalam Mesyuarat Agung Tahunan berserta cadangan pelantikan juruaudit luaran baharu.

Berikutan penilaian yang dijalankan oleh Jawatankuasa Audit tentang prestasi PwC pada TK2019, Jawatankuasa Audit telah membuat kesimpulan bahawa PwC tetap sesuai untuk pelantikan sebagai juruaudit luaran dan mencadangkan pelantikan semula mereka pada TK2019.

Terkemas Kini tentang Maklumat Berkaitan

Juruaudit luaran mengemaskini ahli Jawatankuasa Audit tentang perubahan piawaian perakaunan dan isu berkaitan dengan laporan kewangan dalam mesyuarat suku tahunan.

AUDIT DALAMAN KUMPULAN

Audit Dalaman Kumpulan berfungsi secara bebas dan secara fungsi memberikan laporan langsung kepada Jawatankuasa Audit dan secara pentadbiran kepada GCEO. Tatacara Audit Dalaman Kumpulan menurut Piagam Audit Dalaman Kumpulan, yang dirumuskan selaras dengan kehendak Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa Institut Audit Dalaman dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit seperti yang disahkan menerusi Semakan Jaminan Kualiti yang dijalankan oleh Institut Juruaudit Dalaman Malaysia pada 2019.

Terdapat 59 orang juruaudit dalaman pada 31 Disember 2019 yang meliputi aktiviti Kumpulan yang diketuai oleh Zalily Mohamed Zaman Khan, Ketua Juruaudit Dalaman.

Juruaudit dalaman mempunyai campuran pengetahuan, kemahiran dan kecekapan secukupnya untuk melaksanakan pelan audit. Komposisi juruaudit dalaman dan status profesional yang sepadan adalah seperti yang berikut:

Status profesional	Peratusan Jumlah Juruaudit
Perakaunan profesional (ICAEW, CPA, ACCA, CA) atau Juruaudit Dalaman Bertauliah (CIA) atau pasca siswazah (MBA atau Sarjana)	14
Juruaudit IS Bertauliah (CISA)	7
Sarjana (Ijazah Sarjana Muda)	64
Siswazah mengikuti perakaunan profesional (ICAEW, CPA, ACCA, CA) atau CIA	13
Lain-lain (Diploma)	2
Jumlah	**100**

Senarai di atas termasuk 19 juruaudit dalaman (32%) yang merupakan ahli Institut Juruaudit Dalaman Malaysia. Jumlah kos yang ditanggung untuk Audit Dalaman Kumpulan bagi TK2019 ialah RM10.3 juta (TK2018: RM11.3 juta). Amaun ini terdiri daripada kos dan manfaat kakitangan, perbelanjaan perjalanan dan sistem pengurusan Audit Dalaman Kumpulan.

Peranan dan Fungsi

Audit Dalaman Kumpulan menyediakan khidmat jaminan kepada kami di dalam dan di luar negara yang meliputi semua operasi kami dengan kawalan pengurusan dan apabila rakan kongsi bersetuju untuk entiti kawalan bersama. Selain peranan jaminan, Audit Dalaman Kumpulan juga melaksanakan peranan perundingan dan penyiasatan. Dalam peranan perundingannya, Audit Dalaman Kumpulan memberikan nasihat tentang tadbir urus, risiko dan kawalan, semakan dasar dan prosedur, menyertai kumpulan kerja untuk memberikan input tentang penetapan dasar, pembangunan sistem dan beberapa inisiatif kami. Siasatan Audit dijalankan sekiranya terdapat tindakan yang tidak wajar, tidak sah dan tidak jujur berdasarkan permintaan Pengurusan atau Lembaga Pengarah.

Pembangunan Pelan Audit

Apabila Pelan Audit dirumuskan, pertimbangan diberikan daripada perspektif tadbir urus tentang pendekatan pengurusan keseluruhan syarikat pada peringkat Kumpulan (Pusat Korporat) dan dilatakan kepada Kluster Perniagaan dan akhirnya ke peringkat operasi. Pertimbangan lain adalah dari perspektif risiko yang memerlukan pengutamaan isu risiko tinggi semasa pembangunan Pelan Audit Dalaman Tahunan Kumpulan.

Berdasarkan penilaian ini, pemeringkatan keutamaan diberikan kepada setiap unit operasi untuk memenuhi pelaksanaan pelan audit selama tiga tahun. Pelan Audit tiga tahun ini disemak setiap tahun dan membentuk asas untuk merumuskan Pelan Audit Dalaman Tahunan Kumpulan. Sebaik sahaja bidang audit utama dirumuskan, pelan peruntukan kakitangan dan sumber, anggaran belanjawan dan kemajuan pembangunan kakitangan ditetapkan untuk menyokong Audit Dalaman Kumpulan. Pelan Audit Dalaman Tahunan Kumpulan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa Audit menyemak dan mencabar kecukupan skop audit, peruntukan sumber, set kemahiran keupayaan dan memberikan cadangan sebelum meluluskan Pelan Audit Dalaman Kumpulan. Sebarang cadangan Jawatankuasa Audit disertakan dalam Pelan Audit Dalaman Kumpulan. Sebaik sahaja Pelan Audit Dalaman Kumpulan dilaksanakan, Jawatankuasa Audit memastikan gerak balas dan kemantapan liputannya untuk mengambil kira perubahan tahap risiko dan kemunculan kebimbangan baharu. Sebarang perbezaan terhadap Pelan Audit Dalaman Kumpulan dibincangkan dan disahkan oleh Jawatankuasa Audit setiap suku tahun.

Untuk tahun 2020, Pelan Audit dirumuskan berdasarkan pendekatan audit baharu yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Audit dengan mengurangkan bilangan juruaudit dalaman yang diperlukan.

Pendekatan audit baharu adalah seperti yang berikut:

a. Untuk meningkatkan fokus keseluruhan kami dan semakan audit tematik:
b. Audit rutin akan dibuat secara selektif tertakluk kepada penilaian risiko;
c. Melakukan tindakan lanjut berdasarkan penilaian risiko dan penilaian laporan audit;
d. Untuk menggunakan lebih banyak analisis data dalam kerja audit; dan
e. Untuk memperkenalkan Penilaian Kawalan Kendiri (CSA) sebagai alat untuk operasi pengauditan.

Laporan Audit Dalaman

Semua laporan Audit Dalaman Kumpulan dikeluarkan terus kepada Jawatankuasa Audit dengan salinan kepada Pengurusan yang berkaitan untuk tindakan mereka. Pada setiap suku tahun, Jawatankuasa Audit dibentangkan dengan laporan kemajuan dapatan audit, cadangan dan pelaksanaan tindakan pembetulan oleh Pengurusan. Sebarang permasalahan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Audit harus ditangani oleh Audit Dalaman Kumpulan. Jawatankuasa Audit mengambil tindakan lanjut untuk sebarang perkara yang tidak dapat diselesaikan sebagai sebahagian agenda dalam mesyuarat akan datang.

Objektif dan Kebebasan Audit Dalaman Kumpulan

Ketua Juruaudit Dalaman membuat perakuan keobjektifan dan kebebasan Audit Dalaman Kumpulan kepada Jawatankuasa Audit dalam Pelan Audit Dalaman Tahunan Kumpulan. Audit Dalaman Kumpulan melakukan kaji selidik tentang hubungan juruauditnya dua tahun sekali dan memastikan bahawa penggiliran juruaudit dalaman tidak akan menjejaskan keobjektifan dan kebebasan.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

RINGKASAN PELAKSANAAN KERJA OLEH AUDIT DALAMAN KUMPULAN PADA 2019

URUSAN UTAMA	PERKARA YANG DIAMBIL KIRA
Jaminan	Kerja jaminan pada 2019 tertumpu pada imbangan tadbir urus, risiko dan kawalan pada peringkat pusat korporat dan peringkat operasi perniagaan. Pada peringkat pusat korporat, fokusnya adalah untuk menggalakkan amalan terbaik dalam bidang utama berikut: • Proses tadbir urus dan pengurusan risiko ke arah peningkatan amalan dan budaya tadbir urus dan pengurusan risiko secara am. • Proses pengurusan kewangan, terutamanya kawalan kewangan dan perakaunan, kawalan kredit dan proses kutipan, kecekapan pembayaran dan pengurusan aliran tunai. • Semakan urus niaga berulang pihak berkaitan bertujuan untuk memberikan nasihat kepada Jawatankuasa Audit tentang pematuhan Kumpulan terhadap Dasar Urus Niaga Pihak Berkaitan dan Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan. • Pengurusan pensijilan kelestarian. • Tadbir urus dan kawalan Teknologi Maklumat (IT) yang merangkumi keselamatan, pembangunan sistem, integriti data dan kecekapan operasi. Pada peringkat operasi perniagaan termasuk operasi luar negara, skop audit utama tertumpu pada kawalan kewangan, pengurusan belum terima dan jualan, pengurusan kontrak dan perolehan, pengurusan aset dan inventori, penghantaran perkhidmatan atau produksi, dagangan, operasi pukal, operasi keselamatan dan Teknologi Maklumat (IT). Untuk Kluster Perniagaan utama kami, iaitu Huluan, skop audit utama tertumpu kepada kawalan kewangan, perolehan, operasi, pembelian buah tandan segar, mekanisasi dan pengurusan tenaga kerja.
Perundingan	Audit Dalaman Kumpulan memainkan peranan aktif untuk memberikan nasihat kepada kami tentang pelbagai perkara. Pada 2019, peranan ini dilaksanakan menerusi platform berikut: • Jawatankuasa Pemandu Projek IT dan Jawatankuasa Kerja bermesyuarat untuk memberikan panduan tentang pengurusan projek IT dan proses pembangunan atau pelaksanaan sistem. • Menyertai pembangunan dasar kerja dan menyemak dokumen draf. Tumpuan maklum balas Audit Dalaman Kumpulan terhadap dokumen adalah daripada segi pematuhan terhadap sebarang keperluan pengawalseliaan, menggabungkan amalan terbaik secara praktikal, meningkatkan tadbir urus dan pengurusan risiko.
Siasatan	Audit Dalaman Kumpulan telah menjalankan audit penyiasatan berdasarkan permintaan dan maklumat daripada Pengurusan, Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit. Hasil siasatan dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah. Cadangan dan resolusi yang timbul daripada laporan siasatan yang dibentangkan telah disampaikan kepada Pengurusan untuk pelaksanaan sewajarnya. Sepanjang tahun ini, Audit Dalaman Kumpulan menjalankan beberapa kerja penyiasatan dan semakan khas. Semakan khas mengenalpasti pembaikan dalam bidang berikut: • Pengurusan hasil dan belum terima. • Pengurusan saham. • Pengurusan perolehan. • Pengurusan projek. • Pengurusan data.

PENILAIAN PRESTASI

Pada tahun kewangan, Lembaga Pengarah menilai prestasi Jawatankuasa Audit dan sejauh mana Jawatankuasa Audit memenuhi keperluan Bidang Tugasnya, termasuk tempoh pegang jawatan dan prestasi Jawatankuasa Audit dan setiap ahlinya. Penilaian prestasi ini merupakan sebahagian daripada penilaian tahunan keberkesanan Lembaga Pengarah, berkaitan dengan penilaian Jawatankuasa Pengarah.

Laporan ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang diluluskan pada 17 April 2020.

LAPORAN JAWATANKUASA TADBIR URUS & PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA

Tanggungjawab Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga adalah seperti berikut:

- Berhubung dengan tadbir urus, etika dan integriti:
  - Untuk mengarahkan dan menyelia perumusan rangka kerja tadbir urus kami dengan tujuan untuk memupuk kesedaran etika dan tadbir urus selaras dengan kecenderungan risiko Lembaga Pengarah, berpandukan saranan MCCG 2017.
  - Untuk mengarahkan dan menyelia perumusan dasar dan program kami untuk menyokong pelaksanaan rangka kerja tadbir urus kami dan mengesahkan rangka tindakan dan dasar untuk kelulusan Lembaga Pengarah.
  - Untuk menyemak laporan tentang status dan ketersediaan prosedur berkaitan oleh operasi dan anak syarikat kami dalam pelaksanaan dasar kami.
  - Untuk memantau status dan kemajuan perumusan dan pelaksanaan rangka kerja tadbir urus berkaitan, rangka tindakan dan dasar; dan sewajarnya melaporkan status kepada Lembaga Pengarah untuk mencadangkan kelulusan dan/atau pindaan rangka kerja, rangka tindakan dan dasar kami.
- Berhubung dengan pengurusan risiko:
  - Untuk mengarahkan dan menyelia perumusan rangka kerja dan strategi keseluruhan pengurusan risiko kami, termasuk dasar, prosedur, sistem, keupayaan dan parameter untuk mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko dalam memastikan kaitan dan kesesuaiannya dengan kedudukan dan perniagaan kami.
  - Untuk memberikan nasihat dan laporan kepada Lembaga Pengarah, keseluruhan kecenderungan risiko perniagaan, toleransi dan strategi dalam menguruskan risiko perniagaan.
  - Untuk melaporkan kepada Lembaga Pengarah risiko perniagaan utama dan mendapatkan kelulusannya terhadap pengurusan risiko perniagaan utama yang sejajar dengan kecenderungan risiko kami.
  - Untuk memantau keberkesanan dan kemajuan pengurusan risiko perniagaan utama dan sewajarnya melaporkan status risiko perniagaan utama kepada Lembaga Pengarah.
  - Untuk mencadangkan kelulusan dan/atau pindaan kepada rangka kerja dan strategi pengurusan risiko kami, termasuk dasar, prosedur, sistem, keupayaan dan parameter yang berkaitan kepada Lembaga Pengarah.
- Berhubung dengan kelestarian:
  - Untuk mengarahkan dan menyelia perumusan strategi dan inisiatif kelestarian keseluruhan kami, termasuk prinsip dan dasar yang selaras dengan peraturan berkaitan, memantau pelaksanaan strategi dan inisiatif kelestarian keseluruhan yang diluluskan kami, termasuk prinsip dan dasar dan menyemak sebarang Laporan Kelestarian atau Penyata Kelestarian atau maklumat yang memberikan impak kewangan dan/atau reputasi utama kepada kami, untuk diterbitkan secara terbuka oleh kami atau disertakan dalam Laporan Bersepadu Tahunan Syarikat.
  - Untuk diterbitkan secara terbuka oleh kami atau dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan Bersepadu Syarikat.

Butiran lanjut tentang Bidang Tugas Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga boleh didapati dalam laman web kami, www.fgvholdings.com

RINGKASAN KERJA JAWATANKUASA TADBIR URUS & PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA

Pada 2019, Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga melakukan aktiviti utama berikut dalam melaksanakan tanggungjawabnya:

URUSAN UTAMA	PERKARA YANG DIAMBIL KIRA
Tadbir Urus, Etika dan Integriti	a. Menerima kemas kini tentang isu pematuhan integriti. b. Menerima kemas kini tentang status pematuhan terhadap MCCG 2017. c. Mengesyorkan Manual Sistem Pengurusan Anti Rasuah dan Pelan Anti Rasuah yang dicadangkan. d. Mengesyorkan cadangan penyusunan semula Piagam Lembaga Pengarah, Bidang Tugas Jawatankuasa Lembaga, Dasar dan Prosedur Penamaan dan Pemilihan Lembaga Pengarah FGV, Dasar Imbuhan Lembaga Pengarah, Dasar Modal Insan Kumpulan, Dasar Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kumpulan, Dasar Perdagangan Komoditi Kumpulan, Dasar Tanggungjawab Korporat, Dasar Penajaan dan Sumbangan, Dasar Pengiklanan & Promosi, Dasar Pengurusan Acara, Dasar dan Prosedur Kewangan dan Dasar Perolehan Kumpulan. e. Mengesyorkan cadangan penubuhan Had Kuasa Kumpulan, Dasar Tadbir Urus dan Prosedur FGV, Pelan Tindakan Tadbir Urus Korporat Dan Integriti Perniagaan FGV, Rangka Tadbir Urus dan Integriti, Dasar Konflik Kepentingan, Dasar Rujukan, Dasar Pengurusan Dokumen Sulit dan Bidang Tugas Panel Penasihat Bebas. f. Menerima laporan mengenai aktiviti tadbir urus yang dirancang untuk tahun ini dan inisiatif yang sudah diselesaikan.

LAPORAN JAWATANKUASA TADBIR URUS & PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA

URUSAN UTAMA	PERKARA YANG DIAMBIL KIRA
Pengurusan Risiko	a. Menilai dan membincangkan status risiko kami menerusi Laporan Risiko Suku Tahunan Kumpulan FGV yang merangkumi 10 risiko teratas kami, Penyata Kecenderungan Risiko (RAS), risiko utama di luar daftar risiko, serta risiko projek, risiko baharu muncul dan risiko reputasi. Laporan ini memastikan Lembaga Pengarah sentiasa dimaklumkan tentang lingkungan risiko, risiko penting yang memerlukan tambahan perhatian serta profil dan prospek risiko lazim bagi kami. b. Mengesyorkan templat tertingkat penilaian risiko projek untuk memudahkan penilaian risiko cadangan pelaburan yang menjalinkan proses pengurusan risiko sewajarnya sebagai sebahagian daripada pembuatan keputusan untuk projek utama, pelaburan serta penggabungan dan pengambilalihan. c. Mengesyorkan cadangan pengembangan Penyata Kecenderungan Risiko Kumpulan FGV. d. Mendapat kemas kini mengenai hasil Analisis Senario Risiko. e. Menerima laporan mengenai aktiviti pengurusan risiko yang dirancang untuk tahun ini dan menyelesaikan inisiatif.
Kelestarian	a. Menerima kemas kini perkara kelestarian. b. Mengesyorkan cadangan semakan semula Dasar Kelestarian Kumpulan. c. Mempertimbangkan Rangka Kelestarian Kumpulan 2020-2022 yang dicadangkan. d. Menerima laporan mengenai kebolehkesanan sumber buah tandan segar.
Menyemak Penyata yang Disertakan dalam Laporan Bersepadu Tahunan Syarikat 2018	a. Menyemak Laporan Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga, Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman, CGOS dan Penyata Kelestarian untuk disertakan dalam Laporan Bersepadu Tahunan Syarikat 2018 dan mencadangkan kelulusannya oleh Lembaga Pengarah. Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman telah dikaji semula yang mencerminkan laporan juruaudit luaran dan dalaman mengenai risiko dan persekitaran kawalan kami dan perkara-perkara yang berkaitan yang telah dibawa ke Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga semasa tahun kewangan.

URUSAN UTAMA DILAPORKAN KEPADA LEMBAGA PENGARAH

Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga mengemas kini Lembaga Pengarah tentang perkara yang dianggap paling penting dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga serta cadangannya. Salinan minit yang disahkan bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga telah diedarkan kepada Lembaga Pengarah untuk makluman dalam mesyuarat Lembaga Pengarah seterusnya. Antara perkara penting yang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga pada 2019 adalah seperti yang berikut:

Urusan Utama	Kaedah Perkara Ini Ditangani oleh Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga	Hasil daripada Proses yang Dilaksanakan
Laporan Risiko Suku Tahunan Kumpulan FGV	• Membincangkan risiko utama yang dilaporkan dalam Laporan Risiko Suku Tahunan Kumpulan FGV • Senario risiko Kumpulan FGV diringkaskan sebagai: a. Penyataan Kecenderungan Risiko b. Daftar Risiko - 10 Risiko dan Mitigasi Teratas Kumpulan FGV c. Risiko Utama Di Luar Daftar Risiko d. Kejadian Utama Dilaporkan dan Kemaskini BCM	• Maklum balas tersebut selalu dikongsi dengan Pengurusan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pelaporan Risiko Bahagian yang diadakan sekurang-kurangnya dua kali setiap suku tahun untuk membantu perniagaan mengurangkan risiko mereka. • Disimpulkan bahawa untuk tahun 2019, Profil Risiko untuk Kumpulan FGV adalah sederhana.

LAPORAN JAWATANKUASA TADBIR URUS & PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA

Urusan Utama	Kaedah Perkara Ini Ditangani oleh Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga	Hasil daripada Proses yang Dilaksanakan
Analisis Senario Risiko	• Berkonsepkan pelan mitigasi yang diusulkan pada senario yang telah dipertimbangkan dan diakui sebelumnya: a. Senario 1 - Penurunan Harga CPO yang berpanjangan b. Senario 2 - Cuaca Buruk (El Nino) c. Senario 3 - Krisis Ekonomi • Tahap potensi pendedahan risiko kepada kami yang timbul daripada pelaksanaan ini. • Penglibatan yang disarankan dengan sektor perniagaan yang terlibat dalam tindakan mitigasi untuk menangani risiko yang berkaitan dengan senario.	• Beberapa batasan dikesan dalam melaksanakan kajian. • Sebuah siri mesyuarat dalaman antara Risiko Kumpulan dan sektor perniagaan masing-masing dan jabatan yang berkaitan yang terkesan dengan senario yang diadakan untuk membincangkan pelan mitigasi yang bertujuan untuk memastikan ketahanan FGV terhadap senario tersebut.
Penyata Kecenderungan Risiko (RAS) Kumpulan FGV	• Meluluskan dan memandu perkembangan RAS untuk menggambarkan profil risiko sebenar Kumpulan FGV. Pemacu risiko dan indikator risiko utama yang berkaitan dicadangkan untuk menjadi kewangan, operasi, cuaca dan pasaran. • Mengkaji dan membimbing pembangunan Pemantau Profil Risiko FGV yang menyediakan skop pemacu risiko yang lebih luas merangkumi bidang seperti ekonomi, isu strategik dan global.	• Untuk memastikan kerelevanan dan penerapan RAS yang berlanjutan untuk berfungsi sebagai alat profil risiko yang baik dan mencerminkan profil risiko keseluruhan Kumpulan, Tadbir Urus Kumpulan & Pengurusan Risiko memulakan inisiatif ini untuk merombak dan memperbaiki RAS Kumpulan yang sedia ada. Pemantau Profil Risiko FGV adalah sebahagian daripada rombakan yang disasarkan untuk lebih mencerminkan Profil Risiko Kumpulan dengan menyediakan skop pemacu risiko yang lebih luas merangkumi bidang seperti ekonomi, isu-isu strategik dan global.
Pelan Anti Rasuah Organisasi	• Disarankan untuk mendapat kelulusan lebih lanjut daripada Lembaga Pengarah untuk pembangunan OACP untuk menggantikan Pelan Pembangunan Tadbir Urus Korporat & Perniagaan FGV.	• Semakan dan peningkatan rangka tindakan ke dalam OACP akan meluaskan liputan pelan tindakan dengan mengenalpasti skema rasuah dengan berkesan, menggunakan pendekatan CRM.
Manual Pensijilan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS)	• Disyorkan untuk mendapat kelulusan lebih lanjut daripada Lembaga Pengarah untuk Manual ABMS yang dibangunkan dengan mempertimbangkan keperluan yang dinyatakan dalam ISO 37001: 2016.	• Manual ini merupakan panduan bagi Kumpulan FGV untuk mewujudkan, melaksanakan, menyelenggara, mengkaji dan memperbaiki sistem pengurusan anti rasuah.
Dasar Kumpulan	• Memberikan cadangan tentang semakan dasar kami melibatkan tadbir urus, risiko dan kawalan untuk kelulusan Lembaga Pengarah.	• Mengesyorkan cadangan penyusunan semula Piagam Lembaga Pengarah, Bidang Tugas Jawatankuasa Lembaga, Dasar dan Prosedur Penamaan dan Pemilihan Lembaga Pengarah FGV, Dasar Imbuhan Lembaga, Dasar Modal Insan Kumpulan, Dasar Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kumpulan, Dasar Kelestarian Kumpulan, Dasar Dagangan Komoditi Kumpulan, Dasar Tanggungjawab Korporat, Dasar Penajaan dan Sumbangan, Dasar Pengiklanan & Promosi, Dasar Pengurusan Acara, Piagam Audit Dalaman Kumpulan, Dasar dan Prosedur Kewangan dan Dasar Perolehan Kumpulan. • Mengesyorkan cadangan penubuhan Had Kuasa Kumpulan, Dasar dan Prosedur, Tadbir Urus FGV, Pelan Tindakan Tadbir Urus Korporat Dan Integriti Perniagaan FGV, Rangka Tadbir Urus & Integriti, Dasar Konflik Kepentingan, Dasar Rujukan, Dasar Pengurusan Dokumen Sulit dan Bidang Tugas Panel Penasihat Bebas.

TADBIR URUS DI FGV:
KEBERTANGGUNGJAWABAN

LAPORAN JAWATANKUASA TADBIR URUS & PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA

Urusan Utama	Kaedah Perkara Ini Ditangani oleh Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga	Hasil daripada Proses yang Dilaksanakan
Pensijilan RSPO dan MSPO	• Memaklumkan ketidakpatuhan dalam unit operasi dan mencadangkan pendekatan praktikal dalam pemulihan yang dicadangkan untuk menangani isu yang boleh menjejaskan langkah pensijilan. • Operasi perladangan dan kilang kelapa sawit berpandukan pematuhan RSPO terhadap P&C 2019 baharu. • Penyelidikan mengenai piawaian tenaga kerja yang boleh digunakan.	• Kelancaran proses pensijilan RSPO dan MSPO • Mampu memenuhi syarat P&C yang baharu. • Untuk memberikan kejelasan dan keseragaman pada piawaian buruh yang boleh digunakan di seluruh operasi FGV.
Pengurusan Tanah Gambut	• Perintah Berhenti Kerja untuk pengembangan tanah gambut baharu masih berlaku dan masyarakat setempat masih sabar menunggu PT CNP & PT TAA untuk membangunkan kawasan Plasma untuk kepentingan masyarakat setempat.	• Dengan komitmen FGV untuk membuat penanaman baharu di tanah gambut, pihak Pengurusan mempertimbangkan untuk menanam kombinasi tanaman jangka panjang dan tanaman jangka pendek untuk memberikan pulangan segera kepada pekebun kecil Plasma. Selanjutnya, dengan Penilaian *Drainability* diwajibkan oleh kerajaan tempatan (untuk menentukan kemampuan penanaman kembali di ladang kelapa sawit yang sedia ada di tanah gambut seperti yang disyaratkan dalam RSPO P&C 2018), FGV sedang menunggu Laporan Penilaian *Drainability* dari Kementerian Lingkungan Hidup & Kehutanan Republik Indonesia (KLHK) untuk membimbing dalam mengenalpasti tanaman yang sesuai untuk ditanam di kawasan gambut.
Kebolehkesanan sumber Buah Tandan Segar (BTS)	• Komitmen FGV adalah untuk mengesan dan melakukan penilaian risiko kelestarian untuk BTS yang bersumberkan kepada kilang kami dan mengurangkan risikonya. Sasarannya adalah untuk merangkumi 50% bekalan BTS luaran pada tahun 2019 dan 25% lagi untuk masing-masing tahun 2020 dan 2021. • FGV, bersama dengan Institut Inovasi Rantaian Bekalan Malaysia (MISI) dan MIMOS, dengan sokongan P&G, telah hadir dengan program pengesanan dan pemetaan risiko yang bertujuan untuk mengenalpasti pembekal dan menyokong mereka dalam menangani ketidakpatuhan kelestarian.	• 12 wakil jualan teratas telah terlibat untuk berkomunikasi dan memasyarakatkan komitmen FGV terhadap NDPE dan Dasar Kelestarian Kumpulan. • Pada bahagian pertama 2019, 72 pusat pengumpulan milik tiga peniaga terkemuka dianalisis untuk risiko kelestarian. Pembekal berisiko tinggi akan diberi keutamaan untuk penglibatan selanjutnya untuk mengesahkan risiko kelestarian sebenar yang berkaitan dengan mereka.

PENILAIAN PRESTASI

Pada tahun kewangan, Lembaga Pengarah menilai prestasi Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga dan takat pencapaian Bidang Tugas Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga, termasuk tempoh pegang jawatan dan prestasi Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga dan setiap ahli. Penilaian prestasi ini merupakan sebahagian daripada penilaian tahunan keberkesanan Lembaga Pengarah, berkaitan dengan penilaian Jawatankuasa Lembaga.

Laporan ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang diluluskan pada 17 April 2020.

TADBIR URUS DI FGV: IMBUHAN

IMBUHAN SAKSAMA DAN DIPERTIMBANGKAN

IMBUHAN PENGARAH

Atas cadangan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan, Lembaga Pengarah menyemak semula Dasar Imbuhan Lembaga Pengarah pada 18 Oktober 2019 dengan mengurangkan 50% yuran Pengerusi Bukan Eksekutif (dari RM600,000 setahun kepada RM300,000 setahun) bersama dengan manfaat lain berkuatkuasa dari tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018. Bayaran untuk Pengarah Bukan Eksekutif tidak berubah. Oleh kerana kedudukan Pengerusi Bukan Eksekutif dicalonkan oleh Pemegang Saham Khusus, ianya telah dimaklumkan tentang struktur biaya Pengerusi Bukan Eksekutif yang telah disemak. Struktur yuran dan struktur imbuhan yang disemak kemudiannya diluluskan oleh para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa Syarikat pada 27 November 2019. Lembaga Pengarah, setelah mendapat cadangan oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan selanjutnya menyemak semula Dasar Imbuhan Lembaga Pengarah pada 28 Februari 2020 dengan menambahkan peruntukan untuk elaun bulanan untuk Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif. Syarikat akan meminta persetujuan pemegang sahamnya mengenai cadangan elaun bulanan untuk Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif.

RINGKASAN DASAR IMBUHAN PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF

Pakej imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif mencerminkan pengalaman, kepakaran dan tahap tanggungjawab yang digalas oleh Pengarah Bukan Eksekutif. Imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif termasuk yuran, manfaat barangan dan manfaat lain termasuk elaun mesyuarat.

Sktruktur yuran para Pengarah Bukan Eksekutif disenaraikan di bawah:

LEMBAGA PENGARAH/ JAWATANKUASA LEMBAGA	YURAN TAHUNAN
Lembaga Pengarah	- RM300,000.00 (Pengerusi) - RM120,000.00 (Pengarah Bukan Eksekutif)
Jawatankuasa Audit	- RM64,000.00 (Pengerusi) - RM32,000.00 (Pengarah Bukan Eksekutif)
Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan	- RM35,000.00 (Pengerusi) - RM20,000.00 (Pengarah Bukan Eksekutif)
Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga	- RM32,000.00 (Pengerusi) - RM16,000.00 (Pengarah Bukan Eksekutif)
Jawatankuasa Pelaburan	- RM32,000.00 (Pengerusi) - RM16,000.00 (Pengarah Bukan Eksekutif)
Jawatankuasa Tender Lembaga	- RM32,000.00 (Pengerusi) - RM16,000.00 (Pengarah Bukan Eksekutif)
Jawatankuasa Khas Lembaga 1	- RM36,000.00 (Pengerusi) - RM24,000.00 (Pengarah Bukan Eksekutif)

Butiran manfaat Pengarah Bukan Eksekutif menurut struktur imbuhan (tidak termasuk yuran tahunan Pengarah) dinyatakan di bawah:

ELAUN MESYUARAT

Pengerusi Bukan Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif

- Tempatan: RM2,000.00
- Luar Negara (Waktu penerbangan<=8 jam): RM2,000.00
- Luar Negara (Waktu penerbangan>8 jam): RM5,000.00
- Telesidang: RM1,000.00

MANFAAT LAIN

Pengerusi Bukan Eksekutif

- Elaun kereta syarikat (RM15,000.00 sebulan termasuk petrol, bayaran tol dan penyelenggaraan kereta)
- Pemandu (sebenar)
- Keahlian kelab (RM10,000.00 setahun)
- Bil telefon bimbit (sebenar)
- Hiburan peribadi (RM24,000.00 setahun)
- Seorang (1) pengawal peribadi yang boleh dipilih oleh Pengerusi di Malaysia (sebenar)
- Perlindungan perubatan RM100,000.00 setahun
- Perlindungan insurans Kemalangan Diri Berkelompok sebanyak RM200,000.00 setahun

Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif

- Elaun (RM3,000.00 sebulan)
- Perlindungan perubatan RM100,000.00 setiap tahun
- Perlindungan Insurans Kemalangan Diri Berkelompok sebanyak RM200,000.00 setahun

Pengarah Bukan Eksekutif

- Perlindungan perubatan RM100,000.00 setahun
- Perlindungan insurans Kemalangan Diri Berkelompok sebanyak RM200,000.00 setiap tahun

TADBIR URUS KAMI

TADBIR URUS DI FGV: IMBUHAN

TADBIR URUS DI FGV: IMBUHAN

Imbuhan Pengarah bagi TK2019 secara agregat daripada FGV dan Kumpulan, dengan pengkategorian mengikut komponen, membezakan Pengarah Eksekutif dengan Bukan Eksekutif, dinyatakan di bawah:

Nama Pengarah	Gaji (RM)	Bonus (RM)	Gratuiti Tamat Khidmat (RM)	Yuran Tahunan [1]							Yuran Tahunan Daripada Anak Syarikat (RM)	Faedah Berbentuk Benda (RM)	Faedah Lain (RM)	Jumlah (RM)
				Lembaga Pengarah (RM)	Jawatankuasa Audit (RM)	Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan (RM)	Jawatankuasa Pelaburan (RM)	Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga (RM)	Jawatankuasa Tender Lembaga (RM)	Jawatankuasa Khas Lembaga 1 (RM)				
Pengarah Bukan Eksekutif dan Bukan Bebas														
Datuk Wira Azhar Abdul Hamid	-	-	-	300,000	-	-	-	-	-	-	315,000	133,100	221,000	969,100
Mohd Hassan Ahmad	-	-	-	120,000	32,000	-	-	-	16,000	24,000	-	968	53,000	245,968
Dato' Dr. Noor Zari Hamat[2]	-	-	-	53,260	-	8,877	-	7,101	-	-	-	968	12,000	82,206
Dato' Dr. Othman Haji Omar	-	-	-	120,000	-	-	16,000	-	-	-	-	968	34,000	170,968
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas														
Dato' Yusli Mohamed Yusoff	-	-	-	120,000	-	35,000	7,452	32,000	-	-	-	968	60,000	255,420
Datuk Mohd Anwar Yahya	-	-	-	120,000	64,000	-	-	-	7,452	36,000	-	968	54,000	282,420
Datin Hoi Lai Ping	-	-	-	120,000	32,000	9,315	23,452	-	-	-	-	968	63,000	248,735
Dr. Mohamed Nazeeb P.Alithambi	-	-	-	120,000	-	-	16,000	-	32,000	24,000	-	1,302	60,000	253,302
Dr. Nesadurai Kalanithi	-	-	-	120,000	-	9,315	-	7,452	-	24,000	-	968	43,000	204,735
Dato' Mohamed Suffian Awang[3]	-	-	-	57,863	-	9,644	15,430	-	7,715	-	-	968	31,000	122,620
Datuk Dr. Salmiah Ahmad[4]	-	-	-	111,452	12,625	493	-	14,860	5,962	-	-	968	48,000	194,360
Jumlah	**-**	**-**	**-**	**1,362,575**	**140,625**	**72,644**	**78,334**	**61,413**	**69,129**	**108,000**	**315,000**	**143,120**	**679,000**	**3,029,840**

Nota:

1 Yuran tahunan tidak termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

2. Dato' Dr. Noor Zari Hamat dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas pada 23 Julai 2019. Beliau berhenti menjadi Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas pada 22 Januari 2020.

3. Dato' Mohamed Suffian Awang bersara sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas pada 25 Jun 2019.

4. Datuk Dr. Salmiah Ahmad meletak jawatan sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas pada 5 Disember 2019.

TADBIR URUS DI FGV:
IMBUHAN

DASAR IMBUHAN PENGURUSAN KANAN

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan menyemak rangka kerja imbuhan Pengurusan Kanan setiap tahun. Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan mengambil kira prestasi Syarikat untuk memastikan kemapanan pakej imbuhan dalam jangka masa panjang. Struktur imbuhan FGV terdiri daripada imbuhan tetap dan berubah yang diukur rujuk berbanding dengan industri untuk menjamin keselarasan dan daya saing imbuhan.

Struktur imbuhan berikut berkuatkuasa sejak 2016. Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan berkeputusan untuk tidak membuat sebarang perubahan dalam rangka kerja bagi 2019.



Lembaga Pengarah bertanggungjawab menilai prestasi individu GCEO, Setiausaha Syarikat dan Ketua Juruaudit Dalaman. Prestasi Pengurusan Kanan lain dinilai oleh GCEO.

Secara umum, Bonus Prestasi Pengurusan Kanan ditentukan berdasarkan Kumpulan, Sektor, Kluster atau Bahagian dan prestasi individu. Pewajaran individu setiap faktor berbeza antara kumpulan kakitangan bergantung pada kebertanggungjawaban kakitangan dan garis pengawasan. Disebabkan keputusan kewangan yang tidak memberangsangkan bagi tahun 2018, Pengurusan memutuskan untuk tidak mencadangkan Bonus Prestasi kepada pekerja.

LTIP, berdasarkan mekanisme yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah kami pada Februari 2016, dan peletakan hak saham, yang dijangkakan dalam tiga tahun berdasarkan nisbah 30:30:40, bergantung pada tahap prestasi pekerja. Sebanyak 2.39 juta saham diletak di bawah LTIP kepada pekerja yang layak pada tahun 2019. Namun, kerana keputusan kewangan yang buruk untuk tahun 2018, Pengurusan memutuskan untuk tidak memberikan LTIP kepada pekerja.

Lembaga Pengarah juga mengkaji pegawai Pengurusan Kanan FGV yang Kontrak Kerja Jangka Tetap dijadualkan untuk pembaharuan dan/atau kenaikan pangkat pada tahun 2019.

IMBUHAN PENGURUSAN KANAN 5 TERATAS BAGI TK2019

Nama Pengurusan Kanan	Julat Imbuhan Setahun
Dato' Haris Fadzilah Hassan *(Dilantik sebagai GCEO bermula 23 Januari 2019)*	RM1,550,001 hingga RM1,600,000
Dato' Mohd Hairul Abdul Hamid *Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan*	RM1,200,001 hingga RM1,250,000
Syed Mahdhar Syed Hussain *Ketua Pegawai Operasi, Sektor Perladangan*	RM950,001 hingga RM1,000,000
Dato' Khairil Anuar Aziz *Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, MSM Malaysia Holdings Berhad*	RM950,001 hingga RM1,000,000
Azman Ahmad *Ketua Pegawai Operasi, Sektor Logistik & Lain-lain.*	RM850,001 hingga RM900,000

Imbuhan ini termasuk gaji, bonus, faedah berbentuk benda dan emolumen lain.

TADBIR URUS DI FGV:
HUBUNGAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN KAMI

BERKOMUNIKASI DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN KAMI

PENDEKATAN KAMI

FGV tetap teguh dalam komitmennya untuk memastikan semua pihak berkepentingan mengikuti perkembangan kami, dan juga untuk menyampaikan strategi kami yang membantu mewujudkan nilai.

Kami telah melaksanakan program komprehensif yang dikendalikan oleh pasukan Perhubungan Pelabur kami yang berusaha untuk mengekalkan dan mewujudkan dialog yang telus dan berterusan dengan para pemegang saham dan komuniti pelaburan. Ini disokong oleh Dasar Komunikasi Pemegang Saham FGV. Kami menjawab pertanyaan setiap hari dan telah menyediakan bahagian khusus dalam laman web kami yang memaparkan maklumat terkini, berkaitan dan penting yang boleh didedahkan.

Semua hasil kewangan dan pembentangan korporat kami juga terdapat dalam laman web kami di www.fgvholdings.com.

Dasar Pendedahan Korporat FGV menyediakan rangka kerja dan garis panduan yang sesuai untuk mentadbir penyiaran maklumat material dan sensitif supaya tidak mengelirukan pihak awam dan pemegang saham. Sebagai contoh, kami tidak akan mendedahkan maklumat yang sensitif harga atau yang boleh dianggap sebagai maklumat penting yang tidak diketahui sehingga maklumat tersebut telah didedahkan dengan betul ke domain awam.

MESYUARAT PELABUR

Kami mengadakan mesyuarat dengan pelabur institusi utama, kumpulan pemegang saham individu dan penganalisis kewangan untuk berkongsi dan membincangkan prestasi perniagaan kami dan pelan strategiknya. Sesi ini telah dihadiri oleh GCEO, beberapa ahli Pengurusan Atasan dan pasukan Perhubungan Pelabur. Pelabur institusi juga bertemu dengan Pengerusi mengikut keperluan.

PERHUBUNGAN PELABUR

Pertanyaan pelabur boleh diposkan ke alamat berikut, dan maklumat lanjut Perhubungan Pelabur terdapat di muka surat 6 laporan ini.

Fairul Nizam Che Rus
Ketua Perhubungan Pelabur
Tingkat 20, Wisma FGV
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia.

Kalendar Perhubungan Pelabur yang terperinci untuk tahun 2019 boleh didapati di laman web FGV di www.fgvholdings.com di bawah bahagian Perhubungan Pelabur.

INTERAKSI DENGAN PEMEGANG SAHAM

FGV melakukan interaksi dengan pelbagai kumpulan pemegang sahamnya melalui pelbagai saluran. Butiran usaha-usaha tersebut boleh didapati di bahagian Interaksi Pihak Berkepentingan di bawah Modal Sosial & Perhubungan di muka surat 74-75 laporan ini.

KALENDAR HUBUNGAN PELABUR

Berikut adalah kalendar acara pelabur kami sepanjang tahun 2019.



TADBIR URUS DI FGV:
HUBUNGAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN KAMI

BERKOMUNIKASI DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN KAMI

RINGKASAN KEPENTINGAN PELABUR

Hasil daripada pelbagai penglibatan yang dilakukan sepanjang tahun 2019, Perhubungan Pelabur mengenal pasti kerisauan utama pihak berkepentingan yang diringkaskan seperti di bawah:

URUSAN UTAMA	RESPON FGV
Operasi	1. Penggunaan baja yang lebih bijak dengan mengutamakan peningkatan kesuburan tanah untuk pengoptimuman kos. 2. Mencapai 85% keperluan tenaga kerja, yang dipengaruhi oleh masalah tenaga kerja melarikan diri (*abscondment*). Memperkenalkan inisiatif 3R (*Recruit* (Rekrut), *Retain* (Kekal), *Repatriation* (Repatriasi)) dan salah satu strategi pengekalan adalah dengan penggunaan *e-wallet* untuk pekerja migran. 3. Penanaman semula yang disasarkan seluas 15,000 Ha setahun dengan kos peruntukan sebanyak RM300 juta. Usaha penanaman semula secara konsisten untuk mencapai profil usia pokok sawit yang optimum menjelang 2026. 4. Penjualan hadapan CPO dihadkan pada 30% berdasarkan BTS yang dihasilkan secara dalaman.
Prestasi kewangan	1. Ketirisan kewangan dalam sektor tertentu telah dikenalpasti dan penjimatan yang signifikan telah dicapai, sebahagian besar daripada proses yang diperbaiki dan strategi perundingan. 2. Rosot nilai aset sesuai dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) 136 dan MFRS 9. 3. Fokus untuk mengurangkan kos pengeluaran selepas kilang CPO kepada sasaran RM1,500. 4. Pengkomersialan MSM Johor dengan kadar penggunaan yang rendah mempengaruhi prestasi perniagaan Gula FGV.
Pelupusan Aset Tidak Teras dan Tidak Berfungsi	1. Semakan untuk kemungkinan pelupusan aset bukan teras sedang dijalankan. 2. Perolehan daripada penjualan aset bukan teras & perniagaan tidak mendatangkan hasil berjumlah RM126 juta pada akhir 2019. 3. Dalam perbincangan dengan rakan kongsi JV untuk mengkaji syarat komersial perjanjian yang sedia ada atau potensi penjualan, untuk membalikkan dan memaksimumkan pulangan pelaburan.
Tanah LLA	1. Hubungan antara FGV dan FELDA adalah profesional, dipandu oleh kod tadbir urus yang baik. Tidak ada perbincangan rasmi mengenai perundingan ulang syarat LLA dengan FELDA. 2. FGV telah menyumbang pada peningkatan nilai di tanah LLA melalui program penanaman semula yang konsisten, yang telah menghasilkan peningkatan yang ketara dalam profil umur pokok kelapa sawit.

TADBIR URUS DI FGV:
HUBUNGAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN KAMI

TAKLIMAT HASIL SUKU TAHUNAN

FGV secara konsisten mengadakan taklimat fizikal dan/atau panggilan persidangan dengan penganalisis dan media perniagaan berikutan pengumuman Hasil Suku Tahunan kami. Dipengerusikan oleh GCEO atau GCFO, FGV menyediakan platform ini untuk membolehkan pasaran yang lebih luas memahami prestasi kami dengan lebih baik dan boleh meminta penjelasan mengenai sebarang masalah yang mereka ada.

MESYUARAT AGUNG

Mesyuarat agung menjadi wadah utama untuk interaksi dua arah langsung dan bertindak sebagai forum utama untuk dialog antara pemegang saham, Lembaga Pengarah dan GMC. Bagi 2019, Syarikat menghantar notis Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) dan Pekeliling berkaitan kepada pemegang saham lebih dari 21 hari sebelum AGM. Notis AGM telah diiklankan di akhbar Malaysia dalam bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia. AGM diadakan di Kuala Lumpur untuk memudahkan akses pemegang saham. Pengerusi, ahli Lembaga Pengarah, GMC dan juruaudit luaran hadir dan menjawab soalan yang disuarakan dan memberikan penjelasan seperti yang dikehendaki oleh pemegang saham. GCEO menyampaikan laporan prestasi Syarikat bagi TK2018. Jawapan kepada soalan yang dikemukakan oleh Kumpulan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kemudiannya dikongsi dengan pemegang saham yang hadir. Semua pemegang saham digalakkan dan diberi peluang secukupnya untuk mendapatkan penjelasan tentang aktiviti dan prospek kami serta menyatakan jangkaan dan kebimbangan mereka. Pemegang saham juga diminta untuk menyertai sesi soal jawab tentang cadangan resolusi dan operasi kami secara amnya.

Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) untuk mendapatkan persetujuan pemegang saham mengenai struktur yuran yang disemak semula untuk Lembaga Pengarah kemudiannya diadakan pada 27 November 2019. Notis EGM telah dihantar 14 hari sebelum EGM dan notis yang sama diiklankan di akhbar harian bahasa Inggeris dalam edaran nasional.

Sama seperti AGM 2019, pemegang saham diberi peluang secukupnya serta masa untuk mempersoalkan cadangan resolusi pada EGM 2019.

Atas permintaan Pengerusi, pengundian untuk kedua-dua AGM dan EGM dijalankan menerusi pungutan undi secara elektronik (*e-Polling*) sebagi pematuhan terhadap Perenggan 8.29A Keperluan Penyenaraian Bursa Securities yang menghendaki setiap resolusi yang dibentangkan dalam sebarang mesyuarat agung ditentukan menerusi pengundian. Pemegang saham yang tidak dapat hadir dibenarkan melantik proksi mengikut Perlembagaan Syarikat untuk hadir dan membuang undi bagi pihak mereka. Syarikat telah melantik pengawas bebas untuk mengesahkan pengundian resolusi tersebut.

Hasil daripada AGM 2019 dan EGM 2019 diumumkan kepada Bursa Securities pada hari yang sama selepas kesimpulan dibuat bagi mesyuarat masing-masing dan ringkasan minit AGM 2019 dan EGM 2019 boleh didapati dalam laman web kami, www.fgvholdings.com

LAMAN WEB KORPORAT

Laman web korporat FGV di www.fgvholdings.com menyediakan maklumat tentang kami. Maklumat di laman web termasuk profil korporat, profil Lembaga Pengarah dan Pengurusan Atasan, pengumuman kepada Bursa Securities, siaran akhbar, maklumat saham dan dividen, pembentangan kepada pelabur, hasil kewangan dan berita korporat. Laman web korporat FGV dikemaskinikan secara berkala untuk memberikan maklumat terkini dan lengkap tentang kami.

LIPUTAN MEDIA

Media adalah rakan kongsi penting kami kerana membantu memudahkan penyiaran aktiviti penciptaan nilai kami. Kami terus berinteraksi dengan media cetak dan elektronik untuk membolehkan para pelabur dan orang ramai lebih memahami perniagaan kami dan cabarannya.

TADBIR URUS DI FGV:
INTEGRITI DALAM PELAPORAN KORPORAT

PELAPORAN DAN PENDEDAHAN KEWANGAN

Lembaga Pengarah FGV berusaha untuk memberikan penilaian yang seimbang dan menyeluruh kepada para pemegang saham mengenai prestasi, cabaran dan pandangan kewangan kami. Untuk memudahkan ini, kami menyediakan Penyata Kewangan dan Hasil Suku Tahunan yang diaudit yang selanjutnya disokong oleh Perutusan Pengerusi, Perutusan GCEO dan Perbincangan & Analisis Pengurusan dalam AIR 2019.

Lembaga Pengarah juga komited untuk membuat pengumuman tepat pada masanya berkenaan dengan prestasi kami. Dalam konteks Penyata Kewangan kami, kami mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan Akta Syarikat 2016, serta undang-undang dan peraturan di masing-masing negara tempat FGV beroperasi. Penyata Kewangan tahunan dan Laporan Suku Tahunan kami juga dikaji oleh Jawatankuasa Audit untuk memastikan perwakilan Kumpulan dan Syarikat secara adil.

LAPORAN BERSEPADU TAHUNAN

Laporan ini ialah Laporan Bersepadu Tahunan kelima FGV dan Laporan Tahunan kelapan yang dihasilkan sejak penyenaraiannya di Bursa Securities pada 28 Jun 2012. Laporan Bersepadu Tahunan menyediakan laporan komprehensif tentang operasi dan prestasi kewangan kami.

Versi dalam talian Laporan Bersepadu Tahunan boleh didapati dalam laman web kami, www.fgvholdings.com

PENYATA LEMBAGA PENGARAH

Penyataan ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang diluluskan pada 17 April 2020.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO
DAN KAWALAN DALAMAN

DALAM PENYATA INI

Perkara Penting: **GE**

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman (SORMIC) adalah selaras dengan panduan dan prinsip yang dinyatakan dalam:

Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017 (MCCG 2017)

Panduan Tadbir Urus Korporat Bursa Securities 2017 (Para 15.26 (b) Keperluan Penyenaraian Bursa Securities)

KANDUNGAN

Sorotan utama tahun ini

Cara Pendekatan Risiko Kami

Tinjauan Keseluruhan Pendekatan Kami
- Empat Garis Pertahanan

muka surat 118

Tanggungjawab dan Kebertanggungjawaban
- Peranan Jawatankuasa Lembaga dan Lembaga Pengarah

muka surat 118-119

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kami
- Rangka Asas Pelaporan Risiko
- Proses Pengurusan Risiko
- Bahagian Pengurusan Tadbir Urus & Risiko Kumpulan
- Budaya Pengurusan Tadbir Urus dan Risiko Kami

muka surat 119-123

Struktur Kawalan Dalaman
- Dasar & Prosedur
- Etika & Integriti
- Kecekapan
- Maklumat & Pemantauan
- Kuasa & Tanggungjawab

muka surat 123-125

Kajian Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

muka surat 126

Pendekatan Pengurusan Risiko untuk Subsidiari Tersenarai FGV

muka surat 126

Semakan Penyata oleh Juruaudit Luaran

muka surat 126

Penyata Lembaga Pengarah

muka surat 126

SOROTAN UTAMA TAHUN INI

MENERIMA PENSIJILAN SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH (ABMS) YANG DIIKTIRAF DI PERINGKAT ANTARABANGSA

ISO 37001:2016

SYARIKAT MINYAK KELAPA SAWIT YANG **PERTAMA** DI MALAYSIA UNTUK MENERIMA PENSIJILAN ABMS

ANTARA **40** SYARIKAT PERTAMA DI MALAYSIA MENDAPAT PENGIKTIRAFAN PENSIJILAN ABMS

DILANCARKAN KE
259 TAPAK
15 SYARIKAT FGV
11 PUSAT KORPORAT

PELAKSANAAN DALAM SKALA BESAR **MERANGKUMI OPERASI KUMPULAN** DI SEMENANJUNG MALAYSIA, SABAH DAN SARAWAK

KAWALAN DALAMAN FGV DIPERKUATKAN MELALUI BENGKEL **PENGURUSAN RISIKO RASUAH** (CRM) YANG MENILAI RISIKO RASUAH DAN PENYELEWENGAN, DAN MENUBUHKAN PENDAFTARAN RISIKO RASUAH CRM UNTUK SELURUH KUMPULAN

MENINGKATKAN KAWALAN DALAMAN DENGAN MELANCARKAN:

PELAN TINDAKAN TADBIR URUS KORPORAT DAN INTEGRITI PERNIAGAAN FGV

PENDEKATAN KAMI TERHADAP RISIKO

Pencapaian strategi yang menjadi ketetapan dalam pelan strategik memerlukan pendekatan yang kuat dan bertumpu kepada risiko dalam memastikan Kumpulan sentiasa mengenal pasti dan bersedia menangani pelbagai risiko yang bakal mengancam perniagaan.

Pendekatan ini perlulah disokong oleh keutuhan rangka kerja kawalan dan pengawasan dalaman yang merupakan prasyarat wajar bagi mencapai objektif Kumpulan.

TINJAUAN KESELURUHAN PENDEKATAN KAMI

Pengurusan risiko yang efektif merupakan perkara penting dalam melengkapkan model perniagaan kami yang bertujuan untuk meneroka peluang daripada risiko, mengurangkan potensi impak apabila risiko telah dikenalpasti serta melindungi reputasi kami dalam memastikan keuntungan dan pengembangan perniagaan terus kekal penting.

Di FGV, matriks untuk pemantauan, jaminan, pengurusan risiko dan kawalan dalaman memang sudah jelas tersedia. Pendekatan pemantauan pengurusan risiko dilakukan dengan bersandarkan kepada empat baris pertahanan yang menyelaraskan pelbagai pihak untuk bergabung termasuk penglibatan mereka dalam memupuk budaya risiko secara lebih berkesan.



TANGGUNGJAWAB DAN KEBERTANGGUNGJAWABAN

Lembaga Pengarah mengenalpasti setiap risiko utama dalam semua aspek perniagaan dalam Kumpulan dan menyedari bahawa segala keputusan perniagaan yang dibuat adalah wajar setelah mengambil kira segala risiko. Lembaga Pengarah perlu memastikan adanya sistem yang berkesan dalam memantau secara efektif dan menguruskan segala risiko yang dihadapi.

Dalam pelbagai perkara berkaitan pengurusan risiko dan kawalan dalaman ini, Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap perkara berikut:

i. Menentukan kecenderungan risiko keseluruhan Kumpulan, tahap toleransi risiko dan secara aktif mengenal pasti, menilai dan memantau risiko perniagaan utama untuk melindungi pelaburan pemegang saham dan aset Kumpulan, dan berkomunikasi dengan Pengurusan Kanan tentang perkara ini.
ii. Menilai risiko utama semasa dan yang berpotensi bagi Kumpulan dan menyelia kesediaan prosedur pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang wajar.
iii. Mempertimbangkan dan meluluskan strategi dan rangka kerja risiko-ganjaran keseluruhan Kumpulan untuk menguruskan semua kategori risiko semasa dan berpotensi yang melibatkan kelestarian perniagaan Kumpulan serta kesejahteraan Kumpulan dan pihak berkepentingannya, selaras dengan tahap toleransi risiko.
iv. Memastikan pelaksanaan yang betul dalam menyemak sistem kawalan dalaman Kumpulan yang sentiasa dipertingkatkan untuk mengatasi risiko semasa dan yang berpotensi bagi Kumpulan.

Lembaga Pengarah
Memastikan terdapat sistem yang berfungsi dalam memantau dan menguruskan risiko ini secara efektif

Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga ditugaskan untuk mengarahkan dan menyelia perumusan mekanisme berstruktur dalam Kumpulan untuk mengukuhkan budaya tadbir urus, etika, integriti dan pengurusan risiko dalam Kumpulan.	Jawatankuasa Audit ditugaskan untuk menilai keberkesanan sistem kawalan dalaman berbanding dengan risiko, lingkungan kawalan dan keperluan pematuhan Kumpulan.	Jawatankuasa Pelaburan ditugaskan untuk memastikan pelaburan dibuat sejajar dengan wawasan dan kecenderungan risiko keseluruhan Kumpulan.	Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan ditugaskan untuk memastikan rangka kerja imbuhan Kumpulan menarik dan mengekalkan bakat yang sesuai dengan kecekapan yang wajar untuk memastikan pengurusan risiko kemampuan organisasi dan sumber manusia.	Jawatankuasa Tender Lembaga bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah untuk menyemak, memantau dan mencadangkan perkara penting berkaitan dengan perolehan Kumpulan selaras dengan Had Kuasa Budi Bicara serta Dasar dan Prosedur Perolehan Kumpulan.

Maklumat lebih lanjut mengenai Terma Rujukan Jawatankuasa Lembaga diterbitkan dalam laman web kami, www.fgvholdings.com

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Rangka kerja ini bertujuan untuk mengurangkan terjadinya risiko dan memaksimumkan hasil perniagaan dengan membenarkan kami untuk:

- Memahami lingkungan risiko, dan menilai risiko tertentu serta keseluruhan potensi pendedahan.
- Menentukan cara terbaik untuk menangani risiko ini dalam pengurusan keseluruhan potensi pendedahan.
- Menguruskan risiko yang dikenal pasti dengan cara yang sesuai.
- Memantau dan mendapatkan jaminan tentang keberkesanan pengurusan risiko ini dan membuat campur tangan untuk perbaikan jika perlu.
- Kemukakan kepada Pengurusan dan Lembaga secara berkala mengenai bagaimana risiko penting dikendalikan, diselia, dijamin dan ditambah baik.

Tinjauan keseluruhan Seni Bina Pelaporan Risiko digambarkan di bawah:



PROSES PENGURUSAN RISIKO

FGV menguruskan, memantau dan melaporkan risiko dan ketidakpastian utama yang boleh menjejaskan kebolehan kami untuk menyampaikan strategi sementara mencipta nilai jangka panjang pemegang saham.

Sistem pengurusan kami menerusi struktur organisasi, Dasar dan Prosedur, nilai teras dan tatakelakuan bersama-sama membentuk sistem kawalan dalaman yang mentadbir kaedah pengendalian perniagaan FGV dan pengurusan risiko berkaitan.

Proses pengurusan risiko kami disokong oleh Dasar dan Prosedur yang selaras dengan Piawaian Pengurusan Risiko ISO 31000 yang dibangunkan untuk membantu tenaga kerja dalam pelaksanaan tanggungjawab pengurusan risiko mereka.



Maklumat lebih lanjut mengenai hubungan antara perkara penting, strategi dan risiko boleh didapati di muka surat 22-23.

BAHAGIAN TADBIR URUS & PENGURUSAN RISIKO (GGRM)

Di peringkat Pengurusan, Lembaga Pengarah disokong oleh Bahagian Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Kumpulan (GGRM), bahagian yang khusus untuk menjalankan tanggungjawab dalam batasan Strategik, Operasi, Etika & Integriti dan Pendedahan Maklumat (*Whistleblowing*) & Pengesanan:

STRATEGIK

PELAPORAN & ANALISIS RISIKO

Menyediakan laporan segala risiko utama serta berkeupayaan dalam menganalisis risiko bagi menghasilkan Laporan Risiko Suku Tahunan.

RANGKA KERJA & SEMAKAN RISIKO

Melaksanakan Rangka Pengurusan Risiko yang mantap dan memudahkan proses penilaian risiko, inisiatif strategik perniagaan dan segala kertas cadangan.

JAMINAN KUALITI

Membantu formulasi P&P dan memberi khidmat nasihat berdasarkan keperluan dan kehendak perniagaan.

OPERASI

SISTEM PENGURUSAN RISIKO PERUSAHAAN (ERMS)

Menyedia, mengkaji dan memantau daftar risiko termasuk langkah mitigasi melalui ERMS dan meningkatkan kesedaran melalui latihan untuk menambah kecekapan dalam pengurusan risiko.

PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERNIAGAAN (BCM)

Membantu membangunkan Rancangan Kesinambungan Perniagaan termasuk menyelaras ujian BCM dan latihan simulasi krisis. Mempromosikan budaya dan kesedaran BCM yang padu di seluruh organisasi.

PEMATUHAN

Menganalisis pemerhatian audit untuk mengenal pasti risiko rasuah dan mewujudkan daftar risiko rasuah. Mengendalikan program latihan dan penyediaan daftar risiko Pengurusan Risiko Rasuah (CRM).

ETIKA & INTEGRITI

PENGURUSAN ETIKA & INTEGRITI

Mengenalpasti dan memantau pelaksanaan program etika dan integriti termasuk memastikan semua tenaga kerja serta Pengurusan Kanan Kumpulan berpengetahuan dan mematuhi dasar dan piawaian yang berkaitan.

KESEDARAN ETIKA & INTEGRITI

Menjalankan program pendidikan dan latihan yang memberi tumpuan kepada etika, integriti dan kepatuhan di seluruh Kumpulan, termasuk vendor, kontraktor dan ejen.

PENDEDAHAN MAKLUMAT & PENGESANAN

PENDEDAHAH MAKLUMAT

Menguruskan aduan berkenaan salah laku atau berpotensi dalam melakukan salah laku yang diterima melalui saluran pendedahan maklumat termasuk memberi perlindungan kepada pendedah maklumat dan menjalankan program kesedaran.

PENGESANAN

Menyiasat aduan pendedahan maklumat yang diterima, perhatian tertumpu kepada rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penipuan serta memberi cadangan tindakan yang dikenakan.

Pensijilan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) ISO 37001: 2016	GGRM mengetuai proses yang diperlukan dalam mencapai Pensijilan ABMS ISO 37001: 2016 termasuk manual dokumentasi serta Prosedur Operasi Standard (SOP) ABMS, pelantikan badan pensijilan, latihan juruaudit dalaman, kajian Pengurusan Tertinggi dan ulasan Badan Kawal Selia termasuk taklimat kepada pihak yang terlibat dan pengauditan SIRIM: tahap 1 dan tahap 2. FGV berjaya dianugerahkan pensijilan SIRIM pada 17 Disember 2019.
Latihan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM)	Melaksanakan latihan CRM untuk syarikat dan pusat korporat mengenai mengenal pasti risiko rasuah dan penyediaan daftar risiko CRM.
Pelan Pembangunan Tadbir Urus Korporat dan Integriti Perniagaan FGV	Pelan Pembangunan dilancarkan pada Mei 2019 sebagai kesinambungan daripada Pelan Integriti FGV sebelumnya (FGV-IP), yang merangkumi tempoh 2019 hingga 2021 dan berfungsi sebagai rancangan strategik jangka panjang untuk Kumpulan FGV dalam meningkatkan amalan tadbir urus dan integriti dalam pengurusan proses dan operasi perniagaannya.
Laporan Risiko Suku Tahunan Kumpulan FGV	GGRM menerbitkan Laporan Risiko Suku Tahunan sebagai pelaporan untuk berkongsi bersama pihak Pengurusan Kanan, Jawatankuasa Lembaga dan Lembaga Pengarah mengenai semua risiko utama yang berkaitan dengan perniagaan dan operasi Kumpulan yang merangkumi 10 risiko utama Kumpulan dan perincian langkah mitigasi, risiko utama di luar daftar risiko, risiko projek, risiko reputasi, risiko berpotensi, Penyataan Keinginan Risiko, insiden utama dan kemas kini BCM, ditambah dengan ringkasan risiko satu muka surat bulanan.

BUDAYA PENGURUSAN TADBIR URUS DAN RISIKO KAMI

Integrasi berterusan antara strategi, tadbir urus dan pengurusan risiko digalas bersama untuk memastikan pendekatan yang baik dapat diterap dalam membuat keputusan perniagaan supaya ianya selaras dengan tujuan dan inspirasi strategi Kumpulan.

Di bawah ini adalah aktiviti tadbir urus dan pengurusan risiko utama yang dilakukan oleh GGRM untuk memperkukuhkan budaya tadbir urus dan pengurusan risiko dalam Kumpulan:

Penilaian Risiko Projek	Membantu perniagaan dalam melaksanakan penilaian risiko daripada pelbagai cadangan perniagaan dan projek berdasarkan proses yang disemak semula dengan melengkapkan templat Penilaian Risiko sebagai prasyarat kepada kertas pelaburan. GGRM memastikan metodologi yang mantap diterapkan dalam pendimensian dan penyataan kuantiti risiko projek atau perniagaan yang berkaitan.
Penyataan Keinginan Risiko (RAS)	RAS adalah alat untuk mengukur profil risiko perniagaan menggunakan petunjuk risiko utama yang berkaitan untuk memastikan profil risiko dipantau berdasarkan metodologi yang dapat diukur dan diukur terhadap tahap toleransi risiko. Lima pemacu risiko utama dimasukkan ke dalam RAS Kumpulan yang sedia ada untuk memperkukuhkan lagi pengukuran profil risiko.
Dasar dan Had Kuasa (LOA)	Membantu perumusan dasar baharu dengan memastikan kepatuhan terhadap Dasar yang tertinggi atau '*Mother Policy*', melakukan proses debat (*challenge process*) dan bekerjasama dengan pemilik polisi sehingga persetujuan diterima dari Lembaga Pengarah. Mengkaji dan meningkatkan dasar sedia ada serta memudahkan sesi debat dengan jawatankuasa kerja dan pemilik polisi. Dibantu dengan penggubalan, merangka dan penyemakan semula LOA. Dasar dan Prosedur yang diluluskan akan dimasukkan ke dalam Sistem Pengurusan Pematuhan.
Mesyuarat Jawatankuasa Pelaporan Risiko Bahagian (DRRC)	Mesyuarat DRRC diadakan pada setiap suku tahun di mana perkara berkaitan risiko utama dalam Laporan Risiko Suku Tahunan dipertimbangkan dan disahkan oleh pelbagai wakil dalam Kumpulan. DRRC ditubuhkan sebagai badan pemikir untuk menangani dan memberikan ringkasan penting mengenai hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan risiko, terutama yang berkaitan dengan penyediaan Laporan Risiko Suku Tahunan.
Sistem Pengurusan Risiko Perusahaan (ERMS) dan Latihan Daftar Risiko	Sesi latihan kesedaran dan daftar risiko ERMS dilakukan untuk mendidik tenaga kerja mengenai fungsi sistem dan memberi kemudahan dalam proses penilaian risiko.

Ulasan Daftar Risiko	Daftar risiko sedia ada akan dibincangkan bersama-sama dengan pemilik risiko masing-masing atau melalui pendekatan atas meja, untuk memastikan analisis dan langkah-langkah mitigasi serta rancangan tindakan yang berkesan dan didokumentasikan dengan sebaik-baiknya.
Latihan dan Kesedaran Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM)	Latihan kesedaran BCM dilakukan untuk mendidik staf mengenai objektif BCM, dasar dan prosedurnya, serta peranan dan tanggungjawab dalam pelaksanaan BCM.
Pengujian dan Perbincangan Rancangan Kesinambungan Perniagaan (BCP)	Perbincangan BCP dilakukan untuk memastikan fungsi kritikal dan penilaian impak perniagaan terkini dapat dinilai supaya ianya masih sesuai dengan keadaan operasi semasa. Pengujian BCP pula dilakukan untuk memastikan bahawa FGV mampu menguruskan sebarang risiko dan berkeupayaan untuk menghalang sebarang perkara yang bakal menggugat aktiviti dan fungsi kritikal dalam perniagaan Kumpulan.
Kesedaran Liabiliti Korporat dan ABMS	Melaksanakan program kesedaran di pelbagai wilayah untuk memastikan semua pekerja memahami pentingnya Liabiliti Korporat dalam Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 serta pelaksanaan ABMS.
Program Kesedaran Pendedahan Maklumat	Menjalankan program Pendedahan Maklumat untuk mendidik pekerja FGV melalui pengkongsian e-mel, poster dan Hub GGRM.

Maklumat lebih lanjut mengenai hubungan antara perkara penting, strategi dan risiko boleh didapati di muka surat 22-23 laporan ini.

STRUKTUR KAWALAN DALAMAN UTAMA FGV

Rangka kerja kawalan dalaman bersepadu kami dapat memastikan pencapaian yang objektif secara strategik. Rangka kerja ini boleh digunapakai untuk semua subsidiari dalam Kumpulan kecuali syarikat usaha sama dan syarikat bersekutu yang tidak diuruskan oleh kami. Walau bagaimanapun, kami akan memastikan bahawa kepentingan dan pelaburan kami dilindungi menerusi wakil Lembaga Pengarah dan/atau wakil yang dilantik dalam setiap syarikat usaha sama dan/atau syarikat bersekutu.

Elemen penting dalam struktur kawalan dalaman kami adalah seperti yang berikut:

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Dasar dan Prosedur

Komitmen kami terhadap kawalan dalaman jelas ditakrifkan dalam Dasar & Prosedur rasmi (P&P) kami, melalui formulasi dan kajian semula P&P berpandukan Tata Kelola Polisi & Prosedur. Bagi penubuhan dan penyemakan semula dasar yang baharu, akan ada proses pendebatan oleh jawatankuasa kerja P&P yang khusus untuk memastikan amalan tadbir urus yang baik serta skop P&P mencukupi dan diterapkan secara konsisten di seluruh Kumpulan. P&P ini dibentuk dengan merujuk kepada Piawaian Antarabangsa seperti, inter alia, ISO 9001, ISO 14001, OSHAS 18001, RSPO, HACCP dan HALAL dan juga memudahkan pemantauan terhadap peraturan, penyenaraian dan keperluan tadbir urus. P&P akan dikaji secara berkala untuk memastikan keberkesanannya serta relevan untuk menyokong aktiviti perniagaan Kumpulan supaya berkeupayaan untuk terus berkembang dan berdaya saing di dalam mahupun di luar Malaysia.

P&P disimpan di Sistem Pengurusan Pematuhan (hub dalaman) untuk mudah diakses oleh tenaga kerja dan juga akan dikongsi melalui kiriman e-mel kepada seluruh Kumpulan. Dalam memastikan P&P dilaksanakan dan dipatuhi, program kesedaran juga dilakukan secara berkala melalui aktiviti dan forum.

Kami baru-baru ini telah mengkaji dan menyemak semula P&P berikut:

- **Dasar Modal Insan Kumpulan**
  Dasar-dasar berkaitan Modal Insan Kumpulan telah dikaji dan disemak sebagai sebahagian daripada transformasi terbesar pada 2019 untuk menyediakan garis panduan serta kefahaman yang lebih mendalam mengenai pendekatan yang diterapkan oleh kami kepada tenaga kerja dalam aspek pekerjaan. Dasar Modal Insan Kumpulan yang telah disemak semula telah disampaikan kepada semua pekerja di seluruh Kumpulan melalui kiriman e-mel dalaman dan aktiviti khas yang dianjurkan.
- **Dasar Tanggungjawab Korporat**
  Ini adalah untuk memastikan bahawa Kumpulan syarikat FGV akan melaksanakan inisiatif tanggungjawab kelestarian korporat yang strategik untuk menyokong masyarakat dan menyumbang kepada nilai dan imej perniagaan FGV, sehingga mendapat kepercayaan dan sokongan daripada pihak berkepentingan.
- **Dasar Teknologi Maklumat Kumpulan**
  Untuk memberikan arahan, koordinasi dan pengurusan sumber, proses dan amalan Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) yang relevan untuk memastikan pelaksanaan dan pengurusan ICT FGV berjalan dengan konsisten dan berkualiti tinggi, sambil menambah nilai operasi perniagaan FGV dan Kumpulan FGV melalui ICT.

Etika dan Integriti

FGV begitu komited untuk menerapkan etika tingkah laku dan berintegriti tertinggi dalam menjalankan kegiatan perniagaannya dengan menerapkan Dasar & Prosedur sebagai asas untuk kawalan dalaman. Ini juga selaras dengan Panduan Prosedur yang Memadai untuk Liabiliti Korporat, yang didasarkan pada lima prinsip panduan T.R.U.S.T. Dalam memperketatkan kawalan dalaman Kumpulan, FGV telah mengembangkan dan menambah baik segala dasar seperti berikut:

- **Penyataan Dasar Anti Rasuah**
  FGV komited dalam mendorong ketelusan tingkah laku yang beretika serta menjunjung tinggi imej integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam semua aspek perniagaannya.
- **Kod Tata Laku dan Etika Perniagaan (CoBCE) untuk Pekerja**
  CoBCE membimbing pekerja kami untuk menerapkan nilai-nilai Kumpulan dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berlaku melalui amalan perniagaan yang jujur, telus dan beretika. CoBCE merangkumi bidang seperti pematuhan, integriti, tingkah laku di tempat kerja, tingkah laku perniagaan, perlindungan aset Kumpulan, kerahsiaan dan konflik kepentingan.
- **Dasar Hadiah, Hiburan & Hospitaliti Luar (GEH)**
  Dasar GEH didasarkan pada amalan baik untuk mengatur pemberian dan penerimaan hadiah, hiburan dan hospitaliti kepada atau dari pihak ketiga dengan penekanan pada integriti, piawaian etika dan kepatuhan kepada undang-undang. Kami berusaha untuk mengekalkan tahap integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban yang tinggi dalam semua aspek perniagaan melalui tingkah laku yang cekap, produktif dan berdisiplin.
- **Dasar Pengisytiharan Kepentingan Aset/Peribadi (APID)**
  Dasar APID bertujuan untuk mencerminkan ketelusan para Pengarah termasuk pekerja kepada Kumpulan. Ini juga untuk memastikan bahawa aset dan kepentingan peribadi diperoleh melalui cara yang sah mengikut undang-undang berdasarkan kemampuan kewangan mereka dan bebas daripada situasi konflik kepentingan.
- **Dasar Tajaan & Sumbangan**
  Menyelaraskan amalan tajaan & sumbangan di dalam Kumpulan FGV dan melindungi aset FGV dan sejajar dengan Pelan Integriti Nasional yang bertujuan untuk membanteras rasuah dan penyelewengan perniagaan.
- **Dasar Rujukan**
  Dasar ini memberikan panduan parameter untuk memastikan bahawa protokol rujukan dipatuhi ketika maklumat diterima dan hasil penyiasatan dan segala hal lain yang berkaitan dengannya. Pekerja Kumpulan FGV harus menegakkan prinsip integriti dalam operasi perniagaan mereka. Semua pekerja harus bekerjasama dan menyokong semua inisiatif untuk mencegah salah laku atau kesalahan jenayah.
- **Dasar Konflik Kepentingan**
  Semua pekerja dan pihak ketiga Kumpulan FGV hendaklah bertindak, pada setiap masa, demi kepentingan Kumpulan FGV dan tidak berdasarkan kepentingan peribadi mereka. Pekerja tidak boleh meletakkan diri mereka dalam kedudukan di mana mereka terlibat dalam aktiviti untuk keuntungan peribadi, untuk diri mereka sendiri, 'saudara', 'pihak bersekutu' atau pihak ketiga mereka, atau sebarang aktiviti yang bertentangan dengan kepentingan Kumpulan FGV.
- **Dasar dan Prosedur Pendedahan Maklumat**
  Dasar ini adalah untuk menetapkan peraturan dan prinsip untuk proses pengelolaan aduan, penyiasatan dan perlindungan bagi pemberi maklumat. Ia menyediakan pelbagai jalan bagi mana-mana pekerja atau orang awam, termasuk pemegang saham minoriti, untuk melaporkan sebarang perlakuan tidak wajar (salah laku atau kesalahan jenayah) yang dilakukan atau berpotensi akan dilakukan.

  FGV komited untuk memupuk budaya integriti dan kebertanggungjawaban, kemudian mendidik pekerja untuk menyatakan kebimbangan mengenai tindakan yang tidak wajar (kesalahan jenayah atau salah laku) dan memberi jaminan saluran yang selamat dan mudah diakses serta perlindungan kepada pemberi maklumat.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Kecekapan

Untuk memastikan kelestarian perniagaan dan keberterusan bekalan pekerja kompeten, kami telah mewujudkan Model Kecekapan Kepemimpinan FGV, yang berdasarkan Nilai Teras FGV yang ada - P.R.I.D.E. Model kecekapan ini akan menjadi sebahagian daripada proses Modal Insan Kumpulan (GHC) termasuk pengurusan prestasi, kenaikan pangkat dan pengambilan pekerja, antara lain. Ini adalah bahagian penting daripada keseluruhan strategi perniagaan kami dan menyokong pengurusan perubahan, meningkatkan penglibatan pekerja dan membantu mendorong budaya berprestasi tinggi. Untuk memenuhi permintaan perniagaan dan industri, FGV memerlukan bekalan pekerja yang kompeten secara berterusan. Berikut adalah program yang dibangunkan dan dilaksanakan pada 2019:

- **Program Penyelia**
  Penyelia adalah tulang belakang Sektor Perladangan Huluan. Kami memastikan mereka dilatih dengan betul di kawasan fungsi mereka. Peranan mereka sebagai pemimpin barisan hadapan adalah penting dalam mewujudkan budaya sokongan yang inovatif dan dalam memastikan tenaga kerja utama FGV dipimpin, dilibatkan, dan produktif.
- **Kadet Penanam (*Cadet Planters*)**
  Kursus Pengurusan Kadet dalam Perkebunan (Kadet Penanam) dan Program Kejuruteraan Kadet di Ladang Kelapa Sawit (Jurutera Milet Kadet) dirancang untuk memastikan kelangsungan bakat, terutama di dalam bidang yang penting ini.
- ***Young Shapers Programme* (YSP)**
  YSP adalah inisiatif Modal Insan Kumpulan yang dilancarkan pada bulan Mei 2019 untuk mengembangkan dan memberi pendedahan kepada tenaga kerja muda yang berpotensi, berusia 35 tahun ke bawah, sebagai penggerak untuk meningkatkan rancangan transformasi FGV dan mewujudkan budaya prestasi cemerlang.

Maklumat dan Pemantauan

Prestasi berbanding dengan pelan perniagaan dan belanjawan tahunan kami diukur dan dipantau menerusi mekanisme berikut:

Papan Pemuka Prestasi Dalam Talian *Tableau*

Kakitangan utama terpilih menggunakan *Tableau* sebagai papan pemuka prestasi dalam talian untuk memantau prestasi bulanan perniagaan, untuk menganalisis dan membuat keputusan perniagaan yang sesuai dengan tujuan untuk mencapai matlamat organisasi Kumpulan. Papan pemuka prestasi *Tableau* merangkumi parameter kewangan dan operasi.

Papan pemuka ini disemak oleh Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan (GCFO) dan seterusnya dibentangkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan setiap bulan.

Semakan Kewangan dan Operasi

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (GCEO) dan GCFO mengemukakan analisis Penyata Kewangan dan Prestasi Operasi Suku Tahunan Kumpulan kepada Jabatankuasa Lembaga Audit dan Lembaga Pengarah untuk kelulusan dan seterusnya diumumkan kepada Bursa Securities.

Selain itu, semakan kewangan dan operasi bulanan dijalankan pada peringkat Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan.

Kuasa dan Tanggungjawab

- **Struktur Organisasi**
  Kami membuat pindaan kecil pada struktur organisasi pada tahun 2019 yang mana sektor dikurangkan menjadi tiga-Sektor Perladangan, Sektor Logistik & Lain-lain dan Sektor Perkhidmatan Kewangan & Korporat. Bahagian Pusat Korporat akan terus memberikan sokongan kepada perniagaan. MSM Malaysia Holdings Berhad, yang sebelumnya merupakan Sektor Gula, merupakan bahagian perniagaan lain dalam struktur organisasi disamping ketiga-tiga sektor tersebut.
- **Had Kuasa Kumpulan FGV**
  Lembaga Pengarah FGV, pada 28 Ogos 2019, meluluskan Had Kuasa Kumpulan, yang menggantikan pelbagai had pihak berkuasa sebelumnya, termasuk Had Kuasa Budi Bicara, Had Kuasa Meluluskan Pekerja, Had Kuasa Undang-Undang dan Had Kuasa Perolehan. Had Kuasa Kumpulan memberi kuasa kepada Pengurusan dalam melaksanakan aktiviti kewangan dan operasi hariannya dan mempromosikan kecekapan organisasi sambil memastikan kelakuan perniagaan Kumpulan dan toleransi terhadap risiko. Had Kuasa Kumpulan menetapkan rangka kerja yang baik dan kebertanggungjawaban dalam Kumpulan, termasuk pemisahan tugas, yang memudahkan pengambilan keputusan tepat pada masanya, berkesan dan berkualiti selain kawalan kewangan yang lebih ketat.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

ULASAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Dengan semangat untuk terus memperkukuh sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman, FGV menjalankan proses semakan berikut pada tahun kewangan:

Penilaian Kawalan	Unit perniagaan dengan kerjasama GGRM menilai keberkesanan kawalan terhadap bidang risiko utama dalam lingkungan operasinya dan inisiatif lain. Usaha ini bertujuan untuk menentukan kawalan disediakan adalah mencukupi dan beroperasi seperti yang diharapkan atau memerlukan penambahbaikan untuk mengatasi sepenuhnya jurang yang dikenal pasti.
Ulasan Daftar Risiko	GGRM menyelaraskan semakan suku tahunan daftar risiko dengan unit perniagaan untuk memastikan perubahan profil risiko direkodkan di dalam sistem ERM, ditaksir dan dinilai serta perumusan langkah mitigasi yang sesuai.
Ulasan Audit Dalaman Kumpulan Bebas	Bahagian Audit Dalaman Kumpulan menjalankan semakan secara berkala dan bersistem untuk memberikan jaminan bebas dan objektif kepada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan, menitikberatkan kecukupan dan keberkesanan kawalan dalam tadbir urus, pengurusan risiko dan proses.

PENDEKATAN PENGURUSAN RISIKO UNTUK SUBSIDIARI TERSENARAI FGV

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), sebagai subsidiari tersenarai FGV, melaksanakan tanggungjawab pengurusan risiko dan kawalan dalaman menerusi Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga untuk perbincangan seterusnya oleh Lembaga Pengarah MSM. Sebarang risiko yang dikenal pasti memberikan kesan yang ketara kepada Kumpulan FGV dilaporkan kepada Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga dan sekiranya boleh menjejaskan kewangan Kumpulan secara langsung, dilaporkan terus kepada Jawatankuasa Audit, dan seterusnya kepada Lembaga Pengarah FGV.

SEMAKAN PENYATA OLEH JURUAUDIT LUARAN

Seperti yang dikehendaki oleh Perenggan 15.23 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, juruaudit luaran telah menyemak Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini. Semakan jaminan terhad mereka dijalankan mengikut Panduan Amalan Audit dan Jaminan (AAPG) 3 yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia. AAPG 3 tidak memerlukan pendapat juruaudit luaran tentang kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman Kumpulan.

PENYATA LEMBAGA PENGARAH

Berdasarkan proses dan langkah yang diambil oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya sepanjang tahun kewangan dan jaminan yang munasabah yang disediakan oleh GCEO dan GCFO, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa Rangka Kerja Pengurusan Risiko dan sistem kawalan dalaman seperti yang diterangkan dalam Penyata ini telah beroperasi dengan secukupnya dan berkesan dalam semua aspek penting untuk melindungi kepentingan pihak berkepentingan kami.

Penyata ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 17 April 2020.

PERGERAKAN HARGA SAHAM



KALENDAR KEWANGAN

KALENDAR KEWANGAN 2019

Keputusan Suku Tahunan

28 Februari 2019
Pengumuman keputusan disatukan belum diaudit bagi suku tahun ke-4 berakhir 31 Disember 2018.

29 Mei 2019
Pengumuman keputusan disatukan belum diaudit bagi suku tahun pertama berakhir 31 Mac 2019.

28 Ogos 2019
Pengumuman keputusan disatukan belum diaudit bagi suku tahun ke-2 berakhir 30 Jun 2019.

28 November 2019
Pengumuman keputusan disatukan belum diaudit bagi suku tahun ke-3 berakhir 30 September 2019.

Akaun Tahunan Diaudit

29 April 2019
Pengumuman Akaun Tahunan Diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 dan penerbitan Laporan Bersepadu Tahunan 2018.

Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Luar Biasa

29 April 2019
Notis Mesyuarat Agung Tahunan Kesebelas (ke-11).

12 November 2019
Notis Mesyuarat Agung Luar Biasa.

25 Jun 2019
Mesyuarat Agung Tahunan Kesebelas (ke-11).

27 November 2019
Mesyuarat Agung Luar Biasa.

KALENDAR KEWANGAN 2020

Keputusan Suku Tahunan

28 Februari 2020
Pengumuman keputusan disatukan belum diaudit bagi suku tahun ke-4 berakhir 31 Disember 2019.

Akaun Tahunan Diaudit

28 April 2020
Pengumuman Akaun Tahunan Diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 dan penerbitan Laporan Bersepadu Tahunan 2019.

ANALISIS PEGANGAN SAHAM

SETAKAT 20 MAC 2020

Modal Saham Diterbitkan dan Berbayar : 3,648,151,500 saham biasa dan 1 saham khas
Kelas Saham : Saham biasa
Saham khas
Hak Mengundi : Satu (1) undi bagi setiap saham biasa

JADUAL PENGAGIHAN SAHAM

Kategori	Bilangan Pemegang Saham	Peratus Pegangan Saham (%)	Bilangan Saham	Peratus Saham (%)
Kurang daripada 100	620	1.00%	4,972	0.00%
100 - 1,000	41,118	66.15%	32,343,378	0.89%
1,001 - 10,000	13,679	22.00%	66,728,522	1.83%
10,001 - 100,000	5,793	9.32%	187,376,306	5.13%
100,001 hingga kurang daripada 5% saham diterbitkan	943	1.52%	1,272,694,847	34.89%
5% dan ke atas dari saham yang diterbitkan	8	0.01%	2,089,003,475	57.26%
JUMLAH	**62,161**	**100.00%**	**3,648,151,500**	**100.00%**

MAKLUMAT PEGANGAN SAHAM PENGARAH

Bilangan	Nama Pengarah	Kepentingan Langsung		Kepentingan Tidak Langsung	
		Bilangan Saham Dipegang	Peratus Saham (%)	Bilangan Saham Dipegang	Peratus Saham (%)
1	DATUK WIRA AZHAR ABDUL HAMID	1,000,000	0.03	-	-
2	DR. ZUNIKA MOHAMED	-	-	-	-
3	MOHD HASSAN AHMAD	-	-	-	-
4	DATO' DR. OTHMAN HAJI OMAR	-	-	-	-
5	DATO' YUSLI MOHAMED YUSOFF	-	-	-	-
6	DATUK MOHD ANWAR YAHYA	-	-	-	-
7	DATIN HOI LAI PING	-	-	-	-
8	DR. MOHAMED NAZEEB P.ALITHAMBI	7,000	0.00	-	-
9	DR. NESADURAI KALANITHI	-	-	-	-

Nota:
- *Kepentingan Pengarah dalam Saham FGV dan perbadanan berkaitan dinyatakan dalam Laporan Pengarah, Penyata Kewangan FGV bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.*
- *Dato' Haris Fadzilah Hassan, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, yang bukan Pengarah FGV, mempunyai kepentingan tidak langsung sebanyak 50,000 saham dalam FGV.*

ANALISIS PEGANGAN SAHAM
SETAKAT 20 MAC 2020

MAKLUMAT PEMEGANG SAHAM UTAMA (5% DAN KE ATAS)

Bilangan	Nama Pemegang Saham		Kepentingan Langsung		Kepentingan Tidak Langsung/ Anggap Faedah	
			Bilangan Saham Dipegang	Peratus Saham (%)	Bilangan Saham Dipegang	Peratus Saham (%)
1	LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)		775,029,800	21.24	452,921,192*	12.42
	- Akaun Sendiri	203,188,300				
	- Akaun Sendiri (MOF - Akaun Jaminan Pinjaman Kerajaan Persekutuan)	200,000,000				
	- Maybank Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. (415321)	371,841,500				
2	FELDA ASSET HOLDINGS COMPANY SDN. BHD.		452,921,192	12.42	-	-
	- Akaun Sendiri	452,921,192				
3	URUSHARTA JAMAAH SDN. BHD.		283,710,100	7.78	-	-
	- Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd.	283,710,100				
4	KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)		241,397,300	6.62	-	-
	- Akaun Sendiri	203,668,200				
	- Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. (DiPerbadankan Aberdeen)	23,135,400				
	- Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. (DiPerbadankan Principal Eqits)	6,786,200				
	- Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. (DiPerbadankan Abdn Eq Absr Fd)	2,183,600				
	- Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. (DiPerbadankan UOB Am Sc Eq)	1,580,000				
	- Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. (DiPerbadankan Principal Islmc)	1,390,000				
	- Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. (DiPerbadankan Aiiman Is Eq)	1,353,500				
	- Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. (DiPerbadankan Amislamic FD)	700,400				
	- Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. (DiPerbadankan MYBK Am Sc E)	600,000				
5	KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD		191,266,608	5.24	-	-
	- Akaun Sendiri	191,266,608				
6	KERAJAAN NEGERI PAHANG		182,407,575	5.00	-	-
	- Maybank Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd.	182,407,575				

Nota:
**Dianggap berkepentingan kerana kepentingannya dalam Felda Asset Holdings Company Sdn. Bhd.*

ANALISIS PEGANGAN SAHAM
SETAKAT 20 MAC 2020

SENARAI TIGA PULUH (30) PEMEGANG SAHAM TERBESAR

Bilangan	Nama Pemegang Saham	Bilangan Saham Dipegang	Peratus Saham (%)
1	FELDA ASSET HOLDINGS COMPANY SDN. BHD.	452,921,192	12.42%
2	MAYBANK NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. PLEDGED SECURITIES ACCOUNT FOR LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (464016811369)	371,841,500	10.19%
3	CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. URUSHARTA JAMAAH SDN. BHD. (1)	283,710,100	7.78%
4	KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)	203,668,200	5.58%
5	LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)	203,188,300	5.57%
6	MINISTER OF FINANCE AKAUN JAMINAN PINJAMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	200,000,000	5.48%
7	KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD	191,266,608	5.24%
8	MAYBANK NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. PLEDGED SECURITIES ACCOUNT FOR KERAJAAN NEGERI PAHANG	182,407,575	5.00%
9	MAYBANK NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. PLEDGED SECURITIES ACCOUNT FOR SAWIT KINABALU SDN. BHD.	82,610,989	2.26%
10	CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. EMPLOYEES PROVIDENT FUND BOARD	72,541,000	1.99%
11	UOB KAY HIAN NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. SDB ASSET MANAGEMENT SDN. BHD. FOR CHIEF MINISTER STATE OF SABAH	65,934,066	1.81%
12	LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA	45,593,900	1.25%
13	CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. EMPLOYEES PROVIDENT FUND BOARD (ABERDEEN)	36,534,000	1.00%
14	HSBC NOMINEES (ASING) SDN. BHD. JPMCB NA FOR VANGUARD TOTAL INTERNATIONAL STOCK INDEX FUND	31,820,250	0.87%
15	CGS-CIMB NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. EXEMPT AN FOR CGS-CIMB SECURITIES SDN BHD (FELDA IPO SMF)	29,381,600	0.81%
16	HSBC NOMINEES (ASING) SDN. BHD. JPMCB NA FOR VANGUARD EMERGING MARKETS STOCK INDEX FUND	29,269,057	0.80%
17	CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN) (ABERDEEN)	23,135,400	0.63%
18	ALLIANCEGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. PLEDGED SECURITIES ACCOUNT FOR TA KIN YAN (7000778)	21,300,000	0.58%
19	UOB KAY HIAN NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. SDB ASSET MANAGEMENT SDN. BHD. FOR EKUITI YAKINJAYA SDN. BHD.	20,869,113	0.57%
20	MAYBANK NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. MTRUSTEE BERHAD FOR PRINCIPAL DALI EQUITY GROWTH FUND (UT-CIMB-DALI) (419455)	20,516,300	0.56%
21	AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD AMANAH SAHAM BUMIPUTERA	20,000,000	0.55%
22	CARTABAN NOMINEES (ASING) SDN. BHD. EXEMPT AN FOR STATE STREET BANK & TRUST COMPANY (WEST CLT OD67)	18,486,600	0.51%
23	RHB NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. OSK CAPITAL SDN. BHD. FOR YAYASAN ISLAM TERENGGANU	16,455,100	0.45%
24	DB (MALAYSIA) NOMINEE (TEMPATAN) SENDIRIAN BERHAD DEUTSCHE TRUSTEES MALAYSIA BERHAD FOR HONG LEONG PENNY STOCKFUND	16,100,000	0.44%
25	HONG LEONG ASSURANCE BERHAD AS BENEFICIAL OWNER (LIFE PAR)	16,015,000	0.44%
26	KENANGA NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. PLEDGED SECURITIES ACCOUNT FOR TA KIN YAN	15,584,500	0.43%
27	AMSEC NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. EXEMPT AN FOR AMBANK ISLAMIC BERHAD (FELDA)	14,746,000	0.40%
28	CITIGROUP NOMINEES (ASING) SDN. BHD. CBNY FOR DIMENSIONAL EMERGING MARKETS VALUE FUND	14,716,000	0.40%
29	CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. EMPLOYEES PROVIDENT FUND BOARD (ABERISLAMIC)	14,352,700	0.39%
30	CITIGROUP NOMINEES (ASING) SDN. BHD. CBNY FOR EMERGING MARKET CORE EQUITY PORTFOLIO DFA INVESTMENT DIMENSIONS GROUP INC	13,824,500	0.38%

10 HARTANAH UTAMA KUMPULAN FGV

Lokasi	Tempoh	Tahun Pajakan Tamat	Kawasan anggaran (Hektar)	Penerangan	Tahun Perolehan	Nilai buku bersih (RM000)
1. **Sabah** Sahabat 07, Sahabat 30, Sahabat 40, Sahabat 41, Sahabat 42, Sahabat 43, Sahabat 46, Sahabat 48, Sahabat 50, Sahabat 51, Sahabat 52, Sahabat 53, Sahabat 54, Sahabat 21, Sahabat 22, Sahabat 23, Sahabat 24, Sahabat 25, Sahabat 26, Sahabat 28, Sahabat 31, Sahabat 33, Sahabat 34, Sahabat 35, Sahabat 36, Sahabat 09, Sahabat 10, Sahabat 11, Sahabat 12, Sahabat 16, Sahabat 17, Sahabat 20, Sahabat 38, Sahabat 39, Sahabat 44, Sahabat 45, Sahabat 55, Sahabat 56, Kalabakan Selatan, Kalabakan Utara 01, Umas 05, Umas 06, Tenegang, Sahabat, Tawau, Lahad Datu, Umas, Baiduriayu, Kalabakan, Embara Budi, Fajar Harapan, Merchu Puspita, Hamparan Badai, Kembara Sakti, Nilam Permata, Jeragan Bistari, Lanchang Kemudi	Pajakan	2028 – 2887	128,692	Ladang kelapa sawit, kilang kelapa sawit dan kilang penapisan	1996 – 2013, 2016	1,134,200
2. **Sarawak** Lot 15 Dulit Land Batang Tinjar, Baram. Lot 20 Dulit Land Long Aya, Tinjar, Baram. Lot 10 Dulit Land Batang Tinjar, Baram. Lot 16 Dulit Land Batang Tinjar, Baram. Lot 68, Bok Land, Sg Bok, Dulit, Baram. Lot 23 Dulit Land Sg Bok, Dulit, Baram. Lot 17, 18 & 19 Patah Land District, Sg Aran & Sg Tema-ah, Miri. Sampadi 01, Sampadi 03, Sampadi 04, Sampadi 05, Sampadi 06, Sampadi	Pajakan	2063 – 2111	32,803	Ladang kelapa sawit, kilang kelapa sawit dan bangunan pejabat	2012 – 2014	222,286
3. **Pahang Darul Makmur** Berabong 01, Selendang 03, Selendang 04, Selanchar 06, Selanchar 08, Selanchar 09, Chegar Perah 02, Kechau 02, Kechau 03,Kechau 06, Kechau 07, Kechau 08, Kechau 10, Kechau 11, Krau 02, Krau 04, Telang 01, Bera Selatan 01, Bera Selatan 03, Bera Selatan 04, Bera Selatan 05, Bera Selatan 07, Keratong 11, Mengkarak 01, Mengkarak 02, Tembangau 03, Tembangau 05, Tembangau 06, Tembangau 08, Tembangau 07, Tembangau 09, Bukit Sagu 04, Bukit Sagu 06, Bukit Sagu 07, Bukit Sagu 08, Lepar Hilir 05, Lepar Hilir 06, Lepar Hilir 08, Merchong, Chini Timur 04, Lepar Utara 05, Lepar Utara 07, Lepar Utara 08, Lepar Utara 09, Lepar Utara 11, Lepar Utara 14, Terapai 01, Terapai 03, Triang 02, Triang 04, Triang Selatan 01, Kuantan, Jengka 21, Keratong 2, Bkt Mendi, Pdg Piol, Kepayang, Gelanggi, Neram, Chini 3, Tementi, Mempaga, Kemasul, Keratong 3, Seroja, Tersang, Keratong 9, Selendang A, Lepar Utara 4, Chini 2, Jengka 8, Lepar Hilir, Bukit Sagu, Lepar Utara 6, Panching, Triang, Kerau, Kechau A, Kechau B, Tanjung Gelang	Pajakan	2027 – 2111	143,902	Ladang kelapa sawit, kilang kelapa sawit dan kilang penapisan	2012	234,966

10 HARTANAH UTAMA KUMPULAN FGV

Lokasi	Tempoh	Tahun Pajakan Tamat	Kawasan anggaran (Hektar)	Penerangan	Tahun Perolehan	Nilai buku bersih (RM000)
4. **Johor Darul Takzim** Inas Selatan, Kledang 02, Maokil 06, Maokil 07, Nitar Timur, Paloh, Tenggaroh 09, Tenggaroh 11, Tenggaroh 12, Tenggaroh 13, Tenggaroh Timur 02, Palong Timur 04, Palong Timur 05, Semencu, Pasir Gudang, Semencu, Bukit Besar, Air Tawar, Penggeli, Kahang, Lok Heng, Selanchar 2A, Tenggaroh 4, Adela, Moakil, Nitar, Selanchar 2B, Belitong, Wa Ha, Tenggaroh Timur, Kulai, Plentong, Tanjung Langsat Industrial Complex.	Pajakan	2018 – 2111	33,914	Ladang kelapa sawit, kilang kelapa sawit dan kilang marjerin, gudang, kilang penapisan gula dan pejabat dua tingkat	2012 – 2015	265,873
5. **Kelantan Darul Naim** Aring 02, Aring 03, Aring 04, Aring 05, Aring 06, Aring 08, Aring 10, Chiku 04, Chiku 08, Aring B, Kemahang, Chiku, Aring A	Pajakan	2111	24,620	Ladang kelapa sawit dan kilang kelapa sawit	2012	101,340
6. **United States of America** 740-760, 749-773, and 780 Washington Street, Quincy, Massachusetts, 02169 United States of America.	Pegangan bebas		Luas kawasan binaan: 4.38	Pengeluaran asid lelemak, asid oleik dan asid stearik, pengeluaran gliserin bertapis, pengangkutan bahan mentah dan produk siap melalui jalan kereta api yang menghubungkan kilang yang terletak di Quincy dan stesen keretapi Braintree	2008 – 2009	62,546
7. **Perlis Indera Kayangan** PN 37, Lot No : 2040, Kampong Baru, Chuping. PN 39, Lot No : 2035, Bukit Merah, Chuping. PN 40, Lot No : 2038, Store Chia, Chuping. PN1755, Lot 18794, Mukim Chuping. PN 43, Lot No : 2037, Air Hujan, Chuping. HS (D) 145, PT, Chuping.	Pajakan	2061 – 2072	4,340	Getah dan tanaman perladangan lain dan bangunan	2011	79,427
8. **Terengganu Darul Iman** Chador 01, Cherul 03, Rantau Abang 01, Semaring 01, Setiu 01, Jerangau Baru, Jerangau Barat, Kertih, Chalok, Kuala Nerus	Pajakan	2061 – 2111	13,395	Ladang kelapa sawit dan kilang kelapa sawit	2012	40,580
9. **Negeri Sembilan** Palong 17, Palong 18, Palong 21, Serting Hilir 08, Serting, Serting Hilir, Palong Timur, Pasoh	Pajakan	2111	12,867	Ladang kelapa sawit dan kilang kelapa sawit	2012	26,749
10. **Perak** Besout 06, Besout 07, Lawin Tengah, Nenering 02, Tawai 01, Tawai 02, Trolak, Besout	Pajakan	2111	15,551	Ladang kelapa sawit dan kilang kelapa sawit	2012	20,730

PENDEDAHAN TAMBAHAN

PENGGUNAAN HASIL PEROLEHAN
Tiada perolehan yang diperoleh daripada cadangan korporat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

YURAN BUKAN AUDIT
Jumlah yuran bukan audit bagi perkhidmatan yang diberikan kepada Kumpulan oleh juruaudit luaran, PricewaterhouseCoopers PLT (PwC) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 berjumlah RM30,000 dan menurut had yang dibenarkan.

KONTRAK MATERIAL
Selain yang dinyatakan dalam penyata kewangan, tiada kontrak material yang dimeterai oleh Syarikat atau anak syarikatnya sama ada yang masih wujud pada akhir tahun kewangan berakhir 2019 atau yang dimeterai sejak akhir tahun kewangan sebelumnya berakhir 31 Disember 2019.

PELAN INSENTIF JANGKA PANJANG (LTIP)
Butiran LTIP disediakan di muka surat 3 dalam Laporan Tahunan Bersepadu 2019.

SKIM TERBITAN SAHAM
Tiada Skim Terbitan Saham diisytiharkan atau dilaksanakan pada 2019.

URUS NIAGA BERULANG PIHAK BERKAITAN BERSIFAT HASIL ATAU DAGANGAN
Pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-11 (AGM) yang diadakan pada 25 Jun 2019, Syarikat telah memperoleh mandat daripada pemegang saham bagi Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan (RRPT) sedia ada yang bersifat hasil atau dagangan untuk FGV dan Kumpulan Syarikatnya (Kumpulan FGV) dan mandat daripada pemegang saham bagi Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan baharu yang bersifat hasil atau dagangan untuk Kumpulan FGV (Mandat Pemegang Saham RRPT). Mandat Pemegang Saham RRPT tersebut sah sehingga tamatnya AGM ke-12 Syarikat.

Syarikat bercadang untuk mendapatkan Mandat RRPT yang sedia ada dan Mandat RRPT baharu pada AGM ke-12 akan datang. Pembaharuan Mandat RRPT yang sedia ada dan Mandat RRPT baharu, sekiranya diluluskan oleh pemegang saham, adalah sah sehingga tamatnya AGM Syarikat ke-13 yang akan datang. Butiran cadangan pembaharuan Mandat Pemegang Saham RRPT akan didedahkan dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang Saham yang akan dikirimkan bersama dengan Notis AGM ke-12.

Menurut perenggan 10.09(2)(b) dan perenggan 3.1.5 Nota Amalan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, butiran Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan bersifat hasil atau dagangan yang dijalankan semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

Butiran RRPT yang dimeterai oleh Kumpulan FGV dengan Pihak Berkaitan menurut Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang Saham.

Perkara	Urus Niaga Pihak Berkaitan		Pemegang Saham Berkepentingan/ Pengarah dan individu yang berkaitan dengan mereka	Jenis RRPT	Nilai Urus Niaga (RM'000)
	Penerima	Penyedia			
1.	Anak Syarikat Berkaitan KPF, Kumpulan Syarikat MSM & FGV Trading	Kumpulan FGV	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Penyediaan khidmat pengurusan dan khidmat bersama	144,934

Perkara	Urus Niaga Pihak Berkaitan		Pemegang Saham Berkepentingan/ Pengarah dan individu yang berkaitan dengan mereka	Jenis RRPT	Nilai Urus Niaga (RM'000)
	Penerima	Penyedia			
2.	Kumpulan FGV	Anak Syarikat Berkaitan KPF	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Penyediaan khidmat nasihat dan analisis makmal serta penjualan biji benih Khidmat penawaran baja biji benih kelapa sawit dan penawaran baja Sewaan bangunan/ rumah di pelbagai tempat yang mempunyai tempoh sewa kurang dari 3 tahun dengan berdasarkan purata ansuran bulanan atau tahunan, untuk tujuan dijadikan pejabat, bilik stor, makmal, rumah pam, kuarters staf dan lain-lain Belian BTS	39,950 229 1,421 77,309
3.	Kumpulan FGV, Kumpulan Syarikat FELDA	Anak Syarikat Berkaitan KPF	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Peruntukan khidmat rundingan kejuruteraan dan pengurusan projek	2,645
4.	Kumpulan FGV, Kumpulan Syarikat MSM, Kumpulan Syarikat FELDA, Syarikat Berkaitan KPF, Yayasan Felda	FGV Prodata	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF • Yayasan Felda	Sewaan komputer dan pencetak; jualan dan sewaan khidmat IT; sewaan dan khidmat komputer	81,435

PENDEDAHAN TAMBAHAN

Perkara	Urus Niaga Pihak Berkaitan		Pemegang Saham Berkepentingan/ Pengarah dan individu yang berkaitan dengan mereka	Jenis RRPT	Nilai Urus Niaga (RM'000)
	Penerima	Penyedia			
5.	Kumpulan FGV, Kumpulan Syarikat MSM, Kumpulan Syarikat FELDA, Syarikat Berkaitan KPF	Anak Syarikat Berkaitan KPF	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Peruntukan khidmat keselamatan	56,792
6.	Kumpulan FGV, Kumpulan Syarikat MSM	Anak Syarikat Berkaitan KPF	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Penyediaan khidmat logistik (termasuk kurier, pengangkutan, khidmat penghantar barang)	200,852
7.	Kumpulan Syarikat FELDA, Syarikat Berkaitan KPF	Anak Syarikat Berkaitan KPF	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Komisen jeti; penyediaan khidmat kurier	619
8.	Kumpulan Syarikat MSM, Kumpulan Syarikat FELDA, Anak Syarikat Berkaitan KPF, Syarikat Berkaitan KPF	Kumpulan FGV	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Penyediaan khidmat perjalanan dan penginapan	5,949

PENDEDAHAN TAMBAHAN

Perkara	Urus Niaga Pihak Berkaitan		Pemegang Saham Berkepentingan/ Pengarah dan individu yang berkaitan dengan mereka	Jenis RRPT	Nilai Urus Niaga (RM'000)
	Penerima	Penyedia			
9.	Kumpulan FGV	Anak Syarikat Berkaitan KPF	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Peruntukan khidmat pengetolan	92,278
10.	Kumpulan FGV, Kumpulan Syarikat MSM	Kumpulan Syarikat FELDA, Syarikat Berkaitan KPF	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Belian BTS Bayaran insentif untuk kesejahteraan peneroka kepada Jawatankuasa Perundingan Bersama (JCC)/FELDA Pendapatan sumber asli yang dikenakan cas pengurusan mengekstrak bahan batu di tanah FELDA Sewaan premis pejabat dan sewaan tanah kurang dari 3 tahun berdasarkan purata ansuran bulanan atau tahunan Belian tanah peluntur	2,624,697 13,135 39 23,270 388
11.	Kumpulan Syarikat FELDA, Anak Syarikat Berkaitan KPF, Syarikat Berkaitan KPF	Kumpulan FGV	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Jualan keluaran berbungkus Jualan keluaran (abu tandan)	254 77

PENDEDAHAN TAMBAHAN

Perkara	Urus Niaga Pihak Berkaitan		Pemegang Saham Berkepentingan/ Pengarah dan individu yang berkaitan dengan mereka	Jenis RRPT	Nilai Urus Niaga (RM'000)
	Penerima	Penyedia			
12.	Kumpulan FGV, Kumpulan Syarikat FELDA	Anak Syarikat Berkaitan KPF	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Jualan minyak masak ke kilang-kilang FGV untuk pekerja mereka setiap suku tahun Penawaran stim dan elektrik	– 5,058
13.	Kumpulan FGV, Kumpulan Syarikat FELDA, Syarikat Berkaitan KPF	Anak Syarikat Berkaitan KPF, FGV Trading	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Peruntukan bahan mentah, penjualan keluaran minyak sawit	2,228,398
14.	Kumpulan Syarikat FELDA, Anak Syarikat Berkaitan KPF, Kumpulan Syarikat MSM	Kumpulan FGV	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Jualan baja	194,130
15.	Kumpulan FGV	Kumpulan Syarikat MSM	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Jualan bahan mentah (getah)	–

PENDEDAHAN TAMBAHAN

Perkara	Urus Niaga Pihak Berkaitan		Pemegang Saham Berkepentingan/ Pengarah dan individu yang berkaitan dengan mereka	Jenis RRPT	Nilai Urus Niaga (RM'000)
	Penerima	Penyedia			
16.	FELDA	Kumpulan FGV	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Peruntukan khidmat pemasangan GPS/GIS	–
17.	Kumpulan FGV	FELDA	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Belian getah	133,841
18.	FELDA	Kumpulan FGV	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Peruntukan khidmat rundingan pengurusan projek (PMC)	42
19.	Anak Syarikat Berkaitan KPF	FGV Capital	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Peruntukan bantuan kewangan kepada Kumpulan FGV dalam jangka masa pendek atau sederhana (iaitu untuk jangka masa tidak melebihi 3 tahun)	574,268

PENDEDAHAN TAMBAHAN

Perkara	Urus Niaga Pihak Berkaitan		Pemegang Saham Berkepentingan/ Pengarah dan individu yang berkaitan dengan mereka	Jenis RRPT	Nilai Urus Niaga (RM'000)
	Penerima	Penyedia			
20.	Anak Syarikat Berkaitan KPF	Kumpulan FGV	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Peruntukan khidmat agensi berkaitan dengan projek FELDA	–
21.	Kumpulan FGV	Anak Syarikat Berkaitan KPF	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Peruntukan khidmat pengetolan - CPO & PK buatan	419,426
22.	Kumpulan FGV	Kumpulan Syarikat FELDA	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Menerima insentif getah dari Kumpulan Syarikat FELDA	–
23.	FGV Bulkers	FELDA	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Memajak tanah di Plentong, Johor (Terminal T4X) yang mempunyai tempoh pajakan/sewa kurang dari 3 tahun berdasarkan purata ansuran bulanan atau tahunan	76

PENDEDAHAN TAMBAHAN

Perkara	Urus Niaga Pihak Berkaitan		Pemegang Saham Berkepentingan/ Pengarah dan individu yang berkaitan dengan mereka	Jenis RRPT	Nilai Urus Niaga (RM'000)
	Penerima	Penyedia			
24.	Anak Syarikat Berkaitan KPF, Kumpulan Syarikat FELDA, Syarikat Berkaitan KPF	FGVPM	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Peruntukan khidmat penyelenggaraan untuk Infra Sabah	1,211
25.	FELDA	Kumpulan FGV	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Menyewa tanah yang mempunyai tempoh sewa kurang dari 3 tahun berdasarkan purata ansuran bulanan atau tahunan	–
26.	Kumpulan FGV	Syarikat Berkaitan KPF	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Belian petrol/diesel	–
27.	Kumpulan Syarikat FELDA, Anak Syarikat Berkaitan KPF, Syarikat Berkaitan KPF	Kumpulan FGV	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Sewaan pejabat dan bangunan yang mempunyai tempoh sewa kurang dari 3 tahun berdasarkan purata ansuran bulanan atau tahunan	359

PENDEDAHAN TAMBAHAN

Perkara	Urus Niaga Pihak Berkaitan		Pemegang Saham Berkepentingan/ Pengarah dan individu yang berkaitan dengan mereka	Jenis RRPT	Nilai Urus Niaga (RM'000)
	Penerima	Penyedia			
28.	Anak Syarikat Berkaitan KPF	Kumpulan FGV	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Tangki, penyimpanan dan pengendalian, dan sewaan gudang untuk jangka masa kurang dari 3 tahun berdasarkan purata ansuran bulanan atau tahunan	3,783
29.	Anak Syarikat Berkaitan KPF	Kumpulan FGV	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Jualan bahan mentah (getah)	8,626
30.	Kumpulan FGV, Kumpulan Syarikat MSM	Anak Syarikat Berkaitan KPF	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Khidmat makanan dan minuman	8
31.	Kumpulan FGV	Anak Syarikat Berkaitan KPF, FGT	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Sewaan vila, tanah dan gudang untuk jangka masa kurang dari 3 tahun berdasarkan purata ansuran bulanan atau tahunan	184

PENDEDAHAN TAMBAHAN

Perkara	Urus Niaga Pihak Berkaitan		Pemegang Saham Berkepentingan/ Pengarah dan individu yang berkaitan dengan mereka	Jenis RRPT	Nilai Urus Niaga (RM'000)
	Penerima	Penyedia			
32.	Anak Syarikat Berkaitan KPF	Kumpulan FGV	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC Pengarah Berkepentingan: • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad • Pengarah dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF	Peruntukan khidmat penyelidikan dan pembangunan	16,243
				Jumlah	**6,951,926**

Nota:

** Pengarah Berkepentingan dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF terdiri daripada Datuk Khamis Mohamed Som, Dato' Abdul Ghani Mohd Ali, Dato' Saari Din, Dato' Ramli Ismail, Dato' Zainal Hassan, Anuar Malek, Rahayu Mahat @ Taib, Zaid Sidek, Samsudin Othman, Zariah Ustaz Haron, Norfazlin Dato' Idris, Sulong Jamil Mohamed Sharif dan Norzuki Mustafa*

PENERAPAN PRINSIP DAN AMALAN KOD TADBIR URUS KORPORAT MALAYSIA 2017 (MCCG 2017)

Penerapan FGV mengenai prinsip dan amalan MCCG 2017 sehubungan dengan TK2019 dijelaskan dalam Laporan Tadbir Urus Korporat yang terdapat dalam laman web kami, www.fgvholdings.com dan juga dalam Laporan Bersepadu Tahunan 2019 yang dinyatakan dalam muka surat berikut:

Amalan	Butiran	Digunakan/ Tidak Digunakan/ Diterapkan/ Tidak Diterapkan	Muka surat*
PRINSIP A: KEPIMPINAN LEMBAGA PENGARAH & KEBERKESANANNYA			
1.1	Lembaga Pengarah harus menetapkan matlamat strategik syarikat, memastikan sumber-sumber yang diperlukan bagi syarikat untuk memenuhi objektifnya dan menilai prestasi pengurusan. Lembaga Pengarah hendaklah menetapkan nilai dan piawaian syarikat serta memastikan kewajipannya kepada para pemegang saham dan pihak berkepentingan lain difahami dan dipenuhi.	Digunakan	2-5, 8-32, 46, 52, 64, 68, 74, 90-91, 113, 115, 120-121
1.2	Pengerusi Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab untuk memupuk amalan tadbir urus korporat yang baik, kepimpinan dan keberkesanan Lembaga Pengarah telah dilantik.	Digunakan	6, 26-27, 82-83, 86-87, 113-115
1.3	Jawatan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif dipegang oleh individu yang berlainan.	Digunakan	6, 87
1.4	Jawatan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif dipegang oleh individu yang berlainan.	Digunakan	6, 88
1.5	Para pengarah menerima bahan-bahan mesyuarat, yang lengkap dan tepat dalam tempoh yang munasabah sebelum mesyuarat. Selepas tamatnya mesyuarat, minit diedarkan dengan tepat pada masanya.	Digunakan	Sila rujuk Laporan Tadbir Urus Korporat
2.1	Lembaga Pengarah mempunyai Piagam Lembaga Pengarah yang dikaji secara berkala dan diterbitkan di laman web syarikat. Piagam Lembaga Pengarah menerangkan dengan jelas tentang- • peranan masing-masing dan tanggungjawab lembaga pengarah, Jawatankuasa Lembaga, pengarah individu dan pengurusan; dan • isu dan keputusan yang dikhaskan untuk lembaga pengarah.	Digunakan	84-85, 90, 92, 105, 107
3.1	Lembaga Pengarah menetapkan Tata kelakuan dan Tata etika bagi syarikat, dan bersama dengan pengurusan melaksanakan dasar dan prosedurnya, termasuk pengurusan konflik kepentingan, mencegah penyalahgunaan kuasa, rasuah, dagangan dalaman dan pengubahan wang haram.	Digunakan	12, 19, 27, 80, 84-85, 120, 124
3.2	Lembaga menetapkan, menyemak dan bersama dengan pihak pengurusan dalam pelaksanaan polisi dan prosedur tentang pemberi maklumat.	Digunakan	19, 121, 123-124
4.1	Sekurang-kurangnya separuh daripada Lembaga Pengarah terdiri daripada pengarah bebas. Bagi Syarikat Besar, Lembaga Pengarah majoritinya terdiri daripada pengarah bebas.	Digunakan	6, 86-89
4.2	Tempoh pengarah bebas tidak melebihi had tempoh kumulatif sembilan tahun. Selepas sembilan tahun, seorang pengarah bebas boleh terus berkhidmat di lembaga pengarah sebagai pengarah bukan bebas. Sekiranya Lembaga Pengarah berhasrat untuk mengekalkan pengarah bebas melebihi sembilan tahun, ia harus menjelaskan dan mendapatkan kelulusan pemegang saham tahunan. Jika lembaga pengarah terus mengekalkan pengarah bebas selepas tahun kedua belas, lembaga pengarah itu perlu mendapatkan kelulusan pemegang saham tahunan melalui proses pengundian dua peringkat.	Digunakan Tidak Berkenaan - Langkah Naik 4.3 Diterapkan	–
4.3 (Langkah Naik)	Lembaga mempunyai dasar yang mengehadkan tempoh pengarah bebas untuk sembilan tahun.	Diterapkan	Sila rujuk Laporan Tadbir Urus Korporat

** Rujukan juga boleh dibuat di Laporan Tadbir Urus Korporat yang terdapat dalam laman web kami, www.fgvholdings.com*

PENERAPAN PRINSIP DAN
AMALAN KOD TADBIR URUS KORPORAT
MALAYSIA 2017 (MCCG 2017)

Amalan	Butiran	Digunakan/ Tidak Digunakan/ Diterapkan/ Tidak Diterapkan	Muka surat*
PRINSIP A: KEPIMPINAN LEMBAGA PENGARAH & KEBERKESANANNYA			
4.4	Pelantikan Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan dibuat berdasarkan kriteria objektif, merit dan dengan mengambil kira kepelbagaian dalam kemahiran, pengalaman, umur, latar belakang budaya dan jantina.	Digunakan	86-90, 95, 109, 112
4.5	Lembaga Pengarah mendedahkan dalam laporan tahunannya mengenai dasar syarikat mengenai kepelbagaian jantina, sasaran dan langkah-langkahnya untuk memenuhi sasaran tersebut. Bagi Syarikat Besar, lembaga pengarah mesti mempunyai sekurang-kurangnya 30% pengarah wanita.	Digunakan	6, 86-89
4.6	Dalam mengenal pasti calon-calon untuk pelantikan Pengarah, Lembaga Pengarah tidak hanya semata-mata bergantung kepada saranan daripada ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan atau Pemegang Saham utama yang sedia ada. Lembaga Pengarah menggunakan sumber bebas untuk mengenal pasti calon yang sesuai.	Digunakan	Sila rujuk Laporan Tadbir Urus Korporat
4.7	Jawatankuasa Pencalonan dipengerusikan oleh Pengarah Bebas atau Pengarah Bebas Kanan.	Digunakan	6, 86-89, 95
5.1	Lembaga Pengarah hendaklah melaksanakan penilaian tahunan yang formal dan objektif untuk menentukan keberkesanan Lembaga Pengarah, jawatankuasanya dan setiap pengarah individu. Lembaga Pengarah hendaklah mendedahkan bagaimana penilaian dijalankan dan penghasilannya. Bagi Syarikat Besar, Lembaga Pengarah melibatkan ahli-ahli bebas secara berkala untuk memudahkan penilaian objektif dan Lembaga Pengarah secara jelas.	Digunakan	91, 95
6.1	Lembaga Pengarah mempunyai dasar dan prosedur untuk menentukan saraan pengarah dan pengurusan kanan, yang mengambil kira tuntutan, kerumitan dan prestasi syarikat serta kemahiran dan pengalaman yang diperlukan. Dasar dan prosedur dikaji secara berkala dan disediakan di laman web syarikat.	Digunakan	90, 95, 109, 112
6.2	Lembaga Pengarah mempunyai Jawatankuasa Imbuhan untuk melaksanakan dasar dan prosedurnya melibatkan imbuhan termasuk mengkaji dan mengesyorkan perkara-perkara yang berkaitan dengan imbuhan Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan. Jawatankuasa telah menyediakan bidang tugas yang berkaitan dengan kewibawaan dan tugas di mana ianya telah disediakan di laman web syarikat.	Digunakan	95-96 95
7.1	Terdapat pendedahan terperinci tentang asas dinamakan bagi saraan pengarah individu. Perincian imbuhan pengarah individu termasuk yuran, gaji, bonus, manfaat barangan dan emolumen lain.	Digunakan	110-111
7.2	Lembaga Pengarah mendedahkan saraan bagi lima pengurusan kanan teratas mengikut nama termasuk gaji, bonus, manfaat barangan dan emolumen lain kami sebanyak RM50,000.	Digunakan	112
7.3 (Langkah Naik)	Syarikat digalakkan untuk mendedahkan sepenuhnya imbuhan terperinci setiap ahli pengurusan kanan atas dasar yang dinamakan.	Tidak Diterapkan	–
PRINSIP B: AUDIT EFEKTIF DAN PENGURUSAN RISIKO			
8.1	Pengerusi Jawatankuasa Audit bukanlah Pengerusi Lembaga Pengarah.	Digunakan	86-89
8.2	Jawatankuasa Audit mempunyai dasar yang memerlukan bekas rakan kongsi utama audit untuk mematuhi tempoh rehat sekurang-kurangnya dua tahun sebelum dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit.	Digunakan	100-101
8.3	Jawatankuasa Audit mempunyai dasar dan prosedur untuk menilai kesesuaian, objektiviti dan kebebasan juruaudit luaran.	Digunakan	98, 100-101
8.4 (Langkah Naik)	Jawatankuasa Audit mestilah terdiri daripada Pengarah Bebas.	Tidak Diterapkan	–

PENERAPAN PRINSIP DAN AMALAN KOD TADBIR URUS KORPORAT MALAYSIA 2017 (MCCG 2017)

Amalan	Butiran	Digunakan/ Tidak Digunakan/ Diterapkan/ Tidak Diterapkan	Muka surat*
PRINSIP B: AUDIT EFEKTIF DAN PENGURUSAN RISIKO			
8.5	Secara kolektif, Jawatankuasa Audit perlu mempunyai pelbagai kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya. Semua ahli mestilah celik kewangan dan mampu memahami perkara-perkara menurut bidang kuasa Jawatankuasa Audit termasuk proses pelaporan kewangan. Semua ahli Jawatankuasa Audit perlu melaksanakan pembangunan profesional yang berterusan untuk memastikan perkembangan yang relevan dalam piawaian, amalan dan peraturan perakaunan dan pengauditan.	Digunakan	86-89, 93-94
9.1	Lembaga Pengarah hendaklah mendedahkan ciri-ciri pengurusan risiko dan rangka kerja kawalan dalaman, serta kecukupan dan keberkesanan rangka kerja ini.	Digunakan	117-126
9.2	Lembaga Pengarah hendaklah mendedahkan ciri-ciri pengurusan risiko dan rangka kerja kawalan dalaman, serta kecukupan dan keberkesanan rangka kerja ini.	Digunakan	117-126
9.3 (Langkah Naik)	Lembaga Pengarah menetapkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko, yang terdiri daripada majoriti pengarah bebas, untuk menyelia rangka kerja dan dasar pengurusan risiko syarikat.	Diterapkan	89, 105-108
10.1	Jawatankuasa Audit hendaklah memastikan bahawa fungsi audit dalaman adalah berkesan dan dapat berfungsi secara bebas.	Digunakan	68, 102-103
10.2	Lembaga Pengarah hendaklah mendedahkan- • sama ada kakitangan audit dalaman bebas daripada sebarang hubungan atau konflik kepentingan, yang boleh menjejaskan objektif dan kebebasan mereka; • bilangan sumber di jabatan audit dalaman; • nama dan kelayakan orang yang bertanggungjawab bagi audit dalaman; dan • sama ada fungsi audit dalaman dijalankan mengikut rangka kerja yang diiktiraf	Digunakan	98, 102-103
PRINSIP C: INTEGRITI DALAM PELAKSANAAN KORPORAT DAN HUBUNGAN YANG BERKAITAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN			
11.1	Lembaga memastikan komunikasi berkesan, telus dan tetap dengan pihak berkepentingan.	Digunakan	2, 3, 6, 11-13, 17-18, 21, 23, 74-81, 113-115
11.2	Syarikat besar digalakkan untuk menerapkan pelaporan bersepadu berdasarkan rangka kerja yang diiktiraf di peringkat global.	Digunakan	2, 3, 116
12.1	Notis untuk Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diberikan kepada pemegang saham sekurang-kurangnya 28 hari sebelum mesyuarat.	Digunakan	115
12.2	Semua pengarah menghadiri Mesyuarat Agung. Pengerusi Audit, Pencalonan, Pengurusan Risiko dan jawatankuasa lain memberikan maklum balas yang bermakna kepada soalan-soalan yang ditujukan kepada mereka.	Digunakan	Sila Rujuk Laporan Tadbir Urus Korporat
12.3	Syarikat yang disenaraikan dengan sejumlah besar pemegang saham atau yang mempunyai mesyuarat di lokasi terpencil harus memanfaatkan teknologi untuk memudahkan- • mengundi termasuk mengundi tanpa hadir; dan • penyertaan pemegang saham jauh di Mesyuarat Agung.	Tidak Digunakan	–

Penjelasan terperinci tentang aplikasi/pelepasan/penggunaan prinsip dan amalan MCCG 2017 diterangkan dalam Laporan Tadbir Urus Korporat kami, yang boleh didapati dalam laman web kami, www.fgvholdings.com

FGV HOLDINGS BERHAD **Nombor Pendaftaran 200701042133 (800165-P)**

Aras 21, Wisma FGV, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia.

t +603 2789 0000 f +603 2789 0001

www.fgvholdings.com